

**KESAN KEFUNGSIAN KELUARGA ASAL, PEMBEZAAN  
KENDIRI DAN SIKAP TERHADAP PERANAN GENDER KE  
ATAS KUALITI PERKAHWINAN**

**NORFAEZAH BINTI MD KHALID**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

KESAN KEFUNGSIAN KELUARGA ASAL, PEMBEZAAN  
KENDIRI DAN SIKAP TERHADAP PERANAN GENDER KE  
ATAS KUALITI PERKAHWINAN

NORFAEZAH BINTI MD KHALID

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR  
FALSAFAH

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2016

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Norfaezah binti Md Khalid

No. Pendaftaran/Matrik: PHB100006

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Kesan kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri, dan sikap terhadap peranan gender ke atas kualiti perkahwinan

Bidang Penyelidikan: Kaunseling

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh 9/3/2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh 8/3/2016

Nama:

Jawatan:

## **ABSTRAK**

Dasar Keluarga Negara bertujuan untuk memperkuatkan kedudukan institusi kekeluargaan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Hubungan perkahwinan yang berkualiti menjadi asas pembentukan keluarga yang sejahtera. Bagaimanapun, statistik menunjukkan jumlah perceraian semakin meningkat setiap tahun. Keadaan ini memberi kebimbangan kepada banyak pihak dan menuntut lebih banyak perhatian dari pelbagai aspek dalam usaha untuk meningkatkan lagi tahap kualiti perkahwinan.

Justeru, kajian ini memberi fokus kepada tiga faktor utama iaitu faktor keluarga asal, faktor diri dan faktor konteks, melalui perspektif bidang kaunseling dan psikoterapi. Kajian ini dijalankan melalui rekabentuk kajian perbandingan penyebab dengan penggunaan borang kaji selidik ke atas responden terpilih di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seramai 478 responden yang dipilih melalui kaedah persampelan kluster terlibat dalam kajian ini.

Objektif utama kajian adalah untuk menguji padanan model cadangan yang melibatkan satu siri perhubungan di antara kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender dan pembezaan kendiri. Kajian ini juga menguji kesan langsung, kesan tidak langsung, dan jumlah kesan pemboleh ubah kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender dan pembezaan kendiri ke atas kualiti perkahwinan. Ketiga, kajian ini menguji peranan faktor umur, tempoh perkahwinan dan tahap akademik sebagai moderator bagi model cadangan. Pendekatan model persamaan berstruktur digunakan untuk menganalisa data kajian. Hasil analisis ke atas model pengukuran dan model struktural mendapati bahawa model yang dicadangkan sepadan dengan data secara memuaskan.

Berdasarkan dapatan, kefungsian keluarga asal menunjukkan kesan langsung yang terbesar dan signifikan (.58,  $p < .05$ ), sikap terhadap peranan gender mempunyai kesan langsung yang kecil dan signifikan (.181,  $p < .05$ ), pembezaan kendiri mempunyai kesan langsung yang sangat kecil dan tidak signifikan (-.052,  $p > .05$ ) ke atas kualiti perkahwinan. Kefungsian keluarga asal mempunyai kesan tidak langsung (-.021) yang tidak signifikan, begitu juga dengan sikap terhadap peranan gender yang mempunyai kesan tidak langsung (.005) yang tidak signifikan. Analisa pelbagai kumpulan dijalankan untuk menguji kesan moderasi umur, tahap akademik dan tempoh perkahwinan. Dapatkan menunjukkan padanan model yang diterima untuk ketiga-tiga model. Umur dan tempoh perkahwinan adalah moderator dalam model yang dicadangkan.

Berdasarkan hasil kajian, pengalaman individu dalam keluarga asal amat penting dalam membentuk identiti seseorang. Persekutaran keluarga yang berfungsi dan tidak berfungsi menentukan bagaimana individu berhubung dengan orang lain. Pengalaman ini juga menentukan keupayaan individu untuk membina pembezaan kendiri. Bagi individu yang mempunyai sikap yang seimbang dalam perkahwinan, dapat membentuk hubungan perkahwinan yang berkualiti. Kesemua faktor yang menyumbang kepada kualiti perkahwinan perlu diberi perhatian khusus oleh pihak berkepentingan. Hasil kajian ini juga membawa implikasi kepada pengamal kaunseling di negara ini. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam bidang kaunseling keluarga dan perkahwinan serta membantu memperkasakan institusi perkahwinan dan kekeluargaan.

## **ABSTRACT**

The National Family Policy is aimed at strengthening the family institution and enhancing the quality of life of the society. A quality marriage relationship becomes the basis in forming a peaceful family. However, statistics have shown that the number divorces has steadily increased every year. This situation is worrying and demands attention from various quarters and from various aspects to channel efforts in enhancing the level of quality marriages.

Thus this study focuses on three main factors that of the family of origin, the self and contextual factors through counseling and psychotherapy perspective. The study was conducted using causal comparison design and the use of questionnaires on selected respondents in the State of Selangor and the Federal Territory of Kuala Lumpur. There were 478 respondents involved in this study, which recruited using cluster sampling method.

The objective of this study was to test the fitness of a proposed model that consisted of a series of relationships among quality marriages, the family of origin's functioning, attitudes towards gender role and differentiation of the self. This study also tested the direct and indirect effects as well as the total effects of the family of origin's functioning, attitudes towards gender role and differentiation of the self on the quality of marriage. Thirdly, the role of the age factor, duration of marriage, and the academic levels were all tested as moderating factors for the proposed model. The structural equation model approach was employed in analyzing the research data. The results of the measurement model and the structural model analysis showed that the said proposed model fitted with the data satisfactory.

Based on the findings, the family of origin's functioning showed the largest and significant effect (.58,  $p < .05$ ), attitudes towards gender role had a significant and small effect (.181,  $p < .05$ ), differentiation of self had a small and insignificant effect (-.052,  $p < .05$ ) on marital quality. The family of origin's functioning had an indirect and insignificant effect (-.012) and so was attitude towards gender role, with an indirect and insignificant effect (.005). Multi group analyses were carried out to test the moderating effects of the age, academic levels, and duration of marriage. The findings showed that there was acceptable fitness for these three models. Age and duration of marriage were indeed the moderators in the model tested.

Based on the findings, individual's experiences in the family of origin has been found to be very crucial in forming one's identity. The functional or dysfunctional family environment will determine how one relates to other people. This experience also determines one's ability to form self-differentiation. For those individuals who have a balanced attitude in marriage, they will be able to form quality marriage relationships. In this respect, all factors that contribute towards a quality marriage should be given attention to by the authorities concerned. The results of this study also give implications to counseling practices in the country. It is hoped that this research will contribute significantly towards the field of marriage and family counseling that can in turn help strengthen the family and marriage institution.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, saya memanjangkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T, dengan izinnya, saya dapat menyempurnakan penulisan tesis ini. Terima kasih Ya Allah, meminjamkan sedikit ilmu kepada saya, mengizinkan saya memahami dan menggunakan ilmu tersebut.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dekan Fakulti Pendidikan, Ketua JPPK dan BSM UM, KPT Malaysia, KEMAS dan semua yang terlibat dalam urusan pengajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak UM dan KPT atas penajaan biasiswa sepanjang tempoh pengajian ini. Buat penyelia, Dr. Melati Sumari dan Dr. Shahrir Jamaluddin, tiada kata-kata mampu diucapkan, hanya dengan iringan doa moga Allah S.W.T merahmati kehidupan kalian. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Prof Datuk Dr. Tajuddin Ninggal dan Dr. Rafidah Aga Mohd Jaladdin atas komen dan cadangan yang diberikan. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah JPPK dan bekas pensyarah JPPK, Prof. Dr. Hsla, atas segala kata-kata semangat dan tunjuk ajar. Hanya Allah S.W.T yang mampu membala jasa kalian. Al-Fatihah buat Allahyarham Dr. Suradi Salim yang sentiasa dalam ingatan.

Al-Fatihah buat Abah. Terima kasih buat Emak, Along, Nana, dan Khalida yang tidak putus-putus memberi kata semangat, doa, restu dan segalanya-galanya. Buat suami, Mohd Sufian Johari, terima kasih atas segala pengorbanan dan pengertian. Hanya Allah S.W.T yang mampu membala jasanya. Juga yang sentiasa dalam ingatan, sahabat-sahabat seperjuangan.

## **JADUAL KANDUNGAN**

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
JADUAL KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI CARTA ALIR	xviii
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xxi

## **BAB 1**

<b>PENGENALAN</b>	<b>22</b>
1.1 Latar belakang kajian	22
1.2 Pernyataan masalah	35
1.3 Tujuan kajian	39
1.4 Objektif kajian	39
1.5 Soalan kajian	40
1.6 Hipotesis	41
1.7 Kepentingan kajian	45
1.8 Kerangka teori	47
1.9 Model <i>a priori</i>	51
1.10 Limitasi Kajian	52
1.11 Definisi operasional dan konseptual	54
1.11.1 Individu berkahwin	54

1.11.2 Kualiti perkahwinan	54
1.11.3 Keluarga asal atau <i>family of origin</i>	55
1.11.4 Kefungsian keluarga	55
1.11.5 Kohesi	56
1.11.6 Fleksibiliti	56
1.11.7 Pembezaan kendiri	57
1.11.8 Sikap terhadap peranan gender	58
1.11.9 Moderator	58
1.11.10 Kesan langsung	59
1.11.11 Kesan tidak langsung	59
1.12 Kesimpulan	60

## BAB 2

<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>64</b>
2.1 Pengenalan	61
2.2 Pengenalan kepada konsep kualiti perkahwinan	61
2.3 Hubungan perkahwinan yang berkualiti	63
2.4 Pendekatan dalam memahami tentang kualiti perkahwinan	66
2.5 Teori dalam bidang kaunseling keluarga dan perkahwinan	69
2.6 Teori yang digunakan dalam konteks kajian ini	73
2.6.1 Teori sistem keluarga Bowen	75
2.6.2 <i>Circumplex Model of Marital and Family Systems</i>	83
2.6.3 Teori Feminis	91
2.7 Tinjauan kajian lepas	97
2.7.1 Kefungsian keluarga asal dan kualiti perkahwinan	98
2.7.2 Kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri	102
2.7.3 Pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan	105
2.7.4 Sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan	108

2.7.5 Sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri	114
2.7.6 Faktor demografi	117
2.8 Rumusan	121
2.9 Kesimpulan	123

## **BAB 3**

<b>METODOLOGI</b>	<b>124</b>
3.1 Pengenalan	124
3.2 Reka bentuk kajian	124
3.3 Instrumen pengumpulan data	128
3.3.1 Skala Penilaian Penyesuaian dan Kohesi Keluarga	129
3.3.2 Inventori Pembezaan Kendiri	132
3.3.3 Skala Kesamarataan Peranan Gender	134
3.3.4 Skala Penyesuaian Dyadik – Disemak	136
3.4 Proses terjemahan alat ujian	138
3.5 Kajian rintis	139
3.6 Kajian sebenar	140
3.6.1 Populasi	140
3.6.2 Sampel	142
3.7 Penentuan saiz sampel	144
3.8 Prosedur kajian	146
3.9 Kaedah analisis data	147
3.9.1 Proses analisis data di peringkat awal	147
3.9.2 Semakan andaian statistik inferensi	148
3.9.3 Jenis ujian statistik yang digunakan	148
3.9.4 Prosedur analisis	151
3.9.5 Analisis pelbagai kumpulan atau <i>Multiple Group Analysis</i>	153

3.10 Pertimbangan etika	155
3.11 Kesimpulan	156

## **BAB 4**

<b>DAPATAN</b>	<b>158</b>
4.1 Pendahuluan	158
4.2 Pengenalan	158
4.3 Analisis awal data	159
4.3.1 Pengurusan data yang hilang	159
4.3.2 Pemprosesan data	160
4.3.3 <i>Outliers</i>	161
4.4 Semakan andaian statistik	162
4.4.1 Saiz sampel yang besar	162
4.4.2 Skala pengukuran haruslah mempunyai kesinambungan	162
4.4.3 Taburan kenormalan data	163
4.4.4 Hubungan linear	164
4.4.5 <i>Multicollinearity</i>	164
4.5 Teknik <i>Bootstrap</i> bagi set data yang tidak normal	164
4.6 Analisis deskriptif	165
4.6.1 Ciri-ciri sampel kajian	165
4.6.2 Skor min dan sisihan piawai pemboleh ubah	169
4.6.3 Analisis deskriptif berdasarkan tahap mengikut konstruk	172
4.7 Analisis inferensi	175
4.7.1 Penilaian model pengukuran	175
4.7.2 Penilaian Model struktural	183
4.7.3 Ujian pengesahan silang model struktural	188
4.7.4 Kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan bagi keseluruhan responden	192

<u>4.7.5 Analisis moderator</u>	194
4.8 Rumusan dapatan	206
4.9 Kesimpulan	211
 <b>BAB 5</b>	
<b>PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN</b>	<b>212</b>
5.1 Pendahuluan	212
5.2 Ringkasan kajian	212
5.3 Rumusan dapatan kajian keseluruhan	214
5.4 Perbincangan dapatan kajian	222
5.4.1 Pengesahan model kajian	222
5.4.2 Tahap kualiti perkahwinan	226
5.4.3 Hubungan antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan	227
5.4.4 Hubungan antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan	232
5.4.5 Hubungan antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan	235
5.4.6 Kesan moderasi tempoh perkahwinan dalam model kajian	242
5.4.7 Kesan moderasi umur dalam model kajian	246
5.4.8 Kesan moderasi tahap akademik dalam model kajian	248
5.5 Implikasi kajian ke atas aspek teori	250
5.6 Implikasi kajian ke atas aspek praktikal	252
5.7 Cadangan kajian	255
5.8 Penutup	257
5.9 Kesimpulan	259
 <b>RUJUKAN</b>	
Rujukan	260
Lampiran A	282
Lampiran B	283

Lampiran C	290
Lampiran D	292
Lampiran E	293

## **SENARAI GAMBAR RAJAH**

<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1 Model <i>a priori</i>	51
Rajah 3.1: Kaedah persampelan	144
Rajah 4.1: Model pengukuran penuh	177
Rajah 4.2: Model struktural kualiti perkahwinan	184
Rajah 4.3: Model struktural bagi analisis pelbagai kumpulan untuk moderator tahap akademik	195
Rajah 4.4: Model struktural bagi analisis pelbagai kumpulan untuk moderator tempoh perkahwinan	197
Rajah 4.5: Model struktural bagi analisis pelbagai kumpulan untuk moderator umur	202

## SENARAI JADUAL

<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1: Statistik kes tuntutan perceraian yang telah selesai pada tahun semasa bagi tahun 2010 hingga 2015	30
Jadual 3.1: Nilai kebolehpercayaan Alpha alat ujian bagi kajian rintis dan kajian sebenar	139
Jadual 3.2: Cadangan saiz sampel bagi model persamaan berstruktur	146
Jadual 3.3: Rumusan jenis ujian statistik berdasarkan soalan kajian	150
Jadual 3.4: Indeks padanan model	152
Jadual 4.1: Penskoran bagi item negatif	160
Jadual 4.2: Ciri-ciri demografi responden kajian	168
Jadual 4.3: Min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk dan sub konstruk	171
Jadual 4.4: Analisis deskriptif mengikut tahap kualiti perkahwinan	172
Jadual 4.5: Analisis deskriptif berdasarkan tahap kefungsian keluarga asal	173
Jadual 4.6: Analisis deskriptif berdasarkan tahap pembezaan kendiri	174
Jadual 4.7: Analisis deskriptif mengikut kategori sikap terhadap peranan gender	175
Jadual 4.8: Hasil analisis indeks padanan model bagi model pengukuran penuh	177
Jadual 4.9: Pemberat regresi bagi model pengukuran penuh	179
Jadual 4.10: Pemberat regresi standard bagi model pengukuran penuh	180
Jadual 4.11: Korelasi antara konstruk bagi model pengukuran penuh	181
Jadual 4.12: <i>Squared Multiple Correlations</i> bagi model pengukuran penuh	182

<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 4.13: Hasil analisis khi kuasa dua dan indeks padanan model bagi model struktural kualiti perkahwinan	185
Jadual 4.14: Pemberat regresi bagi model struktural penuh kualiti perkahwinan	185
Jadual 4.15: Pemberat regresi standard model struktural kualiti perkahwinan	186
Jadual 4.16: <i>Squared Multiple Correlations</i> bagi model struktural kualiti perkahwinan	187
Jadual 4.17: Hasil analisis khi kuasa dua dan indeks padanan model bagi pengesahan silang	188
Jadual 4.18: Pemberat regresi bagi model pengesahan silang	189
Jadual 4.19: Pemberat regresi standard model pengesahan silang	189
Jadual 4.20: <i>Squared Multiple Correlations</i> bagi model pengesahan silang	190
Jadual 4.21: Kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan bagi model struktural	192
Jadual 4.22: Hasil analisis pelbagai kumpulan berdasarkan moderator tahap akademik	196
Jadual 4.23: Nilai p berdasarkan jumlah perubahan khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator tahap akademik	196
Jadual 4.24: Hasil analisis pelbagai kumpulan berdasarkan moderator tempoh perkahwinan	198
Jadual 4.25: Nilai p berdasarkan jumlah perubahan khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator tempoh perkahwinan	198
Jadual 4.26: Pemberat regresi model struktural kualiti perkahwinan mengikut tempoh perkahwinan bagi kumpulan 1, 2 dan 3	199
Jadual 4.27: Perbezaan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator tempoh perkahwinan	201

<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 4.28: Hasil analisis pelbagai kumpulan berdasarkan moderator umur	203
Jadual 4.29: Nilai p berdasarkan jumlah perubahan khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator umur	203
Jadual 4.30: Pemberat regresi model struktural kualiti perkahwinan bagi kumpulan umur 1 dan kumpulan umur 2	204
Jadual 4.31: Perbezaan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator umur	205
Jadual 4.32: Ringkasan keputusan pengujian hipotesis	209

## **SENARAI CARTA ALIR**

<b>Tajuk rajah</b>	<b>Halaman</b>
Carta alir 1.1 : Gambaran keseluruhan perjalanan kajian	126

## SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

<b>Simbol atau singkatan</b>	<b>Tajuk</b>
D <sup>2</sup>	<i>Mahalanobis Distance</i>
N	Bilangan
Δ	Perubahan atau perbezaan
χ <sup>2</sup>	Khi kuasa dua
<	Kurang daripada
>	Lebih daripada
↔,→	Hubungan
P	Kebarangkalian
R	Pekali korelasi pearson
AMOS	<i>Analysis of Moment Structures</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CFI	<i>Indeks Bentler Comparative Fit</i>
DF	<i>Degree of Freedom</i>
DSI	<i>Differentiation of Self Inventory</i>
FACES	<i>Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales</i>
GFI	<i>Indeks Joroskog Sorbom Goodness of Fit</i>
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
RMSEA	<i>Root Mean-Square Error of Approximation</i>
RDAS	<i>Revised Dyadic Adjustment Scales</i>
SEM	<i>Structural Equation Modeling</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>

<b>Simbol atau singkatan</b>	<b>Tajuk</b>
SRES	<i>Sex Roles Egalitarian Scales</i>
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Lampiran A Contoh borang persetujuan termaklum	282
Lampiran B Borang kaji selidik	283
Lampiran C Surat kebenaran menjalankan kajian	290
Lampiran D Contoh skoring alat ujian FACES IV	292
Lampiran E Output analisis	293

## BAB 1: PENGENALAN

### 1.1 Latar belakang kajian

Dasar Keluarga Negara yang telah diluluskan pada Disember 2010 adalah bertujuan untuk memperkuatkan kedudukan institusi keluarga dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2010). Dasar Keluarga Negara ini memberi penekanan kepada penerapan hubungan kekeluargaan yang sihat, mewujudkan kesedaran dan mengiktiraf keluarga sebagai satu unit yang penting dalam pembinaan masyarakat dan negara yang maju serta berkembang. Dasar ini juga memberi fokus kepada konsep kesejahteraan keluarga yang berteraskan nilai kekeluargaan seperti kasih sayang, jujur, adil dan saksama tanpa mengira status, gender dan umur. Pendekatan konsep ini penting untuk menjamin perlindungan, keselamatan dan kesaksamaan gender dalam institusi keluarga.

Selain itu, matlamat pembentukan Dasar Keluarga Negara juga bertujuan untuk membangunkan keluarga yang sejahtera, sihat dan mempunyai daya tahan dalam menjamin kestabilan sosial. Terdapat enam strategi dalam Pelan Tindakan Dasar Keluarga Negara iaitu menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kesejahteraan keluarga, advokasi mengutamakan kesejahteraan keluarga, latihan dan pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan modal insan dan keluarga sejahtera, perundingan dan perkongsian pintar dalam pelbagai agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, institut pengajian tinggi dan komuniti, penyediaan kemudahan sumber dan persekitaran yang mendaya upayakan keluarga, serta pemantauan dan penilaian. Pembentukan dasar ini menunjukkan bahawa peranan keluarga telah diiktiraf dalam membentuk masyarakat dan negara yang sejahtera.

Keluarga adalah institusi paling asas dalam kehidupan individu dan menjadi persekitaran pertama yang membentuk sahsiah individu. Pembentukan masyarakat

yang sejahtera perlu dimulakan rmula dengan pembentukan institusi keluarga yang sihat melalui ikatan kekeluargaan yang utuh. Ikatan keluarga pula terbentuk melalui penyatuan suci di antara dua orang individu lelaki dan perempuan. Penyatuan ini dibuat mengikut hukum syarak dan undang-undang yang sah atau juga dikenali sebagai perkahwinan. Perkahwinan adalah satu ikatan antara dua individu yang sah dari segi undang-undang, mempunyai komitmen bersama dalam aspek-aspek seperti emosi, kemesraan fizikal, tugas rumah tangga dan sumber ekonomi (Olson & DeFrain, 2000). Hubungan perkahwinan yang sihat dan berkualiti dapat membentuk keluarga dan masyarakat yang sejahtera.

Hubungan perkahwinan memainkan peranan yang amat besar bermula dariperingkat pembentukan keluarga asal sehingga kepada pembentukan generasi bangsa. Hubungan perkahwinan yang berkualiti membantu individu mencapai kepuasan dalam kehidupan dan mencapai kelangsungan hidup yang baik. Selain itu, individu yang berkahwin juga memikul tanggungjawab sebagai suami atau isteri, dan yang lebih penting, berperanan sebagai ibu bapa yang menjadi contoh tauladan kepada tingkah laku anak-anak (Cummings & Davies, 1995; Hakvoort, Bos, Balen, & Hermanns, 2010).

Hubungan perkahwinan juga menjadi asas kepada hubungan sesama manusia kerana ia adalah elemen utama dalam hubungan kekeluargaan yang diteruskan dari satu generasi kepada generasi yang seterusnya (Larson & Holman, 1994). Hubungan perkahwinan yang sihat dapat memberi makna dan identiti dalam kehidupan individu. Bagi individu yang berkahwin, hampir seluruh kehidupan diluangkan bersama pasangan, ini menjadikan aspek perkahwinan amat penting dalam mempengaruhi kehidupan seseorang. Tambahan itu, kajian lepas juga menunjukkan bahawa individu akan lebih sejahtera apabila mereka berkahwin (Gottman, 1994; Kelly & Conley, 1987; Orbuch & Custer, 1995). Apabila individu berkahwina, mereka dapat berkongsi perasaan, kegembiraan, kesedihan, masalah dan semua berkaitan diri mereka. Keadaan

ini membolehkan mereka dapat berfungsi dengan lebih baik. Justeru, hubungan perkahwinan haruslah dijaga dengan baik agar dapat membina asas kekeluargaan yang kukuh.

Apabila melangkah ke alam perkahwinan, individu perlu bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku sama ada dari segi hubungan kekeluargaan, peranan kerjaya, mahupun tanggungjawab rumah tangga (Carter & McGoldrick, 1999). Individu perlu berupaya untuk mengubah corak sistem hubungan dalam keluarga mengikut fasa kitaran hidup keluarga. Salah satu persediaan yang perlu dilakukan adalah mempersiapkan diri untuk menjadi lebih dewasa dan berdikari. Individu yang meninggalkan rumah atau ibu bapa dalam keadaan masih berhubung dengan mereka, dapat melatih diri untuk hidup berdikari. Dengan cara ini, individu dapat hidup berdikari tanpa bergantung kepada ibu bapa apabila mereka berkahwin kelak.

Mereka juga perlu berjaya membuat pembezaan kendiri (Bowen, 1976). Bagi pihak ibu bapa, mereka perlu bersedia untuk melepaskan anak-anak mereka keluar dari rumah dan belajar untuk hidup berdikari. Jika tidak, anak-anak mungkin lebih bergantung kepada ibu bapa. Pada peringkat seterusnya, individu harus berupaya untuk membentuk hubungan intim dengan pasangan. Dalam konteks budaya Malaysia, ia merujuk kepada ikatan perkahwinan. Apabila individu telah berkahwin, mereka perlu memberikan komitmen yang tinggi terhadap pasangan, membentuk kohesi atau kejeleketan hubungan dengan pasangan serta menyesuaikan diri dengan perbezaan individu dan budaya hidup pasangan mengikut fasa kitaran dalam kehidupan keluarga.

## **Kitaran hidup keluarga**

Kitaran hidup keluarga yang dilalui oleh individu amat dipengaruhi oleh perbezaan gaya hidup dalam kelas sosial dan latar belakang ahli keluarga atau masyarakat tersebut (Goldenberg & Goldenberg, 2008). Sesetengah individu melihat kitaran hidup sebagai satu proses yang perlu dilalui mengikut peringkat-peringkatnya, dan ada juga yang berpendapat bahawa kitaran ini adalah satu proses yang tidak berlaku mengikut fasa-fasanya. Hal ini kerana proses dalam setiap keluarga itu berbeza-beza bergantung kepada dinamik sesebuah keluarga.

Setiap fasa transisi dalam kitaran keluarga memerlukan keupayaan ahli keluarga untuk berubah, menentukan semula keutamaan dan menguruskan keluarga untuk berhadapan dengan cabaran peringkat baru dalam kitaran hidup mereka (Gerson, 1995). Sekiranya ahli dalam sistem kekeluargaan dapat menyesuaikan diri mereka pada setiap fasa kitaran, keluarga akan dapat berfungsi dengan baik. Menurut Carter dan McGoldrick (1999), terdapat enam peringkat dalam kitaran hidup keluarga iaitu:

1. Meninggalkan rumah: Individu dewasa bujang

Pada peringkat ini, individu atau ahli menerima emosi dan tanggungjawab kewangan untuk diri masing-masing. Individu perlu berupaya membezakan diri mereka dari keluarga asal, membina hubungan intim dengan pasangan serta berdikari dari segi kewangan dan kerjaya.

2. Penggabungan keluarga melalui perkahwinan: Pasangan baru

Pada peringkat ini, individu perlu memberi komitmen kepada sistem baru yang dibentuk iaitu perkahwinan. Individu bertindak memperbetulkan atau menyusun semula hubungan dengan keluarga luas dan rakan-rakan bagi melibatkan pasangan dalam penyesuaian tersebut.

### 3. Keluarga dengan kehadiran anak-anak

Pasangan perlu menerima kehadiran ahli baru dalam sistem kekeluargaan iaitu anak-anak. Pada peringkat ini, pasangan harus menyesuaikan sistem perkahwinan dengan menyediakan ruang untuk anak-anak. Suami dan isteri berkongsi tugas penjagaan anak, kewangan dan kerja rumah mereka. Mereka juga perlu menyesuaikan diri dengan hubungan dengan keluarga luas yang melibatkan peranan datuk dan nenek.

### 4. Keluarga dengan anak remaja

Apabila anak-anak meningkat remaja, ibu bapa perlu meningkatkan fleksibiliti atau penyesuaian dalam sempadan keluarga bagi membolehkan anak-anak hidup berdikari. Ibu bapa juga perlu mengadaptasi perubahan untuk membolehkan anak remaja berpindah atau keluar daripada sistem kekeluargaan secara berdikari. Setelah itu, pasangan boleh memfokuskan kembali kepada isu perkahwinan pertengahan hidup dan juga isu kerjaya. Mereka juga perlu mula bersedia untuk menjadi generasi tua.

### 5. Melepaskan anak-anak

Apabila anak-anak telah dewasa, ibu bapa perlu bersedia untuk melepaskan dan menerima kemasukan ahli baru ke dalam sistem, contohnya dengan kehadiran menantu. Pada fasa ini, ibu bapa membina hubungan dewasa-dewasa dengan anak-anak yang sedang membesar di samping mengubahsuai hubungan untuk melibatkan peranan ipar duai dan cucu. Selain itu, ibu bapa perlu berhadapan dengan isu kurang upaya, penjagaan atau kematian ibu bapa. Walau bagaimanapun, masih terdapat ibu bapa yang masih belum bersedia untuk melepaskan anak-anak dengan kehidupan mereka sendiri.

## 6. Keluarga pada usia tua

Pada ketika ini, ibu bapa atau suami isteri perlu menerima perubahan peranan mengikut generasi. Pengekalan minat dan kefungsian individu serta pasangan dalam berhadapan dengan penurunan kesihatan fisiologi perlu ditingkatkan. Individu dan pasangan juga perlu menyediakan ruang kebebasan kepada golongan muda dan menyokong generasi tua tanpa terlebih berfungsi ke atas mereka. Di samping itu, pada ketika ini, individu perlu bersedia untuk berhadapan dengan kemungkinan kehilangan pasangan, adik beradik, rakan serta bersedia untuk berhadapan dengan kematian diri sendiri.

Dalam setiap fasa kitaran ini, peranan yang dipegang oleh individu berkahwin boleh berubah. Setiap individu harus berupaya untuk mengadaptasi perubahan yang berlaku dalam setiap fasa. Tanpa keupayaan untuk mengadaptasi perubahan, keluarga akan menghadapi kesukaran untuk bergerak ke tahap atau peringkat seterusnya (Winek, 2010) termasuklah bagi individu yang mula melangkah ke alam perkahwinan. Hubungan perkahwinan yang sihat dan berkualiti bukan sahaja memberi manfaat kepada pasangan bahkan memberi kesan kepada tingkah laku dan perkembangan anak-anak (Lucas-Thompson & Clarke-Stewart, 2007)

Kesedaran terhadap kepentingan hubungan perkahwinan dan kekeluargaan dalam pembentukan masyarakat menarik perhatian banyak pihak untuk mengambil pelbagai inisiatif dalam memperkasakan institusi ini dari peringkat akar umbi. Antara usaha-usaha tersebut termasuklah usaha oleh pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang menjalankan program kekeluargaan seperti memperkenalkan bulan November sebagai bulan bersama keluarga dan menyediakan perkhidmatan kaunseling pasangan dan keluarga kepada mereka yang mengalami masalah dalam rumah tangga.

Pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat juga tidak ketinggalan menyediakan kemudahan seperti kelas pendidikan kesejahteraan keluarga khususnya untuk membantu individu meningkatkan kecekapan mereka dalam rumah tangga. Terdapat juga rancangan televisyen yang memberi kesedaran kepada golongan wanita khususnya tentang masalah yang sering dihadapi dalam rumah tangga dan hak-hak sebagai wanita. Semua usaha ini dijalankan untuk membantu meningkatkan keutuhan institusi perkahwinan dan kekeluargaan di samping mencegah masalah rumah tangga daripada berlaku. Namun begitu, usaha yang dijalankan ini masih belum mencukupi untuk merawat kebimbangan yang sedang menular dalam masyarakat dewasa ini.

### **Situasi dalam institusi perkahwinan**

Meskipun keharmonian hubungan perkahwinan perlu dijaga, namun keadaan yang sedang berlaku di Malaysia dilihat agak membimbangkan. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menunjukkan peningkatan dalam kes tuntutan perceraian dari tahun 2010 sehingga tahun 2015 di seluruh negara seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.1. Jika diperincikan, sebanyak 14224 kes dilaporkan pada tahun 2010, diikuti 15000 kes perceraian pada tahun 2011, 16422 kes pada tahun 2012, 17982 kes pada tahun 2013, 20655 kes pada tahun 2014, dan 22071 kes pada tahun 2015. Berdasarkan Jadual 1.1, Negeri Selangor direkodkan sebagai negeri yang paling banyak berlakunya kes perceraian diikuti oleh negeri Johor, Kelantan, Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Statistik yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 merupakan statistik bagi kes tuntutan perceraian yang telah selesai pada tahun semasa.

Dari segi umur, kumpulan umur 35 tahun ke bawah pula merupakan golongan yang mencatatkan kes perceraian tertinggi. Dari segi tempoh perkahwinan, mereka yang berkahwin dalam tempoh satu hingga enam tahun adalah golongan yang banyak terlibat

dengan perceraian. Pada tahun 2011, dalam satu laporan akhbar Utusan Online bertarikh 4 Mac 2011 melaporkan bahawa secara puratanya bagi setiap 15 minit, satu perceraian berlaku dalam kalangan pasangan Islam di Malaysia (Utusan Online, 4 Mac, 2011). Keadaan ini seumpama memberi peringatan awal kepada masyarakat dan pihak berkaitan tentang masalah yang wujud dalam institusi perkahwinan dan kekeluargaan di Malaysia yang perlu diberi perhatian sewajarnya.

Hubungan perkahwinan yang tidak atau kurang berkualiti boleh mengakibatkan penularan gejala sosial dalam kalangan anak-anak (Katz & Low, 2004). Di Malaysia, masalah sosial seperti kes pelacuran, pembunuhan, sumbang mahram, pembuangan bayi, penagihan dadah, kesalahan juvana dan banyak lagi jenayah yang lain dilaporkan di dalam akhbar hampir setiap hari. Gejala-gejala ini sering kali dikaitkan dengan ketidakfungsian institusi keluarga yang berperanan utama dalam membentuk anak-anak yang sihat dan sejahtera dari segi mental, emosi, rohani dan jasmani (Davila, Stroud, Starr, Ramsay Miller, Yoneda, & Hershenberg, 2009; David & Murphy, 2004). Keluarga juga berperanan menyediakan persekitaran yang sihat bagi membolehkan individu berkembang dengan positif.

Justeru, wujudnya keperluan supaya lebih banyak kajian dijalankan dalam usaha untuk mempertingkatkan pemahaman tentang hubungan perkahwinan khususnya di Malaysia. Pemahaman ke atas aspek berkaitan hubungan perkahwinan diharapkan dapat membantu kaunselor memberikan perkhidmatan kaunseling yang lebih berkesan khususnya dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan. Kajian-kajian tentang hubungan perkahwinan dan perceraian juga adalah penting kerana ia dapat membantu kaunselor dan terapis dalam menyediakan perkhidmatan untuk membantu individu dan keluarga di samping memberi kefahaman kepada umum tentang apa yang boleh dilakukan untuk mendapatkan hubungan perkahwinan yang lebih memuaskan (McCullough, 2005).

**Jadual 1.1:** Statistik kes tuntutan perceraian yang telah selesai pada tahun semasa bagi tahun 2010 hingga 2015 (Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2015)

Negeri	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Johor	1489	1591	1857	1955	2295	2301
Kedah	327	583	867	1146	1406	1594
Kelantan	1894	1784	2020	1891	2036	1887
Melaka	491	381	521	628	671	714
Negeri Sembilan	616	587	626	850	961	954
Pahang	1266	1200	1439	1519	1717	1741
Perak	926	936	1234	1158	1376	1272
Perlis	218	222	176	163	236	301
Pulau Pinang	777	795	837	896	966	1050
Sabah	668	876	902	1018	1195	1376
Sarawak	672	837	992	914	1084	1032
Selangor	2461	2788	2695	3399	4040	4616
Terengganu	1060	1109	948	1018	1113	1560
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1359	1311	1308	1427	1559	1673
<b>Jumlah</b>	<b>14224</b>	<b>15000</b>	<b>16422</b>	<b>17982</b>	<b>20655</b>	<b>22071</b>

## **Faktor-faktor yang memberi kesan kepada kualiti hubungan perkahwinan**

Kajian-kajian lepas memperlihatkan banyak faktor atau petunjuk kebahagiaan sesuatu hubungan yang dikaitkan dengan hasil hubungan perkahwinan. Pelbagai perspektif teori juga digunakan dalam usaha untuk memahami tentang hubungan perkahwinan. Empat faktor utama yang dapat dikenal pasti berdasarkan kajian lepas termasuklah faktor diri (Rumaya Juhari, Irese Tsen, & Siti Nor Yaacob, 2007), faktor keluarga (Bowen, 1976; Wallerstein, Lewis, & Blakeslee, 2000; Whitton et al., 2008; Ehrensaft, Knous-Westfall & Cohen, 2011), faktor pasangan dan faktor konteks seperti jantina, umur, status pekerjaan dan tempoh perkahwinan (Mirecki, Chou, Elliot, & Schneider, 2013; Noralina Omar, 2008; Raley & Bumpass, 2003). Empat faktor ini dipecahkan kepada sub-sub faktor yang lebih spesifik.

Berdasarkan faktor-faktor yang dibincangkan dalam kajian-kajian lepas, salah satu sub faktor yang didapati signifikan kepada hubungan perkahwinan yang berkualiti ialah persekitaran keluarga (Ehrensaft, Knous-Westfall, & Cohen, 2011; Whitton et al., 2008; Wallerstein, Lewis, & Blakeslee, 2000). Persekutaran keluarga bukan sahaja boleh memberi kesan kepada tingkah laku sosial anak-anak yang bersekolah, bahkan ke atas tingkah laku anak-anak dewasa, khususnya bagi mereka yang telah berkahwin. Corak tingkah laku individu dalam hubungannya dengan orang lain khususnya dengan pasangan, amat berkait rapat dengan pengalaman yang dilalui dalam keluarga asal (Scharf & Mayseless, 2001; Martin, 1990; Steinberg, Davila & Fincham, 2006).

Persekutaran keluarga asal yang melibatkan gaya asuhan ibu bapa dan interaksi dengan adik-beradik mempengaruhi bagaimana individu bertingkah laku dalam hubungan mereka dengan orang lain termasuklah hubungan dengan pasangan. Gaya asuhan dan interaksi ini menentukan tahap kefungsian hubungan sesebuah keluarga. Kefungsian ini pula menentukan corak identiti individu terutamanya sebagai individu

yang berkahwin di mana mereka hidup bersama pasangan mereka. Proses pembentukan identiti melalui keluarga nuklear atau asas juga dikenali sebagai pembezaan kendiri (Bowen, 1976).

Faktor kedua ialah pembezaan kendiri yang mana merupakan suatu proses bagaimana individu membezakan diri mereka daripada keluarga asal pada tahap yang seimbang (Bowen, 1976). Selain itu, aspek pembezaan kendiri juga dikaitkan dengan cara bagaimana individu bertingkah laku dengan orang lain termasuklah dengan pasangan (Levinger & Ronen, 2010; Holman & Busby, 2011; McCullough, 2005). Secara tidak langsung, ia memberi kesan kepada hubungan perkahwinan. Individu yang berjaya membuat pembezaan kendiri daripada keluarga asas dengan cara yang masih berhubung, mampu hidup dengan lebih berdikari, dapat mencapai autonomi, serta dapat membuat sesuatu keputusan tanpa campur tangan ibu bapa. Mereka juga dapat menyelesaikan isu atau masalah tanpa terlalu bergantung kepada ibu bapa termasuklah masalah dalam hubungan perkahwinan. Mereka juga mampu menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi di samping mempunyai identiti diri yang tersendiri.

Identiti diri individu dan persekitaran keluarga asal pula akan terus diperteguhkan dari satu generasi hingga ke generasi seterusnya (Bowen, 1976). Proses ini dinamakan sebagai pindahan multi generasi. Hal ini bermaksud, individu cenderung untuk mendidik anak-anak mereka seperti mana mereka dididik oleh ibu bapa di samping mengekalkan peraturan dalam keluarga seperti mana yang diatur oleh ibu bapa mereka. Didikan dan persekitaran keluarga ini akan terus diperteguhkan dari satu generasi hingga ke generasi seterusnya sama ada didikan tersebut berfungsi atau tidak. Timbul masalah sekiranya apa yang terus diperteguhkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain adalah bersifat negatif, tidak atau kurang berfungsi, dan boleh mengakibatkan masalah dalam hubungan dengan orang lain.

Namun begitu, faktor pembezaan kendiri masih kurang mendapat perhatian oleh pengkaji dalam bidang kepuasan perkahwinan (Ora Peleg, 2008) khususnya di Malaysia. Menurut Skowron (2004), kajian oleh pengkaji dalam bidang kaunseling diperlukan untuk menilai teori sistem keluarga ke atas populasi yang pelbagai termasuklah di negara-negara Asia. Justeru, timbul satu keperluan untuk memberi penjelasan tentang hubungan di antara aspek kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri yang mungkin memberi kesan langsung kepada hubungan perkahwinan. Di samping itu, perlunya kajian yang dapat mengenal pasti aspek berisiko yang boleh diperbaiki oleh mereka agar tidak terus dibawa kepada generasi yang seterusnya.

Kualiti hubungan perkahwinan bukan sahaja dipengaruhi oleh pengalaman dalam keluarga asal dan proses pembezaan kendiri, bahkan juga turut dipengaruhi oleh aspek sikap terhadap peranan gender (Atkinson, Greenstein & Lang, 2005; McGovern & Meyers, 2002; Berman, 2005). Sikap terhadap peranan gender menentukan tingkah laku seseorang mengikut kepercayaan mereka terhadap peranan yang dimainkan oleh gender tertentu dalam kehidupan.

Sikap ini boleh memberi kesan kepada kepercayaan individu tentang peranan yang dimainkan dalam rumah tangga. Ketidakseimbangan dalam pembahagian tugas rumah tangga dan penjagaan anak boleh menjadi punca kepada tekanan bagi sesetengah pasangan terutamanya yang berkaitan dengan kerja rumah, yang mana dirasakan menjadi sesuatu yang harus dipenuhi tanpa sebarang penghargaan intrinsik atau ekstrinsik (Coltrane, 2000). Keadaan ini akhirnya boleh membawa kepada ketidakpuasan dalam rumah tangga. Kepuasan individu berkahwin dengan pembahagian tugas rumah dan penjagaan anak adalah aspek yang penting untuk menentukan kepuasan perkahwinan bagi golongan lelaki dan wanita (Stevens, Kiger, & Riley, 2001).

Peningkatan tanggungjawab khususnya bagi golongan wanita yang kini memainkan tiga peranan dalam satu masa iaitu peranan dalam kerjaya, rumah tangga dan masyarakat, memerlukan kesefahaman yang tinggi di antara suami dan isteri dalam menjaga keutuhan hubungan perkahwinan. Dengan peningkatan tanggungjawab khususnya bagi golongan wanita, tugas rumah tangga mungkin memberi kesan kepada kualiti hubungan perkahwinan mereka.

Bagi mereka yang mengamalkan peranan tradisional, di mana wanita perlu melaksanakan semua kerja-kerja rumah seorang diri, didapati kurang dapat menyesuaikan diri dalam perkahwinan berbanding dengan suami isteri yang berkongsi tanggungjawab rumah tangga (McGovern & Meyers, 2002). Persepsi tentang peranan ini ada kalanya boleh membawa kepada berlakunya konflik peranan dan identiti gender dalam kalangan wanita pada hari ini. Persepsi ini juga boleh menghalang sesetengah wanita untuk menyesuaikan diri mereka dengan peranan dalam kerjaya dan tanggungjawab kepada keluarga. Ketidakseimbangan peranan gender dan stereotaip boleh mengehadkan kefungsian psikologi kedua-dua jantina untuk membina corak interaktif yang baru (Avis, 1996).

Peranan gender turut memberi kesan yang besar terhadap peranan yang dimainkan oleh dua golongan jantina ini dalam struktur dan kefungsian keluarga. Keadaan ini menyebabkan perbezaan peranan golongan lelaki dan wanita semakin tidak jelas pada hari ini terutamanya bagi generasi muda yang perlu lebih berusaha untuk hidup dalam keadaan kedua-duanya saling bekerja (Goldenberg & Goldenberg, 2008). Kekaburuan perkaitan ini memerlukan huraian yang lebih terperinci. Walau bagaimanapun, selain daripada tiga faktor ini, banyak lagi faktor lain yang berkaitan dengan hubungan perkahwinan yang dikaji oleh pengkaji dalam bidang kaunseling.

## **1.2 Pernyataan masalah**

Hubungan perkahwinan yang sihat merupakan asas utama dalam pembentukan keluarga dan masyarakat yang sejahtera. Dalam merealisasikan hasrat negara ke arah pembentukan keluarga yang sejahtera, hubungan perkahwinan memainkan peranan yang amat penting kerana ia adalah asas utama dalam diri individu dan keluarga (Gottman & Notarius, 2002). Bagaimanapun, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia menunjukkan wujudnya situasi yang membimbangkan dalam institusi perkahwinan, di mana kadar perceraian direkodkan meningkat pada setiap tahun. Bahkan, peningkatan kes-kes penderaan rumah tangga khususnya ke atas wanita sejak akhir-akhir ini (Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, 2012) memberi kesedaran kepada banyak pihak untuk menitik beratkan isu ini.

Senario ini juga turut digambarkan dalam kajian yang dijalankan oleh Rika Fatimah (2008) yang mendapati bahawa individu berkahwin di Malaysia mengalami masalah dalam hubungan perkahwinan. Sampel berbangsa Melayu mencatatkan peratusan tertinggi yang mengalami masalah hubungan perkahwinan diikuti oleh bangsa Cina dan India. Bahkan, tahap kualiti perkahwinan isteri dan tingkah laku keibuan (isteri) juga adalah rendah khususnya dalam keluarga berpendapatan rendah (Noralina Omar, 2008). Keadaan ini mewujudkan kebimbangan tentang kestabilan institusi perkahwinan di Malaysia khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Situasi ini juga menimbulkan tanda tanya tentang apakah aspek yang boleh membantu meningkatkan kualiti perkahwinan. Hal ini perlu diteliti bagi memberi celik akal tentang faktor-faktor yang perlu diberi perhatian dalam membantu membentuk dan meningkatkan hubungan perkahwinan yang berkualiti.

Hubungan perkahwinan yang berkualiti amat penting dalam kehidupan individu dan anak-anak. Hubungan yang sihat di antara suami isteri atau ibu bapa memberi contoh teladan kepada anak-anak. Hubungan perkahwinan yang tidak sihat dikaitkan

dengan anak-anak yang bermasalah seperti terlibat dengan tingkah laku delinkuen dan agresif (Katz & Low, 2004). Hal ini turut mengganggu kefungsian individu dalam kehidupan sehari-hari. Kebiasaannya, anak-anak akan mengamalkan cara hubungan yang sama dengan orang lain seperti ibu bapa mereka.

Jumlah perceraian yang semakin meningkat juga memberi tanggapan bahawa masyarakat semakin mudah untuk menerima perceraian sebagai satu perkara biasa kepada pengakhiran sesuatu hubungan, secara tidak langsung mengubah persepsi masyarakat terhadap perkahwinan (Wallerstein & Lewis, 2004; Whitton, Rhoades, Stanley, & Markman, 2008) seperti tidak lagi memandang perkahwinan sebagai institusi yang kekal. Keadaan ini bertentangan dengan ajaran Islam yang sebolehnya mengelakkan perceraian daripada berlaku. Meskipun perceraian tidak semestinya memberi kesan negatif kepada semua individu, tetapi ia harus diberi perhatian serius agar tidak terus berleluasa yang akhirnya memberi kesan negatif kepada anak-anak. Bahkan, keadaan ini juga memberi andaian bahawa pengetahuan dan pemikiran pihak yang terlibat dalam pengekalan hubungan perkahwinan serta usaha ke arahnya mungkin pada tahap yang membimbangkan (Rumaya Juhari, Irese Tan & Siti Nor Yaacob, 2007). Keadaan ini seterusnya boleh membantutkan usaha ke arah pelaksanaan Dasar Keluarga Negara.

Walaupun pengetahuan ke atas faktor-faktor yang boleh membantu meningkatkan kualiti perkahwinan adalah amat penting, namun, masih kurang jelas apakah faktor-faktor yang signifikan yang boleh menyumbang kepada peningkatan kualiti perkahwinan. Hal ini kerana terlalu banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan kualiti perkahwinan (Rika Fatimah, 2008). Hasil tinjauan ke atas kajian lepas menunjukkan bahawa pengkaji dalam bidang perkahwinan telah semakin giat menjalankan usaha untuk mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada kualiti perkahwinan. Kajian-kajian ini merangkumi pelbagai perspektif seperti teori evolusi

(Darwin, 1871, 2003), psikosial (Bradbury, Fincham, & Beach, 2000; Gottman & Levenson, 1992; Stanley, Blumberg, & Markman, 1999; Yoon & Lawrence, 2013), , perspektif tingkah laku (Thibaut & Kelly, 1959; Bowlby, 1979) dan lain-lain. Kepelbagaiannya perspektif ini memberi cabaran besar kepada pengkaji dalam bidang perkahwinan untuk menentukan faktor-faktor yang membawa kepada kualiti perkahwinan. Justeru, perlunya satu kajian yang memberi tumpuan kepada perspektif kaunseling dan psikoterapi khususnya dalam konteks masyarakat Malaysia dijalankan.

Berdasarkan tinjauan kajian lepas, faktor keluarga asal memainkan peranan yang amat penting dalam hubungan perkahwinan individu (Framo, 1992; Holman, 2001; Conger, Cui, Bryant, & Elder, 2000; Belsky & Esabella, 1985; Franz, McClelland, & Weinberger, 1991). Keluarga asal merujuk kepada persekitaran keluarga asal individu yang melibatkan hubungan dengan ibu bapa atau adik beradik. Pengalaman yang dilalui dalam keluarga asas menjadi inti pati utama dalam memandu tingkah laku individu dengan orang lain khususnya dengan pasangan.

Pengalaman dalam keluarga asas individu juga dikaitkan dengan keupayaan individu untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya dari segi emosi dan intelek, atau dikenali sebagai kebolehan untuk membuat pembezaan kendiri (Holman & Busby (2011). Keupayaan individu untuk membina pembezaan kendiri menjadi faktor penting dalam menentukan kualiti hubungan perkahwinan individu (Bowen, 1978; Guerin, Fogarty, Fay, & Kautto, 1996; Kerr, 1984; Kerr & Bowen, 1988; Titelman, 1998). Selain itu, aspek sikap terhadap peranan gender turut menjadi faktor penting dalam hubungan perkahwinan (Atkinson, Greenstein & Lang, 2005; McGovern & Meyers, 2002; Berman, 2005). Kesemua faktor-faktor ini menjadi faktor kritikal dalam menentukan kualiti perkahwinan individu. Namun masih tidak banyak kajian dijalankan ke atas faktor-faktor ini.

Justeru, kajian lebih lanjut perlu dijalankan untuk mengenal pasti dan menilai sejauh mana ketiga-tiga faktor ini menyumbang kepada kualiti perkahwinan khususnya dalam konteks masyarakat Malaysia. Berdasarkan sorotan kajian lepas yang dijalankan, tidak banyak atau kurang kajian yang mengkaji tentang ketiga-tiga aspek ini dalam usaha untuk memahami tentang kualiti perkahwinan dalam konteks masyarakat Malaysia. Kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada sampel kajian dalam kalangan remaja sekolah (Hakvoort, Bos, Balen & Hermanns, 2010), sedangkan pemahaman tentang kualiti perkahwinan perlu diperoleh daripada perspektif mereka yang telah berkahwin.

Selain itu, kajian tentang pengaruh gender lebih banyak dijalankan dalam bidang sosiologi, tidak dalam bidang kaunseling atau terapi perkahwinan dan kekeluargaan. Ini menuntut penjelasan dan pemahaman yang lebih mengkhusus kepada bidang kaunseling itu sendiri. Begitu juga dengan pengujian kesahan teori kaunseling keluarga, yang kebanyakannya dipelopori oleh tokoh-tokoh Barat, memerlukan penjelasan tentang kesesuaian teori ini untuk diaplikasikan dalam masyarakat Malaysia. Pengujian konsep dalam teori sistem keluarga Bowen amat perlu dijalankan khususnya dalam konteks budaya yang berbeza selaras dengan saranan Skowron (2004).

Dengan itu, pelaksanaan kajian ini diharapkan dapat memberi pemahaman yang lebih jelas tentang peranan keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dalam menjelaskan tentang kualiti perkahwinan. Selaku pendidik, kajian ini memberi kefahaman dan pengetahuan untuk diaplikasi pada peringkat diri sendiri, dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan dalam aplikasi pengamalan kaunseling. Para kaunselor dan ahli terapi juga dapat memanfaatkan hasil kerja ini untuk membantu menjalankan diagnosis masalah klien khususnya dalam ketiga-tiga faktor ini seterusnya dapat menyediakan pelan intervensi yang sesuai untuk membantu klien. Selain itu, pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat,

Jabatan Kemajuan Masyarakat, dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia juga boleh menerapkan aspek-aspek kajian ini dalam program ke arah pemantapan institusi perkahwinan dan kekeluargaan yang dijalankan.

### **1.3 Tujuan kajian**

Secara umum, kajian ini dijalankan dengan beberapa tujuan utama. Pertama, kajian ini berhasrat untuk mengenal pasti hubungan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan. Hal ini bermatlamat untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi penyumbang kepada kualiti perkahwinan. Bagi tujuan ini, satu model yang melibatkan satu siri perhubungan di antara pemboleh ubah dibina. Kedua, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada faktor-faktor demografi terpilih iaitu tahap akademik, umur dan tempoh perkahwinan boleh memberi kesan yang berbeza kepada kualiti perkahwinan dan keseluruhan pemboleh ubah yang lain. Sekiranya faktor-faktor ini didapati memberi perbezaan kepada model kajian, maka kajian ini seterusnya mengkaji hubungan antara pemboleh ubah yang manakah yang dibezakan oleh pemboleh ubah tersebut. Hasil analisa ini dapat memberi perincian tentang perbezaan bagi setiap sub kumpulan bagi faktor tempoh perkahwinan, tahap akademik, dan umur.

### **1.4 Objektif kajian**

- 1) Menilai padanan model hubungan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan yang dibina bagi data sampel kajian ini.

- 2) Menilai kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan di antara kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender dan pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.
- 3) Menilai sama ada faktor demografi terpilih berperanan sebagai moderator dalam model *a priori* yang dibina atau sebaliknya. Secara spesifik, ia bertujuan untuk:
- Menilai sama ada faktor umur menjadi moderator dalam model *a priori* yang dibina atau sebaliknya.
  - Menilai perhubungan atau laluan di antara pemboleh ubah yang dimoderasikan oleh faktor umur.
  - Menilai sama ada tempoh perkahwinan menjadi moderator dalam model *a priori* yang dibina atau sebaliknya.
  - Menilai perhubungan atau laluan di antara pemboleh ubah yang dimoderasikan oleh tempoh perkahwinan.
  - Menilai sama ada tahap akademik menjadi moderator dalam model *a priori* yang dibina atau sebaliknya.
  - Menilai perhubungan atau laluan di antara pemboleh ubah yang dimoderasikan oleh tahap akademik.

## 1.5 Soalan kajian

Pengkaji telah membina tiga soalan untuk mencapai objektif kajian iaitu:

- Sejauh mana model hubungan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan yang dibina dapat sepadan dengan data yang dikutip bagi sampel kajian ini?

- 2) Apakah kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan di antara kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender dan pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan?
- 3) Adakah faktor demografi terpilih berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan?
- Adakah umur menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?
  - Sekiranya umur adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara boleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh umur?
  - Adakah tempoh perkahwinan menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?
  - Sekiranya tempoh perkahwinan adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara boleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh tempoh perkahwinan?
  - Adakah tahap akademik menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?
  - Sekiranya tahap akademik adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara boleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh tahap akademik?

## 1.6 Hipotesis

Hipotesis kajian dibina berdasarkan kepada tinjauan kajian lepas dan rasional teori. Hipotesis diuji bagi menjawab soalan kajian. Hipotesis bagi soalan kajian 1, 2, dan 3 dinyatakan seperti berikut:

Hipotesis bagi soalan kajian 1:

Ho1: Model hubungan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan yang dibina tidak dapat sepadan dengan data yang dikutip bagi sampel kajian ini.

Hipotesis bagi soalan kajian 2

Ho2: Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

Ho3: Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.

Ho4: Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

Ho5: Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

Ho6: Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

Ho7: Tidak terdapat kesan tidak langsung yang signifikan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

Ho8: Tidak terdapat kesan tidak langsung yang signifikan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.

Hipotesis bagi soalan kajian 3

Soalan kajian 3 (a)

Ho9 : Faktor umur tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan.

Soalan kajian 3 (b)

Ho10 : Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

Ho11 : Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

Ho12 : Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.

Ho13 : Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

Ho14 : Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

Soalan kajian 3 (c)

Ho15 : Faktor tempoh perkahwinan tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan.

Soalan kajian 3 (d)

Ho16 : Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

Ho17 : Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

Ho18 : Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.

Ho19 : Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

Ho20 : Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

#### Soalan kajian 3 (e)

Ho21 : Faktor tahap akademik tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan.

#### Soalan kajian 3 (f)

Ho22 : Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

Ho23 : Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

Ho24 : Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.

Ho25 : Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

Ho26 : Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

### **1.7 Kepentingan kajian**

Pertimbangan yang dibuat ke atas aspek-aspek yang telah dibincangkan pada bahagian awal memberi rasional kepada pengkaji bahawa kajian ini amat perlu dijalankan. Hal ini dapat diperjelaskan melalui beberapa perkara. Pertama, kajian ini dapat meningkatkan kefahaman tentang hubungan kekeluargaan dan perkahwinan khususnya kepada para kaunselor perkahwinan dan kekeluargaan di negara ini. Meskipun kajian terhadap aspek peranan gender misalnya telah banyak dijalankan di luar negara, namun kebanyakannya dikaji dari perspektif sosial dan gender. Justeru, pemahaman yang diperoleh daripada perspektif kaunseling dengan berasaskan teori dalam bidang kaunseling dapat memberi penjelasan yang lebih relevan kepada para kaunselor. Justeru, pelaksanaan kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih jelas lagi untuk membantu kaunselor keluarga dan perkahwinan mempertingkatkan lagi kemahiran mereka dalam menggunakan ilmu kaunseling perkahwinan di samping memahami dinamik keluarga yang boleh memberi impak kepada kehidupan individu.

Kedua, kajian ini menguji idea atau konsep yang dibawa oleh Bowen dalam teori sistem keluarga berkenaan dengan hubungan individu dengan orang lain termasuklah dalam hubungan perkahwinan. Teori ini dibina dalam persekitaran budaya di barat. Maka perlunya pengujian konsep dalam teori ini untuk memastikan kesesuaian aplikasinya dalam budaya masyarakat Malaysia. Justeru, kajian ini menguji konsep

dalam teori tersebut untuk melihat kesesuaian aplikasi dalam konteks budaya masyarakat Malaysia. Hal ini amat penting untuk dipastikan sebelum mana-mana teori atau model diambil atau diaplikasikan dalam pengamalan kaunseling di Malaysia.

Di samping itu, kajian ini turut dapat menjadi asas untuk mengenal pasti intervensi atau rawatan yang sesuai untuk membantu individu berkahwin, pasangan dan keluarga yang berhadapan dengan konflik. Berdasarkan dapatan kajian ini, dijangka dapat membantu kaunselor membuat pelan perancangan rawatan kepada klien atau ahli keluarga yang datang dengan masalah hubungan dalam keluarga. Tumpuan yang diberi ke atas struktur kefungsian keluarga asal membantu menyelesaikan isu hubungan perkahwinan pada masa sekarang. Celik akal yang diberi kepada klien tentang bagaimana sikap, jangkaan dan tingkah laku diperteguhkan dari satu generasi ke satu generasi menjadi kunci utama untuk membantu individu membuat sesuatu yang berbeza dalam hubungan mereka dengan orang lain khususnya dengan pasangan dan anak-anak (Martinson, Holman, Larson, & Jackson, 2010).

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat dengan usaha ke arah pengukuhan institusi keluarga. Di antara pihak-pihak yang mungkin boleh mendapat manfaat daripada kajian ini ialah pihak Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan lain-lain pihak yang terlibat. Dapatan tentang sub tahap dalam kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender yang rendah memberi gambaran bahawa aspek-aspek tersebut adalah aspek berisiko yang perlu diberi lebih perhatian. Justeru, pihak-pihak yang terlibat boleh memasukkan aspek-aspek ini sebagai salah satu elemen yang perlu diberi tumpuan dalam aktiviti atau program yang dijalankan oleh mereka.

Kelima, kajian yang dijalankan dalam konteks budaya masyarakat Malaysia

amat diperlukan untuk menambah literatur dalam bidang keilmuan kaunseling yang masih kurang di negara ini (Chiam, 2003). Meskipun ada kajian-kajian lepas yang mengkaji pemboleh ubah seperti dalam kajian ini, namun kebanyakannya dibuat dalam konteks masyarakat barat. Perbezaan nilai hidup dan lingkungan budaya memungkinkan dapatan yang berbeza diperoleh berdasarkan konteks kajian yang berbeza.

Oleh yang demikian, dengan pertimbangan ke atas kepentingan-kepentingan tersebut, pengkaji mengambil keputusan untuk menjalankan kajian ini khususnya dalam konteks masyarakat Malaysia. Dengan terhasilnya kajian ini, diharapkan mampu memberi sumbangan yang signifikan dalam bidang keilmuan kaunseling keluarga dan perkahwinan di negara ini khususnya.

### **1.8 Kerangka teori**

Teori sistem keluarga Bowen (1978) menjelaskan bagaimana pengalaman dalam keluarga asal mempengaruhi cara individu membina hubungan dengan orang lain, termasuklah dengan pasangan. Teori ini juga menghuraikan bagaimana hubungan individu dipengaruhi oleh keupayaan untuk membuat keseimbangan di antara emosi dan intelek, atau keupayaan individu untuk membuat pembezaan kendiri. Pembezaan kendiri merupakan satu konsep daripada lapan konsep yang dikemukakan oleh Bowen dalam teorinya. Konsep pembezaan kendiri ini melibatkan keupayaan individu untuk membuat keseimbangan di antara sistem emosi dan sistem intelek.

Kegagalan individu untuk membuat keseimbangan dalam dua sistem ini akan mengakibatkan kesakitan emosi. Kesakitan emosi pula dikaitkan dengan kerisauan kronik yang boleh berlaku dalam keseluruhan sistem keluarga. Menurut Bowen lagi, kerisauan pada diri individu cenderung untuk diulangi oleh generasi keluarga yang seterusnya jika ia tidak dirawat (Kerr, 1988). Kesan berpanjangan yang dipindahkan

kepada generasi keluarga yang seterusnya boleh memberi impak kepada corak hubungan individu dengan orang lain pada masa hadapan termasuklah dalam hubungan perkahwinan.

Berdasarkan teori sistem keluarga Bowen, hubungan perkahwinan juga dipengaruhi oleh pengalaman individu dalam keluarga asal. Pengalaman yang dialami oleh individu bergantung pada persekitaran keluarganya sama ada ia berfungsi atau tidak. Bagaimanapun, dalam teori Bowen, ia hanya menjelaskan tentang keluarga asal, tidak menjelaskan dengan terperinci tentang aspek kefungsian keluarga. Justeru, *Circumplex Model of Marital and Family Systems* (Olson, Sprenkle, & Russel, 1979) dirujuk bagi menerangkan lagi tentang faktor kefungsian keluarga asas. Model ini menghuraikan tentang persekitaran keluarga yang menentukan sama ada sesebuah keluarga berfungsi atau tidak. *Circumplex Model of Marital and Family Systems* telah dibina oleh Olson, Sprenkle dan Russell pada tahun 1979. Model ini juga menjelaskan tentang kefungsian keluarga dan hubungan perkahwinan individu. Terdapat dua elemen utama dalam model ini iaitu kohesi dan fleksibiliti.

Dalam model ini, komunikasi adalah elemen yang membantu meningkatkan kohesi dan fleksibiliti atau penyesuaian keluarga. Olson dan rakan-rakan telah membina satu alat ujian iaitu *Flexibility and Cohesion Evaluation Scale* (FACES) untuk digunakan dalam bidang penyelidikan dan klinikal khususnya dalam kaunseling atau terapi keluarga dengan berdasarkan kepada elemen yang terkandung dalam model ini. Bagi tujuan klinikal iaitu mendiagnosis masalah klien, jumlah skor akan diplotkan ke atas model grafik bagi memberi gambaran tentang jenis kefungsian keluarga yang dimiliki oleh klien tersebut. Berdasarkan model ini, tahap kefungsian keluarga dapat dinilai melalui keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dan tahap kejelekatan atau kohesi hubungan dalam keluarga.


Faktor atau boleh ubah ketiga yang dikaji adalah sikap terhadap peranan gender. Aspek gender juga tidak banyak dijelaskan dalam teori sistem keluarga Bowen. Oleh itu, pengkaji merujuk kepada pendekatan feminis dalam menjelaskan aspek ini. Teori feminis menjelaskan tentang peranan gender dalam kehidupan seseorang. Ahli feminis melihat gender sebagai aspek yang boleh memberi ketidakseimbangan dalam kehidupan individu termasuklah dalam hal perkahwinan. Berdasarkan tinjauan kajian lepas, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua jenis sikap terhadap peranan gender iaitu sikap ke arah tradisional dan sikap yang terarah kepada kesamarataan atau egalitarian. Beere, King, Beere dan King (1984), mendefinisikan sikap terhadap peranan gender yang sama rata sebagai satu sikap di mana individu percaya bahawa jantina seseorang tidak mempengaruhi kebolehan, hak, peluang, dan obligasi seseorang individu. Berlawanan dengan sikap yang lebih dominan ke arah tradisional, ia meletakkan golongan lelaki sebagai ketua keluarga, mempunyai kuasa mutlak dalam semua hal, pencari rezeki, dan melakukan kerja-kerja berat. Peranan wanita pula lebih banyak di rumah untuk menguruskan rumah tangga dan anak-anak. Sikap jenis ini mencerminkan sistem patriarki dan sistem matriarki dalam kekeluargaan.

Bagaimanapun, pada masa kini, sikap ke arah tradisional dilihat semakin kurang relevan dalam masyarakat. Golongan wanita telah mendapat penghormatan dan pengiktirafan dari segi kepentingan peranan yang dimainkannya khususnya dalam pembangunan negara. Secara amnya, sikap egalitarian dilihat lebih banyak diamalkan dalam masyarakat moden pada hari ini. Namun perkara ini masih kurang jelas kerana kurang kajian dijalankan dalam aspek ini. Golongan wanita telah banyak terlibat dalam sektor pekerjaan. Situasi ini bagaimanapun memberi tekanan kepada sesetengah golongan wanita. Justeru, ahli terapi feminis menyarankan agar kesamarataan gender perlu wujud supaya hubungan antara lelaki dan wanita khususnya wanita dapat dilindungi (Pence & Paymar, 1993; Yllo & Straus, 1990). Dalam kajian ini, sikap

individu terhadap peranan gender diuji bagi melihat perkaitannya dengan hubungan perkahwinan. Perkaitan di antara semua pemboleh ubah ini ditunjukkan dalam pembinaan model seperti dalam Rajah 1.1.

Rajah 1.1 menunjukkan model *a priori* dalam kajian ini. Istilah *a priori* digunakan kerana model ini dibina oleh pengkaji berdasarkan teori dan kajian-kajian lepas. Berdasarkan rajah tersebut, terdapat empat pemboleh ubah utama iaitu kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender. Hubung kait di antara pemboleh ubah ini ditunjukkan melalui garis anak panah. Pengkaji menentukan hubung kait di antara pemboleh ubah dengan berasaskan kepada teori sistem keluarga Bowen, *Circumplex Model of Marital and Family Systems*, dan Teori Feminis yang menjelaskan tentang perkaitan aspek-aspek ini dengan kualiti perkahwinan. Bukti yang diperoleh daripada kajian-kajian lepas juga menyokong kepada perkaitan tersebut.

### 1.9 Model *a priori*



## **1.10 Limitasi Kajian**

Dalam mana-mana kajian, pengkaji ada kalanya tidak dapat mengelak daripada kewujudan halangan dan limitasi dalam kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa limitasi yang perlu dipertimbangkan oleh pengkaji lain untuk menjalankan kajian seumpama ini pada masa akan datang. Pertama, iaitu dari segi pemilihan sampel kajian yang dipilih dari dua buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Selangor berkemungkinan boleh mengehadkan dapatan kajian untuk digeneralisasikan kepada seluruh populasi kajian. Namun begitu, pemilihan ini telah mengambil kira faktor demografi yang pelbagai untuk memaksimumkan kebolehgeneralisasian dapatan kajian.

Selain itu, pemilihan sampel yang dibuat pada peringkat kedua yang melibatkan pemilihan individu yang mempunyai ciri-ciri seperti telah dan masih berkahwin, mengikuti program KEMAS, dan dibesarkan dalam persekitaran keluarga. Pemilihan sampel mengikut ciri-ciri ini mewujudkan unsur persampelan bertujuan dan boleh mengundang kepada ralat persampelan. Kaedah yang digunakan ketika mengedarkan borang kaji selidik kepada responden juga mempunyai ciri-ciri *accidental sampling* di mana sampel yang dipilih adalah dalam kalangan mereka yang hadir pada hari kutipan data dijalankan (Leedy & Ormrod, 2005). Hal ini berkemungkinan boleh memberi kesan kepada penganggaran model. Hal ini perlu diteliti oleh pengkaji yang ingin menjalankan kajian dalam bidang yang sama. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengambil langkah untuk mengawal bias dan ralat yang berkemungkinan boleh berlaku. Pengkaji telah sedaya upaya memaksimumkan penggunaan kaedah *probability sampling* atau persampelan kebarangkalian ketika peringkat awal pemilihan sampel bagi tujuan ini. Persampelan kebarangkalian membolehkan setiap segmen dalam populasi dapat diwakili oleh sampel (Leedy & Ormrod, 2005).

Ketiga, oleh kerana kajian ini menggunakan instrumen soal selidik atau laporan kendiri, maka ia bergantung sepenuhnya kepada kejujuran sampel kajian dalam menjawab soal selidik yang mana hal ini tidak dapat ditentukan oleh pengkaji sendiri. Penggunaan alat ujian juga boleh menimbulkan isu bias dalam respons yang diberikan. Selain itu, penggunaan soal selidik turut mengehadkan pendedahan maklumat oleh sampel kajian yang berdasarkan item yang terdapat dalam laporan kendiri sahaja. Alat ujian yang digunakan dalam kajian ini adalah alat ujian yang piawai. Maka, proses ubahsuai item tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya. Justeru kajian ini menggunakan item-item asal tanpa sebarang pengubahsuaian selain melalui proses terjemahan. Item-item ini perlu disemak dengan lebih teliti kerana ia dibina dalam budaya Barat, berkemungkinan boleh memberi kesan kepada penganggaran model. Bagaimanapun, alat ujian ini telah disahkan melalui prosedur *confirmatory factor analysis* dengan faktor muatan yang signifikan bagi setiap sub konstruk.

Keempat, kaedah pemungutan data dalam kajian juga boleh mengundang kepada berlakunya ralat. Sebagai contoh, terdapat beberapa orang responden yang memerlukan bantuan untuk membaca borang kaji selidik ketika proses pungutan data disebabkan oleh faktor kesihatan mata. Keadaan ini juga dikhuatir boleh mengundang kepada ralat dalam kajian. Walau bagaimanapun, limitasi-limitasi ini tidak mengehadkan kajian ini daripada memberi sumbangan kepada literatur dalam bidang kaunseling kekeluargaan dan perkahwinan di Malaysia. Justeru, para pengkaji akan datang perlu meneliti limitasi-limitasi yang disenaraikan sekiranya berhasrat untuk menjalankan kajian seperti ini. Dengan langkah awal yang berhati-hati dan sentiasa peka kepada hal-hal yang boleh menyumbang kepada ralat, segala limitasi boleh diminimumkan.

## **1.11 Definisi operasional dan konseptual**

### **1.11.1 Individu berkahwin**

Individu berkahwin merujuk kepada individu yang mempunyai ikatan perkahwinan secara sah di sisi agama dan undang-undang. Olson dan DeFrain (2000), mendefinisikan perkahwinan adalah satu ikatan antara dua individu yang sah dari segi undang-undang, mempunyai komitmen bersama dalam aspek-aspek seperti emosi, kemesraan fizikal, tugas rumah tangga dan sumber ekonomi. Dalam konteks kajian ini, individu berkahwin yang dipilih adalah terdiri dalam kalangan individu berkahwin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Selangor yang terlibat dengan program anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat. Individu berkahwin yang terlibat dalam kajian ini adalah mereka yang mempunyai pasangan yang masih hidup dan membesar dalam persekitaran keluarga. Majoriti individu berkahwin yang terlibat dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu yang mempunyai pendapatan rendah dan sederhana.

### **1.11.2 Kualiti perkahwinan**

Marks (1989) mendefinisikan kualiti hubungan perkahwinan sebagai kesan bagaimana sesuatu hubungan perkahwinan itu diatur secara sistematik. Fincham dan Bradbury (1987) pula mendefinisikan kualiti perkahwinan sebagai penilaian global individu terhadap perkahwinan mereka. Manakala Lewis dan Spanier (1979) menyatakan bahawa kualiti perkahwinan adalah penilaian subjektif terhadap hubungan berpasangan. Dalam konteks kajian ini, kualiti perkahwinan diukur berdasarkan tiga dimensi yang dicadangkan oleh Spanier iaitu kepuasan, persetujuan dan kohesi dalam perkahwinan dengan menggunakan alat Skala Penyesuaian Dyadic-Disemak. Kohesi adalah kejelekitan hubungan individu dengan pasangan melalui perkongsian aktiviti, perbincangan dan pertukaran pendapat serta peluang masa bersama-sama. Aspek

kepuasan merangkumi hal-hal berkaitan perpisahan, penyesalan dalam hubungan, pertengkaran, dan kemarahan. Aspek persetujuan pula adalah sejauh mana individu mempunyai persetujuan dengan pasangan dalam hal-hal agama, mempamerkan rasa kasih sayang secara terbuka, pembuatan keputusan, hubungan intim, dan tingkah laku moral.

### **1.11.3 Keluarga asal atau *family of origin***

Keluarga asal atau *family of origin* bermaksud ibu bapa dan adik beradik seseorang individu, biasanya ia merujuk kepada keluarga asal seseorang individu dewasa (Nichols, 2010). Keluarga asal melibatkan penjaga dan adik-beradik di mana seseorang itu dibesarkan, atau kumpulan sosial pertama yang dipunyai oleh individu, yang biasanya terdiri dalam kalangan keluarga secara biologikal, atau keluarga angkat. Dalam konteks kajian ini, keluarga asal merujuk persekitaran keluarga asal yang melibatkan hubungan dengan ibu bapa dan adik-beradik bagi individu yang berkahwin. Persepsi individu tentang keluarga asal adalah berdasarkan pengalamannya sendiri dalam keluarga masing-masing, tanpa melibatkan keluarga atau hubungan dengan pasangan.

### **1.11.4 Kefungsian keluarga**

Olson, Sprenkle dan Russell (1979) dalam *Circumplex Model of Marital and Family Systems* yang dibina oleh mereka, menjelaskan bahawa kefungsian keluarga melibatkan dua elemen utama iaitu kohesi dan fleksibiliti, di samping elemen komunikasi yang bertindak membantu melancarkan kedua-dua elemen ini. Kefungsian keluarga adalah corak hubungan dalam sesebuah keluarga sama ada corak hubungan tersebut menghasilkan satu keadaan yang sihat atau sebaliknya. Kefungsian keluarga individu bergantung pada keupayaan ahlinya untuk membuat penyesuaian dengan sebarang perubahan yang berlaku dalam keluarga serta kerapatan hubungan secara seimbang

antara ahli keluarga (Olson, 2011). Dalam konteks kajian ini, kefungsian keluarga diukur melalui enam dimensi menggunakan alat ujian FACES IV. Enam dimensi tersebut adalah kohesi seimbang, fleksibiliti seimbang, huru hara, rigid, tidak berhubung dan amat sangat berhubung. Keenam-enam dimensi ini dinilai dan skor secara ratio diperolehi bagi mendapatkan nilai yang menentukan tahap kefungsian keluarga secara keseluruhan.

### **1.11.5 Kohesi**

Kohesi merujuk kepada kejelekitan atau kesepadan. Kohesi bermaksud sejauh mana ahli dalam sistem kekeluargaan berhubung secara emosi antara satu sama lain (Olson & Gorall, 2003). Kejelekitan hubungan digambarkan melalui ciri-ciri seperti kedalaman ikatan emosi, sempadan dalaman keluarga, gabungan atau *coalitions* antara ahli, peluang masa bersama, ruang atau jarak, rakan di luar konteks keluarga, kuasa dalam pembuatan keputusan, minat ahli dan aktiviti rekreasi. Dalam kajian ini, kohesi merupakan salah satu dimensi dalam kefungsian keluarga yang diukur melalui sub konstruk kohesi dalam FACES IV.

### **1.11.6 Fleksibiliti**

Fleksibiliti merujuk kepada penyesuaian atau keupayaan keluarga untuk menyeimbangkan perubahan dan kestabilan yang membolehkan ia berfungsi dengan optimum serta dapat memberi maklum balas kepada permintaan perubahan dalaman dan luaran (Olson & Gorall, 2003). Ia merujuk kepada bagaimana ahli keluarga dapat menstabilkan, menyeimbangkan dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang wujud dalam sistem mereka (Olson & Gorall, 2003). Fleksibiliti melibatkan ukuran terhadap aspek kepimpinan seperti kawalan dan disiplin, gaya perundingan, peranan dan

peraturan hubungan. Dalam kajian ini, fleksibiliti merupakan salah satu dimensi dalam kefungsian keluarga yang diukur melalui sub konstruk fleksibiliti dalam FACES IV.

### **1.11.7 Pembezaan kendiri**

Pembezaan kendiri merujuk kepada keupayaan individu untuk memisahkan atau membezakan diri mereka dengan keluarga asal, pada tahap emosi dan intelek yang seimbang, hingga memberi kestabilan kepada dimensi intrapsikik dan interpersonal (Bowen, 1978). Empat faktor yang menjelaskan tentang tahap pembezaan kendiri ialah reaksi emosi, pemisahan emosi, penyatuan dengan orang lain, dan kebolehan untuk mengambil posisi saya atau *I position* (Tuason & Friedlander, 2000). Dalam konteks kajian ini, pembezaan kendiri diukur berdasarkan empat dimensi tersebut iaitu posisi saya, reaksi emosi, pemisahan emosi dan penyatuan dengan orang lain. Konsep ini diukur menggunakan alat ujian Inventori Pembezaan Kendiri. Reaksi emosi melibatkan bagaimana individu memberi maklum balas secara emosi apabila berlakunya sesuatu peristiwa atau keadaan. Reaksi emosi kemudiannya dimanifestasi dalam bentuk terlebih penglibatan dengan ibu bapa, atau emosi yang terpisah dengan ibu bapa (*emotional cut off*). Posisi saya melibatkan keupayaan individu berpegang kepada pendiriannya dengan bersikap assertif dan tidak mudah terpengaruh dengan persekitaran. Individu yang mempunyai pembezaan kendiri berupaya menjarakkan diri daripada orang lain secara seimbang dari segi emosi. Mereka juga tidak takut kehilangan identiti dan mempunyai lekatan dengan keluarga asal yang berjaya diselesaikan. Penyatuan dengan orang lain melibatkan penglibatan individu dengan individu yang mempunyai hubungan dengannya sama ada terlalu rapat mahupun terlalu jauh, atau seimbang.

### **1.11.8 Sikap terhadap peranan gender**

Sikap terhadap gender merupakan sikap individu terhadap gender yang terbentuk dalam budaya masyarakat tertentu. Secara umum, terdapat dua jenis sikap terhadap gender iaitu sikap moden atau sama rata dan sikap tradisional. Beere, King, Beere dan King (1984) mendefinisikan sikap terhadap peranan gender yang sama rata sebagai suatu keadaan di mana individu percaya bahawa gender seseorang tidak mempengaruhi persepsi terhadap kebolehan, hak, obligasi dan peluang seseorang. Sikap tradisional pula melibatkan sikap terhadap gender yang tidak seimbang, yang memberi keutamaan kepada satu-satu golongan gender berbanding gender yang lain. Dalam konteks kajian ini, sikap terhadap peranan gender diukur berdasarkan lima dimensi iaitu peranan keibubapaan, kerjaya, pendidikan, perkahwinan dan heteroseksual-sosial. Konsep ini diukur menggunakan Skala Kesamarataan Peranan Gender. Peranan keibubapaan melibatkan sikap individu terhadap tugas-tugas keibubapaan, peranan kerjaya pula melibatkan sikap individu terhadap aspek pengembangan kerjaya dan bidang kerjaya. Peranan pendidikan melibatkan sikap individu terhadap peluang pendidikan dan jenis pendidikan, dan peranan perkahwinan melibatkan sikap individu terhadap hal-hal rumah tangga, dan peranan heteroseksual-sosial melibatkan sikap individu terhadap hubungan interpersonal dan persekitaran sosial (Beere, King, Beere dan King, 1984)

### **1.11.9 Moderator**

Moderator adalah pemboleh ubah kualitatif atau kuantitatif yang memberi kesan kepada arah atau kekuatan hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar (Baron & Kenny, 1986). Kehadiran moderator dalam sesuatu model kajian, menunjukkan bahawa ia memberi perbezaan yang ketara kepada model kajian. Dalam kajian ini, pengujian moderator melibatkan tiga kumpulan utama iaitu tempoh perkahwinan, umur dan tahap akademik.

### **1.11.10 Kesan langsung**

Kesan langsung adalah melibatkan perhubungan di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain yang wujud dalam model yang dibina. Perhubungan ini melibatkan hubungan secara terus di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Dalam kajian ini, kesan langsung yang terlibat adalah di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan, pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan, sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan, sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri, dan kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

### **1.11.11 Kesan tidak langsung**

Kesan tidak langsung melibatkan perhubungan di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang disebabkan oleh pemboleh ubah penengah yang lain. Kehadiran pemboleh ubah penengah diuji sama ada ia memberi kesan tidak langsung kepada model kajian atau sebaliknya. Dalam hal ini, apabila pemboleh ubah penengah wujud dalam suatu model yang dikaji, maka ia berkemungkinan boleh mengubah kekuatan hubungan langsung di antara pemboleh ubah eksogenous dengan pemboleh ubah endogenous. Sekiranya kehadiran pemboleh ubah penengah didapati tidak memberi kesan signifikan kepada model, maka pemboleh ubah tersebut tidak memberi sebarang kesan tidak langsung dalam model yang dikaji. Dalam kajian ini, kesan tidak langsung diuji bagi perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan melalui pemboleh ubah penengah pembezaan kendiri, dan perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan melalui pemboleh ubah penengah pembezaan kendiri.

## **1.12 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan pengenalan awal kepada fenomena yang ingin dikaji. Bab ini juga telah menghuraikan perkara-perkara penting dalam kajian ini iaitu pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif, hipotesis, soalan kajian, asas teori, kerangka konseptual kajian atau model *a priori*, limitasi dan definisi istilah. Bab seterusnya adalah bab yang membincangkan tentang kajian literatur dan asas teori yang digunakan sebagai rujukan utama dalam kajian ini.

## **BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

### **2.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan tentang pendekatan teori yang dijadikan panduan dalam kerangka kajian ini di samping sorotan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan skop kajian yang dijalankan. Secara terperinci, ia menyentuh tentang pengenalan kepada konsep kualiti perkahwinan di samping kepentingan hubungan perkahwinan yang berkualiti dalam kehidupan. Bahagian ini juga menyorot tentang bagaimana pengkaji-pengkaji lepas melihat faktor yang dapat meningkatkan kualiti perkahwinan berdasarkan beberapa perspektif teori. Kemudian, rumusan tentang faktor-faktor ini dibuat dan diterangkan faktor-faktor yang terlibat dalam kajian ini. Pertimbangan ke atas faktor-faktor lain juga turut dinyatakan.

### **2.2 Pengenalan kepada konsep kualiti perkahwinan**

Perkahwinan adalah satu ikatan antara dua individu yang sah dari segi undang-undang, mempunyai komitmen bersama dalam aspek-aspek seperti emosi, kemesraan fizikal, tugas rumah tangga dan sumber ekonomi (Olson & DeFrain, 2000). Hasil hubungan perkahwinan boleh digambarkan dalam pelbagai istilah. Literatur dalam bidang perkahwinan menunjukkan pengkaji-pengkaji lepas menggunakan pelbagai istilah yang berbeza untuk menggambarkan hasil hubungan perkahwinan. Antaranya ialah kualiti perkahwinan (Bouchard, 2005; Johnson, Amoloza, & Booth, 1992), kepuasan perkahwinan (Jose & Alfons, 2007; O'Connor & Insabella, 1999; Weston, & Macklin, 1990), penyesuaian perkahwinan (Fine, Ganong, & Coleman, 1997) kebahagiaan perkahwinan, kesejahteraan perkahwinan dan beberapa istilah lain.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan istilah kualiti perkahwinan. Dalam memahami tentang kualiti perkahwinan, terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh pengkaji lepas terhadap konsep ini. Fincham dan Bradbury (1987) mendefinisikan kualiti perkahwinan sebagai penilaian global individu terhadap perkahwinan mereka. Maksud yang hampir sama juga diberikan oleh Lewis dan Spanier (1979), iaitu kualiti perkahwinan adalah penilaian subjektif terhadap hubungan berpasangan. Oleh kerana kualiti hubungan perkahwinan merupakan satu aspek yang bersifat subjektif, maka tiada satu-satu tanda aras yang tepat dan objektif untuk mengukur dan mengklasifikasikan sama ada hubungan perkahwinan itu berkualiti atau sebaliknya. Justeru, penilaian yang lebih umum adalah lebih sesuai.

Spanier (1976) menegaskan bahawa kualiti perkahwinan harus dinilai dengan mengambil kira aspek hubungan secara keseluruhan tanpa meletakkan mana-mana ukuran objektif sebagai tanda aras. Tiga elemen yang dicadangkan oleh Spanier untuk menentukan kualiti perkahwinan secara umum ialah kohesi dalam hubungan, kepuasan dan persetujuan yang dicapai dalam hubungan. Kohesi mencerminkan kejelekitan hubungan individu dengan pasangan melalui perkongsian aktiviti, perbincangan dan pertukaran pendapat, dan peluang masa bersama-sama. Aspek kepuasan merangkumi hal-hal berkaitan perpisahan, penyesalan dalam hubungan, pertengkar, dan kemarahan. Manakala aspek persetujuan menilai sejauh mana individu mempunyai persetujuan dengan pasangan dalam hal-hal agama, menonjolkan rasa kasih sayang secara terbuka, pembuatan keputusan, hubungan intim, dan tingkah laku moral.

Kualiti perkahwinan juga boleh didefinisikan sebagai kesan bagaimana sesuatu hubungan perkahwinan diatur secara sistematik (Marks, 1989). Menurut Marks, aturan ini dijelaskan melalui tiga aspek diri iaitu aspek dalaman diri individu, aspek perkongsian dengan pasangan dan aspek luaran. Aspek luaran merujuk kepada perkara-perkara yang menjadi tumpuan individu selain daripada dirinya sendiri dan pasangan.

Antara contoh aspek luaran ialah kerjaya, anak-anak, kesihatan dan hobi. Menurut Marks lagi, tahap kualiti hubungan perkahwinan individu dipengaruhi oleh pergerakan ketiga-tiga aspek ini. Pergerakan setiap aspek individu menentukan corak hubungan perkahwinan. Pergerakan di antara aspek-aspek ini bermaksud bagaimana individu mengagihkan ruang yang ada pada diri mereka untuk ketiga-tiga aspek ini. Agihan yang dibuat secara seimbang mewujudkan hubungan perkahwinan yang berkualiti.

### **2.3 Hubungan perkahwinan yang berkualiti**

Hubungan perkahwinan memainkan peranan yang amat penting dalam seluruh kehidupan individu. Kajian menunjukkan bahawa individu akan lebih sejahtera apabila mereka berkahwin (Gottman, 1994; Kelly & Conley, 1987; Orbuch & Custer, 1995). Individu dapat menikmati banyak aspek kehidupan dan dapat menangani isu-isu yang timbul dalam kehidupan seharian dengan baik. Selain itu, hubungan perkahwinan yang berkualiti juga menjadi contoh teladan kepada anak-anak (Cummings & Davies, 1995; Hakvoort, Bos, Van Balen, & Hermanns, 2010), mempengaruhi pengalaman anak-anak dalam kehidupan (Schermerhorn, D'Onofrio, Ganiban, Lichtenstein, Turkheimer, Spotts, Reiss, & Neiderhiser, 2011; Hakvoort, Bos, Van Balen, & Hermanns, 2010) serta mempengaruhi hubungan anak-anak dengan orang lain (Martinson et.al, 2010; Scharf & Mayseless, 2001; Martin, 1990; Steinberg, Davila, & Fincham, 2006).

Di samping itu, hubungan perkahwinan ibu bapa juga memberi kesan mendalam kepada anak-anak yang menjadi pemerhati dalam keluarga. Kesan ini mungkin diterjemahkan dalam perlakuan yang positif dan negatif. Sekiranya perlakuan adalah negatif, maka ia dianggap sebagai kesan buruk daripada hubungan perkahwinan yang kurang memuaskan. Dalam keadaan sebegini, ia perlu dirawat supaya kesan negatif tersebut tidak terus berlaku dalam keluarga. Hubungan perkahwinan juga dikaitkan

dengan kestabilan perkahwinan dalam tempoh masa yang lebih panjang. Sekiranya hubungan perkahwinan pada masa kini adalah berkualiti, berkemungkinan besar perkahwinan akan berkekalan begitu juga sebaliknya.

Di Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) melaporkan tentang tuntutan kes perceraian yang meningkat pada setiap tahun. Pada tahun 2010 sebanyak 14224 kes dilaporkan, diikuti 15000 kes perceraian pada tahun 2011, 16422 kes pada tahun 2012, 17982 kes pada tahun 2013, 20655 kes pada tahun 2014, dan 22071 kes pada tahun 2015. Dalam tempoh ini, Negeri Selangor telah direkodkan sebagai negeri yang paling banyak berlakunya kes perceraian diikuti oleh negeri Johor, Kelantan, Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Golongan yang berumur 35 tahun ke bawah pula merupakan golongan yang mencatatkan kes perceraian tertinggi. Golongan yang berkahwin dalam tempoh satu hingga enam tahun mendominasi bilangan tertinggi dalam statistik perceraian dari segi tempoh perkahwinan. Keadaan ini tidak banyak berbeza dengan situasi pada tahun 2011, di mana dalam satu laporan akhbar Utusan Online bertarikh 4 Mac 2011 melaporkan bahawa berlaku satu perceraian bagi setiap 15 minit dalam kalangan pasangan Islam di Malaysia (Utusan Online, 4 Mac, 2011).

Rika Fatimah (2008) juga mendapati bahawa individu berkahwin di Malaysia mengalami masalah dalam hubungan perkahwinan di mana golongan berbangsa Melayu mencatatkan peratusan tertinggi dalam masalah hubungan perkahwinan. Ini diikuti oleh bangsa Cina dan India. Selain itu, tahap kualiti perkahwinan isteri dan tingkah laku keibuan (isteri) didapati adalah rendah khususnya dalam keluarga berisiko (Noralina Omar, 2001). Keluarga berisiko melibatkan mereka yang berpendapatan rendah. Tahap kualiti perkahwinan individu juga turut dipengaruhi oleh ciri-ciri sosioekonomi, latar belakang pendidikan dan status pekerjaan. Dalam kajiannya, Noralina Omar juga

mendapati bahawa tahap kualiti perkahwinan didapati lebih rendah dalam kalangan masyarakat yang mempunyai tahap sosioekonomi yang rendah. Bukti-bukti ini seumpama memberi tanda peringatan awal kepada masyarakat dan pihak berkaitan tentang masalah dalam institusi perkahwinan dan kekeluargaan di Malaysia yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Keadaan ini juga menunjukkan perlunya perhatian yang lebih khusus kepada golongan yang berbangsa Melayu, yang terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah atau sederhana dari pelbagai latar belakang pendidikan yang berbeza.

Hubungan perkahwinan adalah satu topik yang amat luas untuk dikaji. Jumlah perceraian yang semakin meningkat pada setiap tahun di dalam dan di luar negara juga memberi peringatan awal kepada semua pihak tentang keperluan untuk memperkasakan kedudukan institusi perkahwinan. Jumlah perceraian yang tinggi ini mungkin memberi gambaran tentang kualiti perkahwinan yang kurang memuaskan. Keadaan yang berlaku di dalam dan di luar negara ini telah menarik minat ramai pengkaji lain untuk meneliti faktor-faktor yang dapat membantu meningkatkan lagi kualiti perkahwinan.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang boleh dikaitkan dengan kualiti perkahwinan. Sejak akhir-akhir ini juga, tumpuan untuk memahami tentang faktor yang membantu kepada pembentukan kualiti perkahwinan semakin mendapat perhatian. Namun begitu, penyelidikan dalam bidang kualiti perkahwinan adalah amat luas dan subjektif (Rika Fatimah, 2008). Penyelidikan ini merangkumi pelbagai perspektif teori untuk difahami dalam memperjelaskan kompleks kualiti hubungan perkahwinan.

## **2.4 Pendekatan dalam memahami tentang kualiti perkahwinan**

Berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas, para pengkaji menggunakan pelbagai perspektif teori untuk memahami tentang faktor-faktor yang boleh membantu meningkatkan kualiti perkahwinan. Perspektif ini termasuklah perspektif teori evolusi (Darwin, 1871, 2003), teori pertukaran sosial (Levinger, 1976; Huston & Burgess, 1979), teori krisis (Hill, 1949), teori psikososial (Bradbury, Fincham, & Beach, 2000; Gottman & Levenson, 1992; Stanley, Blumberg, & Markman, 1999; Yoon & Lawrence, 2013), teori tingkah laku (Thibaut & Kelly, 1959; Bowlby, 1979), dan perspektif yang melihat transformasi baru dalam memahami faktor yang dapat membantu meningkatkan kualiti perkahwinan (Fincham, Stanley, & Beach, 2007).

Teori evolusi menjelaskan tentang kepuasan hubungan perkahwinan yang dapat dicapai apabila individu mendapatkan bahawa pasangan telah memenuhi keperluan hidupnya atau sebaliknya (Darwin, 1871, 2003). Teori ini juga memberi penekanan sama ada terdapat atau tidak halangan atau sekatan sama ada untuk meninggalkan atau meneruskan hubungan perkahwinan misalnya dengan kehadiran anak-anak. Kehadiran anak-anak mewujudkan rasa komitmen dan tanggungjawab kepada pasangan untuk membesarkan anak-anak mereka. Hal ini menjadi faktor atau alasan untuk individu dan pasangan meneruskan hubungan perkahwinan. Teori ini menjelaskan bagaimana konsep pemenuhan keperluan dan kewujudan halangan atau sekatan dalam perkahwinan yang menjadi trajektori dalam hubungan.

Teori pertukaran sosial pula memberi penekanan tentang konsep timbal balik di antara individu dan pasangan dalam hubungan perkahwinan (Levinger, 1976; Huston & Burgess, 1979). Perspektif ini melihat individu akan meneruskan hubungan perkahwinan meskipun pasangan mempunyai kelemahan tertentu. Individu lebih melihat kepada kelebihan yang ada pada diri pasangan berbanding dengan kelemahan yang dimiliki. Sebagai contoh, individu masih menerima pasangan yang kurang berharta

kerana meskipun pasangan kurang berharta, namun mempunyai hati yang baik dan emosi yang stabil yang membuatkan dia berasa selamat apabila berada di samping pasangan.

Seterusnya, teori krisis menjelaskan tentang bagaimana individu mempersepsi aspek tekanan atau sesuatu peristiwa dalam hubungan perkahwinan (Hill, 1949). Ia melihat keupayaan individu untuk mengatasi tekanan dan mengawal punca tekanan dalam perkahwinan. Hubungan perkahwinan yang berkualiti dapat dicapai sekiranya individu dan pasangan mempunyai keupayaan untuk menangani tekanan dan krisis dalam kehidupan dengan baik. Krisis yang berlaku dalam kehidupan tidak mengganggu keharmonian hubungan dalam rumah tangga.

Teori tingkah laku pula melihat bagaimana aspek peneguhan dan hukuman diaplikasikan dalam hubungan perkahwinan (Thibaut & Kelly, 1959; Bowlby, 1979). Pujian dan hadiah yang diberikan oleh pasangan boleh menjadi peneguhan yang positif dalam hubungan perkahwinan. Ia juga membuatkan pasangan berasa gembira dan lebih dihargai. Seterusnya, membawa kesan jangka panjang yang positif dalam hubungan perkahwinan. Begitu juga hukuman yang dikenakan dalam sesuatu hubungan. Ia juga mungkin boleh dikaitkan dengan peraturan dalam sesuatu hubungan yang dibentuk oleh individu dan pasangan.

Teori kaunseling dan psikoterapi turut membantu dalam memahami tentang kualiti perkahwinan. Secara khusus, teori dalam bidang terapi perkahwinan dan kekeluargaan juga lebih tepat dapat menjurus kepada perbincangan tentang dinamik hubungan perkahwinan dan kekeluargaan. Antara teori-teori dalam bidang perkahwinan dan kekeluargaan ialah teori sistem keluarga Bowen (Bowen, 1976), teori keluarga struktural (Minuchin, 1974), terapi keluarga *experiential* (Whitaker, 1976a), terapi

berfokuskan penyelesaian (De Jong & Berg, 2002), dan terapi naratif (White & Epston, 1990).

Dalam usaha untuk memahami faktor yang boleh menyumbang kepada kualiti perkahwinan, terdapat juga pengkaji yang membuat transformasi baru dalam bidang penyelidikan untuk memahami aspek ini. Transformasi tersebut melibatkan penekanan yang diberi kepada aspek psikologi positif individu seperti peranan kemaafan, komitmen dan pengorbanan dalam hubungan perkahwinan individu yang dapat membantu meningkatkan kualiti perkahwinan (Fincham, Stanley, & Beach, 2007). Transformasi ini lebih melihat kepada motivasi dalaman yang dipunyai oleh individu untuk menerima segala kelemahan dalam hubungan dan lebih mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan hubungan perkahwinan.

Berdasarkan kepada penelitian perspektif-perspektif teori ini dan sorotan kajian-kajian lepas, faktor-faktor yang dapat membantu meningkatkan kualiti perkahwinan boleh dibahagi kepada empat bahagian utama iaitu faktor keluarga, faktor individu, faktor konteks dan faktor pasangan. Faktor keluarga di antaranya merangkumi pengalaman individu dalam keluarga, hubungan dengan adik-beradik, bilangan anak-anak dan hal-hal yang belum dapat diselesaikan dalam hubungan keluarga atau *unfinished business* (Falcke, Wagner, & Mosmann , 2008; Hanzal & Segrin, 2008; Topham, Larson, & Holman, 2005; Twenge & Campbell, 2003). Faktor individu atau dalaman diri merangkumi pembezaan kendiri, personaliti, sikap terhadap peranan gender dalam perkahwinan, emosi dan lain-lain (Rumaya Juhari, Irese Tsen, & Siti Nor Yaacob, 2007; Atkinson, Greenstein, & Lang, 2005; McGovern & Meyers, 2002; Berman, 2005).

Faktor konteks pula merangkumi aspek-aspek demografi seperti status pekerjaan, umur, tempoh perkahwinan, lokasi, pendapatan, kehadiran anak, latar

belakang akademik, bangsa dan lain-lain (Mirecki, Chou, Elliot, & Schneider, 2013; Noralina Omar, 2008; Rumaya Juhari, Irese Tan, & Siti Nur Yaacob, 2007; Kinnunen & Feldt, 2004; Raley & Bumpass, 2003; Heaton, 2002). Faktor pasangan melibatkan keselarasan atau kesamaan pasangan dalam pelbagai aspek perkahwinan dan kehidupan (Busby, Holman, & Taniguchi, 2001; Holman, 2001; Lewis & Spanier, 1979). Wujud cabaran besar kepada pengkaji dalam bidang kualiti perkahwinan untuk mengkaji faktor-faktor yang membawa kepada kualiti perkahwinan kerana terdapat pelbagai aspek yang perlu difahami. Meskipun begitu, amat perlu untuk mengenal pasti aspek yang boleh membantu meningkatkan kualiti perkahwinan dalam usaha ke arah mencapai matlamat Dasar Keluarga Negara.

## **2.5 Teori dalam bidang kaunseling keluarga dan perkahwinan**

Dalam bidang kaunseling keluarga dan perkahwinan, terdapat beberapa teori yang mempelopori bidang ini. Antaranya ialah teori sistem keluarga Bowen, teori keluarga stuktural, teori keluarga strategik, terapi keluarga *experiential*, terapi keluarga naratif, dan terapi keluarga berfokuskan penyelesaian.

### **Teori sistem keluarga Bowen**

Teori sistem keluarga Bowen (1978) menjelaskan tentang lapan konsep utama yang perlu diberi tumpuan iaitu pembezaan kendiri, sistem emosi, proses pindahan multi generasi, sistem emosi keluarga nuklear, proses projeksi keluarga, segi tiga atau *triangles*, kedudukan adik-beradik, dan pengunduran sosial atau *societal regression* (Bowen, 1978; Kerr, 1981). Secara umumnya, teori ini memberi fokus kepada aspek emosi ahli keluarga. Teori ini menjelaskan tentang bagaimana pengalaman dalam keluarga asal mempengaruhi cara individu membina hubungan dengan orang lain,

termasuklah dengan pasangan. Teori ini juga menghuraikan bagaimana hubungan individu dipengaruhi oleh keupayaan untuk membuat keseimbangan di antara emosi dan pemikiran. Sekiranya individu gagal untuk membuat keseimbangan dalam konsep-konsep ini, akan mengakibatkan kesakitan emosi kerana ia berkait antara satu sama lain. Kesakitan emosi ini akan mempengaruhi keseluruhan sistem keluarga. Menurut Bowen, kerisauan yang ada pada ahli keluarga akan berterusan dalam generasi keluarga yang seterusnya jika ia tidak dirawat (Kerr, 1988). Kesan berpanjangan yang dipindahkan kepada generasi keluarga yang seterusnya boleh memberi kesan kepada corak hubungan individu dengan orang lain pada masa hadapan.

### **Terapi keluarga struktural**

Terapi keluarga struktural memberi penekanan kepada kepentingan struktur dalam keluarga (Minuchin, 1974). Konsep utama yang ditekankan dalam terapi ini ialah batasan dalam keluarga. Batasan ini mungkin boleh dalam jenis yang rigid, jelas dan mengelirukan. Masalah wujud apabila batasan menjadi tidak jelas atau terlalu rigid sehingga menyebabkan interaksi antara ahli keluarga menjadi tidak berfungsi. Matlamat utama terapi adalah untuk menyelesaikan masalah dengan mengubah struktur sistem dan batasan yang bermasalah. Antara teknik-teknik dalam teori ini ialah *joining and accomodating*, enakmen, pemetaan struktural, mengenal pasti dan mengubahsuai interaksi, batasan, ketidakseimbangan dan mencabar jangkaan yang tidak produktif.

### **Terapi keluarga *experiential***

Terapi keluarga *experiential* adalah terapi yang menekankan tentang konsep *here and now*. Terapi ini juga memberi fokus kepada pengalaman emosi berbanding dengan

corak interaksi dalam keluarga. Terapi ini bagaimanapun, popular pada tahun 1960an, dan kini dianggap sebagai teori yang telah agak lama. Namun begitu, terapi keluarga *experiential* dikembangkan semula melalui dua model iaitu Greenberg dan Johnson's (1988) *emotionally focused couples therapy* dan Schwartz's (1995) *internal family systems model*. Terapis *experiential* menganggap keluarga sebagai tempat untuk berkongsi pengalaman. Dalam keluarga, ibu bapa membuat kawalan kepada anak dengan seimbang, anak-anak dibesarkan dalam persekitaran yang menyokong perasaan mereka. Ibu bapa juga menghargai emosi dan pengalaman anak-anak. Tingkahlaku bermasalah wujud apabila berlakunya pengabaian dorongan, penindasan perasaan dan kurangnya kasih sayang dalam keluarga. Matlamat utama terapi adalah untuk membuat perubahan kepada ahli keluarga melalui tiga cara iaitu setiap ahli keluarga perlu kongruen dan jujur dalam melaporkan apa yang dilihat, dirasai dan difikirkan tentang ahli keluarga, menghargai keunikan setiap ahli keluarga dan perbezaan ahli keluarga perlu diiktiraf secara terbuka dan dimanfaatkan untuk perkembangan keluarga. Antara teknik yang digunakan dalam terapi ini ialah *family sculpting*, *choreography*, sentuhan, lukisan keluarga, main peranan, dan kerusi kosong.

### **Terapi keluarga strategik**

Terapi keluarga strategik memberi penekanan kepada aspek komunikasi dalam keluarga. Terapi ini berkembang melalui beberapa model iaitu *MRI's brief therapy*, *Haley and Madane's strategic therapy*, dan *Milan systematic model*. Terapi ini melihat dua proses dalam keluarga iaitu maklum balas negatif dan maklum balas positif. Kedua-dua jenis maklum balas ini bertujuan untuk mencapai keseimbangan pada situasi tertentu dalam keluarga. Keluarga yang sihat dapat memberi maklum balas yang baik melalui komunikasi yang jelas antara ahli keluarga. Tingkahlaku bermasalah akan

wujud apabila sistem keluarga tidak dapat mencapai keseimbangan homeostatik dan komunikasi yang tidak berfungsi (Jackson & Weakland, 1961). Keadaan bermasalah ini berkembang melalui tiga aspek iaitu *cybernetics*, stuktural, dan kefungsian. *Cybernetics* melibatkan masalah menjadi kronik kerana penyelesaian dan maklum balas yang salah. Struktural merujuk kepada masalah adalah hasil daripada *incongruous hierarchies*. Kefungsian, iaitu di mana masalah wujud apabila seseorang terlalu bersifat mengawal atau melindungi. Matlamat utama terapi strategik adalah untuk memperbaiki corak komunikasi dalam keluarga. Antara teknik yang digunakan ialah enam langkah rawatan dalam pendekatan MRI, empat langkah dalam pendekatan Haley dan Madanes, *ritual* dan *positive connotation* dalam pendekatan Milan.

### **Terapi keluarga naratif**

Dalam terapi keluarga naratif, sesuatu masalah yang berlaku dianggap hanyalah bersifat sementara (White & Epston, 1990). Terapi ini melihat bahawa manusia membina makna kehidupan berdasarkan penceritaan yang diinterpretasikan olehnya, di mana intepretasi tersebut dianggap benar. Namun begitu, budaya di mana individu dibesarkan dianggap mendominasi hidup individu sehingga menyebabkan individu terpaksa akur dengan jangkaan sesuatu budaya yang akhirnya mendatangkan masalah pada diri. Terapi keluarga naratif bermatlamat untuk membantu ahli keluarga memisahkan diri mereka daripada masalah di samping membantu ahli keluarga bebas dari penindasan jangkaan budaya, dan memperkasakan diri untuk menjadi penulis dalam kehidupannya sendiri. Justeru, penceritaan oleh klien adalah fokus terapi ini, di mana klien dibimbing untuk memhami penceritaan tersebut, dan melihat cerita dari perspektif yang berbeza. Hubungan kerjasama di antara kaunselor dan ahli keluarga amat penting sebagai asas kejayaan terapi. Antara teknik-teknik yang digunakan dalam terapi ini ialah

*externalizing conversation*, siapakah yang bertanggungjawab (individu atau masalah), membina semula cerita, memperteguhkan cerita yang baru, dan membuang jangkaan budaya yang merosakkan.

### **Terapi keluarga berfokuskan penyelesaian**

Dalam terapi keluarga berfokuskan penyelesaian, ahli keluarga dianggap sebagai pakar dalam konteks kehidupannya. Namun, ada kalanya mereka tidak dapat mengawal kehidupannya disebabkan oleh tingkahlaku dan pemikiran yang kurang sesuai. Justeru, ahli keluarga dibantu untuk menilai semula aspek kehidupan dan mengenal pasti sumber kekuatan yang boleh dijadikan pendorong kepada perubahan yang dilakukan. Terapi ini memberi tumpuan kepada aspek-aspek yang berfungsi dalam kehidupan individu. Ia lebih memberi fokus kepada apakah yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Teori ini mengemukakan konsep pengecualian kepada masalah, iaitu di mana ahli keluarga dibimbang untuk mengenal pasti situasi di mana masalah yang wujud itu tidak menganggunya. Eksternalisasi kepada masalah ini membolehkan ahli keluarga mengenal pasti situasi di mana ia tidak dipengaruhi oleh masalah tersebut. Teknik-teknik dalam teori ini termasuklah, soalan pengecualian, soalan ajaib, soalan *coping*, soalan berskala, membentuk tugas sesi pertama, dan pujian.

### **2.6 Teori yang digunakan dalam konteks kajian ini**

Dalam kajian ini, tumpuan diberi kepada tiga faktor utama iaitu faktor dalaman individu, faktor keluarga dan faktor konteks. Faktor keluarga melibatkan persekitaran keluarga asal individu, faktor dalaman individu atau diri melibatkan aspek pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender. Manakala faktor konteks melibatkan faktor latar belakang akademik, tempoh perkahwinan dan umur.

Berdasarkan perbincangan tentang empat bahagian atau faktor umum yang dikaji dalam kajian lepas serta teori-teori yang terdapat dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan, teori sistem keluarga Bowen dipilih sebagai teori utama dalam kajian ini. Teori sistem keluarga Bowen menjelaskan tentang bagaimana hubungan perkahwinan individu boleh dipengaruhi oleh aspek pengalaman dan dalaman diri individu yang mana kurang dibincangkan dalam teori-teori keluarga yang lain. Selain itu, teori sistem keluarga Bowen juga ada menjelaskan tentang dua faktor utama berdasarkan kajian lepas iaitu faktor dalaman individu dan faktor keluarga. Dalam teori sistem keluarga Bowen, ia menjelaskan tentang hubungan individu dengan orang lain yang dipengaruhi oleh keluarga asal (faktor keluarga), dan pembezaan kendiri dan sikap (faktor dalaman). Faktor-faktor ini adalah skop kajian yang ada dibincangkan dalam teori sistem keluarga Bowen berbanding teori keluarga dan perkahwinan yang lain.

Di Malaysia juga, telah ada kajian yang menjadikan teori sistem keluarga Bowen sebagai asas utama dalam kajian. Kefahaman terhadap idea dalam teori sistem keluarga Bowen perlu diperluaskan lagi supaya ia dapat difahami dan diaplikasi dengan lebih baik oleh kaunselor dan terapis. Justeru, kajian ini merujuk kepada teori sistem keluarga Bowen dalam memperjelaskan tentang kualiti hubungan perkahwinan. Huraian yang lebih terperinci ke atas aspek kajian dibuat dengan tambahan rujukan kepada model dan teori lain yang berkaitan. Teori sistem keluarga Bowen menjelaskan tentang bagaimana hubungan perkahwinan dikaitkan dengan pembezaan kendiri individu dan kefungsian keluarga asal. Idea tentang kefungsian keluarga asal dalam teori sistem keluarga Bowen diperjelaskan lagi melalui *Circumplex Model of Marital and Family Systems*. Manakala sikap terhadap peranan gender yang tidak dibincangkan dalam teori sistem keluarga Bowen dijelaskan melalui teori Feminis dan juga kajian-kajian lepas.

### **2.6.1 Teori sistem keluarga Bowen**

Murray Bowen adalah pengasas utama dalam teori ini, dan teori ini kemudiannya diperkembangkan oleh Michael Kerr. Teori ini turut dipopularkan oleh penulis seperti McGoldrick, Gerson, dan Shellenberger (1999) dan Friedman (1985). Murray Bowen membina teori ini dengan pengaruh pengalaman yang dilalui dalam kehidupannya sendiri terutama dalam kesukaran yang dialami dalam keluarga asalnya. Bowen berpendapat bahawa sekiranya individu tidak meneliti dan memperbaiki corak hubungan dalam generasi lepas, maka mereka akan cenderung untuk mengulangi perkara yang sama dalam keluarga mereka (Kerr, 1988). Kemungkinan mengulangi tingkah laku yang sama dalam hubungan interpersonal terutamanya dalam hubungan perkahwinan berlaku pada generasi seterusnya apabila ahli keluarga dicirikan sama ada sebagai terlebih penglibatan dalam emosi atau pemisahan emosi di antara satu sama lain.

Bowen memberi penekanan tentang kesedaran manusia terhadap aspek utama dalam sistem emosi dan sistem intelek. Apabila emosi mendominasi sistem intelek dan merosakkan kefungsian intelek, kesakitan emosi akan berlaku (Bowen, 1978). Dalam keadaan kesakitan emosi yang serius, terdapat perbezaan tahap penggabungan di antara sistem emosi dan sistem intelek. Semakin tinggi gabungan, semakin individu dipengaruhi oleh sistem emosi orang di sekelilingnya. Bahkan, semakin tinggi risiko manusia untuk mendapat kesakitan fizikal, sosial dan emosi (Bowen, 1978; Kerr & Bowen, 1988). Kesakitan ini juga dikaitkan dengan kerisauan yang kronik.

Elemen utama yang turut ditekankan dalam teori Bowen ialah terdapat kerisauan kronik dalam seluruh kehidupan individu (Friedman, 1991). Kerisauan ini boleh wujud dalam bentuk fizikal dan emosi dan dikongsi oleh semua ahli

keluarga. Sesetengah individu mungkin akan lebih mengalami kesan kerisauan ini berbanding orang lain kerana hubungan dalam generasi keluarganya yang lepas telah berpindah atau diwariskan kepada generasinya pula (Friedman, 1991). Sekiranya kerisauan ini berada pada tahap yang rendah, maka kurang masalah yang timbul bagi individu atau keluarga terbabit. Bagaimanapun, dalam situasi kerisauan yang tinggi, corak yang bermasalah akan wujud sepanjang kehidupannya.

Untuk memahami bagaimana kerisauan kronik dan proses emosi dalam keluarga dan masyarakat berlaku, Bowen (1978) telah menghuraikan tentang lapan konsep utama yang saling berkait. Pemahaman terhadap lapan konsep ini membolehkan kaunselor atau terapi memahami dan merawat ahli keluarga dengan baik. Lapan konsep tersebut adalah pembezaan kendiri, sistem emosi, proses pindahan multi generasi, sistem emosi keluarga nuklear, proses projeksi keluarga, segi tiga atau *triangles*, kedudukan adik-beradik, dan pengunduran sosial atau *societal regression* (Bowen, 1978; Kerr, 1981). Dalam konteks kajian ini, dua konsep utama yang berkaitan dengan konteks kajian dijelaskan iaitu pembezaan kendiri dan sistem emosi dalam keluarga nuklear.

Pembezaan kendiri adalah kapasiti atau keupayaan individu untuk melihat kembali (*revisit*) keluarga asal, memahami dan berhubung semula dengan ibu bapa, serta memahami proses semula jadi yang mencorakkan kehidupan seseorang. Pembezaan kendiri adalah memahami proses keluarga, mengetahui dan mengalami, merasa kesan secara keluruhananya serta tidak bereaksi emosi yang ekstrem terhadap proses tersebut. Pembezaan juga merujuk kepada keupayaan individu untuk memisahkan atau membezakan diri mereka dengan keluarga asal pada tahap emosi dan intelek yang seimbang (Bowen, 1978).

Setiap individu mempunyai tahap pembezaan kendiri yang berbeza. Tahap pembezaan kendiri ini bersifat kontinum atau berterusan, iaitu daripada autonomi kepada tiada pembezaan. Autonomi yang dimaksudkan adalah kebolehan untuk berfikir dalam sesuatu situasi dengan jelas, manakala tiada pembezaan bermaksud kebergantungan emosi dengan ahli keluarga yang lain meskipun hidup berjauhan daripada mereka. Dalam kes seperti ini, hubungan digambarkan sebagai keliru atau *undifferentiated family ego mass* (Bowen, 1965).

Pindahan multi generasi pula merupakan tahap pembezaan kendiri tertentu yang dipindah atau diturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Selain daripada tahap pembezaan kendiri, strategi dan corak kemahiran mengatasi tekanan individu juga cenderung untuk dipindahkan daripada generasi kepada generasi yang seterusnya. Keadaan ini disebut sebagai proses pindahan multi generasi. Dalam satu situasi keluarga yang bermasalah, ahli berkemungkinan telah dan akan mengalami masalah tersebut dalam generasi yang sebelum atau selepasnya. Ia banyak berkait dengan pengalaman individu dalam keluarga nuklearnya. Akhirnya ia membawa kepada regresi sosial.

Pembezaan kendiri banyak mencerminkan proses kefungsian emosi dalam suatu hubungan. Individu yang mempunyai pembezaan kendiri tinggi, mempunyai kawalan yang baik ke atas sistem emosi mereka. Mereka mampu untuk membezakan emosi dan pemikiran, dan membuat keputusan berdasarkan integrasi kedua-dua proses ini (Bowen, 1978; Kerr & Bowen, 1988). Individu yang mempunyai pembezaan kendiri, dapat menyeimbangkan sistem emosi dan sistem intelek dalam setiap tindakan dan keputusan serta dapat mempertimbangkan kebersamaan dan individualiti dengan sebijaknya.

Tahap pemisahan emosi dalam keluarga asal amat mempengaruhi keupayaan individu untuk menyeimbangkan di antara sistem intelek dan sistem emosi (Kerr & Bowen, 1988) dan ini juga berkaitan dengan kebersamaan atau rasa kekitaan dan individualiti atau rasa saya. Keluarga yang mempunyai kedalaman emosi yang tinggi kurang membentarkan anak-anak yang sedang membesar berkembang, berfikir dan bertindak untuk diri mereka sendiri.

Berlainan dengan keluarga yang kurang reaksi emosi, mereka mempunyai lebih rasa kendiri di mana anak-anak mempelajari daripada ibu bapa untuk beroperasi dengan sistem intelektual. Ini amat berkait rapat dengan jumlah tenaga yang disalurkan oleh keluarga terhadap matlamat hidup dan jumlah tenaga yang disalurkan oleh keluarga terhadap ahli dalam keluarga. Hal yang sama berlaku bagi anak-anak yang telah dewasa.

Individu yang mempunyai pembezaan kendiri yang baik juga adalah bermula dari anak-anak yang diberi kebebasan untuk menyatakan pandangan mereka sendiri sehingga membolehkan mereka membina imej kendiri dalam acuan diri mereka sendiri. Mereka mampu membentuk individualiti, bertanggungjawab ke atas diri sendiri, serta dapat membezakan di antara pemikiran dan perasaan seseorang. Mereka mempunyai sempadan dalaman iaitu pemikiran dan perasaan yang jelas, tidak terpengaruh oleh faktor luaran, pemikiran dan perasaan orang lain. Bowen menyebut ia sebagai ‘*solid self*’ yang dapat bertoleransi dengan situasi kerisauan dan mengambil bahagian secara bebas dalam persekitaran yang penuh emosi (Bowen, 1966, p. 365). Golongan ini juga didapati dapat membuat penaakulan yang lebih baik, kurang mengalami masalah psikologi serta lebih sihat secara fizikal (Bray, Harvey, & Williamson, 1987).

Berbeza pula dengan individu yang kurang pembezaan kendiri, individu ini sering bergantung kepada orang lain dan kurang dapat membuat keputusan untuk dirinya tanpa bantuan orang lain. Mereka amat mengambil kira penerimaan dan persetujuan daripada orang lain. Golongan ini disebut sebagai '*pseudo self*' (Bowen, 1966, p. 365), di mana bertindak dalam cara yang membolehkan orang lain memberi maklum balas kepada mereka.

Mereka biasanya mempunyai masalah untuk memisahkan diri secara emosi dengan keluarga asal. Mereka juga lebih bereaksi emosi terhadap orang lain yang signifikan, mudah dikawal oleh emosi serta bertindak terhadap situasi berdasarkan emosi berbanding fikiran. Individu ini tidak dapat menyesuaikan diri dengan situasi tekanan, di mana emosi dan intelek saling cuba untuk mendominasi antara satu sama lain. Mereka kurang daya tahan untuk membuat perubahan dalam kehidupan yang tertekan.

Bagi Knudson-Martin (1994), individu yang tidak dapat membezakan diri, menghabiskan atau menyalurkan banyak tenaga hidup dalam kebersamaan bersama ahli keluarga, menyebabkan berlakunya gabungan emosi yang ekstrem. Mereka kurang mengambil tanggungjawab untuk diri sendiri. Apabila kerapatan atau gabungan emosi semakin meningkat, reaksi emosi juga meningkat menyebabkan keupayaan individu untuk menggunakan sistem intelek menjadi menurun. Ini menyebabkan perasaan dan emosi menjadi lebih dominan dalam cara pemikiran individu. Individu yang mempunyai tahap pembezaan kendiri yang rendah juga lebih mudah untuk tertekan, lebih cenderung untuk sakit termasuklah sakit fizikal dan sosial, dan ketidakfungsian mereka akan menjadi lebih kronik berbanding dengan individu yang dapat membuat pembezaan kendiri.

Pada peringkat yang seterusnya, individu cenderung untuk mendapat anak yang sama tahap pembezaan kendiri seperti mereka yang disebut sebagai proses projeksi keluarga (Kilpatrick, 1980). Kefahaman tentang bagaimana proses pindahan generasi ini boleh berlaku penting kerana ia dapat bagi memberi celik akal kepada individu tentang kefungsian dan ketidakfungsian yang berpunca daripada kerisauan dalam sistem keluarga mereka.

Akibat daripada kerisauan yang dialami, individu memanifestasikan simptom kerisauan ini dalam hubungan mereka yang ditunjukkan melalui ketidakfungsian hubungan dengan pasangan, konflik perkahwinan, dan ketidakfungsian anak-anak. Dalam keluarga nuklear, ketiga-tiga masalah ini boleh berlaku pada bila-bila masa. Ketidakupayaan sesuatu hubungan untuk mengawal simptom ini ditentukan oleh tahap pembezaan kendiri, kedalaman dan tempoh kerisauan yang mana berpunca daripada kefungsian emosi dalam sesebuah keluarga.

Corak emosi dalam keluarga asal berperanan dalam menentukan kategori ketidakfungsian yang diperteguhkan dalam keluarga nuklear. Bagi mengelakkan diri daripada keadaan kerisauan, pasangan yang mempunyai pembezaan kendiri yang rendah akan mempunyai kerenggangan emosi antara satu sama lain. Apabila kerisauan semakin bertambah, ia disalurkan dalam empat cara iaitu konflik perkahwinan, kesakitan fizikal atau emosi salah seorang daripada pasangan, projeksi masalah kepada anak-anak, atau kombinasi kesemua faktor ini (David, 1979). Berdasarkan kepada perkaitan di antara pembezaan kendiri dengan keluarga asal atau nuklear dengan hubungan perkahwinan, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk memahami hubung kait di antara kefungsian dalam keluarga asal yang boleh mempengaruhi pembezaan kendiri individu

seterusnya memberi kesan kepada kualiti perkahwinan mereka dalam kalangan responden terpilih di Malaysia.

Dalam konteks kajian ini, teori sistem keluarga Bowen menjadi kerangka untuk memahami aspek kualiti hubungan perkahwinan dan bagaimana aspek keluarga asal dan tahap pembezaan kendiri mempengaruhi kualiti perkahwinan. Penekanan konsep asas yang ditekankan iaitu bagaimana persekitaran dalam keluarga boleh mencorakkan identiti individu sama ada mereka berjaya untuk membuat pembezaan kendiri dengan baik atau sebaliknya. Proses yang berlaku ini juga dilihat terus diperteguhkan dari satu generasi kepada generasi yang seterusnya sehinggalah mempengaruhi hubungan individu dengan orang di sekeliling terutamanya dalam aspek hubungan perkahwinan.

Terdapat empat faktor yang mencerminkan tahap pembezaan kendiri iaitu reaksi emosi, pemisahan emosi, penyatuan dengan orang lain, dan kebolehan untuk mengambil posisi saya (Tuason & Friedlander, 2000). Ciri-ciri reaksi emosi bagi individu yang kurang pembezaan kendiri adalah lebih banyak memberi tumpuan tenaga kepada pengalaman, peluahan dan kedalaman perasaan mereka. Bagi individu yang mempunyai pembezaan kendiri yang tinggi pula apabila mereka mengalami emosi yang kuat, mereka tidak tenggelam dalam emosi tersebut.

Bagi posisi saya, individu dengan pembezaan kendiri berupaya mempertahankan posisi saya dalam hubungan dan dapat mengekalkan ruang peribadi apabila ditekan oleh orang lain untuk melakukan sebaliknya. Dalam erti kata yang lain, individu bersikap asertif. Mereka berupaya mengawal diri sendiri serta mempertimbangkan pemikiran dan perasaan sendiri berbanding hanya bersetuju dengan jangkaan atau kepercayaan orang lain. Mereka dapat

mempertahankan suara dan hak serta berani menyatakan pandangan sendiri meskipun bertentangan dengan pandangan orang lain.

Pemisahan emosi pula adalah keadaan apabila interaksi pengalaman atau interpersonal adalah sangat kuat. Individu yang mempunyai pembezaan kendiri berupaya menjarakkan diri daripada orang lain secara seimbang dari segi emosi. Mereka juga tidak takut kehilangan identiti dan mempunyai lekatan dengan keluarga asal yang berjaya diselesaikan. Penyatuan dengan orang lain bagi individu yang rendah pembezaan kendiri dicirikan dengan penglibatan secara ekstrem dengan individu yang mempunyai hubungan dengannya. Sekiranya berlaku perpisahan di antara mereka, perpisahan dianggap sebagai suatu perkara yang amat mendukacitakan. Bahkan penghargaan kendiri mereka juga sangat bergantung kepada penerimaan orang lain.

Dalam usaha untuk mengukur konsep yang diketengahkan oleh Bowen ini, Skowron dan Friedlander (1998) membina inventori pembezaan kendiri yang merangkumi empat dimensi iaitu reaksi emosi, pemisahan emosi, penyatuan dengan orang lain dan posisi saya. Inventori ini mengandungi komponen intrapsikik dan interpersonal iaitu pemikiran-perasaan dan pemisahan-kebersamaan. Dimensi reaksi emosi mengukur tahap reaksi emosi seseorang dan keupayaan untuk mengalami emosi yang kuat tanpa dipengaruhi oleh emosi tersebut.

Pemisahan emosi mengukur sejauh mana individu mampu mengasingkan dirinya daripada orang lain dan daripada emosinya. Penyatuan dengan orang lain mengukur tahap penglibatan dengan orang lain dan keupayaan untuk mengekalkan identiti diri ketika bersama orang lain. Posisi saya pula mengukur sejauh mana individu dapat berfikir, merasai dan bertindak untuk diri mereka

tanpa ada rasa kepatuhan atau perlu mendapatkan penerimaan jangkaan orang lain.

Inventori pembezaan kendiri ini boleh ditadbir ke atas orang dewasa yang berusia 25 tahun ke atas kerana mereka dianggap telah cukup dewasa untuk memberi persepsi tentang perspektif keluarga (Carter & McGoldrick, 1988). Selain itu, dalam satu usaha yang lain, Drake (2011) telah meringkaskan alat ujian ini menjadi 20 item dan membuktikan kesahan dan kebolehpercayaan versi yang telah diringkaskan.

Dalam teori sistem keluarga, Bowen menjelaskan bahawa hubungan individu dengan orang lain termasuklah pasangan amat berkait rapat dengan pengalaman dalam keluarga nuklear atau keluarga asalnya. Pengalaman yang positif atau negatif yang dilalui dalam persekitaran keluarga memberi kesan kepada kefungsian individu. Bagaimanapun Bowen tidak menjelaskan dengan terperinci tentang ciri-ciri dalam persekitaran keluarga yang boleh memberi kesan kepada pengalaman individu. Bagi menjelaskan lagi aspek persekitaran keluarga, yang merupakan salah satu faktor yang dikaji dalam kajian ini, *Circumplex Model of Marital and Family Systems* dirujuk.

### **2.6.2 Circumplex Model of Marital and Family Systems**

*Circumplex Model of Marital and Family Systems* dibina melalui gabungan beberapa konsep penting dalam memahami dinamik keluarga. Model ini dibina oleh Olson, Sprenkle dan Russell pada tahun 1979. Model ini menjelaskan tentang ciri-ciri yang terdapat dalam hubungan kekeluargaan, juga boleh diaplikasikan dalam hubungan perkahwinan. Dalam bidang terapi keluarga dan perkahwinan, model *Circumplex Model of Marital and Family Systems* boleh

digunakan sama ada untuk tujuan pentaksiran klinikal, penyelidikan, perancangan rawatan, serta keberkesanan terapi keluarga dan perkahwinan (Olson, 2011).

Dalam model ini, Olson dan rakan-rakan memperkenalkan istilah kefungsian keluarga untuk memahami tentang dinamik hubungan kekeluargaan. Ia mencadangkan bahawa perbezaan tahap keseimbangan dan kefungsian sesebuah keluarga bergantung kepada dua perkara iaitu keupayaan ahli keluarga untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku atau fleksibiliti dan tahap kejelekatan hubungan di antara ahli keluarga atau kohesi. Kedua-dua elemen ini amat penting untuk difahami bagi merawat sistem keluarga dan perkahwinan yang mengalami masalah (Olson & Gorall, 2003).

*Circumplex Model of Marital and Family Systems* boleh digunakan sebagai alat untuk mendiagnosis hubungan kerana model ini memberi fokus kepada sistem hubungan dan mengintegrasikan tiga dimensi yang digunakan dalam terapi atau model keluarga yang lain. Tiga dimensi tersebut ialah kohesi, fleksibiliti dan komunikasi. Tiga dimensi ini terhasil daripada pengelasan konsep yang menggambarkan dinamik keluarga dan perkahwinan. Ketiga-tiga dimensi ini amat perlu untuk difahami bagi merawat sistem kekeluargaan dan perkahwinan (Olson & Gorall, 2003). Dimensi komunikasi dalam model ini dianggap sebagai dimensi yang melancarkan aspek kohesi dan fleksibiliti dalam hubungan.

Untuk memahami sama ada sesebuah keluarga itu mempunyai hubungan yang sihat dan dapat berfungsi dengan baik, kefungsian keluarga yang merangkumi dua elemen iaitu kohesi dan fleksibiliti diperjelaskan. Dalam

konteks kajian ini, kedua-dua elemen ini menggambarkan persekitaran keluarga dalam keluarga asal atau nuklear individu.

Kohesi atau kejelekatan hubungan bermaksud ikatan emosi yang dipunyai oleh individu dan ahli keluarga terhadap satu sama lain. Kejelekatan hubungan digambarkan melalui beberapa ciri seperti kedalaman ikatan emosi itu sendiri, sempadan dalam keluarga, gabungan atau *coalitions* antara ahli, meluangkan masa bersama, ruang atau jarak, rakan di luar konteks keluarga, kuasa dalam pembuatan keputusan, minat ahli dan aktiviti rekreasi. Kesemua ciri-ciri ini menggambarkan kejelekatan atau kohesi hubungan antara ahli keluarga. Berdasarkan penilaian terhadap ciri-ciri ini, terdapat lima tahap kohesi yang boleh dikenal pasti. Lima tahap tersebut ialah tidak berhubung, agak berhubung, berhubung, sangat berhubung dan amat sangat berhubung. Daripada lima tahap ini, tiga daripadanya adalah seimbang iaitu agak berhubung, berhubung dan sangat berhubung manakala dua lagi tidak seimbang iaitu tidak berhubung dan amat sangat berhubung. Pengelasan ini lebih banyak digunakan untuk tujuan klinikal.

Tiga tahap kohesi yang seimbang ini membolehkan sesebuah keluarga atau pasangan mencapai tahap kefungsian keluarga yang optimum secara keseluruhannya. Mereka dapat berfungsi pada tahap yang seimbang dari segi kebersamaan dan jarak pada hal-hal yang sepatutnya. Jelasnya, mereka masih mempunyai perapatan emosi namun masih dalam keadaan yang seimbang. Individu juga berupaya bertindak dengan tidak bergantung dengan ahli keluarga yang lain. Keluarga yang seimbang memungkinkan mereka untuk menjadi lebih berfungsi sepanjang kitaran hidup (Olson & Gorall, 2003).

Sebaliknya, pada dua tahap kohesi yang tidak seimbang pula boleh mewujudkan hubungan yang bermasalah. Terdapat dua keadaan tidak seimbang dalam kohesi iaitu tidak berhubung (*rigid*) dan amat sangat berhubung (huru hara). Dalam keadaan amat sangat berhubung, banyak perapatan emosi wujud dalam keluarga menyebabkan individu menjadi terlalu bergantung antara satu sama lain. Kesetiaan yang tinggi dalam hubungan dengan ahli keluarga juga amat dititikberatkan sehingga menyebabkan ruang peribadi ahli menjadi terbatas. Terdapat juga elemen penekanan ke atas kebersamaan dengan ahli keluarga. Bagi keadaan yang tidak berhubung, individu terlalu menjarakkan diri dengan ahli keluarga yang lain sehingga mewujudkan keadaan yang tidak seimbang.

Dalam keadaan tersebut, terdapat sedikit penglibatan ahli keluarga dan kejauhan emosi secara tidak seimbang. Individu atau ahli keluarga membuat hal masing-masing di samping mempunyai ruang dan masa tersendiri. Ahli juga tidak mendapat sokongan dan bantuan dalam penyelesaian masalah daripada ahli yang lain. Secara kesimpulannya, tahap kohesi yang ekstrem sama ada terlalu tinggi atau terlalu rendah, cenderung untuk mewujudkan masalah dalam hubungan pada masa hadapan. Manakala bagi hubungan yang seimbang iaitu agak berhubung, berhubung dan sangat berhubung membolehkan individu membentuk identiti diri yang tersendiri tanpa pergantungan sepenuhnya terhadap keluarga dalam masa yang sama masih mengekalkan hubungan mesra dengan ahli keluarga. Bagaimanapun, tahap kohesi ini boleh berubah dari semasa ke semasa (Olson & Gorall, 2003).

Apabila hubungan di antara ahli keluarga menjadi terlalu rapat, ahli keluarga tidak mempunyai ruang privasi mereka sendiri. Berlaku perlanggaran hak dan sempadan dalam keluarga. Individu yang membesar dalam persekitaran

keluarga sebegini, kurang dapat menghormati hak dan privasi orang lain. Mereka juga terlalu bergantung kepada orang lain. Bagi keadaan yang rigid pula, individu kurang dapat membentuk hubungan yang baik dengan orang lain. Mereka lebih gemar membuat hal masing-masing, kurang empati dalam hubungan dan kurang peka terhadap orang lain.

Fleksibiliti atau penyesuaian bermaksud perubahan yang boleh dilakukan dalam aspek kepimpinan, peranan dan peraturan dalam keluarga. Ia merujuk kepada bagaimana sistem kekeluargaan dan perkahwinan dapat menstabilkan, menyeimbangkan dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang wujud dalam sistem mereka (Olson & Gorall, 2003). Keupayaan untuk menyeimbangkan sistem keluarga terhadap perubahan yang berlaku amat diperlukan untuk mewujudkan sistem perkahwinan dan kekeluargaan yang dapat berfungsi dengan baik.

Keseimbangan sistem keluarga ini boleh dicapai melalui aspek kepimpinan seperti melalui kawalan dan disiplin, gaya perundingan, peranan dan peraturan hubungan. Keluarga dan pasangan yang mengambil pendekatan kepimpinan demokrasi berupaya untuk bertolak ansur secara tegas dan seimbang dan dapat menghasilkan kefungsian dari sudut fleksibiliti yang baik. Mereka juga boleh menyesuaikan peranan ahli dalam keluarga bergantung kepada situasi tertentu dengan persetujuan oleh ahli keluarga yang lain. Pembentukan undang-undang atau peraturan keluarga yang dibuat secara bersama dengan persetujuan semua ahli dapat membina sempadan yang seimbang dalam keluarga. Perbincangan atau perundingan ke atas semua aspek ini dibuat dengan tenang dan mencapai kata sepakat yang baik dalam hubungan.

Seperti mana dalam aspek kohesi, fleksibiliti juga dinilai berdasarkan lima tahap iaitu tidak fleksibel (rigid), agak fleksibel, fleksibel, sangat fleksibel dan amat sangat fleksibel yang boleh membawa kepada keadaan yang huru hara. Tahap fleksibiliti yang seimbang iaitu agak fleksibel, fleksibel dan sangat fleksibel adalah tahap yang lebih kondusif untuk membentuk kefungsian keluarga yang baik. Keluarga dan pasangan yang mempunyai keseimbangan dalam aspek fleksibiliti biasanya mengamalkan pendekatan kepimpinan yang demokratik dengan membenarkan penglibatan anak-anak dalam menentukan hal-hal kekeluargaan dan pembuatan keputusan. Aspek peranan dan peraturan hubungan juga adalah stabil dengan keterbukaan yang optimum terhadap peraturan dan peranan tersebut. Peranan dan peraturan yang telah ditetapkan juga boleh berubah mengikut kesesuaian peringkat umur (Olson & Gorall, 2003).

Manakala pada tahap yang tidak seimbang iaitu tidak fleksibel atau rigid dan amat sangat fleksibel atau huru-hara, ahli mempunyai kecenderungan untuk menjadi bermasalah sepanjang kitaran hidup mereka. Bagi keadaan yang tidak fleksibel, individu terlalu dikawal oleh orang lain atau peraturan keluarga tanpa membenarkan sebarang perubahan dibuat. Keputusan juga dibuat oleh seorang pemimpin tanpa ada sebarang perbincangan dengan ahli yang lain.

Bagi keadaan yang huru hara atau amat sangat fleksibel, aspek kepimpinan adalah sangat terbatas di mana semua ahli bebas untuk membuat keputusan serta sangat fleksibel untuk sebarang perubahan kepada peraturan yang telah ditentukan. Peranan ahli juga menjadi tidak jelas dan sering berubah-ubah dari semasa ke semasa sehingga mewujudkan keadaan yang tidak berfungsi.

Berdasarkan model ini, tahap fleksibiliti yang tidak fleksibel (rigid) dan amat sangat fleksibel (huru hara) boleh mewujudkan keadaan yang tidak seimbang dan cenderung untuk menjadi bermasalah bagi individu serta perkembangan hubungan dalam jangka masa panjang. Sebaliknya, keadaan yang seimbang pula iaitu agak fleksibel, fleksibel dan sangat fleksibel membolehkan setiap ahli menyeimbangkan keadaan kepada apa jua perubahan yang berlaku dengan cara yang lebih berfungsi (Olson & Gorall, 2003).

Gabungan antara tahap-tahap dalam kedua-dua dimensi iaitu kohesi dan fleksibiliti memberikan satu gambaran tentang tahap kefungsian keluarga. Penekanan yang diberi dalam *Circumplex Model of Marital and Family Systems* terhadap persekitaran hubungan ahli keluarga asal atau asal menjadikan ia sesuai dijadikan panduan untuk memahami tentang aspek kefungsian keluarga asal individu. Namun begitu, Olson (2011) menyediakan kaedah yang berbeza dalam pengaplikasian model ini bergantung kepada tujuan aplikasi.

Olson (2011) juga telah membina satu alat ujian khusus untuk mengukur konsep kefungsian keluarga. Alat ujian tersebut dinamakan *Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales* (FACES). Oleh sebab alat ujian ini dibina sendiri oleh Olson berdasarkan konsep kefungsian keluarga yang dikembangkan dalam *Circumplex Model of Marital and Family Systems*, maka alat ujian ini digunakan untuk mengukur konstruk kefungsian keluarga dalam kajian ini. Penggunaan alat ujian yang dibina berdasarkan konsep dalam model yang dirujuk dalam kajian ini, membolehkan konsep kefungsian keluarga dapat diukur dengan lebih tepat lagi. Alat ujian FACES yang terkini iaitu FACES IV mengandungi enam sub dimensi iaitu fleksibiliti yang seimbang, kohesi yang seimbang, rigid, huru hara, amat sangat berhubung, dan tidak berhubung.

Keenam-enam sub dimensi ini akhirnya membawa kepada dua sub dimensi utama dalam kefungsian keluarga iaitu fleksibiliti dan kohesi.

Bagi tujuan aplikasi model untuk proses kaunseling, plot secara grafik berdasarkan skor mengikut dimensi adalah lebih sesuai. Bagi tujuan penyelidikan, penggunaan skor dimensi adalah tidak sesuai, sebaliknya memerlukan pertukaran skor dimensi kepada skor nisbah. Skor nisbah melebihi 1 menunjukkan keluarga yang semakin berfungsi.

Dalam konteks kajian ini, kefungsian keluarga merujuk kepada persekitaran keluarga asal individu yang melibatkan hubungan dengan ibu bapa dan adik beradik dengan berdasarkan ciri-ciri yang telah dijelaskan dalam model ini. Dalam hal ini, persepsi terhadap pasangan dan kehidupan bersama pasangan tidak terlibat dalam pengukuran aspek kekeluargaan.

*Circumplex Model of Marital and Family Systems* menjelaskan tentang keadaan persekitaran keluarga asal yang memberi kesan kepada pengalaman individu, sama ada positif atau negatif. Pendekatan model ini dapat menghuraikan dengan lebih jelas tentang faktor keluarga dalam memberi kesan kepada kualiti perkahwinan seperti mana yang disarankan dalam teori sistem keluarga Bowen. Seterusnya, faktor dalaman individu yang juga mempengaruhi kualiti perkahwinan adalah faktor sikap terhadap peranan gender. Faktor ini juga tidak dijelaskan dalam teori dan pendekatan model sebelum ini. Justeru, pengkaji memberi penjelasan tentang aspek ini dengan merujuk kepada pendekatan psikoterapi feminis.

### **2.6.3 Teori Feminis**

Sikap terhadap peranan gender merujuk kepada idea individu tentang darjah persamaan di antara ciri-ciri, tingkah laku, dan aktiviti golongan lelaki dan wanita termasuklah dalam hal tenaga buruh dan peranan domestik. Sikap atau idea ini boleh dipengaruhi oleh proses sosialisasi yang berlaku sepanjang kehidupan individu sama ada lelaki atau wanita. Sikap peranan gender juga bermaksud bagaimana seseorang mengenal pasti dirinya dalam konteks peranan dalam keluarga dan perkahwinan secara tradisinya yang berkait rapat dengan gender. Seorang lelaki mungkin memahami peranan mereka sebagai golongan yang kurang atau tidak terlibat dengan tugas rumah tangga di samping menganggap bahawa lelaki perlu berkongsi tanggungjawab menguruskan rumah tangga bersama isteri.

Perbezaan pengalaman lelaki dan wanita memberi kesan kepada pembinaan identiti individu masing-masing. Budaya dan pengalaman masyarakat persekitaran menyebabkan golongan wanita sedia menerima peranan yang telah ditetapkan oleh norma masyarakat ke atas diri mereka. Mereka menerima peranan ini tanpa mengambil kira keperluan perkembangan diri sendiri yang pada akhirnya boleh mempengaruhi perkembangan dan konsep kendiri mereka.

Menurut Gilligan (1982), wanita cenderung untuk mengkonsepsikan diri mereka sebagai mempunyai kebergantungan dalam sesuatu hubungan, manakala lelaki pula lebih kepada autonomi, tidak bergantung dan terpisah. Peranan tradisional golongan wanita yang lebih sinonim kepada tugas penjagaan menyebabkan golongan ini ada kalanya kurang dihormati berbanding penerimaan peranan golongan lelaki yang lebih kepada autonomi dan pencapaian. Berdasarkan penjelasan ini, wujud kemungkinan sukar bagi

golongan wanita untuk mendapat hak suara mereka sendiri atau identiti wanita yang tulen. Jantina seseorang dianggap menentukan hak, keupayaan, obligasi dan peluang yang dimiliki oleh seseorang individu.

Terdapat dua jenis sikap terhadap peranan gender yang sering dibincangkan dalam kajian-kajian lepas iaitu sikap tradisional dan sikap moden atau sama rata. Sikap tradisional lebih ke arah sistem patriarki dalam kekeluargaan Melayu. Individu yang dibesarkan dalam keluarga ortodoks yang mementingkan golongan lelaki sebagai kuasa utama keluarga serta membenarkan kaum lelaki menggunakan keganasan sebagai cara menyelesaikan konflik rumah tangga mungkin akan lebih cenderung kepada peranan gender secara tradisional.

Golongan lelaki juga dianggap sebagai pihak yang mempunyai kuasa mutlak dalam rumah tangga, sumber utama dalam pendapatan keluarga serta tidak terlibat dengan kerja-kerja wanita seperti mengemas rumah dan menjaga anak. Tugas wanita pula adalah di rumah, untuk menguruskan hal ehwal rumah tangga, tidak perlu bekerja dan belajar, serta berada di rumah. Golongan wanita juga dianggap lebih bergantung kepada lelaki dalam segala hal.

Bagi sikap yang sama rata pula, melibatkan keseimbangan kuasa dalam hubungan di antara lelaki dan wanita. Beere, King, Beere dan King (1984) mendefinisikan peranan yang sama rata sebagai suatu keadaan di mana individu percaya bahawa gender seseorang tidak mempengaruhi persepsi terhadap kebolehan, hak, obligasi dan peluang seseorang. Sikap ini dicirikan oleh sikap autonomi individu yang berkaitan dengan pembezaan kendiri atau identiti individu yang positif. Seseorang lelaki yang membesar dalam persekitaran peranan gender secara tradisional, mereka biasanya tidak bersedia untuk

berkongsi kuasa dan pembuatan keputusan dalam hubungan. Terapi feminis juga melihat bahawa sikap tradisional ini boleh menyumbang kepada keganasan lelaki terhadap wanita khususnya pasangan (Walker, 1979, 1996; Stith, 1990; Yllo, 1993).

Menurut Avis (1996), terapi keluarga feminis adalah satu perspektif di mana kaunselor mengambil kira aspek hubungan gender dalam memahami dan membantu menyelesaikan masalah klien. Aliran feminis juga menekankan kepentingan memahami dan mengiktiraf penindasan yang dialami oleh golongan wanita kesan dari sosiopolitik ke atas golongan ini. Ahli terapi feminis turut menggalakkan agar sikap tradisional dikurangkan dan lebih bergerak ke arah hubungan yang sama rata dalam usaha untuk mengurangkan keganasan dalam hubungan (Pence & Paymar, 1993; Yllo & Straus, 1990).

Terdapat beberapa kumpulan dalam pergerakan feminis. Dalam kajian ini, tumpuan lebih diberikan kepada feminis liberal. Feminis liberal memberi fokus kepada perjuangan untuk membantu golongan wanita mengatasi tekanan dan kekangan yang dihadapi akibat daripada peranan gender yang dipelajari semasa proses sosialisasi. Transformasi yang dibawa oleh kumpulan ini ialah menghapuskan penerimaan peranan gender secara tradisional kepada penerimaan yang sama rata kepada golongan lelaki dan wanita. Pendekatan ini percaya bahawa sekiranya persekitaran sosial adalah bebas dari segala bias atau stereotaip, golongan lelaki dan wanita akan menjadi kurang bermasalah (Avis, 1996).

Selain itu, terapi feminis liberal mengandaikan bahawa konteks sosial, budaya, ekonomi dan politik adalah amat penting untuk diambil kira sebagai faktor yang boleh menyumbang kepada masalah yang dihadapi oleh klien. Dua

konsep asas pendekatan ini ialah memberi fokus kepada golongan wanita dalam masyarakat serta andaian bahawa wanita pada amnya dipinggirkan oleh masyarakat. Secara tradisional, peranan yang dimainkan oleh golongan lelaki dan wanita telah ditetapkan atau dipersepsi oleh masyarakat. Tugas-tugas mengasuh, menjaga anak, menguruskan kerja rumah serta hal-hal yang melibatkan peluahan emosi adalah sinonim dengan golongan wanita. Manakala golongan lelaki pula sinonim dengan tugas bekerja di luar rumah untuk menyara keluarga, memberi perlindungan kepada keluarga, juga dikaitkan dengan persaingan dan kerjaya.

#### *Prinsip Utama dalam teori feminis*

Teori Feminis memperjuangkan prinsip untuk meningkatkan kesedaran tentang wujudnya penindasan terhadap golongan wanita dan kumpulan minoriti. Prinsip-prinsip ini termasuklah hubungan yang egalitarian, perubahan sosial merupakan proses yang berterusan, isu peribadi adalah bersifat politik, mengambil kira segala bentuk penindasan, dan mengiktiraf pengalaman wanita pada pelbagai peringkat perkembangan.

Prinsip isu peribadi adalah bersifat politik merujuk kepada andaian bahawa masalah peribadi individu adalah masalah politik, yang mana bermaksud bahawa masalah peribadi yang dihadapi oleh golongan wanita dalam kehidupan mereka, bukan semata-mata disebabkan oleh kesalahan mereka sendiri, tetapi disebabkan oleh penindasan secara terancang ke atas golongan wanita (Jodry & Armstrong, 2010). Kesan daripada prinsip ini ke atas proses terapi, wanita tidak boleh dipersalahkan atas kelemahan mereka di atas alasan wanita adalah lemah, tidak pandai, mengalami masalah dalam hidup kerana terpaksa melahirkan dan

menjaga anak, dan sebagainya. Sebaliknya wanita berada dalam situasi yang sukar atau bermasalah adalah disebabkan oleh mereka berhadapan dengan penindasan dan ketidakseimbangan peranan dan struktur hidup yang berat sebelah yang menyebabkan wanita terpaksa memainkan banyak peranan misalnya untuk menguruskan rumah tangga, bekerja dan sebagainya secara serentak (Jodry & Armstrong, 2010).

Maka, dalam proses terapi, kaunselor perlu membantu klien mengenal pasti ketidakseimbangan peranan di antara lelaki dan wanita yang boleh membawa kepada masalah dalam hubungan. Di samping itu, kaunselor juga membantu klien untuk menggunakan kuasa dalaman klien untuk mengubah tanggapan masyarakat terhadap diskriminasi gender yang menjadi punca konflik dalam rumah tangga.

Terapi feminis juga menekankan bahawa segala bentuk penindasan adalah dianggap penting untuk difahami. Perbezaan atau ketidak seimbangan politik dan sosial antara lelaki dan wanita dirasakan oleh semua orang tanpa mengira jantina. Walaupun sesi kaunseling memberi fokus utama kepada klien, namun kaunselor feminis juga perlu berusaha keras untuk membawa perubahan sosial yang boleh membebaskan semua ahli masyarakat dari tunduk kepada stereotaip, peminggiran, dan penindasan. Dengan cara ini, matlamat untuk membuat transformasi dari segi sosiopolitik mungkin boleh dicapai.

Bahkan, terapi feminis turut menekankan kepentingan untuk mengiktiraf perbezaan pengalaman golongan perempuan tanpa mengira peringkat perkembangan. Kaunselor dan ahli terapi memberi pertolongan dengan menggunakan pendekatan yang menganggap lelaki dan perempuan adalah sama. Klien perempuan digalakkan untuk menghargai emosi mereka dan dibimbing

untuk menggunakan pengalaman mereka yang unik. Pengiktirafan terhadap suara hati perempuan semasa proses terapi dan selepas terapi boleh menyumbang ke arah perubahan seperti yang diharapkan.

Di negara-negara maju dan membangun, perkembangan sosial dan budaya memberi kesan kepada sikap terhadap peranan gender. Berpuluh dekad yang lalu, peranan wanita kurang atau tidak diiktiraf dalam masyarakat yang menyebabkan tekanan dan depresi bagi golongan wanita, namun kini perubahan arus moden yang mengangkat golongan wanita sebagai aset penting negara, mengambil peranan wanita dalam pelbagai sektor seharusnya memberi kesan kepada kesejahteraan dalam rumah tangga yang lebih tinggi.

Pada hari ini, peranan gender kelihatan berbeza. Semakin ramai golongan wanita yang keluar bekerja seperti mana golongan lelaki. Apabila berada di rumah, golongan wanita melaksanakan tugas-tugas di rumah meskipun suami dan isteri sama-sama bekerja. Persepsi masyarakat terhadap peranan yang perlu dimainkan oleh golongan wanita ini boleh memberi tekanan kepada mereka. Secara tidak langsung, turut mempengaruhi hubungannya dengan pasangan (Goldenberg & Goldernberg, 2008) dan boleh membawa kepada keganasan dalam rumah tangga (Walker, 1979, 1996; Stith, 1990; Yllo, 1993).

Keganasan dalam rumah tangga mungkin boleh disebabkan oleh peranan yang tidak seimbang dalam hubungan. Wanita yang berperanan sebagai isteri dan ibu biasanya lebih banyak terlibat dengan hal pengurusan rumah tangga. Keadaan ini memberi tekanan kepada wanita yang berkerjaya kerana perlu memikul banyak tanggungjawab dalam satu-satu masa. Jika tidak ditangani dengan berhemah, ia boleh mewujudkan ketegangan dalam rumah tangga. Namun begitu, adakah situasi yang sama juga berlaku dalam masyarakat

Malaysia yang mempunyai keunikan budaya keluarga yang tersendiri? Hasrina, Marshina Julizah, Norizah dan Hamidah (2013) telah mendapati bahawa kebanyakan masyarakat Melayu masih lagi mengamalkan sikap yang tradisional dalam keluarga mereka. Berdasarkan penemuan ini, mewujudkan keperluan kajian lebih lanjut dijalankan ke atas aspek ini.

Oleh sebab tiada alat ujian yang dibina khusus untuk mengukur idea dalam teori feminis berkenaan dengan ketidaksamarataan gender, maka pengkaji meninjau beberapa alat ujian yang dibina untuk mengukur sikap terhadap peranan gender. Antara alat ujian yang digunakan secara meluas untuk mengukur konsep ini adalah alat ujian yang dibina oleh King, Beere, King, dan Beere (1984). Terdapat lima sub dimensi dalam alat ujian ini iaitu peranan perkahwinan, peranan pendidikan, peranan kerjaya, peranan sosial heteroseksual, dan peranan keibubapaan. Alat ujian ini mengukur sikap individu terhadap peranan gender dalam lima perkara tersebut.

## **2.7 Tinjauan kajian lepas**

Berdasarkan perbincangan mengenai pelbagai perspektif yang dirujuk oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam usaha untuk memahami faktor-faktor yang membawa kepada kualiti perkahwinan, kajian ini memilih tiga faktor utama untuk diberi fokus iaitu faktor keluarga (kefungsian keluarga asal), faktor diri (pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender) dan faktor konteks (faktor demografi iaitu umur, tempoh perkahwinan dan tahap akademik). Tinjauan kajian lepas dibuat dengan menyorot kepada kajian-kajian yang dijalankan ke atas faktor-faktor ini.

### **2.7.1 Kefungsian keluarga asal dan kualiti perkahwinan**

Kefungsian hubungan dalam keluarga asal boleh mempengaruhi bagaimana seseorang berfungsi dalam kehidupannya. Kefungsian keluarga yang dibentuk oleh ibu bapa bukan sahaja mempengaruhi penyesuaian hubungan anak-anak yang masih bersekolah (Schermerhorn, D'Onofrio, Ganiban, Lichtenstein, Turkheimer, Spotts, Reiss, & Neiderhiser, 2011; Hakvoort, Bos, Van Balen, & Hermanns, 2010) bahkan turut memberi impak kepada anak-anak dewasa yang berkahwin. Teori sistem keluarga Bowen (1965) menegaskan bahawa tanpa disedari individu akan melakukan hal yang sama dalam hubungan mereka dengan orang lain seperti mana dalam keluarga asal mereka. Sekiranya individu dididik dalam persekitaran keluarga yang sihat dan mempunyai tahap kohesi, fleksibiliti dan komunikasi yang seimbang, berkemungkinan mereka juga dapat berfungsi sebagai individu yang sihat. Seterusnya dapat menyesuaikan diri dengan pasangan apabila mereka membentuk sistem perkahwinan.

Sungguhpun aspek kualiti hubungan perkahwinan banyak dikaitkan dengan persekitaran keluarga asal, namun masih kurang kajian yang dijalankan untuk menjelaskan perkaitan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti hubungan dalam kalangan anak-anak dewasa yang telah membentuk sistem perkahwinannya sendiri khususnya di Malaysia. Kebanyakan kajian yang mengkaji tentang kefungsian keluarga lebih banyak memberi fokus kepada tingkah laku kanak-kanak dan remaja yang kebanyakannya dijalankan di Barat.

Anderson, Johnson, Liu, Zheng, Hardy, dan Lindstrom (2014) mengkaji tentang hubungan langsung dan tidak langsung di antara kefungsian keluarga asal dan kejayaan hubungan dalam kalangan individu dewasa di China. Secara langsung, keluarga yang tidak berfungsi dikaitkan secara negatif dengan kejayaan hubungan individu. Dua hubungan tidak langsung wujud iaitu di antara keluarga yang tidak berfungsi, penyelesaian masalah, dan kejayaan hubungan serta keluarga yang tidak berfungsi,

simptom depresi, penyelesaian masalah dan kejayaan hubungan. Dapatkan ini memberi gambaran bahawa konsep dalam model *Development of Early Adult Romantic Relationships* yang diuji dalam kajian ini sesuai diaplikasi dalam konteks kajian, dengan beberapa pertimbangan aspek budaya.

Sementara itu, Johnson, Nguyen, Anderson, Liu, dan Vennum (2015) mengkaji tentang hubungan di antara keluarga yang tidak berfungsi dengan hubungan intim menerusi dua pemboleh ubah penengah iaitu masalah kesihatan mental dan interaksi negatif pasangan. Bagi golongan lelaki, keluarga yang tidak berfungsi mempunyai hubungan langsung dan tidak langsung dengan hubungan intim. Hubungan tidak langsung ini disebabkan oleh pemboleh ubah interaksi negatif pasangan. Bagi golongan perempuan, keluarga yang tidak berfungsi dikaitkan dengan penurunan dalam kejayaan hubungan melalui masalah kesihatan mental.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Ehrensaft, Knous-Westfall dan Cohen (2011) yang mengkaji tentang penglibatan emosi dan perapatan ibu bapa dengan kualiti hubungan intim anak-anak, mendapati bahawa hubungan intim ibu bapa boleh memberi kesan kepada kualiti hubungan intim generasi seterusnya khususnya bagi golongan perempuan. Hasil kajian ini juga diperkuuhkan oleh beberapa dapatan kajian pengkaji terdahulu yang turut mengkaji perkaitan ini (Whitton et al., 2008; Wallerstein, Lewis, & Blakeslee, 2000). Remaja perempuan pula lebih dikaitkan dengan menghadapi masalah dalam penyesuaian hubungan sosial mereka kerana kebiasaannya anak-anak perempuan lebih rapat dengan ibunya dan mereka banyak menjadikan tingkah laku ibunya yang sinonim dengan aspek emosi sebagai contoh.

Bahkan, cara individu dewasa bertingkah laku turut dikaitkan dengan pengalaman dalam keluarga asal. Martinson, Holman, Larson dan Jackson (2010) mengkaji hubungan di antara pengalaman dalam keluarga asal dengan kepuasan

hubungan romantik anak-anak dewasa ke atas individu dan pasangan di Amerika Syarikat. Data dipungut menggunakan soal selidik RELATE (Holman, Busby, Doxey, Klein, & Loyer-Carlson, 1997). Hasil kajian menunjukkan bahawa individu yang mempunyai pengalaman traumatis dalam keluarga asal mempunyai kecenderungan untuk mempunyai masalah dalam hubungan perkahwinan mereka pada masa akan datang.

Dari segi perbezaan jantina, didapati lebih ramai lelaki yang mempunyai masalah dalam keluarga asal berbanding wanita. Walau bagaimanapun, lelaki mempunyai kemahiran mengatasi masalah yang lebih tinggi berbanding wanita. Pengalaman yang tidak sihat dalam keluarga asal boleh meningkatkan risiko masalah dalam hubungan anak-anak apabila mereka meningkat dewasa (Halford, Sanders, & Behrens, 2001). Antara bentuk-bentuk masalah dalam hubungan termasuklah masalah komunikasi (Halford & Moore, 2002), sikap negatif terhadap perkahwinan (Stanley, 2001), serta depresi dan kerisauan (Shapiro & Levendosky, 1999).

Selaras dengan itu, Hanzal dan Segrin (2008) dalam kajiannya ke atas 66 pasangan berkahwin di Arizona mengkaji kesan konflik dalam keluarga asal individu dengan hubungan perkahwinan pada masa sekarang bagi perkahwinan kali pertama dan perkahwinan semula selepas mengalami perceraian. Jumlah wanita yang pernah bercerai didapati terdiri daripada mereka yang mempunyai konflik hubungan antara ibu bapa dalam keluarga asal. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa isteri yang mempunyai konflik dalam keluarga asal mempunyai masalah dalam perkahwinan. Hal ini menunjukkan bahawa anak-anak atau individu cenderung untuk mempelajari ketidakfungsian yang berlaku dalam keluarga asal dan kemudiannya melakukan perkara yang sama dalam perkahwinan mereka.

Selain itu, anak-anak yang terdedah dengan konflik perkahwinan dan ketidakfungsian hubungan ibu bapa juga berisiko untuk mempunyai kesukaran dalam

penyesuaian hubungan dengan rakan sebaya dan interaksi sosial (Ehrensaft, Knous-Westfall & Cohen, 2011; Eisenberg & Fabes, 1992). Ibu bapa yang mengaplikasikan ciri-ciri hubungan yang sihat antara kedua-dua mereka menjadi contoh tingkah laku yang baik kepada anak-anak. Ini menunjukkan terdapat perkaitan di antara persekitaran keluarga asal individu dengan bagaimana anak-anak dewasa berinteraksi dengan pasangan dalam rumah tangga mereka (Belsky & Esabella, 1985; Amato, 1996; Holman & Birch, 2001). Corak hubungan yang ditunjukkan oleh ibu bapa menjadi model atau contoh kepada anak-anak yang melangkah ke alam perkahwinan yang kemudiannya mereka akan mempraktikkan seperti mana ibu bapa mereka bertingkah laku.

Dalam hal ini juga, pengalaman negatif individu dalam keluarga asal khususnya hubungan dengan ibu masing-masing boleh membawa kepada konflik dalam perkahwinan terutamanya bagi golongan isteri (Topham, Larson, & Holman, 2005). Pengalaman dalam keluarga asal isteri berkait secara negatif dengan konflik perkahwinan suami dan isteri. Pengalaman dalam keluarga asal suami pula tidak meramal konflik perkahwinan. Secara keseluruhannya, pengalaman keluarga asal isteri adalah lebih penting berbanding pengalaman suami dalam meramal konflik perkahwinan. Topham, Larson, dan Holman (2005) menjalankan kajian ini ke atas 367 pasangan berkahwin yang bertujuan untuk melihat perkaitan di antara keluarga asal dengan konflik yang wujud dalam perkahwinan. Selaras dengan penemuan Holman dan Birch (2001), mereka turut mendapati bahawa tahap kepuasan perkahwinan lelaki adalah dipengaruhi oleh tahap konflik dalam keluarga asal isteri.

Di Brazil pula, Falcke, Wagner, dan Mosmann (2008) mengkaji hubungan di antara keluarga asal dengan penyesuaian perkahwinan pasangan. Hasil kajian ini menyokong bahawa pengalaman yang dilalui oleh individu dalam keluarga asal mempengaruhi kualiti hubungan perkahwinan mereka. Bagaimanapun, pengalaman hidup dan persekitaran sepanjang kehidupan individu membolehkan mereka mengubah

atau memperbaiki hubungan perkahwinan ke arah yang lebih baik dengan memahami apa yang telah berlaku dalam keluarga asal dan apa yang tidak patut diteruskan.

Selain itu, golongan wanita didapati mempunyai pengalaman yang lebih negatif dengan keluarga asal berbanding lelaki khususnya dalam aspek kawalan ibu bapa yang lebih ketat dan hubungan negatif di antara ibu bapa yang akhirnya membawa kepada kualiti yang rendah dalam perkahwinan mereka sendiri. Wanita juga mempunyai tahap yang lebih kritikal dalam kepuasan perkahwinan. Ini mungkin berkait dengan peranan dalam keluarga yang semakin mencabar di samping fitrah sifat wanita itu sendiri. Pengalaman yang dilalui oleh individu dalam keluarga asal menjadi asas pembentukan hubungan mereka dengan orang lain dalam kehidupan. Bagaimanapun, masih kurang tumpuan diberikan kepada dua aspek penting ini untuk dikaji. Berdasarkan hubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan yang ditunjukkan dalam kajian-kajian lepas, beberapa hipotesis kajian dibentuk untuk diuji bagi menjawab soalan kajian ini. Hipotesis tersebut ialah:

Ho2: Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

Ho7: Tidak terdapat kesan tidak langsung yang signifikan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

### **2.7.2 Kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri**

Persekutuan keluarga individu memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan identiti individu sama ada kanak-kanak (Kufskie, 2009), remaja mahupun orang dewasa. Individu mengalami proses sosialisasinya sejak mereka dilahirkan dalam persekitaran keluarga mereka. Bahkan, corak tingkah laku individu dalam urusan kehidupan seharian turut dipengaruhi oleh faktor kefungsian keluarga.

Meneliti tentang hal ini, antara kajian yang mengkaji tentang aspek pembezaan kendiri termasuklah kajian oleh Freeman dan Almond pada tahun 2009. Kajian yang ditadbir ke atas 107 orang pelajar sekolah menengah ini mengkaji bagaimana hubungan dengan ibu bapa dan rakan sebaya memberi kesan kepada pembezaan kendiri pelajar. Data dipungut menggunakan alat ujian *The Adolescent Separation Anxiety Test* (SAT, Resnick, 1989), *Romantic Social Support*, dan *Level of Differentiation of Self Scale* (LDSS; Haber, 1990, 1993).

Hasil kajian mendapati bahawa konteks rakan menjadi faktor penengah hubungan di antara corak keibubapaan dan pembezaan kendiri pelajar. Remaja yang tidak menjalinkan hubungan intim dan mempunyai corak keibubapaan yang positif mempunyai pembezaan kendiri yang positif. Corak keibubapaan yang berkualiti juga menjadi faktor penengah hubungan di antara sistem sokongan pasangan dengan pembezaan kendiri. Uniknya, individu yang mempunyai hubungan intim dengan rakan mempunyai pembezaan kendiri yang tinggi apabila corak keibubapaan yang tidak selamat wujud.

Hubungan di antara pembezaan kendiri dan keluarga asal turut diteliti oleh Holman dan Busby (2011) berpandukan kepada teori sistem keluarga Bowen yang menekankan konsep bagaimana pengalaman dalam keluarga asal mempengaruhi hubungan individu dengan orang lain. Holman dan Busby menjelaskan dalam kajiannya bahawa individu membawa tahap pembezaan kendiri yang tertentu berdasarkan pengalaman dalam keluarga asalnya. Sekiranya pengalaman yang dilalui dalam keluarga asal adalah sukar atau negatif, individu cenderung untuk mempunyai pembezaan kendiri yang rendah akibat daripada pengaruh pengalaman tersebut. Begitu juga sebaliknya jika seseorang mempunyai pengalaman yang positif dalam keluarga asal, mereka biasanya membawa karakter pembezaan kendiri yang positif.

Selain itu, Ferdinand (2005) juga mengkaji kesan pembezaan kendiri dan corak keluarga asal ke atas penyesuaian, kepuasan serta kefungsian individu dalam kalangan 91 orang individu dewasa. Ferdinand menguji sama ada pembezaan kendiri menjadi penengah hubungan di antara corak keluarga asal dengan boleh ubah bersandar yang dikaji. Genogram digunakan untuk mengenal pasti corak hubungan dalam keluarga asal. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa dua dimensi dalam pembezaan kendiri iaitu posisi saya dan reaksi emosi menjadi penengah di antara corak hubungan dalam keluarga asal dan kefungsian hubungan individu dewasa. Selain itu, pemisahan dan segi tiga dalam keluarga nuklear juga dikaitkan dengan tahap pembezaan kendiri yang rendah serta menyulitkan kefungsian hubungan anak-anak dewasa.

Chung dan Gale (2009) pula mengkaji tentang hubungan di antara kefungsian keluarga dengan pembezaan kendiri dalam dua budaya yang berbeza iaitu sampel pelajar di Amerika dan di Korea. Kedua-dua budaya masyarakat ini menunjukkan perkaitan di antara pembezaan kendiri dengan kefungsian keluarga. Bagi kedua-dua sampel ini, tiga dimensi dalam pembezaan kendiri iaitu posisi saya, reaksi emosi dan pemisahan emosi mempunyai hubungan dengan kefungsian keluarga. Namun tidak bagi dimensi penyatuan dengan orang lain. Justeru Chung dan Gale mencadangkan agar konsep penyatuan dengan orang lain dikaji semula. Berdasarkan penemuan ini juga, didapati bahawa kefungsian keluarga asal lebih kuat menyumbang kepada pembezaan kendiri bagi sampel di Amerika berbanding sampel di Korea. Di samping itu, dimensi posisi saya juga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara bagi kedua-dua sampel ini. Chung dan Gale turut menegaskan bahawa perbezaan budaya di mana seseorang dibesarkan, akan menentukan tahap pembezaan kendiri.

Pembezaan kendiri merupakan satu konsep yang diketengahkan oleh Bowen dalam teorinya. Pembezaan kendiri melibatkan keupayaan individu untuk membina autonomi diri secara seimbang dan dalam masa yang sama dapat mempunyai hubungan

yang erat dengan ahli keluarga. Dalam kajian ini, pembezaan kendiri individu yang memperlihatkan bagaimana individu dapat bertindak balas secara seimbang dengan pengalaman hidup keluarga asalnya dalam berhubungan dengan orang lain juga diuji sama ada ia memberi kesan kepada kualiti perkahwinan dalam konteks masyarakat Malaysia atau sebaliknya. Hubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri seperti dalam kajian lepas, membawa kepada pembinaan hipotesis Ho5 iaitu Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

### **2.7.3 Pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan**

Pembezaan kendiri adalah asas kepada kejayaan sesebuah perkahwinan (Bowen, 1978; Guerin, Fogarty, Fay, & Kautto, 1996; Kerr, 1984; Kerr & Bowen, 1988; Titelman, 1998). Pembezaan kendiri merupakan satu proses di mana individu menguruskan individualiti dan kebersamaan dalam hubungan. Individu yang dapat membuat pembezaan kendiri membolehkan mereka menjarakkan diri dengan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain secara seimbang tanpa melibatkan sebarang emosi yang mendalam. Mereka tidak mudah dipengaruhi oleh orang lain. Faktor pembezaan kendiri memainkan peranan yang penting kerana ia membentuk identiti diri yang kemudiannya mempengaruhi individu dalam kehidupan seharian termasuklah dalam hubungan perkahwinan. Identiti diri individu pula terbentuk salah satunya daripada pengalaman dalam keluarga asalnya.

Pembezaan kendiri individu boleh mempengaruhi cara seseorang bertingkah laku dengan orang lain khususnya dengan pasangan. Bukan sahaja individu normal, perkaitan ini turut dilihat dalam golongan kurang upaya. Dalam satu kajian oleh Levinger dan Ronen (2010) ke atas 101 orang individu dewasa pekak dan 57 orang individu dewasa normal melihat perkaitan di antara aspek penghargaan kendiri,

pembezaan kendiri, dan keintiman pasangan. Kajian ini menggunakan alat ujian *Self-Esteem Scale* (Rosenberg, 1979), *Multigenerational Interconnectedness Scale*, (Gavazzi & Sabatelli, 1987), dan *Intimacy Ability Questionnaire* (Sharabany, 1974). Hasil kajian menunjukkan bahawa penghargaan kendiri yang tinggi dikaitkan dengan individu yang mempunyai pembezaan kendiri yang tinggi dan dapat membentuk keintiman dengan pasangan. Individu yang dapat membezakan diri dari keluarga asal, dapat membentuk hubungan lebih rapat dengan pasangan. Dapatan ini sama bagi kumpulan pekak dan normal, namun dari segi tahap, kumpulan pekak mempunyai tahap penghargaan dan pembezaan kendiri yang lebih rendah.

Lans, Mosek, dan Yagil (2014) mengkaji tentang sifat cemburu dalam hubungan perkahwinan dalam kalangan pasangan. Kajian ini menguji sama ada konsep pembezaan kendiri dalam teori sistem keluarga Bowen boleh menjelaskan tenang sifat cemburu atau sebaliknya. Individu yang mempunyai tahap pembezaan diri yang rendah dikatakan mempunyai sifat cemburu yang tinggi. Responden perempuan menunjukkan emosi yang tinggi, mempunyai kecenderungan kognitif yang lebih kuat untuk mentafsir sesuatu situasi yang boleh menimbulkan rasa cemburu dan memberi kesan kepada hubungan perkahwinan.

Tambahan itu, Holman dan Busby (2011) turut mengkaji hubungan di antara pembezaan kendiri dengan hubungan intim individu dewasa. Alat ujian RELATE dengan 370 item ditadbir ke atas 1839 pasangan. Kajian ini menyokong teori Bowen (1965) yang mendapati bahawa proses pengalaman dalam keluarga asal diteruskan kepada generasi yang seterusnya bagi golongan lelaki dan wanita. Bagaimanapun, pengalaman dalam keluarga asal lebih memberi impak kepada golongan wanita yang mungkin mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan ibunya. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Boden, Fisher, dan Niehuis (2010), Timm dan Keiley (2011), Martinson, Holman, Larson, dan Jackson (2010), serta Whitton,

Waldinger, Schulz, Allen, Crowell, dan Hauser (2008). Walau bagaimanapun kajian ini tidak menjelaskan bagaimana proses identiti individu dibentuk dalam persekitaran keluarga asalnya.

McCullough (2005) pula mengkaji peramal yang menyumbang kepada penyesuaian perkahwinan iaitu pembezaan kendiri, identiti etnik dan keupayaan untuk mengadaptasi dua budaya berbeza. Skor yang tinggi dalam kesemua pemboleh ubah menyumbang kepada penyesuaian perkahwinan yang lebih baik. Individu yang dapat menyesuaikan diri dengan budaya pasangan lebih berupaya untuk menguruskan individualiti dan kebersamaan dalam hubungan perkahwinan. Bagaimanapun, kajian ini ditadbir ke atas pelajar kolej yang rata-ratanya belum berkahwin. Maka persepsi terhadap hubungan perkahwinan adalah kurang bermakna kerana responden yang terlibat tidak mempunyai pengalaman dalam hubungan perkahwinan.

Lebih memperkuuhkan perkaitan ini, Kerr dan Bowen (1988) menekankan bahawa tahap pembezaan kendiri individu meramal kualiti hubungan seseorang dengan orang lain. Individu yang mempunyai tahap pembezaan kendiri yang tinggi boleh menyesuaikan diri dalam hubungan perkahwinan, di mana aspek kedekatan dan kejauhan dalam diri boleh bertoleransi dengan seimbang. Mereka saling menghormati minat dan hobi pasangan masing-masing tanpa mementingkan diri sendiri.

Pembezaan kendiri adalah topik yang menarik untuk dikaji. Dapatan kajian di barat rata-rata menunjukkan bahawa pembezaan kendiri individu memberi kesan kepada hubungan dengan orang lain khususnya pasangan. Namun begitu, masyarakat Melayu di Malaysia lebih sinonim dengan budaya keluarga kolektivisme yang mementingkan elemen kekitaan dalam keluarga. Menurut Chung dan Gale (2006), individu yang hidup dalam masyarakat kolektivisme cenderung untuk mempunyai tahap pembezaan kendiri yang lebih rendah berbanding dengan masyarakat individualisme. Tradisi atau budaya

ini berbeza dengan konsep yang diketengahkan oleh Bowen. Justeru, perlunya penilaian yang bersifat empirikal ke atas konsep pembezaan kendiri dalam konteks masyarakat timur khususnya di Malaysia.

Berikutan wujudnya keunikan budaya keluarga dalam masyarakat Malaysia, Raba'aton Adawiah (2011) telah menjalankan satu kajian untuk menguji kesahan konsep pembezaan kendiri dalam masyarakat Melayu. Perbandingan dibuat di antara sampel berbangsa Melayu dan sampel berbangsa Amerika. Hasil perbandingan menunjukkan secara keseluruhan, tiada perbezaan yang ketara dalam keseluruhan pembezaan kendiri bagi kedua-dua sampel. Namun apabila diperincikan kepada sub dimensi pembezaan kendiri, terdapat beberapa perbezaan yang jelas di mana perbezaan ini memperkuatkan hujah Chung dan Gale (2006) tentang budaya masyarakat kolektivisme. Sampel berbangsa Melayu didapati mempunyai tahap yang lebih tinggi dalam reaksi emosi, penyatuan dengan orang lain dan pemisahan emosi berbanding sampel berbangsa Amerika. Posisi saya pula didapati lebih rendah berbanding sampel berbangsa Amerika. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan bahawa konsep pembezaan kendiri dipengaruhi oleh budaya sama ada di peringkat budaya bangsa, mahupun budaya keluarga. Keunikan dapatan dalam sampel masyarakat Malaysia ini menimbulkan keperluan supaya lebih banyak kajian-kajian dijalankan untuk menguji teori sistem keluarga Bowen kepada populasi yang pelbagai. Perkaitan dalam kajian lepas ini membawa kepada pembentukan hipotesis Ho4 iaitu Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

#### **2.7.4 Sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan**

Selain daripada kefungsian keluarga asal dan pembezaan kendiri, sikap terhadap peranan gender juga adalah faktor yang signifikan terhadap kualiti hubungan

perkahwinan. Faktor ini dimasukkan ke dalam kerangka kajian kerana Bowen tidak memberi penjelasan kepada peranan gender dalam teorinya. Terapi feminis juga mengkritik tentang aspek gender yang tidak dimasukkan dalam teori Bowen. Sikap terhadap peranan gender jelasnya memberi kesan kepada kualiti perkahwinan individu.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, perkaitan di antara aspek sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan dapat dilihat. Bagaimanapun terdapat beberapa perbezaan dapatan yang ditemui oleh pengkaji lepas berkaitan hubungan di antara dua aspek ini. Sikap terhadap peranan gender umumnya terbahagi kepada dua iaitu sikap yang tradisional dan sikap yang sama rata atau moden. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kedua-dua sikap ini memberi dapatan yang unik terhadap kualiti perkahwinan. Perbezaan dapatan ini boleh disebabkan oleh pelbagai faktor termasuklah perbezaan budaya dan agama.

Aspek sikap terhadap peranan gender banyak dikaitkan dengan kepuasan, kestabilan dan kualiti perkahwinan (Atkinson, Greenstein, & Lang, 2005; McGovern & Meyers, 2002; Berman, 2005). Kebanyakan kajian-kajian ini dijalankan oleh pengkaji barat yang rata-rata melihat aspek ini daripada perspektif sosial dan kajian gender (*gender studies*).

Berdasarkan tinjauan literatur, sikap terhadap peranan gender terbahagi kepada dua iaitu sikap moden yang lebih menekankan kesamarataan hak dan peranan di antara lelaki dan perempuan serta sikap tradisional iaitu yang lebih menekankan peranan lelaki sebagai yang paling berkuasa dalam keluarga dan pencari rezeki untuk keluarga, manakala tempat wanita adalah di rumah untuk menguruskan hal rumah tangga. Kedua-dua jenis sikap ini memberi kesan yang berbeza terhadap kualiti perkahwinan. Sikap terhadap peranan gender adalah salah satu konsep yang masih tidak banyak dikaji daripada perspektif kaunseling dan psikoterapi.

Pembentukan sikap terhadap peranan gender biasanya dipengaruhi oleh budaya, nilai dan proses sosialisasi seseorang individu. Kurangnya penglibatan bapa dalam keluarga juga menyebabkan golongan ibu atau wanita terpaksa mengambil lebih peranan dalam keluarga (Nichols, 2010). Selain itu, perbezaan budaya yang ketara di antara masyarakat timur dan masyarakat barat juga menyumbang kepada persepsi terhadap gender. Selain faktor budaya, kepercayaan dan pegangan agama juga boleh mempengaruhi pembentukan sikap ini. Bagi masyarakat Asia, satu kajian oleh Oshio, Nozaki, dan Kobayashi (2013) memperlihatkan perkaitan di antara kepuasan perkahwinan dengan pembahagian tugas rumah dalam kalangan pasangan di tiga buah negara iaitu Cina, Jepun, dan Korea.

Pembahagian tugas rumah mencerminkan sikap terhadap peranan gender. Bagi pasangan di Cina, mereka mengamalkan pembahagian tugas rumah yang sama rata dengan pasangan, berbeza dengan pasangan di Jepun yang lebih selesa dengan pembahagian tugas secara tradisional. Pasangan di Korea pula didapati mengalami tekanan akibat konflik dan bebanan kerja di luar rumah dengan tanggungjawab yang perlu digalas di rumah khususnya bagi wanita. Perbezaan budaya ini memberi penekanan tentang perlunya kajian pada peringkat pelbagai budaya untuk dijalankan.

Hengstebeck, Helms, dan Rodriguez (2015) pula mengkaji tentang peranan faktor sikap terhadap peranan gender pasangan dan status pekerjaan isteri dalam memberi kesan kepada kepuasan perkahwinan golongan suami yang berasal dari Mexico. Dalam kajian ini, mereka mendapati bahawa terdapat interaksi tiga hala dalam status pekerjaan isteri dan sikap terhadap peranan gender pasangan yang menunjukkan bahawa bagi pasangan yang isterinya tidak bekerja, sikap tradisional terhadap peranan jantina mempunyai perkaitan secara negatif dengan kepuasan perkahwinan suami yang mempunyai sikap tradisional terhadap peranan gender. Bagi pasangan yang golongan

isteri tidak bekerja juga, di mana kedua-dua individu mempunyai sikap tradisional terhadap peranan gender, kepuasan perkahwinan suami adalah lebih rendah.

Dalam satu kajian lain di Malaysia, Hasrina, Marshina Julizah, Norizah dan Hamidah (2013) mengkaji tentang jenis pasangan dan kepuasan perkahwinan dalam kalangan tiga bangsa berbeza iaitu Melayu, Cina dan India. Terdapat empat jenis pasangan yang dikenal pasti berdasarkan model-model dalam kajian lepas dan dirumuskan sebagai jenis tradisional, tidak bergantung, berpisah dan bercampur. Majoriti pasangan di Malaysia dilaporkan adalah jenis tradisional yang mana mereka masih memegang kepercayaan konvensional terhadap peranan gender dan mempunyai kepuasan perkahwinan yang tinggi.

Bagaimanapun, kajian ini tidak mengambil kira beberapa faktor penting yang lain seperti aspek dalaman individu itu sendiri. Di samping itu, kajian yang lebih memfokuskan kepada implikasi kepada bidang kaunseling diperlukan bagi memberi gambaran yang sesuai dalam konteks intervensi kaunseling. Justeru, kajian semasa yang dijalankan oleh pengkaji mengambil kira faktor ini dengan rujukan teori dalam bidang kaunseling khususnya kaunseling keluarga dan perkahwinan yang boleh memberi implikasi lebih khusus kepada bidang kaunseling keluarga dan perkahwinan.

Selari dengan itu, stereotaip terhadap peranan gender dan sumbangannya ke atas kualiti perkahwinan turut menarik minat Dasgupta dan Basu (2011) dalam memahami sikap terhadap peranan gender. Mereka telah menjalankan satu kajian untuk mengkaji hubungan di antara kualiti perkahwinan dengan stereotaip peranan gender dalam kalangan 350 pasangan bangsa Bengali yang berumur di antara 30 hingga 50 tahun. Proses kutipan data dijalankan menggunakan alat ujian *General Health Questionnaire*, *Marital Quality Scale*, *Sex Role Attitude Scale*, dan *A Gender Role Identity Scale*.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa bagi golongan wanita yang tidak bekerja, sikap tradisional terhadap peranan gender dikaitkan dengan kualiti perkahwinan yang tinggi. Golongan suami mempunyai kualiti perkahwinan yang tinggi berbanding golongan isteri. Dari segi pekerjaan, pasangan yang kedua-duanya bekerja mempunyai kualiti perkahwinan yang rendah berbanding dengan pasangan yang salah seorang daripada mereka bekerja. Stereotaip terhadap peranan gender juga didapati meramal kualiti perkahwinan. Dapatan ini mencadangkan bahawa dalam kalangan suri rumah sepenuh masa, sikap moden terhadap peranan gender dapat membantu meningkatkan kualiti perkahwinan. Walau bagaimanapun, kajian ini dijalankan ke atas pasangan yang majoritinya adalah kumpulan umur yang telah menghampiri akhir dewasa dan terdiri daripada golongan isteri bekerja dalam sektor tradisional. Ini berkemungkinan boleh memberi dapatan yang berbeza sekiranya ditadbir ke atas golongan yang telah menceburkan diri dalam sektor moden.

Bagi golongan yang baru berkahwin pula, aspek sikap terhadap peranan gender juga mempengaruhi kualiti perkahwinan mereka (Stanik & Bryant, 2012). Tahap kualiti perkahwinan lebih rendah dicatatkan apabila golongan suami mempunyai sikap tradisional terhadap peranan gender. Golongan suami pula mempunyai kualiti perkahwinan yang rendah apabila pasangan mereka turut sama mempunyai sikap tradisional terhadap peranan gender.

Dapatan ini selaras dengan dapatan McGovern dan Meyers (2002) yang mendapati bahawa sikap sama rata suami dikaitkan dengan penyesuaian perkahwinan yang tinggi bagi diri mereka sendiri dan juga isteri. Namun, sikap terhadap gender bagi isteri pula tidak berkaitan dengan kualiti perkahwinan. Dapatan ini menunjukkan bahawa sikap suami terhadap peranan gender lebih berkuasa dalam menentukan kualiti perkahwinan. Stanik dan Bryant (2012) menjalankan kajiannya ke atas 697 pasangan baru berkahwin berbangsa Afrika-Amerika yang tinggal di selatan Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun, pasangan yang baru berkahwin biasanya sedang berada dalam fasa berbulan madu. Aspek ini mungkin mempengaruhi dapatan bagi pemboleh ubah kualiti perkahwinan di mana dalam kajian ini memandangkan purata skor kualiti perkahwinan adalah amat tinggi. Hal ini mungkin kerana pada fasa ini, pasangan sedang menikmati hubungan perkahwinan mereka dan kurang berhadapan dengan konflik perkahwinan. Justeru, pemilihan sampel dari pelbagai tempoh perkahwinan mungkin dapat memberi gambaran yang lebih tepat lagi.

Konsisten dengan dapatan sebelum ini, dapatan yang hampir sama turut diperoleh oleh Faulkner, Davey, dan Davey (2005) dalam satu kajian *longitudinal* ke atas 1561 pasangan suami isteri yang menggunakan data daripada *National Survey of Families and Households* (Sweet, Bumpass, & Call, 1988). Kajian ini berkisar tentang kesan aspek peranan gender ke atas kepuasan dan konflik perkahwinan di samping beberapa pemboleh ubah lain yang terlibat. Data dianalisis menggunakan analisis regresi pelbagai. Hasil kajian menunjukkan bahawa golongan suami yang mempunyai sikap tradisional terhadap peranan gender mengalami penurunan dalam kepuasan perkahwinan serta tidak dapat meluahkan emosi mereka yang akhirnya membawa kepada konflik dalam perkahwinan.

Dapatan ini sedikit bercanggah dengan hasil dapatan Chi et al., (2011) di mana lelaki yang bersikap tradisional lebih mencapai kepuasan perkahwinan. Bagi golongan isteri pula, sikap terhadap peranan gender didapati tidak meramal kepuasan perkahwinan. Bagaimanapun, kehilangan kerjaya akibat daripada pemecatan, persaraan dan berhenti secara sukarela membawa kepada peningkatan dalam kepuasan perkahwinan serta penurunan konflik perkahwinan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kurangnya beban dan tanggungjawab yang terpaksa dipikul oleh golongan ini. Sebaliknya, bagi golongan isteri yang bekerja, terdapat penurunan dalam kepuasan perkahwinan dan peningkatan dalam konflik perkahwinan.

Pada masa yang sama, keganasan rumah tangga juga dikaitkan dengan sikap terhadap peranan gender dan perkahwinan (Schubert, Protinsky, & Viers, 2002). Walaupun boleh ubah keganasan rumah tangga tidak dikaji dalam kajian semasa yang dijalankan oleh pengkaji, namun kajian Schubert dan rakan-rakan, (2002) ini relevan dengan keperluan kajian yang dijalankan. Kurangnya kesamarataan dalam perkahwinan boleh membawa kepada konflik dan keganasan rumah tangga. Hal ini menunjukkan pentingnya kesedaran tentang kaitan aspek sikap terhadap peranan gender ke atas hubungan perkahwinan. Dalam kajian ke atas 133 orang lelaki daripada pelbagai latar belakang ini juga menunjukkan bahawa kurang kawalan kendiri, kurang kesamarataan dalam perkahwinan, dan lebih penyatuhan pasangan boleh meningkatkan konflik yang akhirnya membawa kepada keganasan rumah tangga. Tahap kesamarataan rumah tangga yang kurang didapati menyumbang kepada keganasan dalam kalangan kumpulan kemarahan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa lelaki yang kurang mengamalkan kesamarataan dalam perkahwinan cenderung untuk menggunakan keganasan sebagai cara untuk menyelesaikan konflik.

Berdasarkan perkaitan seperti yang ditunjukkan dalam kajian lepas, hipotesis Ho3 iaitu Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan dan Ho8 iaitu Tidak terdapat kesan tidak langsung yang signifikan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan dibentuk.

### **2.7.5 Sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri**

Pembentukan sikap individu terhadap peranan gender bermula dari persekitaran di mana seseorang dibesarkan. Pembentukan sikap ini juga boleh dipengaruhi oleh persekitaran budaya seseorang pada tahap persekitaran budaya keluarga dan budaya masyarakat. Individu yang hidup dalam persekitaran budaya yang mengamalkan sikap tradisional

dalam sikap terhadap peranan gender, berkemungkinan lebih cenderung untuk mempunyai sikap yang sama iaitu bersifat tradisional. Begitu juga sebaliknya dengan mereka yang dibesarkan dalam budaya yang lebih moden, mereka berkemungkinan lebih cenderung kepada sikap yang egalitarian atau moden.

Sikap terhadap peranan gender boleh mempengaruhi kesejahteraan hidup individu. Sesetengah individu yang mempunyai sikap yang lebih tradisional terhadap peranan gender, iaitu yang hanya mementingkan kuasa dan pada tangan sebelah pihak iaitu golongan lelaki, kurang mencapai kesejahteraan dalam kehidupan. Sebaliknya, mereka yang mempunyai sikap yang lebih egalitarian, yang mengambil kira hak dan kuasa kedua-dua gender iaitu lelaki dan perempuan, lebih mencapai kesejahteraan hidup. Di negara-negara maju dan membangun, sikap egalitarian kelihatan adalah lebih dominan dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini disebabkan oleh pemikiran masyarakat yang semakin bertamadun, berilmu dan terbuka. Namun begitu, peranan aspek budaya berkemungkinan memberi perspektif yang berbeza kepada pelbagai kelompok masyarakat dalam hal sikap terhadap peranan gender.

Sikap individu terhadap gender juga dikaitkan dengan kualiti hubungan perkahwinan individu (Atkinson, Greenstein, & Lang, 2005; McGovern & Meyers, 2002; Berman, 2005). Sikap ini memainkan peranan penting khususnya dalam kelangsungan rumah tangga. Di negara Barat, kebanyakan individu berkahwin yang mempunyai sikap terhadap peranan gender yang egalitarian lebih dapat mencapai kualiti hubungan perkahwinan. Sikap tradisional terhadap peranan gender pula lebih banyak dikaitkan dengan mereka yang mempunyai kualiti hubungan perkahwinan yang lebih rendah. Sikap tradisional didapati boleh menjadi punca keganasan dalam rumah tangga. Ketidakseimbangan dalam hal-hal yang melibatkan peranan gender berkemungkinan boleh menyebabkan salah satu pihak, biasanya golongan lelaki, melakukan penindasan

di antaranya dalam bentuk keganasan terhadap pasangan. Dalam keadaan seperti ini, sikap tradisional boleh mengganggu emosi dan pemikiran pasangan.

Kebergantungan sebelah pihak dengan jangkaan sikap pasangan yang tidak selaras dengan kehendaknya, boleh menjelaskan autonomi diri seseorang. Misalnya, dalam sesebuah hubungan perkahwinan di mana suami didapati mempunyai sikap yang tradisional terhadap peranan gender dan isteri lebih bersikap egalitarian. Dalam keadaan ini, isteri yang bersikap egalitarian mengharapkan agar suaminya mempunyai tingkahlaku dalam rumah tangga yang menyokong kepada sikap egalitarian. Namun, keadaan sebaliknya berlaku apabila suami lebih memilih sikap yang tradisional. Keadaan ini akhirnya membawa kepada konflik di antara suami dan isteri. Dalam keadaan ini, aspek agama dan budaya juga memainkan peranan penting. Isteri yang dituntut untuk taat kepada perintah suami sepenuhnya, mereka perlu menyesuaikan diri dengan kehendak suami. Situasi ini mewujudkan pengabaian kepada kehendak sikap terhadap peranan gender bagi diri sendiri yang akhirnya menyebabkan individu kurang dapat mempertahankan posisi saya dalam kehidupannya. Berkemungkinan, dia terpaksa lebih mengambil posisi kekitaan bagi mempertahankan hubungan perkahwinan. Berdasarkan perkaitan ini, Ho6 iaitu Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

Berdasarkan rujukan kepada teori dan tinjauan kajian lepas, ketiga-tiga aspek iaitu kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender adalah faktor yang kritikal terhadap kualiti hubungan perkahwinan. Meskipun terdapat kajian yang mengkaji aspek ini, namun kajian tersebut dijalankan di negara barat. Sesetengah kajian juga dibuat dengan tidak berasaskan teori kaunseling dan psikoterapi. Dapatkan tersebut mengehadkan pemahaman daripada perspektif bidang kaunseling dan

psikoterapi khususnya dalam konteks kehidupan dan budaya masyarakat timur khususnya di Malaysia.

### **2.7.6 Faktor demografi**

Kualiti perkahwinan dikaitkan juga dengan pelbagai faktor konteks atau demografi individu. Dalam kajian ini, tiga faktor demografi dipilih sebagai skop kajian iaitu tempoh perkahwinan, tahap akademik dan umur. Dari segi faktor umur, Helms-Erikson (2001) mendapati bahawa pasangan yang berkahwin pada usia muda lebih terdedah kepada penurunan kualiti perkahwinan. Berkemungkinan, pada usia yang masih muda, individu belum bersedia dari segi mental dan fizikal untuk melangkah ke alam perkahwinan. Kematangan umur juga mungkin memainkan peranan dalam kehidupan individu yang membolehkan mereka mengambil pengajaran sepanjang kehidupan mereka. Bagi Heaton (2002) pula, kepuasan perkahwinan lelaki dan perempuan adalah bergantung kepada umur pasangan mereka. Berdasarkan dapatan ini, enam hipotesis kajian dibentuk iaitu:

Ho9 : Faktor umur tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan.

Ho10 : Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

Ho11 : Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

Ho12 : Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.

Ho13 : Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

Ho14 : Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

Dalam membincangkan perkaitan di antara tempoh perkahwinan dengan kualiti perkahwinan, terdapat pelbagai dapatan yang berbeza. Gottman (1999) mendapati bahawa terdapat dua kumpulan umur yang mengalami waktu kritikal dalam hubungan perkahwinan iaitu kurang dari tujuh tahun dan 16 tahun ke atas. Hasil kajian menunjukkan bahawa tempoh terawal perkahwinan memberikan cabaran yang amat besar kepada pasangan atau individu yang berkahwin. Selepas tempoh 16 tahun pula, pasangan berhadapan dengan cabaran penjagaan anak-anak yang meningkat remaja dan dewasa, kekangan dari segi ekonomi, dan cabaran dalam mengekalkan kestabilan hubungan perkahwinan. Mirecki, Chou, Elliot, dan Schneider (2013) juga mendapati bahawa kualiti perkahwinan lebih tinggi pada tempoh awal perkahwinan kerana pasangan sedang berada dalam fasa berbulan madu. Apabila memasuki fasa kehadiran anak-anak dalam keluarga, kepuasan perkahwinan mula menurun namun masih stabil. Apabila anak-anak semakin dewasa dan meninggalkan rumah atau memasuki fasa *empty nest*, kepuasan perkahwinan kembali meningkat (McLahanan & Sorensen, 1985; Menaghan, 1983).

Jansen et al., (2006) pula mendapati bahawa kepuasan perkahwinan bagi pasangan yang telah lama berkahwin adalah lebih rendah berbanding dengan pasangan yang baru berkahwin. Hal ini mungkin disebabkan oleh pasangan yang telah lama berkahwin mula berasa hambar dalam hubungan mereka. Bagaimanapun, Raley dan Bumpass (2003) pula mendapati bahawa jumlah perceraian adalah lebih tinggi ketika tempoh awal perkahwinan berbanding dengan mereka yang telah lama berkahwin. Jumlah perceraian didapati menurun pada selepas lebih 30 tahun berkahwin. Justeru, berdasarkan kepada tinjauan literatur ini, enam hipotesis dibentuk iaitu:

Ho15 : Faktor tempoh perkahwinan tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan.

Ho16 : Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

Ho17 : Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

Ho18 : Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.

Ho19 : Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

Ho20 : Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

Selain itu, tahap akademik juga merupakan pemboleh ubah penting dalam memahami tentang kualiti perkahwinan (Amato & Keith, 1991; Glenn & Kramer, 1987; McLanahan & Bumpass, 1988). Bagaimanapun, peranan tahap akademik juga berbeza-beza dalam mempengaruhi kualiti perkahwinan bagi pelbagai masyarakat. Heaton (2002) mendapati bahawa individu yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi, mempunyai tahap konflik perkahwinan yang lebih rendah. Hal ini menunjukkan bahawa mereka yang berpendidikan tinggi dapat menyelesaikan masalah dalam hubungan dengan lebih baik. Hal yang sama ditemui oleh Rumaya Juhari, Irese Tan, dan Siti Nur Yaacob (2007) dalam kajiannya tentang kualiti perkahwinan dalam

kalangan masyarakat di Sabah. Bagi masyarakat Nepal pula, kualiti perkahwinan bergantung kepada tahap pendidikan kerana dengan pendedahan terhadap hal-hal perkahwinan yang diajar di sekolah dan institusi, pasangan muda cuba memodelkan cara hubungan perkahwinan di barat yang lebih moden (Allendorf & Ghimire, 2012). Kaedah ini dipercayai dapat membantu meningkatkan kepuasan dalam perkahwinan.

Berlainan pula dengan Mirecki, Chou, Elliot, dan Schneider (2013) yang mengkaji tentang kepuasan perkahwinan bagi perkahwinan kali pertama dan perkahwinan kali kedua selepas bercerai pada perkahwinan pertama. Mereka mendapati bahawa bagi perkahwinan kali pertama, faktor akademik tidak memberi kesan kepada kepuasan perkahwinan. Bahkan, sesetengah kajian di barat juga menunjukkan bahawa tahap akademik tidak memberi perbezaan yang signifikan dalam kualiti perkahwinan individu (Amato, et al., 2003; Umberson, et al., 2005; VanLanhingham, et al., 2001). Justeru, berdasarkan kepada beberapa dapatan ini, hipotesis kajian dibentuk iaitu:

Ho21 : Faktor tahap akademik tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan.

Ho22 : Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

Ho23 : Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

Ho24 : Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.

Ho25 : Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

Ho26 : Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

Tahap akademik yang rendah juga biasa dikaitkan dengan ekonomi atau pendapatan keluarga yang rendah. Dari segi ekonomi, Kinnunen dan Feldt (2004) dalam satu kajian terhadap 608 pasangan berbangsa Finnish melihat bagaimana tekanan ekonomi memberi kesan kepada kualiti hubungan perkahwinan. Kajian menunjukkan bahawa tahap ekonomi yang rendah mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tekanan psikologi individu, seterusnya memberi kesan kepada penyesuaian perkahwinan.

Noralina Omar (2008) juga mengaitkan tahap sosioekonomi yang rendah dengan kualiti perkahwinan dan kualiti keibubapaan yang rendah. Dalam kajiannya ke atas sampel keluarga di Malaysia, beliau mendapati 63.5% responden yang terdiri daripada golongan sosioekonomi rendah iaitu berpendapatan isi rumah kurang daripada RM1500 mempunyai skor kualiti perkahwinan yang rendah. Keadaan ini memberi gambaran bahawa masalah perkahwinan berkemungkinan lebih banyak berlaku dalam kalangan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Justeru, lebih tumpuan perlu diberikan kepada golongan ini. Memandangkan hal ini, pengkaji memilih untuk melaksanakan kajian ini ke atas golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

## 2.8 Rumusan

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa banyak faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kualiti perkahwinan individu. Kepelbagaiannya faktor yang mempengaruhi kualiti perkahwinan mewujudkan satu cabaran kepada para pengkaji dalam bidang ini

untuk menentukan faktor yang paling dominan terhadap kualiti perkahwinan. Justeru, berdasarkan penelitian yang dibuat ke atas teori dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan serta penemuan dalam kajian-kajian lepas, beberapa faktor telah dikenal pasti. Berdasarkan perbincangan tentang perspektif teori yang digunakan untuk memahami tentang kualiti perkahwinan, tiga faktor utama telah dipilih oleh pengkaji sebagai asas utama dalam kajian ini. Tiga faktor tersebut ialah kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender, dan pembezaan kendiri. Pemilihan tiga faktor ini adalah berasaskan kepada teori sistem keluarga Bowen dan juga kajian-kajian lepas. Selain itu,uraian tentang faktor yang dipilih turut dibuat berdasarkan teori dan model lain bagi memberi gambaran yang lebih luas tentang pemboleh ubah yang dikaji. Rujukan kepada teori dan model lain juga dapat memberi penjelasan kepada beberapa aspek yang tidak dijelaskan dengan terperinci dalam teori sistem keluarga Bowen.

Faktor-faktor ini merangkumi empat pemboleh ubah iaitu kualiti perkahwinan sebagai pemboleh ubah *endogenous*, kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender sebagai pemboleh ubah *exogenous*. Kualiti perkahwinan mempunyai tiga dimensi di bawahnya iaitu kepuasan, kohesi, dan persetujuan. Kefungsian keluarga asal diukur melalui dua dimensi iaitu kohesi dan fleksibiliti. Pembezaan kendiri pula diukur dengan empat dimensi iaitu posisi saya, penyatuan dengan orang lain, reaksi emosi dan pemisahan emosi. Manakala sikap terhadap peranan gender diukur dengan lima dimensi iaitu peranan kerjaya, peranan pendidikan, peranan perkahwinan, peranan keibubapaan dan peranan heteroseksual-sosial. Pemboleh ubah demografi yang terlibat dalam mengenal pasti kesan perbezaan adalah faktor tempoh perkahwinan, umur dan latar belakang akademik.

## **2.9 Kesimpulan**

Model *a priori* dibina untuk menguji perhubungan di antara pemboleh ubah kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri, dan sikap terhadap peranan gender terhadap kualiti hubungan perkahwinan. Rumusannya, bab ini telah membincangkan tentang konsep kualiti perkahwinan, beberapa perspektif teori yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas untuk mengkaji tentang kualiti perkahwinan, perspektif teori yang dipilih dalam kajian ini serta kajian-kajian lepas berkaitan pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. Bab seterusnya membincangkan tentang metodologi kajian.

## BAB 3: METODOLOGI

### 3.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan tentang metodologi atau kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan yang dijalankan. Aspek-aspek yang disentuh dalam bab ini termasuklah reka bentuk kajian, kaedah persampelan, lokasi kajian serta soalan kajian. Tidak ketinggalan, pengkaji membincangkan tentang pemboleh ubah yang terlibat, instrumen pengumpulan data, serta kajian rintis. Perbincangan juga menyentuh tentang prosedur kajian, analisis data, pertimbangan aspek etika, dan akhir sekali kesimpulan.

### 3.2 Reka bentuk kajian


Dalam kajian yang dijalankan, penyelidikan kuantitatif dipilih sebagai pendekatan kajian yang utama. Penyelidikan kuantitatif dipilih kerana melalui kajian jenis ini, pengkaji dapat menjelaskan hubungan di antara beberapa pemboleh ubah kajian (Creswell, 2008). Hubungan antara pemboleh ubah ini bermaksud pengaruh suatu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Selain itu, penyelidikan kuantitatif juga digunakan untuk menguji sesuatu teori dengan mengukur hubungan di antara pemboleh ubah di samping penggunaan instrumen seperti soal selidik yang membolehkan data dianalisis menggunakan prosedur statistik (Creswell, 2008).

Oleh kerana pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini dapat diukur dengan menggunakan instrumen soal selidik, maka pengkaji memilih kaedah kuantitatif sebagai asas dalam penyelidikan yang dijalankan. Soal selidik membolehkan generalisasi dapatan kajian kepada populasi yang lebih besar, selaras dengan matlamat kajian kuantitatif dibuat (Babbie, 1990). Oleh yang demikian, pemilihan penyelidikan kuantitatif amat bertepatan dengan ciri-ciri penyelidikan yang dijalankan.


Dalam penyelidikan kuantitatif, terdapat beberapa reka bentuk penyelidikan yang lebih spesifik termasuklah jenis perbandingan penyebab atau *causal comparison*. Penyelidikan perbandingan penyebab merupakan kaedah yang digunakan untuk mengenal pasti punca atau penyebab kepada sesuatu kesan iaitu pemboleh ubah bersandar (Burke, 2001). Tujuan ini selari dengan tujuan kajian pengkaji iaitu untuk menyelidik perkaitan antara beberapa pemboleh ubah iaitu kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri, dan sikap terhadap peranan gender dan hubungannya dengan kualiti hubungan perkahwinan. Hubungan antara kumpulan serta sebab musabab suatu fenomena juga dapat dikenal pasti dengan membuat perbandingan antara kumpulan dalam pengujian kerangka kajian yang dicadangkan. Carta alir 3.1 menunjukkan perjalanan kajian secara keseluruhan.

Kajian ini bermula dengan mengenal pasti fenomena atau isu yang dikaji. Kemudian, penelitian ke atas isu ini dibuat dan aspek yang berkaitan untuk dikaji ditentukan sebagai pemboleh ubah yang ingin dikaji. Satu model kajian dibina sebagai kerangka konseptual kajian, di mana pembentukan model ini adalah berdasarkan teori dan kajian lepas. Setelah mengenal pasti aspek yang ingin ditumpukan berdasarkan fenomena tersebut, objektif dan soalan kajian dibina. Kemudian, alat ukur yang dapat mengukur pemboleh ubah kajian dipilih dan proses pemantapan alat ujian dibuat melalui kajian rintis. Kajian sebenar bermula setelah alat ujian didapati mencapai aras kebolehpercayaan yang diperlukan. Proses kutipan data untuk kajian sebenar dibuat ke atas sampel yang telah dipilih mengikut prosedur kutipan data dan kerangka persampelan. Setelah data dikutip, data dianalisa dengan melibatkan beberapa peringkat iaitu semakan data bagi tujuan pembersihan data, pemprosesan data, dan semakan andaian statistik. Setelah data didapati memenuhi kriteria yang diperlukan, proses penilaian model dibuat. Proses penilaian model melibatkan dua peringkat iaitu peringkat

model pengukuran dan peringkat model struktural. Akhir sekali, satu laporan ditulis berdasarkan hasil analisis data tersebut.



**Carta alir 3.1:** Gambaran keseluruhan perjalanan kajian



**Carta alir 3.2, sambungan**

### **3.3 Instrumen pengumpulan data**

Instrumen pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik dan inventori. Soal selidik merupakan sejenis instrumen pengumpulan data dalam bentuk laporan kendiri yang diisi oleh responden kajian sebagai sebahagian daripada penyelidikan (Johnson & Christensen, 2008). Laporan kendiri merupakan satu set item atau soalan yang digunakan oleh pengkaji sebagai kaedah kajian yang utama. Soal selidik ditadbir kerana ia lebih mudah dan ekonomi serta dapat mengukur pemboleh ubah yang ingin diukur. Penggunaan soal selidik adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang pemikiran, perasaan, sikap, kepercayaan, nilai, persepsi, personaliti dan tingkah laku bertujuan oleh responden kajian (Johnson & Christensen, 2008). Objektif ini membolehkan pengkaji mendapat skor tentang persepsi, pemikiran, sikap dan lain-lain dari perspektif responden kajian terhadap dirinya.

Soal selidik atau inventori yang terlibat dalam kajian ini mengandungi lima bahagian utama iaitu Bahagian A, B, C, D, dan E (Lampiran B). Bahagian A iaitu bahagian latar belakang dan demografi yang terdiri daripada sembilan soalan iaitu soalan tentang umur, jantina, bangsa, lokasi tempat tinggal, tempoh perkahwinan, status pekerjaan, pendapatan, bilangan anak dan tahap pendidikan. Semua maklumat dalam bahagian ini merupakan data dalam bentuk skala nominal dan ordinal. Seterusnya, Bahagian B, C, D, dan E merupakan bahagian utama di mana responden perlu menjawab item-item atau pernyataan yang mewakili setiap pemboleh ubah dalam kajian ini.

Bahagian B, C, D, dan E masing-masing mengukur aspek kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri, sikap terhadap peranan gender dan kualiti perkahwinan. Inventori yang digunakan dalam bahagian ini terdiri daripada empat inventori iaitu Skala Penilaian Penyesuaian dan Kohesi Keluarga (Olson, Sprenkle, & Russell, 1979), Inventori Pembezaan Kendiri (Skowron & Friedlander, 1998; Drake, 2011), Skala

Kesamarataan Peranan Gender (King, Beere, King, & Beere, 1984) dan Skala Penyesuaian Dyadik-disemak (Spanier, 1976; Busby, Christensen, Crane, & Larson, 1995). Proses terjemahan bagi alat ujian terlibat merujuk kepada proses *back translation* (Brislin, 1970).

Dalam proses pentadbiran alat ujian, responden dikehendaki memberi respon kepada semua item berdasarkan skala likert yang diberi. Skala likert digunakan untuk mengukur idea atau konstruk yang sama di mana setiap responden memberi respon ke atas item berdasarkan skala tersebut, dan respon bagi setiap item dijumlahkan oleh pengkaji untuk mendapat satu skor bagi setiap responden (Johnson & Christensen, 2008). Penggunaan skala likert juga membolehkan pengkaji memperoleh data berbentuk *interval*.

### **3.3.1 Skala Penilaian Penyesuaian dan Kohesi Keluarga atau *Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales* (FACES IV; Olson, Sprenkle, & Russell, 1979)**

Skala Penilaian Penyesuaian dan Kohesi Keluarga digunakan untuk mengukur tahap kefungsian keluarga asal. Alat ujian ini mengukur aspek kohesi dan fleksibiliti yang menjadi dua dimensi utama dalam *Circumplex Model of Marital and Family Systems* yang menghasilkan tahap kefungsian keluarga (Olson, 2011). Inventori ini mengandungi 62 item, di mana 42 item mengukur aspek kohesi dan fleksibiliti, 10 item untuk aspek komunikasi dan 10 item lagi untuk aspek kepuasan. Dalam kajian ini, 42 item yang mengukur aspek kohesi dan fleksibiliti digunakan. Terdapat enam sub skala bagi aspek kohesi dan fleksibiliti iaitu kohesi, fleksibiliti, tidak berhubung, rigid, huru hara dan terlalu berhubung. Responden perlu memberi respon berdasarkan skala lima mata iaitu 1= Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Tidak Pasti, 4= Agak Setuju dan 5= Sangat Setuju.

Terdapat beberapa alat ujian lain yang mengukur dinamik hubungan keluarga. Namun, dalam kajian ini, FACES IV dipilih sebagai alat pengumpulan data dalam kajian ini kerana alat ujian ini merupakan alat ujian yang telah digunakan secara meluas dalam bidang terapi keluarga (Kouneski, 2001). Ia mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang baik. Selain itu, kajian ini merujuk kepada *Circumplex Model of Marital and Family Systems*. Oleh sebab pembinaan alat ujian FACES IV adalah berasaskan idea dalam model tersebut, maka pengukuran konstruk tersebut dapat dibuat dengan lebih tepat.

Berdasarkan kajian oleh Olson (2002), ketekalan dalaman bagi setiap skala adalah tinggi iaitu jelekit .77, tidak berhubung .87, kohesi yang seimbang .89, huru-hara .86, fleksibel yang seimbang .84 dan rigid .82. Nilai ini secara puratanya menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis faktor bagi 42 item yang dijalankan oleh Olson (2002) menunjukkan bahawa alat ujian ini mempunyai kesahan konstruk yang baik. Alat ujian ini juga telah digunakan dalam beberapa kajian di Malaysia (Aida, Aili, Manveen, Salwina, Subash, Ng, & Muhsin, 2014; Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yusoff, & Siti Hajar Mohamed Yusoff, 2013; Saedah Abd Ghani, Zainah Ahmad Zamani, Roseliza Murni Ab. Rahman, Arifin Hj Zainal, & Wan Shahrazad Wan Sulaiman, 2008; Anjli Panalal, 2005).

Terdapat enam sub skala atau dimensi dalam alat ujian ini yang setiap satunya mengandungi tujuh item. Item bagi setiap sub skala ialah:

Item kohesi seimbang = 1, 7, 13, 19, 25, 31, 37

Item fleksibiliti seimbang = 2, 8, 14, 20, 26, 32, 38

Item tidak berhubung = 3, 9, 15, 21, 27, 33, 39

Item terlalu berhubung = 4, 10, 16, 22, 28, 34, 40

Item rigid = 5, 11, 17, 23, 29, 35, 41

Item huru hara = 6, 12, 18, 24, 30, 36, 42

Antara contoh pernyataan yang terdapat dalam alat ujian ini adalah “Setiap ahli keluarga mengambil berat tentang kehidupan ahli keluarga yang lain; Kami menghabiskan terlalu banyak masa bersama; Pelanggaran peraturan keluarga akan memberi akibat yang buruk; Lebih mudah bagi kami untuk berurusan dengan orang yang bukan ahli keluarga berbanding berurusan dengan ahli keluarga; Sukar untuk mengetahui siapakah pemimpin dalam keluarga saya”.

Untuk tujuan penskoran, skala nisbah digunakan. Hal ini kerana *Circumplex Model of Marital and Family Systems* dibina dengan andaian *curvilinear* di mana tahap kohesi dan fleksibiliti yang terlalu rendah (0-15%) dan tahap yang terlalu tinggi (85-100%) dikategorikan sebagai keluarga yang bermasalah, manakala tahap pertengahan dikategorikan sebagai keluarga yang sihat. Oleh itu, perkiraan skala nisbah dibuat bagi mengatasi andaian *curvilinear* ini (Olson, 2011). Terdapat tiga nilai nisbah iaitu nisbah kohesi, nisbah fleksibiliti, dan nisbah keseluruhan kefungsian keluarga. Untuk mendapatkan nilai nisbah, formula berikut digunakan:

$$1. \text{ Nisbah kohesi} = \frac{\text{Skor Kohesi Seimbang}}{\text{Purata Skor Kohesi Tidak Seimbang}}$$

$$= \frac{\text{Skor Kohesi Seimbang}}{\text{Skor Tidak berhubung} + \text{Skor Terlalu berhubung} / 2}$$

$$2. \text{ Nisbah fleksibiliti} = \frac{\text{Skor Fleksibiliti Seimbang}}{\text{Purata Skor Fleksibiliti Tidak Seimbang}}$$

$$= \frac{\text{Skor Fleksibiliti Seimbang}}{\text{Skor Huru Hara} + \text{Skor Rigid} / 2}$$

$$\begin{aligned}3. \text{ Nisbah Keseluruhan Kefungsian Keluarga} &= \frac{\text{Purata Skala Seimbang}}{\text{Purata Skala Tidak Seimbang}} \\&= \frac{(\text{Kohesi Seimbang} + \text{Fleksibiliti Seimbang})/2}{(\text{Tidak Berhubung} + \text{Terlalu Berhubung} + \text{Rigid} + \text{Huru hara}) / 4}\end{aligned}$$

Untuk proses penskoran dan pertukaran kepada skala nisbah, perisian Microsoft Excel yang disertakan dalam pakej pembelian alat ujian FACES IV digunakan. Perisian ini tersedia dengan penetapan formula pengiraan nisbah, dimensi dan peratusan. Output yang dihasilkan dalam perisian Excel dipindahkan ke dalam perisian SPSS untuk tujuan analisis lanjut.

### **3.3.2 Inventori Pembezaan Kendiri atau *Differentiation of Self Inventory***

**(DSI; Skowron & Friedlander, 1998; Drake, 2011)**

Pada tahun 1998, Skowron dan Friedlander telah membina DSI yang mempunyai 43 item atau pernyataan. Skowron telah menerima banyak kritikan berkenaan alat ujian tersebut. Justeru, pada tahun 2003, Skowron dan Schmitt menambah 3 lagi item bagi konstruk penyatuan dengan orang lain menjadikan jumlah keseluruhan 46 item dan ia dikenali sebagai DSI-R (Skowron dan Schmitt 2003). Pada tahun 2011 pula, Drake telah meringkaskan DSI-R kepada versi 20 item yang mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik.

Terdapat tiga versi Inventori Pembezaan Kendiri iaitu dengan 20 item, 43 item, dan 46 item. Dalam kajian ini, Inventori Pembezaan Kendiri versi 20 item digunakan. Pengkaji memilih Inventori Pembezaan Kendiri versi 20 item atas sebab ia lebih ringkas dan tidak mengandungi terlalu banyak item. Ciri-ciri alat ujian yang baik adalah yang mengandungi tidak terlalu banyak item atau pernyataan sehingga boleh mengganggu tumpuan responden untuk menjawab alat ujian tersebut. Pembinaan alat ujian ini juga adalah berasaskan konsep yang

dijelaskan dalam teori sistem keluarga Bowen, yang membolehkan pengukuran terhadap aspek kajian dibuat dengan lebih tepat. Selain itu, Inventori Pembezaan Kendiri juga mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik berdasarkan kajian oleh Drake (2011).

Inventori ini ditadbir dengan skala enam mata di mana 1= tidak betul sama sekali tentang saya, 2 = tidak begitu betul tentang saya, 3 = tidak betul tentang saya, 4 = betul tentang saya, 5= agak betul tentang saya, dan 6= sangat betul tentang saya. Inventori ini mengandungi empat sub konstruk iaitu posisi saya, penyatuan dengan orang lain, pemisahan emosi, dan reaksi emosi.

Dari segi kesahan dan kebolehpercayaan, alat ujian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Ketekalan dalaman adalah tinggi iaitu dengan nilai .88. Bagi sub skala pemisahan emosi, nilai ketekalan dalaman adalah .79, penyatuan dengan orang lain .68, posisi saya .70, dan reaksi emosi .80. Ujian kebolehpercayaan uji dan uji kembali juga menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang tinggi iaitu .87 (Drake, 2011). Kesahan *convergent* dan kriteria juga disokong dalam dapatan kajian oleh Drake (2011). Kajian oleh Raba'aton Adawiah Mohd Yusof (2011) mengesahkan bahawa teori sistem keluarga Bowen yang diukur menggunakan Inventori Pembezaan Kendiri boleh diaplikasi di Malaysia.

Antara item atau pernyataan yang terdapat dalam alat ujian ini adalah “Saya cenderung untuk bertengang walaupun dalam keadaan tertekan; Apabila pasangan mengkritik saya, ia merisaukan saya untuk tempoh beberapa hari; Saya merasakan perlu untuk diterima oleh semua orang dalam hidup saya; Saya biasanya memerlukan galakan daripada orang lain apabila memulakan tugas atau kerja yang besar; Saya sering berasa tidak pasti apabila orang lain tiada untuk menolong saya membuat keputusan”.

Bagi tujuan penskoran, pertukaran item negatif kepada positif dibuat. Kemudian, skor bagi keseluruhan item dijumlahkan dan dibahagikan dengan jumlah bilangan item. Kaedah yang sama digunakan untuk mendapatkan skor bagi setiap dimensi.. Skor setiap dimensi dijumlahkan dan dibahagikan dengan bilangan item dalam dimensi tersebut. Skor yang tinggi menunjukkan individu dapat membuat pembezaan kendiri dengan baik. Manakala skor yang rendah menunjukkan individu kurang dapat membuat pembezaan diri dengan baik.

### **3.3.3 Skala Kesamarataan Peranan Gender atau *Sex Roles Egalitarian Scale* (King, Beere, King, & Beere, 1984)**

Skala Kesamarataan Peranan Gender adalah bertujuan untuk mengukur sikap terhadap keseimbangan di antara lelaki dan wanita dalam beberapa peranan lelaki dan wanita. Alat ujian ini wujud dalam empat versi iaitu Borang B dan K versi penuh, serta Borang BB dan KK versi pendek. Borang B dan K mengandungi 95 pernyataan tentang sikap, dengan 19 item bagi setiap satu dimensi. Manakala borang BB dan KK mengandungi 25 item dengan 5 item bagi setiap dimensi.

Alat ujian Skala Kesamarataan Peranan Gender dipilih sebagai alat pengumpulan data dalam kajian ini kerana alat ujian ini mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan kajian-kajian lepas. Pengukuran sikap terhadap peranan gender dalam ujian ini juga merangkumi lima aspek kesamarataan peranan gender yang dapat memberi gambaran yang lebih luas tentang peranan gender. Selain itu, bahasa yang digunakan juga mudah difahami membolehkan pelbagai peringkat umur dapat memahami alat ujian ini.

Respon bagi setiap item adalah berdasarkan skala likert lima mata yang bermula dengan sangat setuju dan diakhiri dengan sangat tidak setuju. Terdapat lima sub konstruk dalam alat ujian ini iaitu peranan perkahwinan, peranan keibubapaan, peranan kerjaya, peranan heteroseksual-sosial, dan peranan pendidikan. Kesemua item dalam dimensi ini mengandungi pernyataan berkaitan sikap terhadap peranan yang dimainkan oleh lelaki dan wanita. Pengkaji menggunakan borang BB dalam kajian ini. Proses penterjemahan alat ujian yang dijalankan merujuk kepada proses terjemah-terjemahan kembali (Brislin, 1970).

Skala Kesamarataan Peranan Gender mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .94 secara keseluruhan. Bagi skala dimensi perkahwinan, ketekalan dalaman adalah .88, peranan keibubapaan .89, peranan kerjaya .89, peranan heteroseksual-sosial .84, dan peranan pendidikan .89. Skala ini juga diuji bagi sampel yang berbeza dengan kebolehpercayaan .92 bagi sampel pelajar kolej (Rosenfeld & Jarrard, 1985, 1986), .89 bagi sampel pegawai polis lelaki (Stith, 1990), .92 bagi sampel yang terlibat dengan program penyalahgunaan bahan dan program pengurusan kemarahan (Crossmann, Stith, & Bender, 1990), dan .95 bagi kakitangan pentadbiran, ahli fakulti dan pelajar di *Central Michigan University* (Billingham & King, 1991). Honeck (1981) juga membuktikan kesahan alat ujian ini dalam kajiannya. Kajian-kajian lain misalnya yang dijalankan oleh Cammarata (1986) dan Archer (1989) turut memberi pengesahan kepada kesahan diskriminan alat ujian SRES. Kesahan alat ujian ini turut dilaporkan oleh King dan King (1993).

Antara item atau pernyataan yang terkandung dalam alat ujian ini ialah “Lelaki dan perempuan seharusnya diberi layanan sama rata apabila memohon pinjaman pelajaran; Wanita adalah sama berkebolehan seperti lelaki dalam menguruskan sesuatu perniagaan; Apabila anak terbangun pada waktu malam,

ibulah seharusnya melayani keperluan anak itu; Suami seharusnya tidak masuk campur dalam hal urusan rumah tangga”.

Bagi tujuan penskoran, skor lima bagi setiap item menunjukkan bahawa kesamarataan dalam peranan lelaki dan wanita, manakala skor satu menunjukkan sikap yang kurang sama rata. Terdapat item negatif dalam alat ujian ini perlu ditukar sebelum proses analisis dibuat. Skor bagi setiap domain diperoleh dengan menjumlahkan skor dalam kelima-lima sub konstruk. Skor berada dalam lingkungan 25-125. King dan King (1993) tidak meletakkan sebarang nilai pemisah bagi menentukan sama ada sikap sama rata yang tinggi atau rendah. Sebaliknya menekankan bahawa semakin tinggi skor, semakin individu cenderung untuk mempunyai sikap yang sama rata antara lelaki dan wanita.

### **3.3.4 Skala Penyesuaian Dyadik – Disemak atau Revised Dyadic Adjustment Scale (Spanier, 1976; Busby, Christensen, Crane, & Larson, 1995)**

Skala Penyesuaian Dyadik-Disemak telah ditambah baik daripada instrumen asalnya iaitu *Dyadic Adjustment Scale* (Spanier, 1976). Alat ujian ini digunakan untuk mengukur persepsi individu terhadap aspek kualiti perkahwinan. Ia mengandungi 14 item. Terdapat tiga sub konstruk dalam inventori ini iaitu persetujuan (*consensus*), kepuasan, dan kohesi. Inventori ini menggunakan skala likert lima dan enam mata bergantung kepada bahagian soalan. Responden dikehendaki memberikan respon terhadap item berdasarkan skala likert yang diberi. Alat ujian ini diterjemah melalui prosedur *back translation*.

Pemilihan Skala Penyesuaian Dyadik-Disemak dibuat atas sebab alat ujian ini mengukur persepsi individu terhadap hubungan perkahwinan secara keseluruhan. Alat ujian ini tidak meletakkan satu-satu kriteria yang objektif untuk menentukan sama ada hubungan perkahwinan adalah berkualiti atau tidak, sebaliknya ia melibatkan penilaian secara umum. Ini bersesuaian dengan konteks kajian yang melihat kualiti perkahwinan secara umum. Selain itu, bahasa yang digunakan dalam alat ujian ini juga mudah difahami dan ringkas. Bilangan item yang terkandung dalam alat ujian ini juga tidak terlalu banyak. Ciri-ciri ini menjadi sebab utama pemilihan Skala Penyesuaian Dyadik-Disemak sebagai alat pengumpulan data dalam kajian ini.

Skala Penyesuaian Dyadik-Disemak mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Aras kebolehpercayaan alpha adalah .90 dengan ketekalan dalaman bagi setiap sub konstruk adalah tinggi iaitu, konsensus = .81, kohesi = .80, dan kepuasan = .85. Hasil analisis diskriminan yang dijalankan ke atas Skala Penyesuaian Dyadik-disemak dan skala asalnya menunjukkan bahawa instrumen ini dapat membezakan individu yang stress dan tidak stress (Busby et al., 1995). Selain itu, RDAS juga mempunyai korelasi yang tinggi dengan *Marital Adjustment Test* (Locke & Wallace, 1959) yang mengukur konsep yang sama. Di Malaysia, Skala Penyesuaian Dyadik digunakan dalam kajian tentang kualiti perkahwinan (Lai, 2008).

Antara item atau pernyataan yang terdapat dalam alat ujian ini ialah “Seberapa kerapkah anda dan pasangan anda bertengkar?; Pernahkah anda berasa menyesal berkahwin atau hidup bersama dengan pasangan anda?” Seberapa kerapkah anda berbincang tentang perceraian, perpisahan atau menamatkan hubungan dengan pasangan anda?; Adakah anda dan pasangan

anda melibatkan diri dalam kegemaran-kegemaran atau aktiviti luar bersama?; Berbincang mengenai sesuatu dengan tenang”.

Dalam alat ujian ini, item satu hingga enam mewakili sub konstruk persetujuan, item tujuh hingga 10 mewakili sub konstruk kepuasan, dan item 11 hingga 14 mewakili sub konstruk kohesi. Penskoran adalah berdasarkan perbezaan jumlah skor yang diperoleh iaitu sama ada tinggi atau rendah. Kedua-dua tahap ini dibezakan dengan individu yang tertekan dan tidak tertekan. Jumlah skor tertinggi adalah 79. Individu yang mendapat skor 0 hingga 48 dikategorikan sebagai menghadapi tekanan atau masalah dalam hubungan, manakala skor 49-79 dikelaskan sebagai individu yang tidak mengalami tekanan dalam hubungan mereka. Item-item ini perlu disemak dengan lebih teliti kerana ia dibina dalam budaya Barat, berkemungkinan boleh memberi kesan kepada penganggaran model.

### **3.4 Proses terjemahan alat ujian**

Penterjemahan alat ujian dalam kajian ini dibuat berpandukan prosedur *back translation* (Brislin, 1970). Dalam kajian ini, dua orang penterjemah terlibat dalam proses penterjemahan. Pada peringkat pertama, alat ujian asal dalam bahasa Inggeris diterjemah ke dalam bahasa Melayu oleh seorang pensyarah dalam bidang kaunseling dan psikologi, yang juga mempunyai sijil penterjemahan berdaftar. Pada peringkat kedua, alat ujian yang telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu (peringkat pertama), diterjemah semula ke dalam bahasa Inggeris oleh seorang pensyarah dalam bidang pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Seterusnya, semakan semula dibuat oleh pensyarah dalam bidang kaunseling untuk memastikan keselarasan terjemahan dalam kedua-dua bahasa.

### **3.5 Kajian rintis**

Kajian rintis dijalankan dengan tujuan untuk meneliti sejauh mana item-item dalam inventori yang digunakan dapat menjawab soalan kajian. Kajian rintis juga memberi peluang kepada pengkaji untuk mendapatkan maklum balas dan komen daripada responden kajian rintis berkenaan item, format dan skala dalam soal selidik yang digunakan dalam kajian (Cresswell, 2008). Selain itu, kajian rintis dijalankan bagi memastikan kebolehpercayaan alat ujian boleh diterima pakai. Kajian rintis ditadbir ke atas responden yang mewakili populasi kajian iaitu telah dan masih berkahwin, mengikuti program KEMAS dan membesar dalam persekitaran keluarga. Responden yang terlibat di dalam kajian rintis adalah responden yang bukan merupakan responden di dalam kajian sebenar. Data daripada kajian rintis dianalisis bagi menentukan aras kebolehpercayaan alat ujian terlibat.

**Jadual 3.1:** Nilai kebolehpercayaan *Alpha* alat ujian bagi kajian rintis dan kajian sebenar

Alat ujian	Nilai kebolehpercayaan alpha bagi kajian rintis	Nilai kebolehpercayaan alpha bagi kajian sebenar
Skala Penilaian Penyesuaian dan Kohesi Keluarga	.77	.82
Inventori Pembezaan Kendiri	.76	.78
Skala Kesamarataan Peranan Gender	.89	.95
Skala Penyesuaian Dyadik-Disemak	.95	.88

Jadual 3.1 menunjukkan nilai kebolehpercayaan *alpha* bagi alat ujian yang digunakan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, kesemua alat ujian menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang baik. Bagi tujuan kesahan, semua alat ujian dinilai melalui proses *Confirmatory factor analysis* bagi menentukan sama ada alat ujian ini dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Laporan penuh bagi *confirmatory factor analysis* dimuatkan dalam bab 4. Sebagai ringkasan, hasil analisis kesahan alat ujian melalui model pengukuran menunjukkan semua nilai pemberat adalah signifikan, menandakan bahawa alat ujian ini adalah sah dan dapat mengukur konstruk yang ingin diukur.

### **3.6 Kajian sebenar**

#### **3.6.1 Populasi**

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada individu berkahwin yang mengikuti program pendidikan masyarakat anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat Malaysia (KEMAS) di dua buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Selangor. Program pendidikan masyarakat yang dianjurkan oleh KEMAS adalah bertujuan memberi pendidikan tentang peranan wanita dalam mengukuhkan institusi keluarga, masyarakat seterusnya membangunkan negara dalam bidang sosial, ekonomi dan sahsiah berteraskan kehendak agama. Program ini melibatkan kelas pendidikan kesejahteraan keluarga, kelas masakan, pusat sumber, kelas agama, kelas literasi dan komputer, dan kelas jahitan. Program ini juga bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran individu khususnya dalam ilmu rumah tangga. Dalam kajian ini, KEMAS dipilih kerana kebanyakannya yang terlibat dalam program KEMAS ini adalah dalam kalangan mereka yang telah berkahwin. Selain itu, kebanyakannya ahli yang terlibat adalah dalam kalangan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Pemilihan populasi ini juga adalah berdasarkan tinjauan literatur yang menunjukkan bahawa kualiti perkahwinan didapati lebih rendah dalam kalangan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana (Noralina Omar, 2001; Kinnunen & Feldt, 2004). Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada bahagian pengurusan KEMAS, majoriti yang terlibat dengan program ini adalah golongan yang berpendapatan rendah hingga sederhana. Analisis deskriptif bagi sampel kajian ini mengesahkan bahawa majoriti responden mempunyai pendapatan yang rendah dan sederhana. Pemilihan populasi ini juga membolehkan pengkaji mengakses kepada sampel kajian yang diperlukan iaitu mereka yang telah berkahwin dan terdiri dalam kalangan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Lokasi kajian yang dipilih adalah Negeri Selangor dan WPKL. Pemilihan dua buah lokasi ini adalah berdasarkan negeri-negeri yang kritikal dalam hubungan perkahwinan berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh JKSM. Selain itu, ia juga dapat mewakili pelbagai latar belakang responden kajian.

Bilangan populasi kajian dianggarkan seramai adalah 10,800 orang. Oleh kerana jumlah populasi adalah ramai, kerangka persampelan dibentuk bagi memilih sampel kajian. Bagi Leedy dan Ormrod (2005), dalam suatu keadaan di mana bilangan populasi adalah terlalu ramai, bilangan ini tidak lagi relevan untuk diambil sebagai sampel kajian. Justeru, kerangka persampelan yang bersesuaian digunakan untuk memilih sampel yang terlibat dalam kalangan populasi kajian.

### **3.6.2 Sampel**


Dalam kajian ini, individu berkahwin dipilih dalam kalangan mereka yang mengikuti program anjuran KEMAS di WPKL dan Selangor. Pemilihan sampel ini dapat mewakili ciri-ciri iaitu telah berkahwin, mempunyai pasangan yang masih hidup dan terdiri dari kalangan mereka yang berpendapatan rendah hingga sederhana. Pengkaji telah membentuk kerangka persampelan untuk memilih sejumlah sampel kajian yang dapat mewakili keseluruhan populasi kerana bilangan populasi yang besar. Kerangka persampelan ditunjukkan seperti dalam Rajah 3.1.

Terdapat dua kategori persampelan iaitu persampelan kebarangkalian (*probability*) dan persampelan bukan kebarangkalian (*nonprobability*). Pada peringkat pertama pemilihan sampel kajian ini, persampelan kebarangkalian jenis persampelan kluster digunakan (Leedy & Ormrod, 2005). Persampelan kluster (*cluster sampling*) melibatkan suatu keadaan di mana apabila populasi yang dikaji berada di kawasan yang luas dan senarai nama ahli populasi tidak dapat ditentukan. Justeru, kaedah persampelan ini boleh dibuat melalui penentuan sempadan kawasan yang besar kepada unit kawasan yang lebih kecil di mana setiap kluster yang ditentukan, mempunyai ciri-ciri individu yang heterogenous. Pemilihan subset dalam kluster ini dibuat secara rawak.

Dalam kajian ini, zon adalah mewakili kawasan-kawasan yang ada dalam WPKL manakala daerah adalah untuk kawasan di Selangor. Secara keseluruhannya, terdapat 28 buah kawasan atau kluster di negeri Selangor dan WPKL mengikut pembahagian kawasan oleh pihak KEMAS. Di dalam kawasan-kawasan ini, terdapat kawasan-kawasan kecil di mana kelas dijalankan. Pemilihan kluster ini dibuat secara rawak dengan melibatkan kawasan Batu,

Cheras, Lembah Pantai, Segambut, Sabak Bernam, Kuala Selangor, dan Sungai Besar.

Seterusnya, individu yang mengikuti kelas di kluster yang dipilih pada peringkat pertama dipilih sebagai peserta kajian. Pemilihan kelas-kelas ini dibuat dengan bantuan maklumat dari pegawai KEMAS. Di dalam kelas-kelas ini, individu yang berkahwin dan masih mempunyai pasangan, serta membesar dalam persekitaran keluarga dilibatkan dalam kajian ini. Individu yang dibesarkan di pusat kebajikan misalnya, tidak terlibat dalam kajian ini. Pengalaman individu semasa membesar dalam persekitaran keluarga diperlukan kerana ia membolehkan individu memberi persepsi terhadap pengalaman dalam keluarga asal.



**Rajah 3.1:** Kaedah persampelan

### **3.7 Penentuan saiz sampel**

Saiz sampel adalah antara aspek yang penting dalam mana-mana penyelidikan. Penentuan saiz sampel haruslah dibuat dengan mengambil kira pelbagai aspek yang boleh mempengaruhi ketepatan data yang dianalisis. Dalam kajian ini, saiz sampel ditentukan berdasarkan keperluan saiz sampel dalam jenis analisis yang digunakan. Tabachnick dan Fidell (2014) memberikan formula untuk mengira saiz sampel dengan mengambil kira bilangan pemboleh ubah tidak bersandar yang terlibat dalam analisis iaitu  $N > 50 + 8m$  ( $m$  adalah bilangan pemboleh ubah tidak bersandar). Dalam analisis ini, terdapat tiga pemboleh ubah *exogenous*.  $N > 50 + 8 (3) = 74$ . Justeru bilangan saiz sampel dalam kajian ini adalah mencukupi. Penetapan jumlah sampel kajian juga perlu mempertimbangkan beberapa situasi di mana data yang diperoleh tidak mencapai tahap kenormalan multivariat dan kadar data yang hilang melebihi 10 peratus (Byrne, 2010).

Selain itu, Hair, Black, Rabin, dan Anderson (2010) juga memberi cadangan tentang jumlah minima saiz sampel yang perlu diambil sekiranya pengkaji menggunakan prosedur analisis SEM. Cadangan saiz sampel ini adalah berdasarkan tahap kompleksmodel dan beberapa ciri-ciri pengukuran sesuatu model. Jadual 3.2 menunjukkan bilangan saiz sampel yang dicadangkan oleh Hair dan rakan-rakan (2010). Pengkaji merujuk kepada panduan tersebut dalam kajian ini. Dalam kajian ini, sebanyak 478 kes terlibat dalam proses analisis data akhir.

**Jadual 3.2:** Cadangan saiz sampel bagi model persamaan berstruktur (Hair et al., 2010)

Bilangan konstruk	Bilangan item bagi setiap konstruk	Bilangan sampel yang dicadangkan
Lima atau kurang	Lebih dari tiga	100
Tujuh atau kurang	Lebih dari tiga	150
Tujuh atau kurang	Beberapa konstruk dengan tiga item atau kurang	300
Banyak	Tiga atau kurang	500

### **3.8 Prosedur kajian**

Setelah mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak Universiti Malaya dan pihak KEMAS untuk menjalankan penyelidikan, pengkaji membuat satu perbincangan dengan pegawai KEMAS dengan cadangan daripada wakil Pengarah KEMAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor (Lampiran C) Beberapa perkara penting telah dibincangkan oleh pengkaji dan pegawai yang terlibat menerusi pertemuan bersemuka dan talian telefon. Perkara yang dibincangkan ialah penerangan lanjut tentang penyelidikan yang sedang dijalankan seperti objektif, kepentingan kajian dan pemilihan sampel kajian. Untuk memilih sampel kajian, pengkaji dibantu oleh pegawai KEMAS untuk mengenal pasti responden untuk dilibatkan dalam kajian ini.

Proses kutipan data dibantu oleh seorang pembantu pengkaji. Sebelum memulakan kajian, pengkaji membuat satu perjumpaan bersama dengan pembantu pengkaji bagi menjelaskan dengan terperinci bahagian-bahagian yang terdapat dalam borang kaji selidik. Pengkaji juga memastikan bahawa pembantu pengkaji memahami item-item yang terdapat dalam borang kaji selidik. Tugas utama pembantu pengkaji ialah memantau responden semasa mereka menjawab borang kaji selidik bagi

memastikan tiada perbincangan dibuat. Setiap responden yang menjawab soal selidik diberi cenderahati sebagai tanda penghargaan penglibatan mereka dalam kajian.

Pihak KEMAS menganjurkan kelas-kelas pada minggu-minggu tertentu bergantung pada tarikh yang ditetapkan oleh pegawai bertugas dan kehadiran ahli. Borang kaji selidik diedarkan kepada responden kajian semasa atau selepas kelas berlangsung. Pengedaran borang kaji selidik dibantu oleh pembantu pengkaji. Individu yang belum berkahwin atau kehilangan pasangan, dikecualikan daripada menyertai kajian ini. Sebelum responden menjawab borang kaji selidik, pengkaji memberi penerangan ringkas berkenaan tujuan kajian dijalankan, bahagian yang terkandung dalam borang kaji selidik, dan masa yang diperuntukkan untuk menjawab. Peserta kajian diberi masa 20 sehingga 30 minit untuk menjawab borang kaji selidik. Borang yang telah diisi kemudiannya dikutip oleh pengkaji dan cenderahati diberikan kepada responden kajian. Semasa proses kutipan data ini dijalankan, terdapat juga responden yang mempunyai masalah penglihatan iaitu rabun. Situasi ini memerlukan pengkaji dan pembantu pengkaji membaca dan menandakan jawapan berdasarkan respon yang diberi oleh responden terbabit.

### **3.9 Kaedah analisis data**

#### **3.9.1 Proses analisis data di peringkat awal**

Sebelum proses analisis data dijalankan, pengkaji menyemak beberapa perkara penting yang boleh mempengaruhi ketepatan dapatan kajian iaitu saringan data, semakan data yang hilang, dan pemprosesan data. Kesemua perkara ini harus diteliti dengan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang kesilapan semasa menganalisis data. Setelah itu, andaian asas bagi penggunaan ujian statistik diuji.

### **3.9.2 Semakan andaian statistik inferensi**

Sebelum prosedur analisis diteruskan, data diperiksa sama ada ia memenuhi andaian yang diperlukan dalam ujian statistik jenis parametrik (model persamaan berstruktur). Andaian tersebut merangkumi saiz sampel yang besar, skala pengukuran yang mempunyai kesinambungan, taburan data yang normal, hubungan yang linear serta *multicollinearity* (Tabachnick & Fidell, 2014). Andaian ini disemak dan dilaporkan pada bahagian dapatan kajian.

### **3.9.3 Jenis ujian statistik yang digunakan**

Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang membolehkan pengkaji mendapat skor atau data mentah secara pernomboran, skala atau angka. Justeru, penggunaan teknik analisis yang sepadan dengan kaedah untuk mengukur data kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Bagi data deskriptif kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan dengan bantuan perisian SPSS 20.0. Bagi data inferensi, kaedah statistik inferensi digunakan untuk mengetahui tentang keseluruhan ahli kumpulan atau populasi berdasarkan sebahagian yang dipilih (sampel) untuk dikaji. Bagi menganalisis data yang melibatkan statistik jenis ini, pendekatan model persamaan berstruktur atau *structural equation modelling* (SEM) dijalankan. Prosedur SEM melibatkan ujian *Confirmatory Factor Analysis* (CFA) dan *Multiple Group Analysis* yang dijalankan dengan bantuan perisian *Analysis of Moment Structures* (AMOS) 18.0.

Prosedur analisis SEM dipilih kerana hubungan di antara empat pemboleh ubah dapat dikaji secara serentak seperti mana dalam model *a priori* kajian. SEM juga sesuai dijalankan kerana terdapat pemboleh ubah tersirat (*latent variable*) yang terdiri daripada pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bebas-bersandar. Selain itu, ia juga membolehkan kesan langsung (*direct effect*), kesan tidak langsung (*indirect effect*) dan

jumlah kesan (*total effect*) faktor-faktor yang dikaji ke atas individu berkahwin ditentukan. Tambahan itu, peranan moderator juga dapat diuji secara serentak ke atas perhubungan beberapa pemboleh ubah kajian. *Confirmatory factor analysis* yang digunakan dalam SEM juga dapat meminimumkan ralat pengukuran yang boleh menyebabkan hubungan antara pemboleh ubah laten dikurangkan atau dijejaskan oleh ralat pengukuran tersebut.

Model kajian atau model *a priori* diuji dan semakan *goodness-of-fit* model dibuat bagi menentukan sama ada data yang dikumpulkan sepadan (*fit*) dengan model struktural yang dicadangkan atau sebaliknya. Oleh kerana model lain yang tidak dikaji juga berkemungkinan mempunyai kesepadan yang baik dengan data, maka model yang diterima adalah model yang tidak ditolak (*not-rejected model*). Jadual 3.3 merumuskan ujian statistik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Berdasarkan jadual tersebut, bagi soalan kajian pertama, padanan model diuji menggunakan ujian *Confirmatory Factor Analysis*, bagi soalan kajian kedua, penilaian model persamaan berstruktur dijalankan ke atas hubungan di antara pemboleh ubah. Manakala soalan kajian ketiga dan sub soalannya dianalisa menggunakan ujian Analisis Perbandingan Kumpulan atau *Multiple Group Analysis*.

**Jadual 3.3:** Rumusan jenis ujian statistik berdasarkan soalan kajian

Bil.	Soalan kajian	Jenis ujian
1	Sejauh mana model hubungan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan yang dibina sepadan dengan data yang dikutip bagi sampel kajian ini?	<i>Structural Equation Modeling (Confirmatory Factor Analysis)</i>
2	Apakah kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan di antara kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender dan pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan?	<i>Structural Equation Modeling</i>
3	<p>Adakah faktor demografi terpilih berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Adakah umur menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?</li> <li>b) Sekiranya umur adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara pemboleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh umur?</li> <li>c) Adakah tempoh perkahwinan menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?</li> <li>d) Sekiranya tempoh perkahwinan adalah moderator dalam model yang</li> </ul> <p>dicadangkan, hubungan atau laluan antara pemboleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh tempoh perkahwinan?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>e) Adakah tahap akademik menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?</li> <li>f) Sekiranya tahap akademik adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara pemboleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh tahap akademik?</li> </ul>	<i>Structural Equation Modeling (Multiple Group Analysis)</i>

### **3.9.4 Prosedur analisis**

Terdapat dua model yang perlu disahkan dalam prosedur analisis SEM iaitu model pengukuran (*measurement model*) dan model struktural (*structural model*). Model pengukuran dijalankan untuk menguji kesahan konstruk yang diukur dalam kajian. Prosedur ini boleh dilakukan sama ada secara berasingan atau secara serentak bagi semua konstruk. Manakala model struktural pula terdiri daripada gabungan kesemua laluan bagi pemboleh ubah yang dicadangkan dalam kajian untuk diuji.

Setelah model pengukuran dapat mencapai kriteria indeks padanan yang diperlukan, analisis model struktural dijalankan. Indeks padanan bagi model struktural dinilai bagi mengenal pasti sama ada model ini diterima atau tidak. Dalam prosedur SEM, terdapat beberapa siri indeks padanan atau *goodness-of-fit* yang menggambarkan kesepadan model berdasarkan data yang diperoleh.

Hair dan rakan-rakan (2006) dan Holmes-Smith dan rakan-rakan (2006) mencadangkan untuk menggunakan sekurang-kurangnya tiga kategori indeks padanan dengan tiga indeks daripada setiap kategori tersebut untuk dilaporkan. Tiga kategori *fitness* itu ialah *absolute fit*, *incremental fit*, dan *parsimonious fit*. Jadual 3.4 menunjukkan tahap penerimaan yang dicadangkan bagi setiap indeks fit. Dalam kajian ini, tiga indeks dirujuk iaitu *Indeks Bentler comparative fit (CFI)*, *Indeks Joroskog Sorbom goodness of fit (GFI)*, dan *Root mean-square error of approximation (RMSEA)*.

**Jadual 3.4:** Indeks padanan model (Wheaton et al., 1977; Browne & Cudeck, 1993; Joreskog & Sorbom, 1984; Tanaka & Huba, 1985; Bentler, 1990; Bentler & Bonett, 1980; Bollen, 1989b; Marsh & Hocevar, 1985)

Kategori	Indeks	Tahap penerimaan
<i>Absolute fit</i>	Khi Kuasa Dua RMSEA GFI	p > 0.05 RMSEA < 0.08 GFI > 0.90
<i>Incremental fit</i>	AGFI CFI TLI NFI	AGFI > 0.90 CFI > 0.90 TLI > 0.90 NFI > 0.90
<i>Parsimonious fit</i>	Khi Kuasa Dua/ darjah kebebasan ( $\chi^2/df$ )	$\chi^2/df < 5.0$

a) Ujian Khi kuasa dua

Bagi menentukan model yang mempunyai padanan yang baik, hasil ujian khi kuasa dua perlu menjadi tidak signifikan. Nilai khi kuasa dua yang signifikan memberi maksud bahawa matriks varians-kovarians bagi model yang dibina mempunyai perbezaan yang signifikan berbanding matriks varians-kovarians boleh cerap yang diperoleh daripada set data. Justeru, model akan ditolak jika nilai p didapati  $< .05$ . Namun begitu, apabila saiz sampel semakin besar, nilai p cenderung untuk menjadi signifikan dan boleh menyebabkan wujudnya ralat jenis II iaitu menolak sesuatu yang benar (Byrne, 2001). Keadaan ini menjadikan nilai khi kuasa dua tidak sesuai digunakan untuk menilai padanan model. Justeru, ujian khi kuasa dua tidak dirujuk dalam kajian ini bagi penentuan padanan model.

b) Indeks *Bentler Comparative Fit* (CFI)

Nilai CFI membuat perbandingan suai bagi sesuatu model yang dibina dengan model nul atau model tidak bersandar di mana semua boleh ubah pendam dijangkakan tidak mempunyai korelasi antara satu sama lain. Nilai CFI bersamaan .90 atau lebih menunjukkan padanan model yang baik (Hu & Bentler, 1999).

c) Indeks *Joreskog Sorbom Goodness of Fit* (GFI)

Bagi penilaian model, nilai 1 bagi GFI menunjukkan nilai padanan yang sempurna. Nilai .90 atau lebih dianggap sebagai nilai yang diterima (Hu & Bentler, 1993) atau padanan yang baik (Kline, 2005).

d) *Root mean-square error of approximation* (RMSEA)

RMSEA mewakili sisa per darjah kebebasan. RMSEA dengan nilai 0 menunjukkan padanan yang sempurna (Jackson et al., 2006), manakala nilai kurang daripada .05 menunjukkan padanan model yang baik (Jackson et al, 2006; Kenny, 2003), sementara nilai bersamaan atau kurang daripada .08 menunjukkan padanan yang memuaskan bagi penerimaan model tersebut (*Structural Equation Modeling*, 2001). Bagi Hu dan Bentler (1999), nilai RMSEA yang dicadangkan adalah kurang daripada .06 sebagai pengukur bagi padanan model yang baik.

### 3.9.5 Analisis pelbagai kumpulan atau *Multiple Group Analysis*

Bagi soalan kajian ketiga yang berkaitan pengujian peranan boleh ubah demografi terpilih sebagai moderator, analisis pelbagai kumpulan dijalankan. Dalam

prosedur analisis ini, dua model iaitu model berkekangan (*constrained*) dan model tidak berkekangan (*unconstrained*) dibentuk dan dinilai. Model berkekangan melibatkan anggaran tidak standard yang sama bagi semua parameter dalam kumpulan (Kline, 2005). Manakala model tidak berkekangan membolehkan semua parameter atau parameter terpilih bebas dianggar dalam model persamaan berstruktur.

Seterusnya, nilai  $\chi^2$  kuasa, darjah kebebasan, perbezaan nilai  $\chi^2$  kuasa dua dan perbezaan darjah kebebasan bagi model berkekangan dan model tidak berkekangan dihitung. Nilai perbezaan  $\chi^2$  kuasa dua dan darjah kebebasan digunakan sebagai rujukan bagi merujuk kepada jadual taburan  $\chi^2$  kuasa dua untuk menentukan aras signifikan  $p$ . Jika nilai  $p$  didapati lebih kecil daripada .05, maka pemboleh ubah yang diuji itu adalah moderator dalam kajian kerana terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua model tersebut. Sekiranya nilai  $p$  lebih besar dari .05, pemboleh ubah yang dikaji bukan moderator dalam kajian.

Apabila pemboleh ubah yang dikaji didapati adalah moderator dalam model kajian, maka punca berlakunya moderasi perlu dikenal pasti. Proses ini dijalankan dengan menggunakan cara mengekang semua parameter dalam model kajian secara satu persatu, yang juga disebut sebagai model berkekangan dalam prosedur punca moderasi ini. Nilai  $\chi^2$  kuasa dua, darjah kebebasan, perbezaan nilai  $\chi^2$  kuasa dan perbezaan darjah kebebasan di antara model berkekangan dan model tidak dikekang dihitung. Seterusnya berdasarkan kedua-dua nilai perbezaan ini, jadual taburan  $\chi^2$  kuasa dua dirujuk bagi menentukan aras signifikan. Sekiranya nilai  $p$  adalah kurang daripada .05, moderator terbabit telah memberi kesan moderasi bagi parameter atau laluan yang dikekang.

### **3.10 Pertimbangan etika**

Beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh pengkaji ketika berhadapan dengan isu etika dalam penyelidikan ialah pertimbangan tentang persetujuan termaklum, etika kerahsiaan, proses menganalisis data, hubungan pengkaji dengan responden kajian serta laporan penulisan akhir. Persetujuan termaklum atau *informed consent* perlu dilengkapkan oleh responden kajian sebelum memulakan kajian bagi memastikan mereka diberi hak perlindungan yang sewajarnya dalam penyelidikan (Lampiran A).

Terdapat dua dimensi etika dalam penyelidikan yang perlu diambil perhatian oleh pengkaji iaitu prosedur beretika dan amalan beretika. Prosedur beretika merujuk kepada pemerolehan persetujuan daripada jawatankuasa atau pihak berkaitan bagi tujuan menjalankan kajian yang melibatkan manusia. Manakala amalan beretika pula merujuk kepada perbincangan isu-isu etika harian yang timbul dalam pelaksanaan penyelidikan. Pengkaji perlu berhati-hati dalam menjalankan penyelidikan ini dengan memberi penekanan kepada dua dimensi etika ini. Justeru, pengkaji perlu mendapatkan persetujuan responden kajian terlebih dahulu sebelum melibatkan mereka dalam kajian ini di samping menitik beratkan amalan penyelidikan beretika semasa penyelidikan dijalankan. Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji juga memberi penekanan kepada beberapa perkara penting dalam aspek amalan beretika (Salkind, 2000) seperti:

- a) Perlindungan daripada bahaya di mana peserta kajian perlu diberi perlindungan daripada bahaya fizikal, psikologi dan mental. Sekiranya wujud sebarang keraguan, penyelidikan berkenaan tidak harus dijalankan.
- b) Pemeliharaan hak persendirian yang merujuk kepada beberapa aspek khusus seperti menjaga kerahsiaan identiti subjek kajian. Dalam hal ini, peserta kajian hanya dikenali oleh pengkaji sahaja di nama identiti, nama sebenar dan maklumat peribadi peserta kajian dirahsiakan. Pengkaji juga tidak boleh mencerobohi privasi pihak lain.

- c) Peserta kajian tidak boleh dipaksa untuk menyertai sesuatu penyelidikan. Penglibatan dalam kajian haruslah dibuat secara sukarela agar tidak mencerobohi hak peserta kajian. Peserta kajian juga dibolehkan untuk menarik diri daripada penyelidikan pada bila-bila masa.
- d) Persetujuan termaklum adalah salah satu langkah yang dijalankan bagi menjamin amalan penyelidikan yang beretika. Persetujuan termaklum merupakan satu dokumen atau pernyataan yang menyatakan tentang persetujuan peserta kajian untuk melibatkan diri dengan penyelidikan di samping maklumat-maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan seperti tujuan kajian, maklumat tentang pengkaji, tempoh penglibatan peserta dalam kajian, kebebasan untuk menarik diri sepanjang tempoh kajian dijalankan, bahaya atau risiko yang mungkin dihadapi, kerahsiaan butir-butir peribadi dan lain-lain hal yang berkaitan.
- e) Perkongsian hasil penyelidikan. Penemuan yang diperoleh daripada penyelidikan yang dijalankan hendaklah dikongsi dan diumumkan kepada pembaca atau pihak berkaitan termasuklah responden kajian sendiri.

Perhatian khusus yang diberi ke atas amalan yang beretika dalam penyelidikan membantu pengkaji untuk melaksanakan kajian dengan cara yang lebih berhemah. Penyelidikan yang dijalankan bukan sekadar memberi faedah kepada pihak pengkaji bahkan juga perlu memberi manfaat dan perlindungan hak kepada responden kajian.

### **3.11 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan prosedur penyelidikan secara menyeluruh. Ia menyentuh tentang aspek-aspek penting berkaitan penyelidikan ini. Penjelasan tentang reka bentuk kajian, persampelan, prosedur menganalisis data, dan instrumen pengumpulan data

dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana kajian ini akan ditadbir oleh pengkaji. Bab seterusnya akan membincangkan tentang dapatan kajian.

## BAB 4: DAPATAN

### 4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang hasil analisis data berdasarkan soalan kajian yang dibina. Perbincangan bab ini terbahagi kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan tentang analisis awal sebelum analisis inferensi dijalankan. Perkara-perkara yang terkandung dalam bahagian ini termasuklah proses saringan kehilangan data, manipulasi data, semakan *outliers*, dan semakan andaian asas yang perlu dipenuhi dalam analisis multivariat. Seterusnya, bahagian kedua membincangkan tentang analisis deskriptif yang merangkumi ciri-ciri sampel kajian dan tahap bagi setiap konstruk yang diukur. Bahagian ketiga pula membincangkan tentang analisis inferensi yang dibuat berdasarkan soalan kajian dan hipotesis. Akhir sekali, daptatan ini dirumuskan dalam satu rumusan dan diselitkan satu kesimpulan pada bahagian kesimpulan akhir.

### 4.2 Pengenalan

Kajian ini dijalankan dengan tiga objektif utama. Pertama, kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana model tentang hubungan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan yang dibina dapat sepadan dengan data yang dikutip bagi sampel kajian ini. Kedua, kajian ini juga bertujuan untuk menilai kehadiran kesan di antara kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender dan pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan. Kesan hubungan ini diwakili oleh kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan. Ketiga, kajian ini menguji sama ada faktor latar belakang akademik, tempoh perkahwinan dan umur berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan atau sebaliknya. Dalam kajian ini, sebanyak 478 kes terlibat dalam proses analisa akhir.

Pada peringkat awal proses kutipan data, sebanyak 600 salinan borang kaji selidik disediakan. Hasil daripada kutipan data yang dijalankan, borang kaji selidik yang diperolehi adalah sebanyak 511. Daripada jumlah ini, 13 kes dibuang kerana tidak lengkap diisi oleh responden, dan 20 kes dibuang kerana dikenal pasti sebagai data yang menyimpang atau *outliers*, menjadikan jumlah akhir sebanyak 478 kes.

### **4.3 Analisis awal data**

Sebelum meneruskan sebarang prosedur analisis, set data diperiksa terlebih dahulu. Hal ini bertujuan untuk memastikan bahawa set data yang telah dikutip memenuhi kriteria tertentu sebelum analisis dijalankan. Perkara-perkara yang perlu diperiksa termasuklah data yang hilang, pemprosesan data, semakan *outliers* dan menyemak andaian asas yang diperlukan dalam ujian statistik.

#### **4.3.1 Pengurusan data yang hilang**

Kehilangan data biasanya berlaku apabila responden gagal untuk menjawab satu atau beberapa soalan atau bahagian dalam borang kaji selidik. Ia juga boleh berlaku disebabkan oleh kesilapan semasa memasukkan data. Menurut Tabachnick dan Fidell (2014), terdapat dua cara untuk menilai darjah kehilangan data iaitu menyemak jumlah atau kuantiti data yang hilang dan menyemak jenis data yang hilang. Dalam kajian ini, analisis deskriptif jenis kekerapan dijalankan untuk menyemak data yang hilang. Berdasarkan analisis kekerapan, data yang hilang dikenal pasti dan proses semakan semula pada borang kaji selidik dibuat. Data yang didapati tidak lengkap disingkirkan daripada proses analisis. Dalam kajian ini, sebanyak 13 kes data yang tidak lengkap disingkirkan.

### **4.3.2 Pemprosesan data**

Semasa memproses data, semua item negatif dalam soal selidik ditukarkan nilai mengikut prosedur penskoran alat ujian yang dibekalkan dalam manual. Item-item negatif ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Berdasarkan Jadual 4.1, terdapat dua alat ujian yang mempunyai item negatif iaitu Inventori Pembezaan Kendiri dan Skala Kesamarataan Peranan Gender.

**Jadual 4.1:** Penskoran bagi item negatif

Alat ujian	Item negatif	Skor asal	Skor baru
Inventori Pembezaan Kendiri	2, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19	1 = 1 2 = 2 3 = 3 4 = 4 5 = 5 6 = 6	1 = 6 2 = 5 3 = 4 4 = 3 5 = 2 6 = 1
Skala Kesamarataan Peranan Gender	5, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 23	1 = 1 2 = 2 3 = 3 4 = 4 5 = 5	1 = 5 2 = 4 3 = 3 4 = 2 5 = 1

Selain itu, jumlah keseluruhan skor bagi setiap boleh ubah turut dihitung bagi melancarkan proses analisis. Bagi boleh ubah kefungsian keluarga asal, skala nisbah digunakan. Perkiraan skala nisbah dibuat bagi mengatasi andaian *curvilinear* yang dicadangkan dalam *Circumplex Model of Marital and Family Systems* (Olson, 2011). Terdapat tiga skala nisbah iaitu nisbah kohesi, nisbah fleksibiliti, dan nisbah keseluruhan kefungsian keluarga. Untuk mendapatkan nilai nisbah, formula berikut digunakan:

$$\begin{aligned}
 1. \text{ Nisbah kohesi} &= \frac{\text{Skor Kohesi Seimbang}}{\text{Purata Skor Kohesi Tidak Seimbang}} \\
 &= \frac{\text{Skor Kohesi Seimbang}}{\text{Skor Tidak berhubung} + \text{Skor Terlalu berhubung} / 2} \\
 \\ 
 2. \text{ Nisbah fleksibiliti} &= \frac{\text{Skor Fleksibiliti Seimbang}}{\text{Purata Skor Fleksibiliti Tidak Seimbang}} \\
 &= \frac{\text{Skor Fleksibiliti Seimbang}}{\text{Skor Huru Hara} + \text{Skor Rigid} / 2} \\
 \\ 
 3. \text{ Ratio keseluruhan kefungsian keluarga} &= \frac{\text{Purata Skala Seimbang}}{\text{Purata Skala Tidak Seimbang}} \\
 &= \frac{(\text{Kohesi Seimbang} + \text{Fleksibiliti Seimbang}) / 2}{(\text{Tidak Berhubung} + \text{Terlalu Berhubung} + \text{Rigid} + \text{Huru hara}) / 4}
 \end{aligned}$$

Untuk proses penskoran dan pertukaran kepada skala nisbah, perisian Microsoft Excel dengan penetapan formula pengiraan skala nisbah, dimensi dan peratusan digunakan. Output yang dihasilkan dalam perisian Excel dipindahkan ke dalam perisian SPSS untuk tujuan analisis seterusnya.

#### **4.3.3 *Outliers***

*Outliers* adalah pemerhatian atau kes yang mempunyai nilai yang ekstrem pada satu (univariat) atau lebih (multivariat) pemboleh ubah yang boleh mengganggu dapatan statistik (Tabachnick & Fidell, 2014). Nilai yang ekstrem ini bermaksud nilai yang terlalu tinggi atau terlalu rendah yang tidak pada kebiasaan bagi pemboleh ubah atau di antara beberapa pemboleh ubah yang menjadikan pemerhatian tersebut berada jauh dari yang lain. *Outliers* boleh memberi kesan kepada hasil analisis suatu model. Kehadiran *outliers* secara ekstrem turut menyumbang kepada data yang tidak normal.

Pada peringkat multivariat, kehadiran data yang menyimpang dikenal pasti melalui analisis *Mahalanobis Distance* ( $D^2$ ). *Mahalanobis Distance* melibatkan

pengukuran jarak unit sisihan piawai di antara set skor bagi satu-satu kes dan min sampel bagi semua pemboleh ubah (Byrne, 2010). Hasil semakan ke atas set data mendapati bahawa 20 kes perlu dibuang, menjadikan baki sebanyak 478 kes untuk proses analisis selanjutnya.

#### **4.4 Semakan andaian statistik**

Sebelum prosedur analisis diteruskan, terlebih dahulu data diperiksa sama ada memenuhi andaian yang diperlukan dalam jenis ujian statistik yang digunakan khususnya bagi jenis ujian multivariat dalam kajian ini iaitu model persamaan berstruktur. Andaian tersebut adalah seperti berikut:

##### **4.4.1 Saiz sampel yang besar**

Menurut Hair et al. (2010), bagi model yang mempunyai lima atau kurang konstruk, bilangan saiz sampel 100 hingga 150 adalah mencukupi dalam analisis model persamaan berstruktur. Dalam kajian ini, terdapat empat konstruk keseluruhan dengan saiz sampel 478. Ini menunjukkan jumlah sampel adalah mencukupi untuk analisis model persamaan berstruktur. Kline (2005) juga berpendapat bahawa bilangan sampel yang melebihi 200 adalah dianggap besar.

##### **4.4.2 Skala pengukuran haruslah mempunyai kesinambungan**

Dalam kajian ini, skala pengukuran berbentuk likert digunakan untuk mengukur skor bagi setiap pemboleh ubah. Skala likert ini melibatkan data jenis interval dan nisbah yang mempunyai unsur kesinambungan.

#### **4.4.3 Taburan kenormalan data**

Set data yang mempunyai taburan yang normal membolehkan teknik analisis jenis parametrik digunakan dalam proses analisis data. Kenormalan data diperiksa pada peringkat univariat dan multivariat. Data yang menyimpang di peringkat univariat mempunyai skor yang ekstrem pada satu pemboleh ubah, manakala data yang menyimpang di peringkat multivariat mempunyai nilai ekstrem pada dua atau lebih pemboleh ubah (Kline, 2005). Pada peringkat univariat, *skewness* dan *kurtosis* disemak untuk menentukan tahap kenormalan data (Tabachnick & Fidell, 2014). Nilai *skewness* dan *kurtosis* perlu berada dalam lingkungan -1.00 sehingga +1.00 bagi memastikan data adalah normal. Bagi pemboleh ubah kefungsian keluarga asal, nilai *skewness* dan *kurtosis* adalah -.428 dan .378 masing-masing.

Pemboleh ubah pembezaan kendiri pula mencatatkan nilai *skewness* iaitu -.002 dan .008 bagi *kurtosis*. Sementara pemboleh ubah sikap terhadap peranan gender pula menunjukkan nilai *skewness* dan *kurtosis* iaitu -.621 dan -.738 masing-masing. Seterusnya, pemboleh ubah kualiti perkahwinan turut menunjukkan nilai *skewness* dan *kurtosis* yang normal iaitu -.540 dan -.049. Kesemua pemboleh ubah menunjukkan nilai *skewness* dan *kurtosis* yang memberi gambaran tentang taburan data yang normal pada peringkat univariat.

Pada peringkat kenormalan multivariat, nilai koefisien multivariat kurtosis dan nisbah genting disemak (Mardia, 1970, 1974). Nisbah genting yang melebihi 5 menggambarkan taburan data yang tidak normal (Bentler, 2005). Nilai koefisien multivariat kurtosis dalam kajian ini adalah 18.69 dengan nisbah genting 9.65, ini menunjukkan bahawa set data tidak bertabur secara normal dari segi multivariat. Bagaimanapun, penyimpangan andaian kenormalan data biasa berlaku dalam saiz sampel yang besar (Pallant, 2013). Memandangkan set data tidak bertabur secara normal pada peringkat multivariat, teknik *bootstrap* digunakan untuk mendapatkan

anggaran parameter yang lebih tepat dan stabil bagi set data ini. Dalam penggunaan pendekatan model persamaan berstruktur, teknik *bootstrap* dapat membantu dalam situasi di mana andaian kenormalan multivariat tidak dapat dicapai khususnya dalam saiz sampel yang besar (Yung & Bentler, 1996).

#### **4.4.4 Hubungan linear**

Untuk menjalankan sebarang analisis multivariat, hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar mestilah linear (Tabachnick & Fidell, 2014). Hubungan linear disemak melalui analisis regresi ringkas. Dalam kajian ini, semua hubungan adalah linear.

#### **4.4.5 Multicollinearity**

Andaian ini berkaitan dengan hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar. Hubungan yang tinggi ( $r \geq .85$ ) di antara pemboleh ubah eksogenous menunjukkan wujudnya masalah *multicollinearity*. Dalam set data ini, hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar didapati berada di antara .09 hingga .65. Nilai ini menunjukkan bahawa set data tidak mempunyai masalah *multicollinearity*.

### **4.5 Teknik *Bootstrap* bagi set data yang tidak normal**

Analisis yang dijalankan ke atas taburan kenormalan data pada peringkat multivariat mendapati bahawa set data kajian menunjukkan taburan data yang kurang normal. Pendekatan model persamaan berstruktur memerlukan set data yang normal bagi tujuan penganggaran model. Walau bagaimanapun, kaedah *bootstrap* dapat membantu memberi anggaran parameter yang lebih tepat bagi set data yang tidak normal secara multivariat. *Bootstrap* ialah satu prosedur atau pendekatan yang boleh membantu menguruskan kehadiran data yang tidak normal secara multivariat (West et al., 1995;

Yung & Bentler, 1996; Zhu, 1997). Ia melibatkan prosedur di mana persampelan semula dibuat berdasarkan sampel asal yang dianggap mewakili populasi.

Dalam prosedur ini, pelbagai sub sampel yang mempunyai saiz yang sama dengan sampel asal dipilih secara rawak dengan penggantian daripada populasi bagi tujuan penyediaan data untuk proses penilaian empirikal ke atas anggaran parameter dan indeks padanan model (Byrne, 2010). Penggunaan teknik *bootstrap* membolehkan pengkaji menilai kestabilan anggaran parameter dan melaporkan nilai dengan darjah ketepatan yang lebih baik (Byrne, 2010). Justeru, dalam kajian ini, 500 sub sampel *bootstrap* diwujudkan daripada set data asal. Bagi tujuan prosedur *bootstrap*, pengkaji meletakkan 95% selang keyakinan bagi menentukan aras signifikan penganggar yang dinilai. Sekiranya nilai sifar tidak berada di antara nilai bawahan dan nilai atasan bagi 95% selang keyakinan, maka nilai tersebut adalah signifikan pada aras .05.

## **4.6 Analisis deskriptif**

Bahagian ini melaporkan tentang hasil analisis deskriptif yang dijalankan ke atas latar belakang responden kajian. Selain itu, ia turut menjelaskan tentang dapatan deskriptif bagi setiap pemboleh ubah kajian iaitu tahap kualiti perkahwinan, tahap pembezaan kendiri, tahap kefungsian keluarga asal, dan tahap sikap terhadap peranan gender.

### **4.6.1 Ciri-ciri sampel kajian**

Data bagi kajian ini telah dikumpulkan melalui borang kaji selidik yang diedarkan kepada responden kajian. Selepas proses semakan, penyingkiran data yang hilang dan *outliers*, data akhir yang terlibat untuk proses analisis adalah sebanyak 478 kes.

Jadual 4.2 menunjukkan ciri-ciri demografi responden kajian dari segi jantina, umur, bangsa, tempoh perkahwinan, pendapatan, latar belakang akademik, status

pekerjaan, bilangan anak, dan lokasi tempat tinggal. Analisis terhadap ciri-ciri demografi responden menunjukkan bahawa bilangan responden wanita ( $n = 427$ , 89.3%) adalah lebih ramai berbanding responden lelaki ( $n = 51$ , 10.7%). Bilangan responden wanita didapati lapan kali lebih banyak daripada responden lelaki.

Daripada sejumlah 478 responden, majoritinya adalah berbangsa Melayu ( $n = 470$ , 98.3%), dan diikuti oleh bangsa lain iaitu Cina seramai 4 orang (.8%), India ( $n = 1$ , .2%, dan lain-lain sebanyak 3 orang yang mewakili .6%. Jumlah ini menunjukkan bahawa majoriti responden kajian ini terdiri daripada bangsa Melayu. Dari segi lokasi tempat tinggal, responden yang tinggal di bandar mencatatkan bilangan seramai 368 orang (77.0%) dan luar bandar seramai 110 (23.0%). Responden kajian ini juga terdiri daripada 149 individu yang bekerja dan 329 individu yang tidak bekerja.

Dari segi umur, seramai 178 (37.2%) responden berada dalam lingkungan umur 18 hingga 29 tahun, 86 responden (18.0%) dalam lingkungan 30 hingga 39 tahun, 124 responden (25.9%) dalam lingkungan 40 hingga 49 tahun, dan seramai 90 responden (18.8%) terdiri daripada mereka yang berusia 50 tahun ke atas. Merujuk kepada tempoh perkahwinan, seramai 209 responden (43.7%) telah berkahwin selama kurang dari sepuluh tahun, 124 orang dalam tempoh 11 hingga 20 tahun (25.9%). Seramai 145 responden (30.3%) pula berkahwin dalam tempoh lebih dari 21 tahun. Majoriti responden mempunyai pendapatan yang rendah dan sederhana iaitu 28.7% yang mempunyai pendapatan sebanyak kurang dari RM2000, 43.7% mempunyai pendapatan di antara RM2001 sehingga RM4000, dan 27.6% dengan pendapatan lebih dari RM4001. Jelasnya, rata-rata, responden kajian ini mempunyai tahap pendapatan seisi keluarga yang rendah dan sederhana.

Merujuk kepada latar belakang pendidikan, terdapat 5 responden atau 1.0% yang tidak bersekolah, 61 individu (12.8%) berpendidikan Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau setaraf, 253 (52.9%) pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf

dan 114 individu (23.8%) di peringkat Diploma atau setaraf. Bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda, sebanyak 42 individu (8.8%) dicatatkan dan selebihnya 0.6% di peringkat Sarjana atau Kedoktoran. Dari segi bilangan anak, 77 responden (16.1%) tidak atau belum mempunyai anak dan selebihnya mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak.

Berdasarkan jadual 4.2, terdapat sembilan pemboleh ubah demografi keseluruhannya iaitu jantina, umur, status perkerjaan, bangsa, tempoh perkahwinan, pendapatan, latar belakang akademik, lokasi tempat tinggal dan bilangan anak. Bagaimanapun, hanya tiga pemboleh ubah demografi yang diuji peranannya sebagai moderator dalam kajian ini. Selain daripada rasional berdasarkan kajian-kajian lepas tentang hubungan tiga pemboleh ubah ini dengan kualiti perkahwinan, bilangan saiz sampel dalam setiap sub kumpulan juga menyebabkan enam pemboleh ubah yang lain tidak dilibatkan dalam proses analisis. Sebagai contoh, bagi kategori bangsa, dapat dilihat dengan jelas bahawa bilangan ini adalah tidak setara, dengan majoriti responden adalah berbangsa Melayu dan selebihnya berbangsa, Cina, India dan lain-lain. Bagaimanapun, jumlah yang terlalu kecil bagi bangsa selain bangsa Melayu ini tidak memberi kesan kepada penganggaran model. Aspek bangsa juga tidak dilibatkan dalam analisis perbandingan (analisis moderator) dan bukan merupakan objektif kajian ini maka tidak wujud unsur bias dalam hal ini.

**Jadual 4.2:** Ciri-ciri demografi responden kajian

Ciri-ciri	Kekerapan (n = 478)	Peratusan (%)
Jantina	51	10.7
Lelaki	427	89.3
Perempuan		
Umur	178	37.2
18-29 tahun	86	18.0
30-39 tahun	124	25.9
40-49 tahun	90	18.8
50 tahun ke atas		
Status pekerjaan	149	31.2
Bekerja	329	68.8
Tidak bekerja		
Bangsa	470	98.3
Melayu	4	.80
Cina	1	.20
India	3	.60
Lain-lain		
Tempoh perkahwinan	209	43.7
Kurang dari 10 tahun	124	25.9
11 hingga 20 tahun	145	30.3
21 tahun atau lebih		
Pendapatan	137	28.7
Kurang dari RM2000	209	43.7
RM2001-RM4000	132	27.6
RM4001 atau lebih		
Latar belakang akademik	5	1.0
Tidak bersekolah	61	12.8
PMR atau setaraf		
SPM atau setaraf	253	52.9
Diploma atau setaraf	114	23.8
Ijazah Sarjana Muda	42	8.8
Sarjana/Kedoktoran	3	.6
Lokasi tempat tinggal	368	77.0
Bandar	110	23.0
Luar bandar		

**Jadual 4.2, sambungan**

Ciri-ciri	Kekerapan (n = 478)	Peratusan (%)
Bilangan anak		
Tiada	77	16.1
1	68	14.2
2	74	15.5
3	80	16.7
4	90	18.8
5	52	10.9
6	27	5.6
7	3	0.6
8	4	0.8
9 atau lebih	3	0.6

#### **4.6.2 Skor min dan sisihan piawai pemboleh ubah**

Jadual 4.3 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi setiap pemboleh ubah. Responden kajian mencatatkan skor min 53.20 dengan sisihan piawai 8.94 bagi kualiti perkahwinan secara keseluruhan yang diukur menggunakan alat ujian Skala Penyesuaian Dyadikesemak. Keseluruhan kefungsian keluarga mencatatkan skor min 1.63 dengan sisihan piawai .49. Skor min 71.17 dengan sisihan piawai 9.81 bagi keseluruhan pembezaan kendiri, dan skor min 83.35 dengan sisihan piawai 18.80 bagi keseluruhan sikap terhadap peranan gender.

Kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender masing-masing diukur melalui alat ujian Skala Penilaian Penyesuaian dan Kohesi Keluarga, Inventori Pembezaan Kendiri, dan Skala Kesamarataan Peranan Gender. Skor min yang tinggi menunjukkan tahap kualiti perkahwinan, pembezaan kendiri dan kefungsian keluarga asas yang tinggi. Skor min yang tinggi juga menggambarkan sikap terhadap peranan gender yang semakin sama rata atau seimbang di antara moden dan tradisional.

Bagi kualiti perkahwinan, semakin tinggi skor, semakin tinggi tahap kualiti perkahwinan. Terdapat tiga sub konstruk dalam kualiti perkahwinan iaitu kohesi, persetujuan dan kepuasan. Antara ketiga-tiga sub konstruk ini, sub konstruk persetujuan mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 25.08 dengan sisihan piawai 4.69, diikuti oleh dimensi kepuasan dengan skor min 17.03 dan sisihan piawai 1.99. Sub konstruk kohesi dengan nilai min terendah iaitu 11.10 dan sisihan piawai 4.22.

Kefungsian keluarga asal pula melibatkan penskoran yang dibuat berdasarkan formula nilai nisbah yang dicadangkan oleh Olson (2011). Nilai nisbah yang semakin tinggi menunjukkan keluarga yang semakin berfungsi. Nilai nisbah 1 dan melebihi 1 menunjukkan keluarga yang semakin berfungsi. Manakala nilai nisbah yang semakin kurang, menunjukkan keluarga yang kurang berfungsi. Terdapat dua sub konstruk dalam kefungsian keluarga asal iaitu kohesi dan fleksibiliti. Kohesi mencatatkan nilai skor min tertinggi iaitu 1.65 dan sisihan piawai .56. Manakala fleksibiliti dengan skor min 1.60 dan sisihan piawai .49.

Bagi pembezaan kendiri, skor yang tinggi menunjukkan individu dapat membuat pembezaan kendiri dengan baik. Semakin tinggi skor, semakin tinggi tahap pembezaan kendiri. Dalam kajian ini, pembezaan kendiri terbahagi kepada empat sub konstruk iaitu posisi saya, pemisahan emosi, reaksi emosi dan penyatuan dengan orang lain. Posisi saya mencatatkan skor min tertinggi berbanding dimensi yang lain iaitu sebanyak 24.51 dengan sisihan piawai 4.12, diikuti oleh dimensi reaksi emosi 18.77 dengan sisihan piawai 4.21, dimensi penyatuan dengan orang lain 16.10 dengan sisihan piawai 3.36. Akhir sekali dimensi pemisahan emosi 11.80 dengan sisihan piawai 2.46.

Skor yang tinggi dalam sikap terhadap peranan gender pula menunjukkan sikap yang semakin sama rata atau moden, manakala skor yang rendah menunjukkan sikap yang lebih terarah kepada peranan tradisional lelaki dan wanita. Terdapat lima dimensi bagi sikap terhadap peranan gender iaitu peranan rumah tangga, peranan keibubapaan,

peranan pendidikan, peranan kerjaya dan peranan heteroseksual-sosial. Peranan pendidikan mencatatkan nilai min tertinggi iaitu dengan skor min 18.21 dan sisihan piawai 4.51. Diikuti oleh peranan kerjaya dengan skor min 17.93 dan sisihan piawai 4.52, peranan keibubapaan 15.81 dengan sisihan piawai 4.85, seterusnya peranan perkahwinan 15.78 dengan sisihan piawai 3.59 dan akhir sekali peranan heteroseksual-sosial 15.63 dengan sisihan piawai 4.26.

**Jadual 4.3:** Min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk dan sub konstruk

Pemboleh ubah	Min (n = 478)	Sisihan piawai	Turutan
Kualiti perkahwinan	53.20	8.94	
Persetujuan	25.08	4.69	1
Kepuasan	17.03	1.99	2
Kohesi	11.10	4.22	3
Kefungsian keluarga	1.63	.488	
Kohesi	1.65	.56	1
Fleksibiliti	1.60	.49	2
Pembezaan kendiri	71.17	9.81	
Posisi saya	24.51	4.12	1
Penyatuan dengan orang lain	16.10	3.36	3
Pemisahan emosi	11.80	2.46	4
Reaksi emosi	18.77	4.21	2
Sikap terhadap peranan gender	83.35	18.80	
Peranan pendidikan	18.21	4.51	1
Peranan kerjaya	17.93	4.52	2
Peranan perkahwinan	15.78	3.59	4
Peranan keibubapaan	15.81	4.85	3
Peranan heteroseksual-sosial	15.63	4.26	5

#### **4.6.3 Analisis deskriptif berdasarkan tahap mengikut konstruk**

Bahagian ini melaporkan tentang analisis deskriptif bagi kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender.

##### **4.6.3.1 Kualiti perkahwinan**

**Jadual 4.4:** Analisis deskriptif mengikut tahap kualiti perkahwinan

Kategori skor	Kekerapan	Peratus
Rendah	75	15.7
Sederhana	343	71.8
Tinggi	60	12.6
Jumlah	478	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan tahap kualiti perkahwinan bagi keseluruhan responden kajian ini. Terdapat tiga kategori skor iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Bagi kategori rendah, skor berada di antara 30.0 hingga 44.26, kategori sederhana skor berada di antara 44.27 hingga 62.13, dan bagi kategori tinggi skor berada di antara 62.14 hingga 69.0. Berdasarkan jadual tersebut dapat dilihat bahawa lebih 70% jumlah responden mempunyai tahap kualiti perkahwinan pada tahap yang sederhana. Responden dengan tahap kualiti perkahwinan yang rendah sedikit melebihi daripada jumlah responden yang mempunyai tahap kualiti perkahwinan yang tinggi. Bilangan responden yang mempunyai tahap kualiti perkahwinan yang tinggi menunjukkan bilangan yang paling sedikit. Analisis ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden kajian mempunyai tahap kualiti perkahwinan yang sederhana.

#### **4.6.3.2 Kefungsian keluarga asal**

**Jadual 4.5:** Analisis deskriptif berdasarkan tahap kefungsian keluarga asal

Kategori skor	Kekerapan	Peratus
Rendah	65	13.6
Sederhana	353	73.8
Tinggi	60	12.6
Jumlah	478	100.0

Tahap kefungsian keluarga asal responden dilaporkan seperti dalam Jadual 4.5.

Berdasarkan jadual tersebut, terdapat tiga kategori skor iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Bagi kategori rendah, skor berada di antara .49 hingga 1.142, kategori sederhana skor berada di antara 1.143 hingga 2.117, dan bagi kategori tinggi skor berada di antara 2.118 hingga 2.74. Berdasarkan kategori skor ini, seramai 65 responden mempunyai tahap kefungsian keluarga asal yang rendah. Bilangan ini hampir menyamai bilangan mereka yang mempunyai tahap kefungsian keluarga asal yang tinggi iaitu sebanyak 60 responden. Jumlah responden yang mempunyai tahap kefungsian keluarga asal yang sederhana adalah seramai 353 responden. Bilangan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden kajian ini mempunyai tahap kefungsian keluarga asas yang sederhana.

#### **4.6.3.3 Pembezaan kendiri**

**Jadual 4.6:** Analisis deskriptif berdasarkan tahap pembezaan kendiri

Kategori skor	Kekerapan	Peratus
Rendah	85	17.8
Sederhana	328	68.6
Tinggi	65	13.6
Jumlah	478	100.0

Jadual 4.6 melaporkan hasil analisis terhadap tahap pembezaan kendiri responden. Kategori skor bagi pembezaan kendiri terbahagi kepada tiga iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Bagi tahap rendah, skor berada di antara 45.00 hingga 61.36, bagi tahap sederhana skor berada di antara 61.37 hingga 80.97 dan bagi tahap tinggi skor berada di antara 80.98 hingga 102.0. Peratusan tahap tertinggi menunjukkan bahawa tahap sederhana mendominasi skor bagi pembezaan kendiri dalam kalangan responden. Diikuti oleh tahap rendah dan akhir sekali tahap tinggi. Peratusan ini menunjukkan bahawa majoriti responden kajian ini mempunyai tahap pembezaan kendiri yang sederhana.

#### **4.6.3.4 Sikap terhadap peranan gender**

Sikap terhadap peranan gender turut dikategorikan kepada tiga tahap iaitu sikap yang tradisional, sikap yang sederhana dan sikap yang moden atau lebih terarah kepada egalitarian. Bagi sikap tradisional, skor berada di antara 38.0 hingga 64.55, bagi sikap yang sederhana skor berada di antara 64.56 hingga 102.14 dan sikap yang moden skor berada di antara 102.15 hingga 116.00. Berdasarkan jadual, dapat diperhatikan bahawa sikap yang sederhana adalah paling mendominasi dalam kalangan responden, diikuti dengan sikap yang tradisional. Sikap yang moden menunjukkan bilangan yang paling

kecil iaitu seramai 49 responden. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai sikap terhadap peranan gender yang sederhana iaitu berada di antara sikap tradisional dan sikap yang moden.

**Jadual 4.7:** Analisis deskriptif mengikut kategori sikap terhadap peranan gender

Kategori skor	Kekerapan	Peratus
Tradisional	112	23.4
Sederhana	317	66.3
Moden/ <i>Egalitarian</i>	49	10.3
Jumlah	478	100.0

#### **4.7 Analisis inferensi**

Bahagian ini melaporkan tentang hasil analisis inferensi yang dijalankan untuk menguji hipotesis seterusnya menjawab soalan kajian. Analisis data pada bahagian ini bermula dengan penilaian model pengukuran, diikuti dengan model struktural. Seterusnya, hasil pengujian bagi soalan kajian dua dan tiga dijelaskan.

##### **4.7.1 Penilaian model pengukuran**


Kaedah *maximum likelihood* digunakan untuk menganggar model pengukuran bagi setiap boleh ubah laten. Prosedur ini bertujuan untuk mengesahkan model pengukuran sebelum analisis ke atas model struktural dijalankan. Pengesahan model pengukuran dijalankan kerana dalam model struktural, perhubungan di antara boleh ubah laten akan diuji. Pengujian hubungan ini bertujuan untuk menilai sejauh mana perhubungan di antara boleh ubah laten ini adalah sah. Apabila model pengukuran bagi boleh ubah laten dapat disahkan atau memenuhi kriteria padanan secara

memuaskan (*adequately*), dapatan yang diperoleh dalam pengujian model struktural bagi tujuan pengujian hipotesis dapat memberi dapatan yang lebih meyakinkan.

Dalam kajian ini, terdapat empat pemboleh ubah laten dalam model struktural yang dicadangkan. Pemboleh ubah laten tersebut adalah kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender. Pemboleh ubah laten kualiti perkahwinan diwakili oleh tiga sub konstruk iaitu persetujuan, kepuasan dan kohesi. Pemboleh ubah kefungsian keluarga asal mempunyai enam sub konstruk pada asalnya. Berdasarkan kaedah penskoran oleh Olson (2011), enam sub konstruk ini dirangkumkan kepada dua sub konstruk iaitu fleksibiliti dan kohesi. Proses rangkuman skor bagi sub konstruk ini dibuat melalui perisian Excel berdasarkan formula yang disediakan di dalam manual alat ujian, dan kemudiannya dipindahkan ke dalam perisian SPSS.

Pemboleh ubah pembezaan kendiri terdiri daripada empat sub konstruk iaitu posisi saya, penyatuan dengan orang lain, reaksi emosi, dan pemisahan emosi. Manakala pemboleh ubah laten sikap terhadap peranan gender diwakili oleh lima sub konstruk iaitu peranan keibubapaan, peranan perkahwinan, peranan pendidikan, peranan kerjaya dan peranan heteroseksual-sosial. Pengesahan semua konstruk dibuat melalui prosedur *Confirmatory Factor Analysis*.

## Penilaian Model Pengukuran Penuh



**Rajah 4.1:** Model pengukuran penuh

**Jadual 4.8:** Hasil analisis indeks padanan model bagi model pengukuran penuh (Bentler & Bonett, 1980; Hu & Bentler, 1999; Kline, 2005; Hair, Anderson, Tatham, & Black, 1998)

Indeks	Nilai yang dicadangkan	Nilai diperoleh
Khi kuasa dua	-	458.06
Df	-	71
P	-	.00
CFI	≥ .90	.90
GFI	≥ .90	.80
RMSEA	≤ .08	.10

Model pengukuran penuh terdiri daripada empat konstruk iaitu kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri, dan sikap terhadap peranan gender seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.1. Nilai padanan model pengukuran

penuh bagi kualiti perkahwinan didapati memuaskan dan boleh diterima [ $\chi^2/df = 6.45$ , GFI = .88, CFI = .90, RMSEA = .10]. Nilai padanan ini menunjukkan bahawa model pengukuran kualiti perkahwinan mempunyai padanan yang memuaskan dengan data iaitu menghampiri nilai padanan yang disarankan seperti dalam kajian lepas (Hair, et al., 2006; Holmes-Smith, et al., 2006). Dengan itu, Ho1 ditolak.

Berdasarkan nilai padanan model yang dapat dilihat pada Jadual 4.8, nilai padanan untuk CFI dan GFI berada dalam lingkungan .88 hingga .90, menghampiri nilai padanan yang dicadangkan. Begitu juga dengan nilai RMSEA. Dalam hal ini, pengkaji mempunyai beberapa pilihan iaitu sama ada meningkatkan padanan model dengan cara menyemak nilai signifikan setiap faktor muatan atau *factor loading* dan menyingkirkan item atau konstruk yang mempunyai nilai faktor muatan yang tidak signifikan, menyemak hasil *modification indices* sekiranya terdapat item atau konstruk yang mempunyai korelasi antara satu sama lain (*correlated error*) dengan cara meletakkan *double headed arrow* antara kedua-dua item atau konstruk yang mempunyai korelasi tersebut, atau mengekalkan model sedia ada atas sebab tertentu.

Dalam hal ini, pengkaji memilih untuk mengekalkan model sedia ada dengan nilai padanan yang diperoleh berdasarkan dapatan kajian atas beberapa rasional. Pertama, nilai faktor muatan bagi setiap sub konstruk dengan konstruk adalah signifikan, menunjukkan semua alat ujian dapat mengukur konstruk yang ingin diukur. Kedua, alat ujian yang digunakan dalam proses kutipan data adalah alat ujian piawai yang diadaptasi daripada alat ujian asal. Alat ujian ini telah mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan berdasarkan konstruk-konstruk yang dipiawaikan dalam alat ujian tersebut oleh pembina asal alat ujian. Bagi menjamin kesahan dari segi kandungan alat ujian, pengkaji tidak memilih untuk membuang mana-mana item. Proses pembuangan item dan proses korelasi item atau konstruk memerlukan penjelasan dan rasional yang benar-benar kukuh bagi setiap satu item yang dibuang, begitu juga dengan

proses korelasi antara dua item atau konstruk. Penjelasan lanjut boleh merujuk kepada Byrne (2010). Ketiga, oleh kerana kajian ini tidak bertujuan untuk membuat modifikasi ke atas alat ujian sehingga mencapai padanan yang sempurna, maka pengkaji memilih untuk melaporkan dapatan yang diperoleh berdasarkan set data yang ada.

**Jadual 4.9:** Pemberat regresi bagi model pengukuran penuh

95% Selang keyakinan					
		Parameter	Anggaran	Bawahan	Atasan
Sub kualiti1	←	Kualiti Perkahwinan	1.00	1.00	1.00
Sub kualiti2	←	Kualiti Perkahwinan	.33	.29	.38
Sub kualiti3	←	Kualiti Perkahwinan	.54	.47	.63
Ratio kohesi	←	Kefungsian Keluarga Asal	1.00	1.00	1.00
Ratio fleksibiliti	←	Kefungsian Keluarga Asal	.80	.74	.88
Sub sikap5	←	Sikap Terhadap Peranan Gender	1.00	1.00	1.00
Sub sikap4	←	Sikap Terhadap Peranan Gender	1.34	1.22	1.47
Sub sikap3	←	Sikap Terhadap Peranan Gender	.73	.64	.82
Sub sikap2	←	Sikap Terhadap Peranan Gender	1.40	1.29	1.50
Sub sikap1	←	Sikap Terhadap Peranan Gender	1.19	1.08	1.30
Sub pembezaan4	←	Pembezaan Kendiri	1.00	1.00	1.00
Sub pembezaan3	←	Pembezaan Kendiri	.96	.82	1.16
Sub pembezaan2	←	Pembezaan Kendiri	.47	.38	.57
Sub pembezaan1	←	Pembezaan Kendiri	.25	.08	.46

*Nota.* Berdasarkan 500 sampel bootstrap

Berdasarkan Jadual 4.9, semua nilai *unstandardized regression weight* adalah signifikan. Nilai sifar tidak berada di antara nilai bawahan dan nilai atasan bagi mana-mana hubungan.

**Jadual 4.10:** Pemberat regresi standard bagi model pengukuran penuh

95% Selang keyakinan				
Parameter		Anggaran	Bawahan	Atasan
Sub kualiti1	← Kualiti Perkahwinan	.88	.82	.93
Sub kualiti2	← Kualiti Perkahwinan	.69	.61	.75
Sub kualiti3	← Kualiti Perkahwinan	.53	.47	.59
Ratio kohesi	← Kefungsian Keluarga Asal	.88	.83	.92
Ratio fleksibiliti	← Kefungsian Keluarga Asal	.81	.76	.86
Sub sikap5	← Sikap Terhadap Peranan Gender	.74	.70	.78
Sub sikap4	← Sikap Terhadap Peranan Gender	.94	.93	.96
Sub sikap3	← Sikap Terhadap Peranan Gender	.64	.58	.70
Sub sikap2	← Sikap Terhadap Peranan Gender	.98	.97	.99
Sub sikap1	← Sikap Terhadap Peranan Gender	.78	.73	.82
Sub pembezaan4	← Pembezaan Kendiri	.73	.65	.80
Sub pembezaan3	← Pembezaan Kendiri	.88	.80	.96
Sub pembezaan2	← Pembezaan Kendiri	.58	.48	.67
Sub Pembezaan1	← Pembezaan Kendiri	.19	.07	.31

Pemberat regresi standard seperti dalam Jadual 4.10 menunjukkan nilai di antara .19 hingga .98. Nilai sifar juga tidak berada di antara nilai bawahan dan atasan, ini menggambarkan bahawa semua boleh ubah pengukuran dapat mewakili konstruk laten masing-masing secara signifikan.

**Jadual 4.11:** Korelasi antara konstruk bagi model pengukuran penuh

		95% Selang keyakinan		
Parameter		Anggaran	Bawahan	Atasan
Kefungsian Keluarga Asal	Sikap Terhadap Peranan Gender	.46	.35	.55
Kualiti Perkahwinan	<--> Kefungsian Keluarga Asal	.65	.55	.73
Kualiti Perkahwinan	<--> Pembezaan Kendiri	.18	.07	.29
Kualiti Perkahwinan	<--> Sikap Terhadap Peranan Gender	.44	.34	.56
Kefungsian Keluarga Asal	<--> Pembezaan Kendiri	.36	.248	.49
Sikap Terhadap Peranan Gender	<--> Pembezaan Kendiri	.09	-.018	.21

*Nota.* Berdasarkan 500 sampel bootstrap

Jadual 4.11 menunjukkan hasil analisis terhadap korelasi antara konstruk dalam model pengukuran penuh. Merujuk kepada jadual tersebut, terdapat korelasi pada tahap rendah hingga tinggi di antara konstruk dalam model pengukuran penuh. Nilai kurang dari .10 dikategorikan sebagai rendah, Nilai .25 berada pada kategori sederhana dan nilai .40 dan ke atas berada dalam kategori tinggi (Cohen, 2000). Korelasi di antara pembezaan kendiri dengan sikap terhadap peranan gender dan juga korelasi di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan adalah rendah. Korelasi di antara pembezaan kendiri dengan kefungsian keluarga asal adalah sederhana, dan korelasi di antara semua konstruk yang lain adalah tinggi iaitu di antara .44 hingga .65. Semua korelasi adalah signifikan kecuali bagi Pembezaan kendiri ↔ Sikap terhadap peranan gender.

**Jadual 4.12:** *Squared Multiple Correlations* bagi model pengukuran penuh

Parameter	95% Selang keyakinan		
	Anggaran	Bawah	Atas
		an	an
<b>Sub konstruk Pembezaan kendiri</b>			
Sub pembezaan1	.04	.01	.10
Sub pembezaan2	.34	.23	.45
Sub pembezaan3	.77	.64	.91
Sub pembezaan4	.53	.43	.63
<b>Sub konstruk Sikap terhadap peranan gender</b>			
Sub sikap1	.60	.53	.67
Sub sikap2	.95	.93	.97
Sub sikap3	.41	.34	.49
Sub sikap4	.89	.86	.91
Sub sikap5	.55	.49	.61
<b>Sub konstruk Kefungsian keluarga asal</b>			
Ratio fleksibiliti	.65	.57	.73
Ratio kohesi	.77	.68	.85
<b>Sub konstruk Kualiti perkahwinan</b>			
Sub kualiti3	.28	.22	.35
Sub kualiti2	.47	.37	.56
Sub kualiti1	.77	.67	.87


*Nota.* Berdasarkan 500 sampel bootstrap.

Jadual 4.12 menerangkan jumlah varians bagi boleh ubah dalam model pengukuran penuh. Berdasarkan jadual, peratus varians yang dijelaskan berada di antara 3.5% sehingga 95.4%. Merujuk kepada *rule of thumb* bagi saiz kesan oleh Cohen (1988), saiz kesan sebanyak 10% atau kurang adalah rendah, 30% adalah sederhana dan 50% adalah besar.

#### **4.7.2 Penilaian Model struktural**

Apabila model pengukuran penuh dinilai dan didapati mempunyai nilai indeks padanan yang diterima, prosedur seterusnya adalah menilai model struktural. Model struktural merupakan model *a priori*. Model *a priori* dalam kajian ini melibatkan empat pemboleh ubah laten iaitu kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender. Rajah 4.2 menunjukkan model yang dibina bagi mewakili hubungan di antara pemboleh ubah laten.

Dalam model ini, kualiti perkahwinan merupakan pemboleh ubah *endogenous*. Kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender pula merupakan pemboleh ubah *exogenous*. Kualiti perkahwinan diukur melalui tiga sub konstruk iaitu persetujuan, kohesi dan kepuasan. Kefungsian keluarga asal diukur melalui dua sub konstruk iaitu kohesi dan fleksibiliti. Pembezaan kendiri diukur dengan empat sub konstruk iaitu posisi saya, penyatuan dengan orang lain, pemisahan emosi dan reaksi emosi. Sikap terhadap peranan gender diukur melalui lima sub konstruk iaitu peranan perkahwinan, peranan keibubapaan, peranan kerjaya, peranan pendidikan dan peranan heteroseksual-sosial. Berdasarkan tinjauan kajian lepas, ketiga-tiga pemboleh ubah *exogenous* dijangka memberi kesan ke atas kualiti perkahwinan (Anderson, Johnson, Liu, Zheng, Hardy, & Lindstrom, 2014; Martinson, Holman, Larson, & Jackson, 2010; Hanzal & Segrin, 2008; Falcke, Wagner, & Mosmann, 2008; Whitton, Waldinger, Schulz, Allen, Crowell, & Hauser, 2008; Topham, Larson, & Holman, 2005; Wallerstein, Lewis, & Blakeslee, 2000; Holman & Birch, 2001; Belsky & Esabella, 1985; Amato, 1996; Oshio, Nozaki, & Kobayashi, 2013; Stanik & Bryant, 2012; Dasgupta & Basu, 2011; Atkinson, Greenstein, & Lang, 2005; Faulkner, Davey, & Davey, 2005; Berman, 2005; McGovern & Meyers, 2002; Levinger & Ronen, 2010; Holman & Busby, 2011; McCullough, 2005).



**Rajah 4.2:** Model struktural kualiti perkahwinan

Hasil jalur model struktural dipaparkan seperti dalam Rajah 4.2. Model ini menunjukkan nilai padanan yang memuaskan dan boleh diterima [ $\chi^2/df = 6.45$ , GFI = .88, CFI = .89, RMSEA = .10].

**Jadual 4.13:** Hasil analisis khi kuasa dua dan indeks padanan model bagi model struktural kualiti perkahwinan

Indeks	Nilai yang dicadangkan	Nilai diperoleh
Khi kuasa dua	-	458.06
Df	-	71
p	-	.00
CFI	$\geq .90$	.90
GFI	$\geq .90$	.88
RMSEA	$\leq .08$	.10

**Jadual 4.14:** Pemberat regresi bagi model struktural penuh kualiti perkahwinan

Parameter		95% Selang keyakinan		
		Anggaran	Bawahan	Atasan
Pembezaan Kendiri	← Kefungsian Keluarga Asal	2.55	1.68	3.50
Pembezaan Kendiri	← Sikap Terhadap Peranan Gender	-.10	-.22	.02
Kualiti Perkahwinan	← Kefungsian Keluarga Asal	4.81	3.87	6.13
Kualiti Perkahwinan	← Pembezaan Kendiri	-.07	-.25	.07
Kualiti Perkahwinan	← Sikap Terhadap Peranan Gender	.24	.11	.37

*Nota.* Berdasarkan 500 sampel bootstrap.

Jadual 4.14 menunjukkan hasil analisis pemberat regresi pada selang keyakinan 95% berdasarkan 500 sampel *bootstrap*. Berdasarkan jadual, semua nilai *unstandardized regression weight* adalah signifikan kecuali di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan dan sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

**Jadual 4.15:** Pemberat regresi standard model struktural kualiti perkahwinan

		95% Selang keyakinan		
Parameter		Anggaran	Bawahan	Atasan
Pembezaan Kendiri	← Kefungsian Keluarga Asal	.41	.28	.56
Pembezaan Kendiri	← Sikap Terhadap Peranan Gender	-.10	-.22	.02
Kualiti Perkahwinan	← Kefungsian Keluarga Asal	.58	.48	.71
Kualiti Perkahwinan	← Pembezaan Kendiri	-.05	-.17	.054
Kualiti Perkahwinan	← Sikap Terhadap Peranan Gender	.18	.08	.27

*Nota.* Berdasarkan 500 sampel bootstrap.

Jadual 4.15 menunjukkan hasil analisis pemberat regresi standard bagi model struktural kualiti perkahwinan pada selang keyakinan 95%. Pemberat regresi standard mewakili jumlah perubahan dalam pemboleh ubah bersandar di mana perubahan ini disebabkan oleh perubahan sebanyak 1 sisihan piawai dalam pemboleh ubah peramal. Apabila kefungsian keluarga asal meningkat sebanyak 1 sisihan piawai, pembezaan kendiri didapati meningkat sebanyak .41. Apabila kefungsian keluarga asal meningkat sebanyak 1 sisihan piawai, kualiti perkahwinan meningkat sebanyak .58. Apabila sikap terhadap peranan gender meningkat sebanyak 1 sisihan piawai, kualiti perkahwinan meningkat sebanyak .18.

Nilai pemberat regresi standard tertinggi ialah di antara Kefungsian Keluarga Asal → Kualiti perkahwinan (.58) dan pemberat regresi standard terendah ialah Pembezaan Kendiri → Kualiti perkahwinan (-.05). Berdasarkan selang keyakinan 95%, terdapat dua laluan yang mempunyai nilai sifar di antara nilai bawahan dan atasan iaitu

Sikap terhadap peranan gender → Pembezaan kendiri (-.22, .02) dan Pembezaan kendiri → Kualiti perkahwinan (-.17, .05). Ini menunjukkan bahawa dua laluan ini adalah tidak signifikan.

**Jadual 4.16:** *Squared Multiple Correlations* bagi model struktural kualiti perkahwinan

Parameter	95% Selang keyakinan		
	Anggaran	Bawahan	Atasan
Pembezaan Kendiri	.14	.07	.25
Kualiti Perkahwinan	.45	.34	.58

Analisis bagi *squared multiple correlation* menggambarkan bahagian varians bagi sesuatu pemboleh ubah yang dapat dijelaskan oleh peramalnya. Berdasarkan Jadual 4.16, pembezaan kendiri menunjukkan peratus varians yang diterangkan sebanyak 14.1% dan kualiti perkahwinan sebanyak 44.5%. Peratusan ini menunjukkan bahawa kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender menerangkan 44.5% varians dalam kualiti perkahwinan. Manakala kefungsian keluarga asal dan sikap terhadap peranan gender menerangkan 14.1% varians dalam pembezaan kendiri. Peratusan selebihnya menunjukkan bahawa ia diterangkan oleh faktor-faktor lain. Nilai sifar tidak berada di antara nilai bawahan dan nilai atas, menunjukkan semua laluan adalah signifikan pada selang keyakinan 95%.

#### **4.7.3 Ujian pengesahan silang model struktural**

Pengesahan silang dijalankan untuk menganggar ketepatan model yang dibina di samping menilai sejauh mana hasil analisis ke atas model *a priori* dapat digeneralisasikan. Di samping itu, pengesahan silang dibuat supaya model yang dibina tidak hanya unik kepada sampel yang dikaji sahaja. Sebaliknya, boleh digeneralisasikan kepada sampel yang lain juga. Dalam kajian ini, pengesahan silang dibuat dengan 368 sampel kajian.

**Jadual 4.17:** Hasil analisis khi kuasa dua dan indeks padanan model bagi pengesahan silang

Kriteria	Nilai diperoleh
$\chi^2$	397.74
Df	71
<i>p</i>	.00
CFI	.90
GFI	.87
RMSEA	.11

Jadual 4.17 menunjukkan keputusan khi kuasa dua dan indeks padanan bagi model pengesahan silang. Berdasarkan hasil analisis, nilai padanan model pengesahan silang dapat memuaskan dan boleh diterima [ $\chi^2/df = 6.45$ , GFI = .87, CFI = .90, RMSEA = .11].

**Jadual 4.18:** Pemberat regresi bagi model pengesahan silang

Parameter	95% Selang keyakinan			
	Anggaran	Bawahan	Atasan	
Pembezaan Kendiri	← Kefungsian Keluarga Asal	2.87	2.08	3.73
Pembezaan Kendiri	← Sikap Terhadap Peranan Gender	-.08	-.19	.03
Kualiti Perkahwinan	← Kefungsian Keluarga Asal	6.05	4.59	7.71
Kualiti Perkahwinan	← Pembezaan Kendiri	-.18	-.50	.08
Kualiti Perkahwinan	← Sikap Terhadap Peranan Gender	.21	.07	.37

Jadual 4.18 menunjukkan hasil analisis pemberat regresi pada selang keyakinan 95% bagi model pengesahan silang. Berdasarkan jadual, semua nilai *unstandardized regression weight* adalah signifikan kecuali di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan dan sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

**Jadual 4.19:** Pemberat regresi standard model pengesahan silang

Parameter	95% Selang keyakinan			
	Anggaran	Bawahan	Atasan	
Pembezaan Kendiri	← Kefungsian Keluarga Asal	.54	.40	.71
Pembezaan Kendiri	← Sikap Terhadap Peranan Gender	-.10	-.24	.04
Kualiti Perkahwinan	← Kefungsian Keluarga Asal	.67	.53	.83
Kualiti Perkahwinan	← Pembezaan Kendiri	-.11	-.27	.05
Kualiti Perkahwinan	← Sikap Terhadap Peranan Gender	.16	.05	.28

Jadual 4.19 menunjukkan hasil analisis pemberat regresi standard bagi model pengesahan silang pada selang keyakinan 95%. Apabila kefungsian keluarga asal meningkat sebanyak 1 sisihan piawai, pembezaan kendiri didapati meningkat sebanyak .54. Apabila kefungsian keluarga asal meningkat sebanyak 1 sisihan piawai, kualiti perkahwinan meningkat sebanyak .67. Apabila sikap terhadap peranan gender meningkat sebanyak 1 sisihan piawai, kualiti perkahwinan meningkat sebanyak .16.

Nilai pemberat regresi standard tertinggi ialah di antara Kefungsian Keluarga Asal → Kualiti perkahwinan (.67) dan pemberat regresi standard terendah ialah Sikap terhadap Peranan Gender → Pembezaan Kendiri (.10). Berdasarkan selang keyakinan 95%, terdapat dua laluan yang mempunyai nilai sifar di antara nilai bawahan dan atasan iaitu Sikap terhadap peranan gender → Pembezaan kendiri (-.24, .04) dan Pembezaan kendiri → Kualiti perkahwinan (-.27, .05). Ini menunjukkan bahawa dua laluan ini adalah tidak signifikan.

**Jadual 4.20:** *Squared Multiple Correlations* bagi model pengesahan silang

Parameter	95% Selang keyakinan		
	Anggaran	Bawahan	Atasan
Pembezaan Kendiri	.25	.14	.42
Kualiti Perkahwinan	.52	.41	.64

Berdasarkan Jadual 4.20, pembezaan kendiri menunjukkan peratus varians yang diterangkan sebanyak 24.6% dan kualiti perkahwinan sebanyak 52.2%. Peratusan ini menunjukkan bahawa kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender menerangkan 52.2% varians dalam kualiti perkahwinan. Manakala kefungsian keluarga asal dan sikap terhadap peranan gender menerangkan 24.6% varians dalam pembezaan kendiri. Peratusan selebihnya menunjukkan bahawa ia diterangkan oleh faktor-faktor lain. Nilai sifar tidak berada di antara bawahan dan atasan, menunjukkan semua laluan adalah signifikan pada selang keyakinan 95%.

#### **4.7.4 Kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan bagi keseluruhan responden**

**Jadual 4.21:** Kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan bagi model struktural

Parameter	Anggaran	95 % Selang keyakinan	
		Bawahan	Atasan
<b>KKA → KP</b>			
Kesan langsung	.58	.48	.71
Kesan tidak langsung	-.02	-.08	.02
Jumlah kesan	.56	.46	.67
<b>KKA → PK</b>			
Kesan langsung	.41	.28	.56
Kesan tidak langsung	.00	.00	.00
Jumlah kesan	.41	.28	.56
<b>PK → KP</b>			
Kesan langsung	-.05	-.17	.05
Kesan tidak langsung	.00	.00	.00
Jumlah kesan	-.05	-.17	.05
<b>SPG → KP</b>			
Kesan langsung	.18	.08	.27
Kesan tidak langsung	.01	-.01	.03
Jumlah kesan	.19	.09	.28
<b>SPG → PK</b>			
Kesan langsung	-.10	-.22	.02
Kesan tidak langsung	.00	.00	.00
Jumlah kesan	-.10	-.22	.02

*Nota.* Berdasarkan 500 sampel bootstrap

\*Petunjuk:

- KKA = Kefungsian keluarga asal
- KP = Kualiti perkahwinan
- PK = Pembezaan kendiri
- SPG = Sikap terhadap peranan gender

Dalam Jadual 4.21, hasil analisis bagi model struktural kualiti perkahwinan menunjukkan bahawa peramal utama kepada kualiti perkahwinan bagi keseluruhan responden ialah kefungsian keluarga asal dengan jumlah kesan .56. Jumlah ini bermaksud apabila kefungsian keluarga asal bertambah sebanyak 1 sisihan piawai, maka kualiti perkahwinan meningkat sebanyak .56 sisihan piawai. Jumlah kesan sebanyak .56 adalah disebabkan oleh kedua-dua kesan langsung dan tidak langsung sebanyak .58 dan -.02 masing-masing. Nilai sifar diperhatikan wujud di antara nilai bawahan dan nilai atasan bagi kesan tidak langsung, bermakna kesan ini adalah tidak signifikan.

Sikap terhadap peranan gender menjadi peramal kedua kepada kualiti perkahwinan dengan jumlah kesan sebanyak .19. Apabila sikap terhadap peranan gender meningkat sebanyak 1 sisihan piawai, kualiti perkahwinan akan bertambah sebanyak .19. Jumlah kesan ini disebabkan oleh kedua-dua kesan langsung sebanyak .18 dan kesan tidak langsung sebanyak .01. Kesan langsung didapati adalah signifikan dan kesan tidak langsung sikap terhadap peranan gender ke atas kualiti perkahwinan melalui pembezaan kendiri didapati tidak signifikan.


Selain itu, kefungsian keluarga asal juga didapati mempunyai kesan langsung yang signifikan dengan pembezaan kendiri iaitu sebanyak .42. Pembezaan kendiri pula mempunyai kesan langsung sebanyak -.05 dengan kualiti perkahwinan namun tidak signifikan. Sikap terhadap peranan gender menunjukkan kesan langsung dengan pembezaan kendiri dengan kesan sebanyak -.10 secara tidak signifikan. Dengan itu, Ho2, Ho3, Ho5, dan Ho6 ditolak. Manakala, Ho4, Ho7, dan Ho8 diterima.

#### **4.7.5 Analisis moderator**

Untuk menguji peranan pemboleh ubah demografi terpilih sebagai moderator, *multiple group analysis* dijalankan. Pemboleh ubah moderator yang terlibat dalam analisis adalah tempoh perkahwinan, tahap akademik dan umur. Dalam prosedur analisis pelbagai kumpulan atau *multiple group analysis*, dua jenis model iaitu model *unconstrained* atau model tanpa kekangan dan model *constrained* atau model kekangan dinilai. Bagi model *constrained*, kesemua laluan (*path*) akan dikekang, bermakna anggaran tidak standard adalah sama bagi semua parameter dalam kumpulan. Manakala di dalam model *unconstrained*, anggaran bagi semua parameter adalah bebas. Kemudian, perbezaan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan di antara dua model ini dihitung. Dengan merujuk kepada jadual taburan khi kuasa dua, aras signifikan ditentukan.

Sekiranya hasil analisis menunjukkan bahawa pemboleh ubah yang dikaji adalah signifikan sebagai moderator ( $p < .05$ ), maka punca kehadiran kesan moderasi perlu diperiksa. Untuk tujuan ini, semua laluan dalam model *constrained* dikekang satu persatu. Prosedur yang sama iaitu menghitung nilai perbezaan khi kuasa dua dan perbezaan darjah kebebasan antara model *constrained* dan model *unconstrained* dibuat bagi menentukan aras signifikan berpandukan jadual taburan khi kuasa dua. Dengan darjah kebebasan 1, nilai perbezaan khi kuasa dua  $> 3.84$  menunjukkan aras  $p$  yang signifikan.

#### 4.7.5.1 Moderator tahap akademik



**Rajah 4.3:** Model struktural bagi analisis pelbagai kumpulan untuk moderator tahap akademik

Rajah 4.3 menunjukkan model struktural kualiti perkahwinan dan label bagi setiap laluan dalam model *constrained*. Pada asalnya terdapat enam kategori bagi tahap akademik. Walau bagaimanapun, bagi tujuan analisis, enam kumpulan ini dikecilkkan atau *collapse* kepada dua kategori iaitu Sijil Pelajaran Malaysia ke bawah dan Diploma ke atas. Proses *collapse* ini juga dibuat atas sebab bilangan sampel yang tidak begitu setara dalam setiap kumpulan.

**Jadual 4.22:** Hasil analisis pelbagai kumpulan berdasarkan moderator tahap akademik


Model	GFI	CFI	RMSEA	$\chi^2$	df	p	$\chi^2/df$
<i>Unconstrained</i>	.85	.88	.08	593.07	146	.00	4.06
<i>Constrained</i>	.85	.88	.08	607.74	156	.00	3.90

Jadual 4.22 menunjukkan hasil analisis bagi model *constrained* dan *unconstrained*. Perubahan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan ditunjukkan dalam Jadual 4.23. Perbezaan nilai khi kuasa dua bagi model *constrained* dan *unconstrained* adalah sebanyak 14.67 dengan perbezaan darjah kebebasan 10. Berdasarkan jadual taburan khi kuasa dua, nilai p adalah tidak signifikan,  $p > .05$ . Dengan ini, tahap akademik bukan moderator dalam model struktural kualiti perkahwinan. Hipotesis ( $H_021$ ) yang menyatakan bahawa tahap akademik tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan dengan ini diterima. Begitu juga dengan  $H_022$ ,  $H_023$ ,  $H_024$ ,  $H_025$ , dan  $H_026$ .

**Jadual 4.23:** Nilai p berdasarkan jumlah perubahan khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator tahap akademik

Model	$\Delta\chi^2$	$\Delta df$	p	Keputusan
<i>Unconstrained</i>	-	-	-	-
<i>Constrained</i>	14.67	10	.145	Tidak signifikan

#### 4.7.5.2 Moderator tempoh perkahwinan



**Rajah 4.4:** Model struktural bagi analisis pelbagai kumpulan untuk moderator tempoh perkahwinan

Rajah 4.4 menunjukkan model struktural kualiti perkahwinan dan label bagi setiap laluan dalam model *constrained*. Terdapat tiga kategori bagi tempoh perkahwinan iaitu kurang dari sepuluh tahun, 11 hingga 20 tahun dan 21 tahun ke atas.

**Jadual 4.24:** Hasil analisis pelbagai kumpulan berdasarkan moderator tempoh perkahwinan

Model	GFI	CFI	RMSEA	$\chi^2$	df	p	$\chi^2/df$
<i>Unconstrained</i>	.82	.86	.07	764.93	213	.00	3.59
<i>Constrained</i>	.80	.84	.08	873.97	233	.00	3.75

**Jadual 4.25:** Nilai p berdasarkan jumlah perubahan khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator tempoh perkahwinan

Model	$\Delta\chi^2$	$\Delta df$	p	Keputusan
<i>Unconstrained</i>	-	-	-	-
<i>Constrained</i>	109.04	20	.00	Signifikan

Hasil analisis bagi model *constrained* dan *unconstrained* dipaparkan dalam Jadual 4.24 dan 4.25. Jumlah perubahan khi kuasa dua adalah sebanyak 109.04 dengan darjah kebebasan 20. Berdasarkan jadual taburan khi kuasa dua, nilai p adalah signifikan,  $p < .005$ . Dengan ini, tempoh perkahwinan adalah moderator dalam model struktural kualiti perkahwinan.

**Jadual 4.26:** Pemberat regresi model struktural kualiti perkahwinan mengikut tempoh perkahwinan bagi kumpulan 1, 2 dan 3

Parameter	Kumpulan 1			Kumpulan 2			Kumpulan 3		
	95% Selang keyakinan								
	Anggar-an	Bawah-an	Atas-an	Anggar-an	Bawah-an	Atas-an	Anggar-an	Bawah-an	Atasan
PK ← KKA	3.55	1.99	4.50	.12	-.80	1.39	2.12	-.19	9.09
PK ← SPG	-.13	-.28	.05	.002	-.12	.22	-.20	-.69	.05
KP ← KKA	5.74	-1.26	8.67	1.53	.07	3.17	1.85	-1.61	9.03
KP ← PK	-.29	-1.02	2.35	.16	-.02	.28	-.17	-.44	.07
KP ← SPG	.49	.28	.71	-.05	-.27	.10	.06	-.20	.33

Nota. Berdasarkan 500 sampel bootstrap

\*Petunjuk:

KKA = Kefungsian keluarga asal  
 KP = Kualiti perkahwinan  
 PK = Pembezaan kendiri  
 SPG = Sikap terhadap peranan gender

Jadual 4.26 menunjukkan pemberat regresi bagi model struktural kualiti perkahwinan bagi tempoh perkahwinan kurang dari sepuluh tahun (kumpulan 1), 11 hingga 20 tahun (kumpulan 2) dan 21 tahun ke atas (kumpulan 3). Bagi model struktural kualiti perkahwinan untuk kumpulan 1, Kefungsian keluarga asal (KKA) → Pembezaan kendiri (PK) dan Sikap terhadap peranan Gender (SPG) → Kualiti perkahwinan (KP) sahaja yang didapati signifikan. Bagi model struktural kualiti perkahwinan untuk kumpulan 2, terdapat dua hubungan yang signifikan iaitu Kefungsian keluarga asal (KKA) → Kualiti perkahwinan (KP). Bagi model struktural kualiti perkahwinan untuk kumpulan 3, semua hubungan adalah tidak signifikan iaitu Kefungsian keluarga asal (KKA) → Pembezaan kendiri (PK), Kefungsian keluarga (KKA) → Kualiti perkahwinan (KP), Pembezaan kendiri (PK) → Kualiti perkahwinan (KP) dan Sikap terhadap peranan gender (SPG) → Kualiti perkahwinan (KP).

Selain itu, didapati bahawa Kefungsian keluarga asal (KKA) → Pembezaan kendiri (PK) adalah signifikan bagi kumpulan 1, namun tidak signifikan bagi kumpulan 2 dan 3. Begitu juga dengan Sikap terhadap peranan gender (SPG) → Kualiti perkahwinan (KP). Kefungsian keluarga asal (KKA) → Kualiti perkahwinan (KP) didapati tidak signifikan bagi kumpulan 1 dan 3, tetapi signifikan bagi kumpulan 2. Nilai pemberat regresi tertinggi bagi ketiga-tiga kumpulan adalah Kefungsian keluarga asal (KKA) → Kualiti perkahwinan (KP).

### **Analisis punca moderasi bagi tempoh perkahwinan**

Analisis awal ke atas kesan moderator tempoh perkahwinan menunjukkan nilai p yang signifikan, menunjukkan bahawa tempoh perkahwinan adalah moderator dalam model kajian. Justeru, analisis lanjut dijalankan bagi mengenal pasti punca moderasi tersebut. Jadual 4.27 mempamerkan dapatan bagi perbezaan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi model *constrained* dan model *unconstrained*. Dalam model *constrained*, hanya satu laluan dikekang pada satu-satu masa dan laluan lain dianggar secara bebas. Proses ini dibuat pada semua laluan seperti dalam Jadual 4.27 satu persatu. Dengan perbezaan darjah kebebasan 2, nilai perubahan khi kuasa dua  $> 5.99$ , memberikan nilai p yang signifikan. Berdasarkan jadual, terdapat empat laluan yang signifikan iaitu KP → PK, PK → KKA, KP → KKA, dan KP → SPG. Hanya satu laluan yang tidak signifikan iaitu SPG → PK. Dengan ini, laluan bagi KP → PK, PK → KKA, KP → KKA, dan KP → SPG telah dimoderasikan oleh tempoh perkahwinan dalam model kajian ini.

Dengan ini, hipotesis (Ho15) yang menyatakan bahawa faktor tempoh perkahwinan tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan berjaya ditolak. Hasil analisis bagi punca moderasi juga menunjukkan Ho16, Ho17, Ho18 dan Ho19 ditolak, manakala Ho20 diterima.

**Jadual 4.27:** Perbezaan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator tempoh perkahwinan

---


Parameter	<i>Unconstrained model</i>		<i>Constrained model</i>		$\Delta\chi^2$	$\Delta$	p	Keputusan
	$\chi^2$	df	$\chi^2$	df				
PK → KP	764.93	213	775.43	215	10.50	2	.005	Signifikan
KKA → PK	764.93	213	782.0	215	17.07	2	.000	Signifikan
KKA → KP	764.93	213	775.64	215	10.71	2	.005	Signifikan
SPG → PK	764.93	213	770.40	215	5.47	2	.065	Tidak Signifikan
SPG → KP	764.93	213	782.66	215	17.73	2	.000	Signifikan

*Nota.* Berdasarkan 500 sampel bootstrap

\*Petunjuk:

- KKA = Kefungsian keluarga asal
- KP = Kualiti perkahwinan
- PK = Pembezaan kendiri
- SPG = Sikap terhadap peranan gender

#### 4.7.5.3 Moderator Umur



**Rajah 4.5:** Model struktural bagi analisis pelbagai kumpulan untuk moderator umur

Rajah 4.5 menunjukkan model struktural kualiti perkahwinan dan label bagi setiap laluan dalam model *constrained*. Pada asalnya terdapat lima kategori bagi faktor umur. Namun begitu, bagi tujuan analisis, lima kumpulan umur dikecilkkan atau *collapse* kepada dua kategori umur iaitu 40 tahun ke bawah dan 41 tahun ke atas. Kumpulan 1 merujuk kepada kumpulan bagi kategori umur 40 tahun ke bawah dan kumpulan 2 merujuk kepada kategori umur 41 tahun ke atas.

**Jadual 4.28:** Hasil analisis pelbagai kumpulan berdasarkan moderator umur

Model	GFI	CFI	RMSEA	$\chi^2$	df	p	$\chi^2/df$
<i>Unconstrained</i>	.86	.88	.08	593.19	142	.00	4.18
<i>Constrained</i>	.84	.87	.08	657.11	152	.00	4.32

Hasil analisis bagi model *constrained* dan *unconstrained* dipaparkan dalam Jadual 4.28 dan 4.29. Jumlah perubahan khi kuasa dua adalah sebanyak 63.93 dengan darjah kebebasan 10. Berdasarkan jadual taburan khi kuasa dua, nilai p adalah signifikan,  $p < .005$ . Dengan ini, umur adalah moderator dalam model struktural kualiti perkahwinan.

**Jadual 4.29:** Nilai p berdasarkan jumlah perubahan khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator umur

Model	$\Delta\chi^2$	$\Delta df$	p	Keputusan
<i>Unconstrained</i>	-	-	-	-
<i>Constrained</i>	63.93	10	.00	Signifikan

**Jadual 4.30:** Pemberat regresi model struktural kualiti perkahwinan bagi kumpulan umur 1 dan kumpulan umur 2

Parameter	Kumpulan umur 1			Kumpulan umur 2		
	95 % Selang keyakinan					
		Anggaran	Bawahan	Atasan	Anggaran	Bawahan
PK ← KKA	.53	.36	.75	.10	-.09	.35
PK ← SPG	-.05	-.20	.09	-.15	-.35	.04
KP ← KKA	.58	.42	.74	.38	.07	.63
KP ← PK	-.10	-.26	.05	-.08	-.31	.11
KP ← SPG	.31	.20	.44	-.03	-.20	.19

*Nota.* Berdasarkan 500 sampel bootstrap

\*Petunjuk:

KKA = Kefungsian keluarga asal  
 KP = Kualiti perkahwinan  
 PK = Pembezaan kendiri  
 SPG = Sikap terhadap peranan gender

Jadual 4.30 menunjukkan pemberat regresi bagi model struktural kualiti perkahwinan bagi dua kumpulan umur. Bagi model struktural kualiti perkahwinan untuk kumpulan 1, Kefungsian keluarga asal (KKA) → Pembezaan kendiri (PK), Kefungsian keluarga asal (KKA) → Kualiti perkahwinan (KP), dan Sikap terhadap peranan gender (SPG) → Kualiti perkahwinan (KP) didapati signifikan.

Bagi model struktural kualiti perkahwinan untuk kumpulan 2, hanya satu laluan yang didapati signifikan iaitu Kefungsian keluarga asal (KKA) → Kualiti perkahwinan (KP). Didapati juga bahawa Kefungsian keluarga asal (KKA) → Pembezaan kendiri (PK) adalah signifikan bagi kumpulan 1, namun tidak signifikan bagi kumpulan 2. Begitu juga dengan Sikap terhadap peranan gender (SPG) → Kualiti perkahwinan (KP). Nilai pemberat regresi tertinggi bagi kedua-dua kumpulan adalah Kefungsian keluarga asal (KKA) → Kualiti perkahwinan (KP).

## **Analisis punca moderasi bagi umur**

Analisis awal ke atas kesan moderator umur juga menunjukkan nilai p yang signifikan, menunjukkan bahawa umur adalah moderator dalam model kajian. Justeru, analisis lanjut dijalankan bagi mengenal pasti punca moderasi tersebut.

**Jadual 4.31:** Perbezaan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator umur

Parameter	<i>Unconstrained model</i>		<i>Constrained model</i>		$\Delta\chi^2$	$\Delta$	p	Keputusan
	$\chi^2$	df	$\chi^2$	df				
PK → KP	593.19	142	593.57	143	.38	1	.54	Tidak signifikan
KKA → PK	593.19	142	596.18	143	2.99	1	.08	Tidak signifikan
KKA → KP	593.19	142	596.27	143	3.08	1	.08	Tidak signifikan
SPG → PK	593.18	142	594.08	143	.89	1	.35	Tidak signifikan
SPG → KP	593.19	142	606.99	143	13.81	1	.00	Signifikan

*Nota.* Berdasarkan 500 sampel bootstrap

\*Petunjuk:

KKA = Kefungsian keluarga asal  
 KP = Kualiti perkahwinan  
 PK = Pembezaan kendiri  
 SPG = Sikap terhadap peranan gender

Jadual 4.31 melaporkan dapatan bagi perbezaan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi model *constrained* dan model *unconstrained*. Bagi model *constrained*, hanya satu laluan dikekang pada satu-satu masa dengan laluan lain dianggarkan secara bebas. Dengan perbezaan darjah kebebasan 1, nilai perubahan khi kuasa dua  $> 3.84$ , memberikan nilai p yang signifikan. Berdasarkan jadual, hanya laluan SPG → KP didapati signifikan. Dengan ini, laluan bagi SPG → KP telah dimoderasikan oleh faktor umur dalam model kajian ini. Oleh itu, hipotesis (Ho9) yang menyatakan bahawa faktor umur tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan berjaya ditolak. Hasil analisis ke atas punca moderasi menunjukkan bahawa Ho10, Ho11, Ho13, dan Ho14 diterima, dan Ho12 ditolak.

#### **4.8 Rumusan dapatan**

Terdapat tiga soalan kajian yang dibina untuk mencapai tujuan kajian. Soalan-soalan kajian tersebut adalah:

- 1) Sejauh mana model hubungan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan yang dibina sepadan dengan data yang dikutip bagi sampel kajian ini?
- 2) Apakah kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan di antara kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender dan pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan?
- 3) Adakah faktor demografi terpilih berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan?
  - a) Adakah umur menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?
  - b) Sekiranya umur adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara pemboleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh umur?
  - c) Adakah tempoh perkahwinan menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?
  - d) Sekiranya tempoh perkahwinan adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara pemboleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh tempoh perkahwinan?
  - e) Adakah tahap akademik menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?

- f) Sekiranya tahap akademik adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara pemboleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh tahap akademik?

Secara keseluruhan, semua soalan kajian dianalisis mengikut pendekatan model persamaan berstruktur. Soalan kajian pertama dianalisis menggunakan *confirmatory factor analysis* dalam analisis model persamaan berstruktur, manakala soalan kajian kedua pula dijawab menggunakan model persamaan berstruktur. Seterusnya, ujian pelbagai kumpulan atau *multiple group analysis* dijalankan untuk menjawab soalan kajian ketiga. Hasil analisis menunjukkan beberapa dapatan pada bahagian ini. Bagi soalan kajian pertama, hasil penilaian model *a priori* pada peringkat model pengukuran [ $\chi^2/df = 6.45$ , GFI = .88, CFI = .90, RMSEA = .10] dan model struktural [ $\chi^2/df = 6.45$ , GFI = .88, CFI = .89, RMSEA = .10] menunjukkan padanan yang agak memuaskan. Dapatan bagi pengesahan silang juga menunjukkan nilai padanan yang hampir sama [ $\chi^2/df = 6.45$ , GFI = .87, CFI = .90, RMSEA = .11]. Dapatan ini memberi keyakinan kepada pengkaji untuk menjalankan analisis yang seterusnya.

Bagi soalan kajian kedua, hasil analisis menunjukkan bahawa kefungsian keluarga asal memberikan kesan langsung yang terbesar dan signifikan (.58,  $p < .05$ ) kepada kualiti perkahwinan. Diikuti dengan sikap terhadap peranan gender mempunyai kesan langsung yang kecil dan signifikan (.18,  $p < .05$ ) kepada kualiti perkahwinan, serta pembezaan kendiri mempunyai kesan langsung yang sangat kecil dan tidak signifikan (-.05,  $p > .05$ ) kepada kualiti perkahwinan. Kefungsian keluarga asal menunjukkan kesan tidak langsung (-.02) yang tidak signifikan, begitu juga dengan sikap terhadap peranan gender yang mempunyai kesan tidak langsung (.01) yang tidak signifikan kepada kualiti perkahwinan. Dengan ini, kefungsian keluarga asal dan sikap

terhadap peranan gender didapati mempunyai hubungan terus dengan kualiti perkahwinan tanpa melalui mana-mana pemboleh ubah lain dalam kajian ini.

Bagi soalan kajian ketiga, analisis pelbagai kumpulan berdasarkan perbezaan antara dua jenis model dijalankan untuk menguji kesan moderasi pemboleh ubah tempoh perkahwinan, tahap akademik, dan umur. Hasil analisis menunjukkan padanan model yang memuaskan untuk setiap peringkat model. Analisis ke atas perbezaan khi kuasa dua dan darjah kebebasan di antara dua model menunjukkan bahawa tempoh perkahwinan dan umur adalah moderator dalam model yang dicadangkan. Manakala tahap akademik bukan moderator dalam model ini. Jadual berikut memaparkan ringkasan keputusan bagi pengujian hipotesis.

**Jadual 4.32:** Ringkasan keputusan pengujian hipotesis

	Hipotesis	Keputusan
Ho1	Model hubungan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan yang dibina tidak dapat sepadan dengan data yang dikutip bagi sampel kajian ini.	Ditolak
Ho2	Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.	Ditolak
Ho3	Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.	Ditolak
Ho4	Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.	Diterima
Ho5	Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.	Ditolak
Ho6	Tidak terdapat kesan langsung yang signifikan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.	Ditolak
Ho7	Tidak terdapat kesan tidak langsung yang signifikan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.	Diterima
Ho8	Tidak terdapat kesan tidak langsung yang signifikan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.	Diterima
Ho9	Faktor umur tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan.	Ditolak
Ho10	Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.	Diterima
Ho11	Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.	Diterima

**Jadual 4.32, sambungan**

	Hipotesis	Keputusan
Ho12	Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.	Ditolak
Ho13	Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.	Diterima
Ho14	Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.	Diterima
Ho15	Faktor tempoh perkahwinan tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan.	Ditolak
Ho16	Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.	Ditolak
Ho17	Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.	Ditolak
Ho18	Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.	Ditolak
Ho19	Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.	Ditolak
Ho20	Faktor tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.	Diterima
Ho21	Faktor tahap akademik tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan.	Diterima
Ho22	Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.	Diterima
Ho23	Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.	Diterima

**Jadual 4.32, sambungan**

	Hipotesis	Keputusan
Ho24	Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.	Diterima
Ho25	Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.	Diterima
Ho26	Faktor tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.	Diterima

#### **4.9 Kesimpulan**

Bab ini telah melaporkan dapatan kajian berdasarkan analisis yang dibuat untuk menjawab soalan kajian. Terdapat tiga soalan kajian utama dan 26 hipotesis untuk mencapai objektif kajian. Pada awal bab ini, telah diterangkan proses analisis awal data kajian yang merangkumi pengurusan kehilangan data, pemprosesan data, mengenal pasti data yang menyimpang dan semakan andaian statistik. Bahagian kedua pula menghuraikan tentang dapatan deskriptif manakala bahagian tiga menghuraikan tentang dapatan analisis inferensii. Rumusan keseluruhan dapatan juga dilaporkan pada akhir bab ini. Bab seterusnya membincangkan hasil dapatan, rumusan kajian dan juga cadangan kajian lanjutan.

## **BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN**

### **5.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan tentang hasil dapatan kajian berdasarkan objektif kajian, implikasi kajian terhadap aspek teori dan praktikal, serta cadangan kajian pada masa akan datang. Perbincangan tentang dapatan kajian dibuat bersama dengan perbincangan mengenai teori dan kajian lepas yang berkaitan dengan dapatan kajian. Implikasi atau sumbangsan kajian terhadap aspek teori dan amalan dirumuskan berdasarkan penemuan dalam kajian ini. Seterusnya, beberapa cadangan dikemukakan khususnya kepada para pengkaji yang bercadang untuk menjalankan kajian dalam bidang yang sama dengan pengkaji.

### **5.2 Ringkasan kajian**

Kajian ini dijalankan dengan tiga tujuan utama. Pertama, kajian ini dijalankan untuk menilai padanan model *a priori* dengan data yang diperoleh dalam kajian ini. Model *a priori* kajian terdiri daripada set perhubungan di antara empat pemboleh ubah iaitu kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender. Kedua, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan. Ketiga, kajian ini juga menguji sama ada faktor latar belakang akademik, tempoh perkahwinan dan umur memainkan peranan sebagai moderator dalam model kajian atau sebaliknya.

Setelah proses pembersihan data dan penyingkirkan data yang menyimpang, jumlah akhir kes yang terlibat untuk proses analisis data adalah sebanyak 478 kes. Borang kaji selidik yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada lima bahagian iaitu

Bahagian A, B, C, D, dan E. Bahagian A adalah bahagian latar belakang dan demografi yang terdiri daripada sembilan soalan tentang umur, jantina, bangsa, lokasi tempat tinggal, tempoh perkahwinan, status pekerjaan, pendapatan, bilangan anak dan tahap pendidikan. Tiga faktor demografi terlibat dengan analisa perbandingan moderator iaitu umur, tempoh perkahwinan dan tahap akademik.

Bahagian B, C, D, dan E masing-masing mengukur aspek kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri, sikap terhadap peranan gender dan kualiti perkahwinan. Inventori yang digunakan dalam bahagian ini terdiri daripada empat inventori iaitu Skala Penilaian Penyesuaian dan Kohesi Keluarga atau *Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales IV*, Inventori Pembezaan Kendiri atau *Differentiation of Self Inventory*, Skala Kesamarataan Peranan gender atau *Sex Roles Egalitarian Scale*, dan Skala Penyesuaian Dyadik- Disemak atau *Revised Dyadic Adjustment Scale*.

Data yang diperoleh melalui borang kaji selidik kemudiannya dimasukkan ke dalam perisian SPSS 20.0 dan juga perisian Microsoft Excell bagi konstruk kefungsian keluarga asal. Data dibersihkan dan diproses melalui proses semakan awal sebelum analisis dijalankan. Analisis deskriptif dibuat bagi mendapatkan gambaran tentang ciri-ciri demografi responden yang terlibat dalam kajian. Pengiraan min dan sisihan piawai dibuat bagi kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri, sikap terhadap peranan gender dan kualiti perkahwinan. Bagi tujuan analisis inferensi, terlebih dahulu andaian statistik disemak. Oleh kerana data kajian ini didapati kurang normal pada tahap multivariat, maka kaedah *bootstrap* digunakan untuk membuat penilaian model.

Pendekatan model persamaan berstruktur digunakan untuk menganalisis data kajian dan menguji padanan model dengan data yang dikutip. Penggunaan pendekatan model berstruktur melibatkan analisis dua peringkat model iaitu model pengukuran penuh dan model struktural. Penilaian kedua-dua peringkat model ini melibatkan prosedur *Confirmatory factor analysis*. Penilaian pada peringkat model pengukuran

bertujuan untuk menentukan kesahan konstruk yang mewakili kesahan alat ujian yang digunakan. Penilaian pada peringkat model struktural pula melibatkan penilaian padanan model berdasarkan hubungan di antara konstruk atau pemboleh ubah yang dibina dalam model tersebut. Bagi menguji kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan antara pemboleh ubah, analisis model persamaan berstruktur dijalankan. *Multiple group analysis* dibuat bagi mengenal pasti peranan moderator faktor terpilih iaitu faktor umur, latar belakang akademik, dan tempoh perkahwinan.

### **5.3 Rumusan dapatan kajian keseluruhan**

Secara umumnya, kajian ini mempunyai matlamat untuk menentukan faktor-faktor yang signifikan yang menyumbang kepada kualiti perkahwinan individu. Tiga faktor yang dikaji ialah kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender. Berdasarkan teori dan tinjauan kajian lepas, ketiga-tiga faktor ini dijangka menyumbang kepada kualiti perkahwinan individu.

Kualiti perkahwinan merupakan hasil hubungan perkahwinan yang bersifat subjektif. Kualiti perkahwinan tidak dapat diukur melalui satu-satu indikator yang objektif kerana terdapat pelbagai faktor yang boleh dikaitkan dengan hubungan perkahwinan yang berkualiti. Oleh sebab itu, penilaian secara global dan umum adalah lebih sesuai untuk mengukur kualiti perkahwinan. Dalam kajian ini, Skala Penyesuaian Dyadik-disemak digunakan untuk mengukur kualiti perkahwinan. Terdapat tiga sub konstruk kualiti perkahwinan iaitu persetujuan, kohesi dan kepuasan. Daripada ketiga-tiga sub konstruk, dimensi persetujuan mencatatkan skor paling tinggi, diikuti dengan dimensi kepuasan dan dimensi kohesi.

Daripada aspek kefungsian keluarga asal, terdapat enam sub konstruk iaitu fleksibel, kohesi, amat sangat berhubung, tidak berhubung, rigid dan huru hara.

Keenam-enam sub konstruk ini membentuk dua jenis kefungsian keluarga iaitu fleksibiliti dan kohesi yang seimbang. Bagi tujuan penyelidikan, kaedah penskoran yang dicadangkan adalah menggunakan skala nisbah kerana hubungan *curvilinear* yang dicadangkan dalam *Circumplex Model of Family and Marital Systems*. Kedua-dua dimensi kohesi dan fleksibiliti menghasilkan satu tahap kefungsian keluarga. Dari segi pecahan kepada dimensi kohesi dan fleksibiliti, skor min tertinggi adalah bagi dimensi kohesi, diikuti dengan dimensi fleksibiliti.

Bagi pembezaan kendiri, aspek ini diukur menggunakan Inventori Pembezaan Kendiri. Terdapat empat sub konstruk dalam pembezaan kendiri iaitu pemisahan emosi, reaksi emosi, penyatuan dengan orang lain dan posisi saya. Skor min tertinggi adalah dalam aspek posisi saya, diikuti oleh reaksi emosi, penyatuan dengan orang lain dan pemisahan emosi. Penekanan masih perlu diberi dalam aspek pembezaan kendiri khususnya bagi dimensi pemisahan emosi memandangkan tahapnya yang agak rendah berbanding dimensi lain.

Sikap terhadap peranan gender diukur menggunakan alat ujian Skala Kesamarataan Peranan Gender. Skor yang semakin tinggi menunjukkan sikap yang semakin sama rata terhadap peranan gender dan skor yang rendah menunjukkan sikap yang lebih ke arah tradisional. Terdapat lima sub konstruk iaitu peranan keibubapaan, peranan perkahwinan, peranan heteroseksual-sosial, peranan pendidikan dan peranan kerjaya. Secara keseluruhan, responden kajian menunjukkan sikap yang lebih terarah kepada sikap tradisional dan sederhana dalam perkahwinan. Bagi dapatan untuk setiap sub konstruk, skor min tertinggi adalah dalam peranan pendidikan, diikuti oleh peranan kerjaya, peranan perkahwinan, peranan keibubapaan dan peranan heteroseksual-sosial. Melihat kepada latar belakang responden kajian yang majoritinya terdiri daripada suri rumah yang tidak bekerja, memberi satu dapatan yang menarik untuk diterokai. Timbul juga persoalan tentang sama ada faktor agama dan budaya memberi kesan yang unik

kepada dapatan ini. Berkemungkinan, kajian akan datang boleh mengambil kira faktor agama dan budaya sebagai faktor yang penting dalam menjelaskan hubungan ini.

*Confirmatory Factor Analysis* menunjukkan bahawa model pengukuran dan model struktural mempunyai padanan yang memuaskan dengan data kajian. Semua nilai pemberat regresi atau faktor muatan menunjukkan nilai yang signifikan, menandakan bahawa item alat ujian ini muat kepada faktor masing-masing. Padanan ini secara langsung memberi pengesahan kepada keempat-empat alat ujian yang terlibat dalam kajian ini sebagai sah digunakan untuk mengukur konstruk yang ingin diukur. Hasil analisis bagi kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan menunjukkan bahawa kefungsian keluarga asal memberi jumlah kesan terbesar dalam model kajian, diikuti dengan sikap terhadap peranan gender. Jumlah kesan ini disebabkan oleh kesan langsung dan kesan tidak langsung. Uniknya lagi, pembezaan kendiri didapati tidak menyumbang kepada kualiti perkahwinan.

Bagi analisis peranan moderator, analisis pelbagai kumpulan telah dijalankan bagi menilai kesan boleh ubah umur, tahap akademik dan tempoh perkahwinan sebagai moderator dalam kajian ini. Hasil perbezaan nilai khî kuasa dua dan darjah kebebasan dalam analisis pelbagai kumpulan menunjukkan bahawa umur dan tempoh perkahwinan adalah moderator dalam model kajian ini. Analisis perincian dijalankan untuk mengenal pasti laluan yang dimoderasikan oleh kedua-dua boleh ubah. Bagi moderator umur, laluan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan telah dimoderasikan oleh moderator umur. Bagi moderator tempoh perkahwinan, laluan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri, kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan, dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan telah dimoderasikan oleh moderator tempoh perkahwinan.

Berdasarkan analisis kajian, ketiga-tiga soalan kajian telah dapat dijawab. Begitu juga dengan pengujian 26 hipotesis yang terlibat dalam soalan kajian ketiga. Berikut merupakan ringkasan dapatan bagi semua soalan kajian dan hipotesis kajian ini:

- 1) Sejauh mana model hubungan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan yang dibina sepadan dengan data yang dikutip bagi sampel kajian ini?
  - a) Model tentang hubungan di antara kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan yang dibina sepadan dengan data yang dikutip bagi sampel kajian ini secara memuaskan.
- 2) Apakah kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan di antara kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender dan pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan?
  - a) Kesan langsung di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan didapati besar, positif dan signifikan.
  - b) Kesan tidak langsung di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan didapati kecil, negatif dan tidak signifikan.
  - c) Jumlah kesan yang wujud di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan adalah disebabkan oleh kesan langsung dan kesan tidak langsung.
  - d) Kesan langsung di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan didapati kecil, positif dan signifikan.
  - e) Kesan tidak langsung di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan didapati sangat kecil, positif dan tidak signifikan.

- f) Jumlah kesan yang wujud di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan adalah disebabkan oleh kesan langsung dan kesan tidak langsung.
- g) Kesan langsung di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan didapati sangat kecil, negatif dan tidak signifikan.
- h) Kesan langsung di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri didapati sederhana, positif dan signifikan.
- i) Kesan langsung di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri didapati kecil, negatif dan tidak signifikan.
- 3) Adakah faktor demografi terpilih berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan?
- a) Adakah umur menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?
- Faktor umur adalah moderator dalam model yang dicadangkan.
- b) Sekiranya umur adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara boleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh umur?
- Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.
  - Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

iii. Faktor umur memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.

iv. Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

v. Faktor umur tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

c) Adakah tempoh perkahwinan menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?

i. Tempoh perkahwinan adalah moderator dalam model yang dicadangkan.

d) Sekiranya tempoh perkahwinan adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara boleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh tempoh perkahwinan?

i. Tempoh perkahwinan memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.

ii. Tempoh perkahwinan memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

- iii. Tempoh perkahwinan memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.
  - iv. Tempoh perkahwinan memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.
  - v. Tempoh perkahwinan tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.
- e) Adakah tahap akademik menjadi moderator dalam model yang dicadangkan?
  - i. Tahap akademik bukan moderator dalam model yang dicadangkan.
- f) Sekiranya tahap akademik adalah moderator dalam model yang dicadangkan, hubungan atau laluan antara boleh ubah yang manakah yang dimoderasikan oleh tahap akademik?
  - i. Tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan.
  - ii. Tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan.

- iii. Tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan.
- iv. Tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.
- v. Tahap akademik tidak memberi kesan moderasi dalam perhubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri.

## **5.4 Perbincangan dapatan kajian**

Dalam kajian ini, model *a priori* atau model struktural telah dibentuk berdasarkan hubungan antara boleh ubah seperti yang dilaporkan dalam kajian lepas dan juga asas teori. Model struktural terdiri daripada satu siri perhubungan di antara kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender, pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan. Berdasarkan tinjauan literatur, perhubungan di antara boleh ubah boleh dijelaskan seperti berikut, kefungsian keluarga asal memberi kesan kepada kualiti perkahwinan; kefungsian keluarga asal memberi kesan kepada pembentukan tahap pembezaan kendiri individu; sikap terhadap peranan gender bagi individu memberi kesan kepada kualiti perkahwinan; pembezaan kendiri individu memberi kesan kepada kualiti perkahwinan. Berdasarkan kajian literatur, perhubungan di antara konstruk ini telah diuji untuk melihat perkaitannya dalam konteks sampel kajian terpilih di Malaysia. Beberapa penemuan yang selari dengan dapatan kajian lepas telah ditemui, di samping muncul penemuan baru yang memerlukan perbincangan dan perhatian lebih khusus diberikan.

### **5.4.1 Pengesahan model kajian**

Prosedur analisis data kajian melibatkan dua tahap iaitu tahap model pengukuran penuh dan model struktural. Pengesahan pada tahap model pengukuran melibatkan pengesahan empat konstruk yang terlibat dalam kajian secara serentak. Sementara pengesahan model struktural melibatkan analisis ke atas hubungan di antara semua konstruk berdasarkan rasional teori dan kajian-kajian lepas berkaitan hubungan setiap konstruk. Pengesahan model dapat mempertingkatkan keyakinan tentang hasil dapatan yang sah dan boleh dipercayai. Pengesahan model dibuat berpandukan indeks padanan model

yang dicadangkan oleh kajian-kajian lepas berserta pertimbangan ke atas aspek-aspek yang telah dibincangkan pada bahagian limitasi dan dapatan kajian.

Model pengukuran penuh terdiri daripada konstruk kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender. Berdasarkan *confirmatory factor analysis*, model pengukuran penuh mempunyai nilai padanan model yang memuaskan dan boleh diterima. Kesemua nilai padanan model menghampiri nilai yang dicadangkan oleh kajian lepas. Nilai yang menghampiri nilai padanan yang diperlukan ini dianggap memuaskan atas beberapa rasional.

Pertama, semua konstruk yang terlibat dalam kajian ini memerlukan pertimbangan nilai oleh individu. Bermakna, maklum balas responden dalam borang kaji selidik tidak mempunyai jawapan yang betul atau salah, sebaliknya bergantung kepada penilaian individu yang berbeza-beza. Sebagai contoh, sekiranya individu memberi maklum balas bahawa mereka bersetuju keluarga mereka tidak mempunyai peraturan dalam keluarga, ini tidak bermakna jawapan responden adalah salah. Sebaliknya, ia menggambarkan persekitaran keluarga itu sendiri dan jawapan ini juga mungkin boleh berubah bergantung kepada nilai dalam keluarga tersebut. Pertimbangan nilai individu juga boleh berubah dari semasa ke semasa, tidak seperti kecerdasan intelek yang biasanya bersifat kekal dan stabil. Keadaan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada padanan model.

Kedua, sampel kajian dipilih berdasarkan kriteria yang diperlukan dalam kajian iaitu berkahwin, mempunyai pasangan yang masih hidup, terlibat dalam program anjuran KEMAS dan membesar dalam persekitaran keluarga. Kriteria pemilihan ini juga boleh mewujudkan unsur persampelan bertujuan dalam kajian ini. Selain itu, sumber ralat juga boleh diperoleh semasa proses pungutan data. Dalam kajian ini, terdapat responden yang memerlukan bantuan pengkaji untuk membaca borang kaji

selidik atas faktor kesihatan mata. Keadaan seperti ini juga boleh mengundang kepada ralat persampelan.

Namun begitu, dalam mana-mana kajian, pengkaji tidak dapat mengelak dari wujudnya ralat kerana terdapat perkara-perkara yang berada di luar kawalan pengkaji. Leedey dan Ormrod (2005) juga berpendapat bahawa dalam mana-mana penyelidikan, pengkaji tidak dapat mengelakkan dari wujudnya bias dalam persampelan atau sumber bias yang lain. Walau bagaimanapun, pengkaji perlu memberi penjelasan tentang kemungkinan-kemungkinan kewujudan sumber bias di dalam penyelidikan yang dijalankan di samping meminimumkan kehadiran sumber-sumber ralat ini. Dalam kajian ini, kerangka persampelan yang dibentuk pada peringkat pertama pemilihan sampel telah melibatkan kaedah persampelan kebarangkalian (*probability sampling*) jenis persampelan kluster dengan tujuan untuk mengurangkan ralat dalam persampelan. Ketika proses pungutan data, pengkaji juga memastikan tiada perbincangan dibuat dalam kalangan responden kajian. Di samping itu, alat ujian yang dipilih juga adalah alat ujian piawai yang boleh dipercayai dan dapat mengukur konstruk yang ingin diukur. Langkah-langkah yang diambil ini bertujuan meminimumkan kesan ralat dalam kajian.

Pengesahan pada peringkat model pengukuran memberi makna bahawa alat ujian yang digunakan untuk mengukur konstruk telah dapat disahkan secara konstruk, atau mempunyai kesahan konstruk yang baik. Kesahan konstruk dapat dicapai apabila skor daripada instrumen adalah signifikan, bermakna, berguna dan mempunyai tujuan (Creswell, 2008). Ciri-ciri ini menunjukkan alat ujian tersebut adalah alat ujian yang baik dan boleh digunakan untuk memahami sampel daripada populasi.

Bagi kualiti perkahwinan, alat ujian *Revised Dyadic Adjustment Scale* digunakan untuk menguji konstruk ini. *Sex Roles Egalitarian Scales* mengukur konstruk sikap

terhadap peranan gender, *Flexibility and Cohesion Evaluation Scales* (FACES IV) untuk mengukur konstruk kefungsian keluarga asal dan *Differentiation of Self Inventory* untuk mengukur konstruk pembezaan kendiri. Kesemua nilai pemberat regresi atau faktor muatan menunjukkan nilai yang signifikan, memberi gambaran bahawa alat ujian ini dapat mengukur konstruk yang ingin diukur, seterusnya mengesahkan alat-alat ujian untuk diguna pakai ke atas sampel kajian ini.

Pengesahan alat ujian amat diperlukan bagi memastikan alat ujian yang digunakan benar-benar mengukur apa yang perlu diukur. Dalam hal ini, jelas bahawa kesemua alat ujian yang digunakan telah dapat disahkan. Hasil CFA turut menyokong aspek multi dimensi bagi alat-alat ujian yang terlibat. Hasil CFA bagi RDAS yang mengukur tentang kualiti perkahwinan didapati menyokong aspek multi dimensi bagi kualiti perkahwinan. Spanier (1976) mencadangkan bahawa penilaian global ke atas kualiti perkahwinan boleh dibuat berdasarkan tiga aspek iaitu persetujuan, kohesi dan kepuasan. Faktor muatan bagi ketiga-tiga dimensi ini menunjukkan nilai yang signifikan dengan kualiti perkahwinan, mengesahkan bahawa tiga dimensi ini adalah dimensi kepada kualiti perkahwinan.

Skowron (2004) menyatakan bahawa pembezaan kendiri terdiri daripada empat dimensi iaitu reaksi emosi, pemisahan emosi, posisi saya, dan penyatuan dengan orang lain. Faktor muatan bagi setiap sub konstruk (sub dimensi) menunjukkan nilai yang signifikan, menggambarkan bahawa pembezaan kendiri terdiri daripada empat dimensi tersebut.

Hasil CFA ke atas FACES IV yang mengukur aspek kefungsian keluarga asal juga turut menyokong bahawa kefungsian keluarga individu dapat diukur melalui dua dimensi utama iaitu kohesi dan fleksibiliti (Olson, 2011). Faktor muatan bagi dimensi kohesi dan dimensi fleksibiliti didapati signifikan, menggambarkan bahawa ia dapat

mewakili aspek kefungsian keluarga dan menyokong bahawa kefungsian keluarga dapat diukur melalui elemen kohesi dan fleksibiliti.

Bahkan, hasil CFA ke atas SRES-BB juga menunjukkan bahawa sikap terhadap peranan gender terdiri daripada lima dimensi iaitu peranan perkahwinan, peranan kerjaya, peranan pendidikan, peranan keibubapaan dan peranan sosial-heteroseksual (Beere, King, & Beere, 1984). Faktor muatan bagi kelima-lima dimensi didapati signifikan dengan konstruk sikap terhadap peranan gender.

Namun begitu, perhatian yang lebih khusus juga masih perlu diberi terhadap alat ujian yang digunakan. Justeru, pengkaji mencadangkan agar kajian berkaitan semua konstruk atau boleh ubah dalam kajian ini perlu diperbanyakkan lagi dalam konteks masyarakat Malaysia dengan menggunakan alat ujian yang sama, atau alat ujian lain yang dapat mengukur konstruk yang sama bagi mengukur kesahan alat ujian tersebut. Dengan adanya kajian-kajian seperti ini, dapat memberi keyakinan dan kepercayaan yang lebih tinggi tentang kesesuaian mana-mana konsep teori dan terapi sebelum diaplikasikan dalam konteks budaya masyarakat Malaysia sendiri.

#### **5.4.2 Tahap kualiti perkahwinan**

Secara keseluruhannya, kualiti perkahwinan responden kajian adalah pada tahap sederhana. Responden kajian ini terdiri dalam kalangan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan individu yang berpendapatan rendah dan sederhana, mempunyai kualiti perkahwinan yang sederhana. Dapatan tentang tahap kualiti perkahwinan ini hampir menyokong dapatan oleh Noralina Omar (2008) yang mendapati bahawa tahap kualiti perkahwinan sampel kajian di Malaysia adalah lebih rendah berbanding mereka yang berpendapatan tinggi. Faktor

ekonomi keluarga boleh menyumbang kepada tekanan psikologi individu seterusnya memberi kesan kepada penyesuaian perkahwinan (Kinnunen & Feldt, 2004).

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa tahap kualiti ini masih boleh diperbaiki dan responden tidak mengalami masalah yang terlalu serius dalam hubungan. Skor tertinggi bagi kualiti perkahwinan adalah dalam aspek persetujuan. Aspek ini merangkumi hal-hal keagamaan, menunjukkan kasih sayang kepada pasangan secara terbuka, pembuatan keputusan, hubungan intim, dan tingkah laku moral. Dapatan ini memberi gambaran bahawa responden dapat mencapai persetujuan bersama dalam hal-hal tersebut. Skor terendah pula adalah dalam aspek kohesi yang berkaitan dengan hal-hal seperti perkongsian aktiviti, pertukaran pendapat, kerjasama dalam kumpulan dan membuat perbincangan dengan tenang. Aspek ini juga menggambarkan kejelekatan hubungan individu dengan pasangan melalui aktiviti bersama. Kebanyakan responden kurang melakukan aktiviti dan perbincangan bersama pasangan. Oleh kerana skor bagi dimensi ini adalah lebih rendah berbanding dimensi yang lain, maka perhatian khusus perlu diberi dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkahwinan. Kepuasan dan kestabilan dalam hubungan perkahwinan boleh dicapai melalui perkongsian aktiviti dan peluang masa lapang bersama pasangan (Crawford, Houts, Huston, & George, 2002).

#### **5.4.3 Hubungan antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan**

Hasil analisis menunjukkan bahawa kefungsian keluarga asal memberi jumlah kesan yang paling besar dalam model kajian. Jumlah kesan ini terdiri daripada kesan langsung dan kesan tidak langsung. Walau bagaimanapun, kesan tidak langsung tidak memberi perbezaan yang ketara dalam model. Kesan langsung yang besar menunjukkan bahawa kefungsian keluarga asal adalah faktor yang paling dominan di antara semua konstruk yang lain dalam memberi kesan kepada tahap kualiti perkahwinan seseorang.

Analisis berdasarkan dua dimensi kefungsian keluarga asal iaitu kohesi dan fleksibiliti juga menunjukkan perkaitan yang hampir sama kekuatannya terhadap kualiti perkahwinan. Selaras dengan kajian-kajian lepas, hasil analisis kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman dalam keluarga boleh memberi kesan kepada hubungan perkahwinan atau hubungan intim anak-anak dewasa (Anderson, Johnson, Liu, Zheng, Hardy, & Lindstrom, 2014; Martinson, Holman, Larson, & Jackson, 2010; Hanzal & Segrin, 2008; Falcke, Wagner, & Mosmann, 2008; Whitton, Waldinger, Schulz, Allen, Crowell, & Hauser, 2008; Topham, Larson, & Holman, 2005; Wallerstein, Lewis, & Blakeslee, 2000; Holman & Birch, 2001; Belsky & Esabella, 1985; Amato, 1996). Pengalaman dalam keluarga asal digambarkan melalui jenis kefungsian keluarga yang dippunyai oleh individu. Kefungsian keluarga boleh dijelaskan melalui dua faktor iaitu kohesi dan fleksibiliti.

Kohesi dalam kefungsian keluarga menggambarkan kejelekatan hubungan dalam kalangan ahli keluarga (Olson, 2011). Individu yang mempunyai tahap kohesi yang seimbang membolehkan mereka meletakkan sempadan yang sihat dalam hubungan kekeluargaan. Hubungan dengan ibu bapa dan adik beradik tidak menjadi terlalu rapat atau terlalu renggang secara emosi sehingga mewujudkan suatu keadaan yang tidak berfungsi. Mereka mempamerkan rasa hormat di antara satu sama lain di samping dapat menghabiskan masa bersama dalam keadaan yang seimbang.

Selain itu, faktor penglibatan rakan dalam keluarga, meluangkan masa bersama, dan pembuatan keputusan juga antara faktor yang ada dalam elemen kohesi. Faktor-faktor ini menyumbang kepada pembentukan kohesi yang seimbang dalam sesebuah keluarga. Kejelekatan hubungan secara seimbang dan kasih sayang membantu membina keyakinan diri individu dalam hubungan dengan orang lain termasuklah dalam hubungan perkahwinan. Apabila individu terdidik oleh ibu bapa dengan sempadan yang sihat dalam keluarga asal, mereka juga dapat membina sempadan yang sihat dalam

hubungan dengan pasangan. Individu bersedia memberi ruang kepada pasangan untuk melakukan aktiviti yang disukai, tidak menceroboh privasi pasangan dan menghormati hak pasangan. Nyatanya, pengalaman positif individu dalam persekitaran keluarga asal memberi kesan yang besar kepada tahap kualiti perkahwinan yang tinggi. Begitu juga sebaliknya.

Dimensi kedua iaitu fleksibiliti adalah keupayaan individu untuk menyesuaikan diri dengan apa jua perubahan yang berlaku dalam keluarga, didapati turut memberi kesan kepada hasil hubungan perkahwinan individu dengan pasangan. Keupayaan untuk membuat penyesuaian ini termasuklah dalam hal peraturan keluarga yang fleksibel dan tidak terlalu rigid, peranan serta kepimpinan dalam keluarga. Individu dengan ahli keluarga yang mempunyai tahap fleksibiliti yang seimbang juga berkemungkinan besar dapat membuat penyesuaian yang baik dengan pasangan.

Apabila individu membesar dalam persekitaran keluarga yang mampu membuat penyesuaian terhadap perubahan dalam kehidupan, mereka juga dapat melakukan hal yang sama dalam hubungan perkahwinan. Individu mungkin menjadikan persekitaran keluarga asalnya sebagai model dalam hubungan perkahwinan. Individu mungkin cuba melihat kembali bagaimana ibu bapa membentuk peraturan dalam keluarga dan bagaimana seorang bapa memimpin keluarganya. Pengalaman dalam keluarga asal ini memberi kesan positif kepada individu pada masa hadapan, iaitu dalam hubungan dengan pasangan apabila mereka berkahwin.

Olson, Sprenkle, dan Russell (1979) dalam *Circumplex Model of Marital and Family Systems* menjelaskan tentang dua dimensi utama ini dalam memahami sistem keluarga dan perkahwinan. Keseimbangan di antara dua dimensi ini menghasilkan jenis keluarga yang berfungsi dengan baik secara keseluruhannya. Individu yang mempunyai keluarga asal yang seimbang dalam aspek kohesi dan fleksibiliti menghasilkan ciri-ciri

kefungsian keluarga yang baik, dan membolehkan mereka membentuk hubungan yang berkualiti dengan pasangan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dalam konteks masyarakat Malaysia yang merujuk kepada populasi kajian ini, pengalaman dalam keluarga asal adalah penting untuk difahami khususnya dalam sesi kaunseling keluarga dan perkahwinan kerana ia memberi kesan kepada kualiti perkahwinan. Kefungsian dalam keluarga asal menjadi penyumbang terbesar kepada kualiti perkahwinan dalam model yang dicadangkan. Berdasarkan dapatan ini, dapat dinyatakan bahawa dalam usaha merawat klien yang mengalami masalah dalam hubungan, keluarga asal adalah salah satu aspek yang amat penting dan perlu diteroka oleh kaunselor. Pengalaman dalam keluarga asal khususnya yang melibatkan pengalaman yang sukar atau negatif akan dibawa dari satu generasi kepada generasi seterusnya (Holman & Busby, 2011). Walaupun pengalaman tersebut tidak dapat diubah atau diperbaiki, namun ahli terapi atau kaunselor perlu mengambil kira aspek ini sebagai satu elemen penting dalam terapi atau sesi kaunseling.

Meskipun pengalaman tersebut tidak dapat diubah, namun perbincangan mengenai kesan pengalaman dalam keluarga asal yang dilalui oleh klien boleh memberi celik akal kepada mereka tentang bagaimana pengalaman tersebut mempengaruhi aspek kehidupannya pada masa kini dan akan datang. Keupayaan untuk berhadapan dengan isu pengalaman sukar yang dilalui dalam keluarga asal membantu individu melihat pengalaman tersebut dengan cara berkembang daripada pengalaman tersebut, berjaya mengatasi cabaran yang besar dalam hidup serta mencegah pengalaman dalam keluarga asal daripada memberi kesan kepada kualiti hubungan (Framo, 1981; Kerr & Bowen, 1988). Intervensi yang melibatkan pemahaman tentang pengalaman lepas dalam keluarga juga adalah untuk membantu individu dan pasangan bebas daripada konflik yang dibawa sepanjang kehidupan mereka dan membentuk perubahan dalam interaksi antara ahli keluarga dan pasangan (Nichols, 2003).

Bahkan, pengalaman dalam keluarga asal juga perlu difahami kerana cara bagaimana klien mentafsirkan pengalaman lalu mereka boleh mempengaruhi kualiti hubungan pada masa hadapan (Framo, 1992; Holman, 2001) termasuklah hubungan perkahwinan. Di samping itu, penyelesaian saki baki isu yang masih ada dalam keluarga asal boleh mempercepatkan usaha untuk menyelesaikan konflik hubungan pada masa dahulu dan sekarang (Framo, 1992). Walaupun pengalaman dalam keluarga asal jelasnya memberi impak kepada kualiti hubungan individu dewasa, ahli klinikal kebanyakannya masih menganggap bahawa ia adalah bersifat statik atau sukar diubah (Halford & Moore, 2002). Secara lebih jelas, pengalaman lalu di dalam keluarga adalah sesuatu yang tidak dapat diubah lagi kerana ia adalah pengalaman masa lepas. Namun begitu, usaha untuk merawat impak pengalaman negatif dalam keluarga asal masih boleh dijalankan.

Kaunselor boleh mengajar klien untuk memahami bagaimana pengalaman ini mempengaruhi kehidupan sehari-hari mereka sebagai salah satu intervensi dalam proses kaunseling. Tujuan intervensi ini adalah untuk membantu individu dan pasangan bebas daripada konflik yang dibawa sepanjang kehidupan mereka dan membentuk perubahan dalam interaksi antara ahli keluarga dan pasangan. Intervensi ini termasuklah mengubah persepsi dan reaksi individu terhadap pengalaman atau peristiwa yang berlaku dalam keluarga asal. Dengan cara ini, klien dapat menyedari bagaimana sikap, jangkaan dan tingkah laku yang diperteguhkan dari satu generasi ke satu generasi yang menjadi kunci utama untuk membantu individu membuat sesuatu yang berbeza dalam hubungan mereka dengan orang lain khususnya dengan pasangan dan anak-anak (Martinson, Holman, Larson, & Jackson, 2010).

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa rata-rata responden mempunyai tahap kefungsian keluarga asal pada tahap yang sederhana. Ini bermakna kebanyakan responden mempunyai kerapatan hubungan dan kebolehan membuat penyesuaian dalam

hubungan yang sederhana. Dalam hal ini, kaunselor perlu mengambil peranan dalam menekankan kepentingan konsep-konsep seperti peraturan dalam keluarga, pengisian masa lapang bersama keluarga, kepimpinan, musyawarah keluarga dan lain-lain yang dapat membantu meningkatkan kefungsian keluarga. Pemahaman tentang bagaimana semua konsep-konsep ini memainkan peranan dalam hubungan kekeluargaan amat penting dalam kalangan setiap ahli keluarga agar mereka dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih bertanggungjawab. Dengan itu, tahap kefungsian keluarga dapat dipertingkatkan.

Bahkan, pengkaji untuk kajian lanjutan boleh mempertimbangkan untuk menggunakan alat ujian yang lain dalam mengukur persepsi tentang pengalaman dalam keluarga asal yang dapat memberi gambaran yang lebih mendalam tentang aspek ini. Penggunaan genogram keluarga atau penggunaan kaedah penyelidikan secara kualitatif mungkin dapat mencungkil lebih banyak pengalaman yang dilalui oleh individu dalam keluarga asal. Dapatkan yang lebih mendalam mungkin boleh diperoleh dengan menggunakan pendekatan jenis ini.

#### **5.4.4 Hubungan antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan**

Berdasarkan dapatan kajian, sikap terhadap peranan gender juga didapati mempunyai perkaitan dengan kualiti perkahwinan. Terdapat lima dimensi untuk mengukur sikap ini iaitu peranan perkahwinan, peranan pendidikan, peranan kerjaya, peranan keibubapaan dan peranan heteroseksual-sosial. Sikap terhadap peranan gender merupakan persepsi individu yang terbentuk semasa proses sosialisasi untuk mendefinisikan lelaki dan wanita. Secara umumnya, terdapat dua kategori sikap iaitu sikap moden atau sama rata dan sikap tradisional. Sikap yang sama rata adalah sikap yang dipunyai oleh individu

yang melihat hak dan peranan wanita secara seimbang. Persepsi ini tidak melibatkan stereotaip ke atas mana-mana golongan jantina.

Berlainan dengan sikap yang tradisional, individu melihat satu-satu golongan jantina dengan satu pegangan atau prinsip di mana misalnya golongan lelaki dikaitkan dengan kuasa mutlak dalam seluruh kehidupan. Manakala golongan wanita berperanan penting dalam rumah tangga, tidak berkuasa membuat sebarang keputusan dan biasa ditindas. Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa individu yang mempunyai sikap yang sama rata akan mempunyai hubungan yang baik dalam perkahwinan. Sikap yang moden atau sama rata membolehkan individu lebih mencapai kepuasan dalam perkahwinan (Oshio, Nozaki, & Kobayashi, 2013; Stanik & Bryant, 2012; Dasgupta & Basu, 2011; Atkinson, Greenstein, & Lang, 2005; Faulkner, Davey, & Davey, 2005; Berman, 2005; McGovern & Meyers, 2002). Perkongsian tanggungjawab dalam rumah tangga di antara suami dan isteri mungkin dapat meringankan beban kedua-dua belah pihak. Seterusnya kepuasan dalam rumah tangga dapat dicapai. Bagaimanapun, kekuatan hubungan di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan dalam kajian ini adalah kecil.

Dari segi dimensi, peranan pendidikan mempunyai nilai min yang tertinggi. Peranan pendidikan melibatkan aspek pendidikan individu sama ada lelaki dan perempuan. Aspek ini termasuklah keutamaan peluang yang diberikan dalam pendidikan dan pembiayaan atau biasiswa yang diberi kepada lelaki atau perempuan. Jenis-jenis kursus dan latihan dalam pendidikan juga turut merangkumi aspek peranan pendidikan. Berdasarkan dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa responden kajian lebih bersetuju dengan penawaran aspek pendidikan secara sama rata kepada lelaki dan perempuan. Bermakna, individu yang melihat bahawa lelaki dan perempuan sama-sama mempunyai peluang dalam hal pendidikan, cenderung untuk mempunyai hubungan perkahwinan yang lebih berkualiti. Hal ini mungkin berlaku apabila suami dan isteri

membuat keputusan untuk pengembangan kerjaya dengan cara menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, tidak kira sama ada suami atau isteri, kedua-duanya mempunyai peluang yang sama. Berbanding dengan sikap tradisional dalam rumah tangga, peluang pendidikan mungkin lebih diutamakan kepada golongan suami, ini sedikit sebanyak memberi tekanan kepada golongan isteri.

Sementara itu, peranan sosial-heteroseksual pula mencatatkan nilai min yang paling rendah. Peranan sosial-heteroseksual melibatkan hal-hal berkaitan keutamaan yang diberikan kepada mana-mana gender apabila individu berada dalam persekitaran sosial misalnya dalam sesuatu majlis dan apabila berada bersama rakan-rakan. Sebagai contoh, apabila berada dalam sesuatu majlis, wanita akan berusaha untuk menjadi kurang menonjol berbanding lelaki kerana beranggapan bahawa lelaki lebih berhak untuk menonjolkan dirinya berbanding wanita. Tahap yang rendah ini mungkin disebabkan oleh para isteri amat menghormati suami dan sentiasa menjaga maruah suami terutamanya di depan khalayak ramai. Di dalam agama Islam, isteri diwajibkan untuk memelihara kehormatan diri dan juga maruah suaminya. Maka tidak hairanlah sekiranya golongan wanita lebih mengutamakan lelaki dalam aspek sosial-heteroseksual.

Dari segi jenis sikap terhadap peranan gender secara keseluruhannya, rata-rata responden kajian mempunyai sikap yang sederhana dalam peranan gender. Jenis sikap yang mendominasi dalam kalangan responden kajian berada di tengah-tengah antara sikap tradisional dan sikap moden. Dapatan ini hampir menyokong kepada dapatan oleh Hasrina, Marshina Julizah, Norizah, dan Hamidah (2013) yang mendapati bahawa majoriti pasangan di Malaysia mempunyai sikap yang tradisional dalam perkahwinan. Mereka masih memegang kepercayaan konvensional terhadap peranan gender dalam masa yang sama mempunyai kepuasan perkahwinan yang tinggi. Seperti mana aspek

pembezaan kendiri, sikap terhadap peranan gender juga mungkin dipengaruhi oleh faktor budaya dan agama masyarakat timur yang berbeza dengan masyarakat barat.

Perkaitan yang wujud di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan menunjukkan bahawa aspek ini adalah salah satu aspek yang perlu diberi perhatian dalam usaha untuk memperkasakan institusi perkahwinan. Ketidak selarasan di antara sikap atau persepsi individu terhadap peranan gender dengan realiti sebenar yang dilalui dalam kehidupan khususnya rumah tangga boleh menimbulkan ketidakpuasan dalam rumah tangga. Lebih parah lagi, ia boleh menjadi sumber keretakan hubungan dan membawa kepada keganasan rumah tangga yang kian berleluasa (Schubert, Protinsky, & Viers, 2002). Berdasarkan dapatan, individu yang mempunyai sikap ke arah yang sama rata lebih cenderung untuk mempunyai kualiti perkahwinan yang baik dan begitu juga sebaliknya. Justeru, kesedaran tentang kepentingan kesamarataan dalam rumah tangga tanpa stereotaip terhadap mana-mana gender perlu dipertingkatkan lagi bagi mengelakkan wujudnya konflik dalam rumah tangga.

#### **5.4.5 Hubungan antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan**

Hasil analisis dalam kajian ini menunjukkan bahawa wujud hubungan yang tidak signifikan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan. Kekuatan hubungan juga adalah lemah. Hubungan yang wujud dalam keadaan yang tidak signifikan ini juga menunjukkan bahawa masih terdapat perkaitan antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan namun tidak memberi kesan yang besar sehingga boleh menyebabkan wujudnya perbezaan di antara keduanya. Dalam maksud yang lain, keupayaan individu untuk membuat pembezaan kendiri tidak memberi kesan yang signifikan kepada hubungan individu dengan pasangan.

Pembezaan kendiri merupakan keupayaan individu untuk membina autonomi diri dalam masa yang sama masih mempunyai hubungan yang erat dengan ahli keluarga. Autonomi diri ini merangkumi kebolehan individu untuk mempunyai rasa ‘saya’ dalam diri berbanding rasa ‘kekitaan’. Keupayaan ini membolehkan individu untuk tidak terbelenggu dengan emosi ahli keluarga, dan tidak terlalu rapat atau terlalu jauh dengan ahli keluarga sehingga boleh menimbulkan kerenggangan hubungan yang ekstrem. Pembezaan kendiri juga adalah kapasiti atau keupayaan individu untuk melihat kembali keluarga asal, memahami dan berhubung semula dengan ibu bapa, serta memahami proses semula jadi yang mencorakkan kehidupan seseorang.

Pembezaan kendiri juga melibatkan kebolehan individu untuk memisahkan atau membezakan diri mereka daripada keluarga asal dari segi emosi dan intelek untuk membentuk keseimbangan antara dimensi intrapsikik dan interpersonal (Bowen, 1978). Individu yang berjaya mendidik diri mereka untuk tidak terlalu mempunyai pergantungan emosi dengan keluarga khususnya ibu bapa dapat mencapai hubungan perkahwinan yang berkualiti. Mereka mampu untuk berfikir secara rasional dengan cara menyeimbangkan antara emosi dan intelek apabila berinteraksi dengan orang lain khususnya pasangan. Golongan yang mempunyai pembezaan kendiri yang baik juga membolehkan mereka membuat perbincangan secara rasional tentang ketidaksetujuan dalam sesuatu perkara, dapat menyelesaikan konflik dan mengalami komunikasi yang terbuka dengan orang lain.

Mereka mempunyai sempadan dalaman iaitu pemikiran dan perasaan yang jelas, tidak terpengaruh oleh faktor luaran, pemikiran dan perasaan orang lain. Keadaan ini disebut sebagai ‘*solid self*’ yang dapat bertoleransi dengan situasi kerisauan dan mengambil bahagian secara bebas dalam persekitaran yang penuh emosi (Bowen, 1966, p. 365). Individu yang mempunyai tahap pembezaan kendiri yang sewajarnya, dikatakan tidak mudah terpengaruh dengan faktor-faktor luaran yang boleh

mengganggu hubungan perkahwinan. Mereka juga dapat mengawal emosi apabila berhadapan dengan situasi yang tegang dalam perkahwinan.

Kategori individu ini juga dapat membuat penaakulan yang lebih baik, kurang mengalami masalah psikologi serta lebih sihat secara fizikal (Bray, Harvey, & Williamson, 1987). Sebaliknya, kegagalan untuk membina pembezaan kendiri dikaitkan dengan kerisauan yang kronik (Bohlander, 1999), ketidakpuasan dalam hubungan (Skowron, 2000) serta reaksi emosi yang negatif dalam hubungan keluarga dan perkahwinan (Johnson & Buboltz, 2000).

Dimensi penyatuan dengan orang lain umumnya melihat bagaimana penglibatan seseorang dengan orang lain sama ada pada tahap sederhana atau ekstrem. Individu yang mempunyai pembezaan kendiri yang rendah biasanya mempunyai penglibatan yang terlalu tinggi dengan orang lain. Misalnya, perpisahan yang berlaku di antara individu dengan individu yang signifikan dengannya boleh memberi kesan yang sangat mendalam sehingga mengganggu kehidupan sehari-hari. Reaksi emosi pula adalah tindak balas seseorang apabila berhadapan dengan emosi tertentu dan keupayaannya untuk mengalami emosi yang kuat tanpa dipengaruhi oleh emosi tersebut (Skowron & Friedlander, 1998).

Di luar negara khususnya di negara Barat, pembezaan kendiri individu didapati memberi kesan kepada kualiti perkahwinan (Levinger & Ronen, 2010; Holman & Busby, 2011; McCullough, 2005). Bagaimanapun, dalam kajian ini, tidak terdapat perkaitan yang ketara di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan. Dapatkan ini menambah literatur baru kepada bidang kaunseling keluarga dan perkahwinan apabila konsep ini diuji dalam masyarakat timur khususnya di Malaysia.

Pembezaan kendiri merupakan konsep yang diperkenalkan oleh Bowen dalam teorinya. Teori yang dibina dalam persekitaran budaya Barat perlu terlebih dahulu disemak dengan berhati-hati sama ada ia sesuai untuk diaplikasikan dalam budaya

masyarakat timur khususnya di Malaysia. Pengaplikasian mana-mana teori tanpa pertimbangan aspek budaya boleh memberi kesan yang negatif kepada hasil sesi kaunseling dan juga klien. Dalam hal ini, perbezaan budaya di antara masyarakat individualisme dan kolektivisme memungkinkan menjadi punca wujudnya dapatan yang berbeza bagi masyarakat Malaysia jika dibandingkan dengan dapatan kajian di barat. Di barat, individu yang mempunyai pembezaan kendiri yang tinggi dikaitkan dengan mempunyai kualiti hubungan yang baik.

Pembezaan kendiri yang dikemukakan oleh Bowen dalam teorinya mempunyai perkaitan dengan aspek autonomi diri. Secara tidak langsung, aspek autonomi lebih dikaitkan dengan budaya masyarakat individualisme. Di Malaysia, majoriti penduduknya adalah berbangsa Melayu, yang mengamalkan adat atau budaya keluarga kolektivisme dalam masyarakat. Masyarakat kolektivisme umumnya lebih mementingkan hal-hal kebersamaan, gotong royong, saling menghormati, sopan santun dan kehidupan dalam keadaan harmoni. Budaya kolektivisme merupakan gaya hidup yang memberi penekanan kepada aspek hubungan dan kendiri yang saling ketergantungan (*interdependent self*) (Markus & Katayama, 1991). Bagaimanapun, ciri-ciri ini menunjukkan pertentangan dengan ciri-ciri pembezaan kendiri yang dicadangkan oleh Skowron (2004).

Dalam budaya masyarakat kolektivisme juga, ahli-ahlinya sering berhati-hati dalam berbicara. Hal ini boleh dikaitkan dengan sikap asertif diri atau keupayaan individu untuk mencapai rasa saya dalam hubungan dengan orang lain. Dalam budaya kolektivisme, sekiranya individu terlalu bersikap asertif, ia mungkin dianggap biadab dan tidak peka kepada perasaan orang lain. Berlainan dengan budaya masyarakat barat, asertif adalah satu sikap yang dianggap bagus ada pada diri seseorang. Individu dalam budaya masyarakat kolektivisme juga mempunyai sifat-sifat saling bergantung antara satu sama lain dan hidup dengan berfokuskan kepada ibu bapa dan ahli keluarga (Sinha

& Sinha, 1997; Kim, 1997; Masaki Yuki, 2003). Maka tidak hairanlah jika hubungan perkahwinan individu tidak terkesan oleh aspek pembezaan kendiri.

Dalam budaya masyarakat yang kolektivisme, rasa kebersamaan atau kekitaan lebih dititikberatkan berbanding rasa saya. Keupayaan individu untuk menjarakkan diri dengan keluarga asal dan membentuk rasa saya berkemungkinan tidak memberi makna yang signifikan kepada individu dan ahli keluarga. Sebaliknya hubungan kekitaan dalam kekeluargaan lebih penting dalam membentuk hubungan keluarga yang harmoni. Sekiranya salah seorang ahli keluarga mengalami musibah, ahli lain juga akan berkongsi rasa yang sama. Dalam hal ini, berkemungkinan individu masih boleh mempertahankan hubungan perkahwinan atau hubungan dengan orang lain meskipun tanpa membina pembezaan kendiri yang tinggi dalam diri mereka kerana pergantungan emosi dengan ahli keluarga adalah lebih kuat dan ia berkemungkinan tidak memberi kesan yang negatif kepada individu.

Apabila diperincikan, rata-rata responden kajian ini mempunyai tahap pembezaan kendiri yang sederhana dan rendah. Kurang dari 15% responden yang mempunyai tahap pembezaan kendiri yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat Melayu dalam kajian ini tidak mempunyai pembezaan kendiri yang tinggi. Dalam satu kajian oleh Raba'aton Adawiah (2011), beliau mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan dalam tahap pembezaan kendiri bagi sampel berbangsa Melayu dan sampel berbangsa Amerika secara keseluruhan. Namun, wujud perbezaan signifikan bagi empat dimensi dalam pembezaan kendiri bagi dua budaya keluarga yang berbeza ini. Masyarakat Melayu didapati mempunyai tahap reaksi emosi yang lebih tinggi, tahap posisi saya yang rendah, kurang pemisahan emosi dan tinggi penyatuan dengan orang lain. Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji pula, responden mempunyai tahap posisi saya yang agak tinggi jika dibandingkan dengan dimensi-

dimensi lain, kurang dapat membuat pemisahan emosi dan sederhana dalam reaksi emosi dan penyatuan dengan orang lain.

Dapatan kajian ini juga diperkuatkan dengan hujah Chung dan Gale (2006) bahawa individu yang hidup dalam masyarakat kolektivisme cenderung untuk mempunyai tahap pembezaan kendiri yang lebih rendah berbanding dengan masyarakat individualisme. Dalam kajian ini, didapati bahawa pembezaan kendiri tidak mempengaruhi kualiti perkahwinan individu. Bermakna, sama ada seseorang mempunyai keupayaan untuk mencapai autonomi dalam masa yang sama masih berhubungan dengan ahli keluarga yang lain atau tidak, tidak memberi kesan kepada perkahwinan.

Keadaan ini berlainan dengan masyarakat di barat, individu yang mempunyai tahap pembezaan kendiri yang baik, cenderung untuk mempunyai hubungan perkahwinan yang baik. Dapatan ini memberi penjelasan tentang keunikan budaya keluarga di Malaysia yang bersifat kolektivisme. Dalam keluarga Melayu tradisional, anak-anak tidak digalakkan untuk mencapai perpisahan psikologi dan berdikari daripada ibu bapa, sebaliknya lebih menekankan ikatan kekeluargaan dan kebergantungan di samping memenuhi keperluan ahli keluarga yang lain (Raba'aton Adawiah, 2011).

Nilai kekeluargaan dalam budaya kolektivisme seperti di Malaysia, amat mementingkan hubungan kekeluargaan yang harmoni di samping menjaga tali silaturahim. Nilai ini boleh menjadi sumber kekuatan dalam masyarakat kolektivisme. Sokongan keluarga dalam segala hal kehidupan amat membantu individu untuk berfungsi dengan lebih baik. Sistem sokongan ini juga boleh menjadi sumber kekuatan klien untuk dilibatkan dalam proses terapi. Bahkan, dapatan kajian ini juga memberi ilham dan celik akal bahawa, dalam konteks masyarakat yang hidup dalam budaya kolektivisme, kaunseling keluarga berkemungkinan lebih dapat membantu dalam proses

penyelesaian masalah klien. Bahkan, dalam proses kaunseling individu, penerokaan tentang aspek keluarga asal perlu dibuat untuk mencungkil dengan lebih mendalam tentang masalah klien di samping menyediakan pelan intervensi yang bersesuaian.

Berdasarkan dapatan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa perlunya semakan dibuat terlebih dahulu bagi memastikan kesesuaian aplikasi sesuatu konsep dalam teori dalam konteks budaya masyarakat yang berbeza. Seperti dalam kajian ini, aplikasi konsep konsep pembezaan kendiri dalam hal untuk menjelaskan tentang hubungan perkahwinan perlu dibuat dengan berhati-hati. Pertimbangan penggunaan pendekatan dan interpretasi berasaskan budaya dalam masyarakat Melayu perlu diambil kira memandangkan perbezaan budaya pembina teori dan juga konteks aplikasinya. Bahkan, Chung dan Gale (2006) mengingatkan supaya dalam sesi kaunseling, latar belakang budaya klien perlu sentiasa dititikberatkan memandangkan setiap budaya mempunyai keunikan yang tersendiri.

Namun begitu, konsep pembezaan kendiri yang merupakan salah satu konsep dalam teori sistem keluarga Bowen adalah sah dalam populasi masyarakat Malaysia yang dirujuk dalam kajian ini. Hal ini adalah berdasarkan penilaian terhadap empat konstruk multi dimensi dalam pembezaan kendiri yang telah disahkan dalam kajian ini. Meskipun dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapatnya perbezaan hubungan yang ketara di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan, namun dapatan ini mungkin berbeza jika pembezaan kendiri dikaitkan dengan pemboleh ubah yang lain misalnya pencapaian akademik, pencapaian bukan akademik pelajar, pengembangan aspek kerjaya dan lain-lain. Memandangkan hubungan perkahwinan adalah salah satu elemen utama dalam institusi keluarga, maka ia tidak dapat dipisahkan dengan budaya kolektivisme, yang secara tidak langsung juga dikaitkan dengan pembezaan kendiri.

#### **5.4.6 Kesan moderasi tempoh perkahwinan dalam model kajian**

Berdasarkan tinjauan literatur, terdapat dua kumpulan tempoh perkahwinan yang mengalami waktu kritikal dalam hubungan perkahwinan iaitu tempoh perkahwinan yang kurang dari tujuh tahun dan 16 tahun ke atas (Gottman, 1999). Dalam kajian ini, tempoh perkahwinan adalah moderator dalam model kajian. Malahan, di Malaysia, secara umumnya juga menunjukkan bahawa keretakan rumah tangga lebih banyak berlaku dalam kalangan golongan muda yang berkahwin kurang dari lima tahun.

Tempoh perkahwinan didapati memberi kesan moderasi kepada keseluruhan model kualiti perkahwinan. Perbandingan yang dibuat di antara tiga kumpulan iaitu kurang dari 10 tahun, 11 hingga 20 tahun dan 21 tahun ke atas menunjukkan bahawa perbezaan tempoh ini memberi kesan moderasi kepada keseluruhan model kajian. Pengalaman yang dilalui oleh individu yang berkahwin dan belum berkahwin semestinya memberi kesan yang berbeza dalam kehidupan harian individu. Semakin lama tempoh perkahwinan individu, pastinya semakin banyak pengalaman yang dikutip oleh mereka sepanjang kehidupan (Mirecki, Chou, Elliot, & Schneider, 2013; Raley & Bumpass, 2003; McLahanan & Sorensen, 1985; Menaghan, 1983).

Dalam membincangkan hal ini, pada amnya mereka yang berkahwin melebihi sepuluh tahun adalah golongan yang lebih berusia, mereka mempunyai lebih banyak pengalaman dalam mengendalikan urusan rumah tangga dan hubungan perkahwinan, mengamalkan ciri-ciri toleransi seperti kebanyakan orang-orang lama yang berpengalaman dalam rumah tangga, saling hormat-menghormati dan banyak mengamalkan amalan-amalan keharmonian rumah tangga. Bagi golongan yang berkahwin kurang dari sepuluh tahun, kebanyakan mereka adalah kumpulan yang dalam usia masih muda atau kurang berpengalaman dalam rumah tangga. Golongan muda biasanya kurang kesabaran dalam rumah tangga, masih memerlukan masa untuk mengenali pasangan serta lebih banyak terdedah kepada sudut ketiga dalam kehidupan

seperti faktor kerjaya, rakan-rakan di luar persekitaran keluarga dan lain-lain faktor sudut ketiga.

Selain itu, individu pada pertengahan usia juga mengalami transisi dan pengalaman yang berbeza daripada individu yang lebih muda, dan pengalaman tersebut adalah unik dalam tahap kitaran kehidupannya (Hollist & Miller, 2005). Pada pertengahan tempoh perkahwinan, individu berhadapan dengan hal-hal seperti hal penjagaan anak pada pelbagai peringkat umur, isu peribadi, keperluan menjaga ibu bapa yang berusia, tanggungjawab terhadap keluarga asal dan lain-lain. Aspek ini memerlukan perhatian dan kajian lanjut oleh pengkaji dalam bidang kaunseling keluarga dan perkahwinan. Kajian lebih lanjut juga boleh meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan kualiti perkahwinan di antara ketiga-tiga kumpulan ini.

Apabila perbandingan dibuat ke atas ketiga-tiga kumpulan tempoh perkahwinan ini, kumpulan yang berkahwin kurang dari 11 tahun didapati mempunyai hubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan yang signifikan. Bagi kumpulan responden yang telah berkahwin selama 11 hingga 20 tahun, hanya kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan didapati signifikan. Sementara bagi kumpulan yang berkahwin selama lebih 21 tahun, semua hubungan didapati tidak signifikan.

Berikutnya perbezaan yang wujud dalam dapatan di antara kumpulan ini, analisis perincian terhadap punca moderasi bagi tempoh perkahwinan menunjukkan bahawa terdapat empat laluan yang dimoderasikan oleh faktor ini. Laluan tersebut adalah di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan, pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan, sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan dan kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri.

Selain itu, hubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri didapati signifikan bagi mereka yang telah berkahwin kurang dari 10 tahun,

berbeza dengan golongan yang telah berkahwin melebihi 10 tahun. Bagi responden yang telah berkahwin di antara tempoh 11 hingga 20 tahun dan melebihi 21 tahun, kefungsian keluarga asal didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembezaan kendiri. Dapatan ini menjelaskan bahawa pembentukan pembezaan kendiri individu lebih terkesan pada awal tempoh perkahwinan mereka. Pada tempoh ini, individu mungkin masih lagi banyak bergantung kepada keluarga asal mereka, masih kerap meluangkan masa bersama keluarga asal, berkongsi masalah dan sebagainya sehingga mewujudkan kerapatan emosi yang lebih tinggi. Individu juga berkemungkinan masih memberi perhatian yang khusus kepada ahli keluarga asal. Namun begitu, semakin lama tempoh perkahwinan, semakin banyak tanggungjawab yang perlu dipikul oleh individu dan pasangan. Tanggungjawab ini mungkin termasuklah hal-hal pengurusan anak yang mula memasuki institut pengajian tinggi, pengurusan kewangan keluarga, hal kebijakan keluarga pasangan dan sebagainya. Tanggungjawab yang semakin berat ini memungkinkan individu mula membentuk jarak dengan keluarga asal, menyebabkan intensiti dari segi emosi semakin berkurangan.

Daripada analisis ke atas hubungan sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri pula, didapati bahawa ketiga-tiga kumpulan tempoh perkahwinan ini menunjukkan hubungan yang tidak signifikan. Dapatan ini bermaksud bahawa walaupun sikap terhadap peranan gender memberi kesan kepada tahap pembezaan kendiri individu, namun ia tidak dikaitkan dengan tempoh perkahwinan. Tempoh perkahwinan tidak memberi sebarang perubahan kepada hubung kait dua pemboleh ubah ini. Hal ini menunjukkan bahawa sama ada seseorang itu baru berkahwin atau telah lama berkahwin, sikap individu terhadap peranan gender individu tidak memberi sebarang kesan yang ketara kepada perubahan dalam pembezaan kendiri.

Selain itu, hubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan didapati signifikan bagi responden yang telah berkahwin di antara 11

hingga 20 tahun. Bagi responden yang berkahwin kurang dari 10 tahun dan melebihi 21 tahun, hubungan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan didapati tidak signifikan. Berkemungkinan, pada fasa awal perkahwinan, individu masih lagi berada dalam fasa berbulan madu dan perlu banyak membuat penyesuaian dengan pasangan dan keluarga barunya. Maka, kebanyakan masa dan ruang lebih tertumpu kepada keluarganya sendiri. Pada masa ini, hubungan dengan pasangan mungkin tidak banyak dipengaruhi oleh pengalaman individu dalam keluarga asal. Individu lebih menumpukan usaha ke arah memenuhi kehendak pasangan dan berusaha mengambil hati pasangan.

Pada pertengahan tempoh perkahwinan, individu mungkin kembali kepada rutin seperti dalam keluarga asalnya. Individu telah lebih stabil dalam hubungan perkahwinan, dapat mengenali pasangan dengan lebih rapat dan menjadi dirinya sendiri dalam hubungan. Pada ketika ini, individu lebih menjadi tulen sebagai dirinya, tidak bersikap tertentu semata-mata untuk mengambil hati pasangan. Pasangan juga telah mengenali dan menerima diri pasangan seadanya. Maka pengaruh keluarga asal akan lebih menonjol pada peringkat ini. Individu mungkin menyalurkan ruang dan masa yang ada kepada keluarga asalnya. Ruang dan masa ini juga dapat dikongsi bersama dengan keluarga asal terutamanya jika anak-anak dipelihara oleh ibu bapa (datuk dan nenek).

Bagi sikap terhadap peranan gender, hanya kumpulan responden yang berkahwin kurang dari 10 tahun yang didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti perkahwinan. Bagi mereka yang telah berkahwin melebihi 10 tahun, sikap terhadap peranan gender tidak lagi memberi kesan kepada kualiti perkahwinan. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh pada peringkat awal perkahwinan, individu perlu membuat banyak penyesuaian khususnya bagi golongan wanita. Apabila berkahwin, mereka perlu bersedia dengan tanggungjawab terhadap suami, tanggungjawab terhadap anak-anak, tanggungjawab dalam kerjaya bagi mereka yang

bekerja, tanggungjawab dalam menguruskan rumah tangga dan lain-lain. Pada tempoh ini, individu amat memerlukan toleransi daripada pasangan khususnya dalam menguruskan tugas rumah tangga. Perkongsian tanggungjawab amat tinggi pada ketika ini kerana fasa penyesuaian adalah tempoh kritis dalam kehidupan seseorang.

Setelah berjaya mengharungi hampir satu dekad usia perkahwinan, individu dan pasangan berkemungkinan telah mencapai satu persetujuan dalam rumah tangga. Pembahagian tugas mengikut gender mungkin dipersetujui khususnya bagi wanita yang tidak bekerja. Peranan mencari rezeki diserahkan kepada golongan lelaki sebagai ketua keluarga, wanita pula menguruskan anak-anak dan rumah tangga. Ciri-ciri ini lebih terarah kepada sikap tradisional dalam rumah tangga. Oleh kerana kebanyakan responden kajian ini tidak bekerja, maka boleh dikatakan bahawa kebanyakan wanita akan lebih mengambil peranan dalam rumah tangga dan pengurusan anak-anak. Disamping itu, pihak suami juga tidak menolak sama sekali untuk sama-sama membantu menguruskan rumah tangga sekiranya berkelapangan.

#### **5.4.7 Kesan moderasi umur dalam model kajian**

Faktor umur didapati berperanan sebagai moderator dalam model kajian. Heaton (2002) juga mendapati bahawa kepuasan perkahwinan bergantung kepada faktor umur. Hal ini bermaksud bahawa perbezaan dalam peringkat umur menghasilkan dapatan yang berbeza dalam sampel kajian ini. Dalam kajian ini, terdapat dua kategori peringkat umur iaitu kurang dari 40 tahun dan 41 tahun ke atas. Perbandingan ke atas dua kategori umur ini menunjukkan bahawa kedua-duanya mempunyai hubungan yang tidak signifikan di antara pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan. Selain itu, kefungsian keluarga mempunyai kaitan dengan pembezaan kendiri hanya bagi golongan yang berumur 40 tahun ke bawah. Pengalaman dalam keluarga asal juga didapati mempunyai kaitan

dengan tahap kualiti perkahwinan individu bagi kedua-dua kumpulan umur. Hubungan di antara sikap individu terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan pula hanya signifikan bagi golongan yang berumur kurang dari 40 tahun.

Merujuk kepada perbezaan dalam dapatan di antara dua kumpulan umur ini, analisis perincian terhadap punca moderasi bagi faktor umur telah dijalankan. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat satu laluan yang dimoderasikan oleh faktor umur. Laluan tersebut adalah di antara sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan. Perbezaan di antara dua kumpulan ini menunjukkan bahawa bagi mereka yang berumur kurang dari 40 tahun, sikap individu terhadap peranan gender dikaitkan dengan tahap kualiti perkahwinan. Manakala bagi mereka yang berumur melebihi 40 tahun, sikap terhadap peranan gender tidak lagi memberi kesan kepada perubahan dalam kualiti perkahwinan.

Berdasarkan hasil dapatan, sikap terhadap peranan gender individu sememangnya memberi kesan kepada tahap kualiti perkahwinan bagi mereka yang berusia 40 tahun ke bawah. Hubungan dengan arah positif menunjukkan bahawa semakin individu mempunyai sikap yang sama rata atau moden terhadap peranan gender, semakin tinggi tahap kualiti perkahwinan individu. Bagi golongan ini, berkemungkinan mereka mempunyai masa yang lebih terhad, mempunyai anak-anak yang masih kecil yang perlu diuruskan, berkemungkinan bekerja di rumah dan terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan. Kesibukan ini mungkin menuntut kerjasama dari kedua-dua belah pihak suami dan isteri untuk sama-sama membantu menguruskan rumah tangga.

Berbeza dengan mereka yang menginjak usia melebihi 41 tahun. Pada ketika ini, individu mungkin kurang mempunyai bebanan tanggungjawab kerana pada peringkat umur ini, anak-anak telah semakin dewasa dan dapat berdikari. Kesibukan menguruskan anak-anak kecil mungkin tidak lagi dirasai pada tempoh ini, membolehkan individu

mempunyai banyak masa untuk melaksanakan urusan rumah tangga. Pengalaman sepanjang kehidupan juga mematangkan individu khususnya para ibu dalam melakukan tugas rumah tangga. Dengan peningkatan faktor umur juga, menjadikan sikap terhadap peranan gender tidak lagi memberi kesan kepada kualiti perkahwinan mereka.

Bagaimanapun, sekiranya pengkaji lain berhasrat untuk menjalankan kajian lebih lanjut ke atas peranan faktor umur dalam mengkaji perkaitan pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini, skala pengelasan faktor umur sebaiknya dikecilkkan lagi. Oleh kerana bilangan responden yang tidak begitu setara dalam beberapa peringkat umur dalam kajian ini, maka peringkat umur ini terpaksa dikelompokkan kepada hanya dua kumpulan umur bagi membolehkan analisis dijalankan. Berkemungkinan, dapatan yang lebih jelas dapat diperoleh sekiranya kajian ini mengambil kira semua peringkat umur.

#### **5.4.8 Kesan moderasi tahap akademik dalam model kajian**

Hasil analisis ke atas model kajian menunjukkan bahawa latar belakang akademik individu tidak memberi kesan moderasi kepada seluruh model kajian dalam menjelaskan tentang kualiti perkahwinan. Dari segi tahap akademik, terdapat dua klasifikasi kumpulan iaitu mereka yang mempunyai kelulusan bertaraf Sijil Pelajaran Malaysia atau lebih rendah, dan mereka yang mempunyai kelulusan di peringkat Diploma atau lebih tinggi. Dua kumpulan ini dicollapse berdasarkan enam kategori tahap akademik disebabkan oleh bilangan sampel yang tidak setara bagi setiap enam kategori tahap akademik.

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa keseluruhan model kualiti perkahwinan tidak bergantung kepada tahap akademik seseorang. Dapatan secara keseluruhan ini juga memberi gambaran bahawa tahap akademik tidak memberi kesan moderasi ke atas laluan di antara kefungsian keluarga asal dengan kualiti perkahwinan,

pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan, sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan, kefungsian keluarga asal dengan pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender dengan pembezaan kendiri. Penemuan ini tidak menyokong beberapa penemuan lain dalam kajian lepas (Allendorf & Ghimire, 2012; Rumaya Juhari, Irese Tan, & Siti Nur Yaacob, 2007; Heaton, 2002; Amato & Keith, 1991; McLanahan & Bumpass, 1988; Glenn & Kramer, 1987).

Dapatan dalam kajian ini memberi gambaran bahawa apa jua tahap pendidikan individu sama ada tinggi atau rendah, ia tidak dapat menjelaskan tentang kualiti perkahwinan dalam konteks kajian ini. Kualiti perkahwinan individu tidak bergantung kepada tahap akademik mereka (Mirecki, Chou, Elliot, & Schneider, 2013; Amato, et al., 2003; Umberson, et al., 2005; VanLaningham, et al., 2001). Salah satu kemungkinan yang boleh menjelaskan hal ini adalah berkaitan sikap dalaman individu itu sendiri. Bagi individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman, mereka lebih dapat menguruskan diri, berfikir dengan lebih rasional dari segi emosi dan intelek, dapat menangkis faktor-faktor luaran yang boleh memberi kesan kepada hubungan perkahwinan. Individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman percaya bahawa mereka mampu mengawal peristiwa dan hasil dalam kehidupan mereka (Fournier, 2010).

Selain itu, berkemungkinan juga mereka yang mempunyai pengalaman yang lebih lama dalam hubungan perkahwinan lebih dapat mengamalkan ciri-ciri kebahagiaan dan toleransi dalam hubungan perkahwinan. Keadaan ini menjadikan individu tidak bergantung kepada tahap akademik yang dimiliki, sebaliknya tempoh pengalaman yang dilalui dalam hubungan rumah tangga lebih dapat memberi kesan yang signifikan dalam hubungan. Kedua-dua kemungkinan ini berkemungkinan memberi penjelasan tentang tahap akademik yang tidak berperanan sebagai moderator dalam kajian ini.

Walau bagaimanapun, peranan latar belakang akademik sebagai moderator dalam menjelaskan tentang kualiti perkahwinan masih perlu dikaji dengan lebih lanjut. Hal ini perlu diteliti bagi mencari penjelasan tentang peranan latar belakang akademik dalam hubungan perkahwinan. Oleh kerana analisis kajian ini hanya melibatkan dua kategori peringkat akademik iaitu mereka yang mempunyai kelulusan SPM atau lebih rendah dan Diploma atau lebih tinggi, maka perincian yang lebih spesifik dalam tahap akademik mungkin dapat memberi penjelasan yang lain.

### **5.5 Implikasi kajian ke atas aspek teori**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menyokong konsep yang dibawa oleh teori yang terlibat dalam kajian ini, bahkan juga memberikan beberapa dapatan baru apabila diuji ke atas responden di Malaysia. Dari segi keboleh aplikasian teori, secara umumnya dapatan ini memberi keyakinan bahawa teori sistem keluarga Bowen, dan *Circumplex Model of Marital and Family Systems* dan teori feminis boleh digunakan sebagai salah satu cara untuk memahami, mendiagnosis dan membentuk intervensi dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan. Ini berdasarkan dapatan yang menyokong idea dalam teori ini dalam hal hubungan dengan orang lain.

Teori sistem keluarga Bowen boleh diaplikasikan dalam membantu merawat klien. Berdasarkan dapatan kajian ini, persekitaran keluarga asal memberi kesan kepada hubungan individu dengan orang lain, khususnya pasangan. Dapatan ini menyokong konsep yang dibawa oleh Bowen dalam teorinya. Namun begitu, berdasarkan hasil dapatan yang menunjukkan bahawa pembezaan kendiri tidak memberi kesan yang signifikan kepada kualiti hubungan individu dengan pasangan, memberikan satu petanda bahawa teori yang dibina berdasarkan budaya tidak boleh sewenang-wenangnya

diaplikasikan dalam budaya lain. Pembezaan kendiri merupakan salah satu konsep utama dalam teori Bowen melibatkan empat dimensi iaitu posisi saya, penyatuhan emosi, reaksi emosi dan pemisahan emosi.

Teori sistem keluarga Bowen boleh diaplikasikan di Malaysia, namun masih perlu perincian yang berhati-hati khususnya daripada aspek budaya dan agama. Bahkan berkemungkinan perlunya pendefinisan semula dimensi-dimensi bagi konsep pembezaan kendiri supaya lebih sesuai dengan konteks budaya keluarga di Malaysia khususnya keluarga Melayu. Budaya keluarga di Malaysia yang sinonim dengan budaya kolektivisme mungkin boleh menjelaskan mengapa pembezaan kendiri tidak memberi kesan kepada kualiti perkahwinan.

Selain itu, merujuk kepada aspek kefungsian keluarga asal sebagai satu aspek yang memberi kesan paling besar kepada kualiti perkahwinan, memberi celik akal bahawa elemen keluarga adalah penting dalam setiap proses terapi. Pengaplikasian terapi yang bersifat kognitif boleh diintegrasikan dengan penambahan perbincangan atau penerokaan mengenai faktor keluarga asal yang jelasnya memberi pengaruh kepada kehidupan individu khususnya dalam aspek hubungan dengan orang lain.

Bahkan, melihat kepada kepentingan faktor agama, nilai dan budaya masyarakat timur khususnya di Malaysia yang berbeza dengan masyarakat barat, menuntut perhatian ke atas aspek-aspek kajian dengan lebih terbuka. Setiap teori yang ingin diaplikasikan perlu diintegrasikan dengan pendekatan mengikut agama, nilai dan budaya masyarakat terlibat. Penggunaan teori dan teknik yang dihasilkan dalam budaya

barat tanpa pertimbangan ke atas aspek budaya dan agama dikhuatiri memberi kesan yang negatif kepada klien. Dengan itu, aplikasi yang lebih komprehensif dan holistik dapat dibuat untuk membantu klien. Penggunaan teori dan teknik juga akan lebih mantap dengan mengambil konsep yang dikemukakan dalam setiap teori ini.

### **5.6 Implikasi kajian ke atas aspek praktikal**

Perbincangan mengenai hubungan perkahwinan dan kekeluargaan bukanlah suatu perkara yang asing pada masa kini. Usaha ke arah pemantapan kedua-dua institusi ini juga telah mula dijalankan oleh banyak pihak. Pemahaman terhadap aspek kefungsian keluarga asal individu, pembezaan kendiri, sikap terhadap peranan gender dengan kualiti perkahwinan, individu dapat membantu meneroka aspek-aspek yang berkaitan dengan kehidupan perkahwinan dan kekeluargaan. Seterusnya, membantu mengenal pasti aspek-aspek yang boleh menyumbang kepada peningkatan kualiti perkahwinan.

Hasil kajian ini juga membolehkan aspek-aspek berisiko yang perlu diberi perhatian khusus oleh pelbagai pihak dapat dikenal pasti. Berdasarkan dapatan tentang tahap kualiti perkahwinan, dimensi kohesi dikenal pasti sebagai aspek yang mempunyai skor min paling rendah berbanding dimensi yang lain. Aspek-aspek lain seperti pemisahan emosi dalam pembezaan kendiri dan peranan heteroseksual-sosial turut perlu diberi perhatian kerana ia didapati berkait dengan kualiti perkahwinan individu dan mempunyai skor min yang terendah.

Dari segi tahap kualiti perkahwinan, rata-rata responden mempunyai tahap kualiti yang sederhana. Hal-hal ini menunjukkan bahawa penekanan ke arah

pemantapan hubungan perkahwinan perlu memberi fokus kepada kesemua aspek penting ini. Pihak Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat yang sinonim dengan agensi yang melaksanakan strategi ke arah pemantapan keluarga boleh mengambil aspek ini sebagai fokus utama dalam program yang dijalankan oleh mereka. Pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat yang mengadakan program pendidikan kesejahteraan keluarga juga boleh memasukkan aspek ini sebagai silibus dalam kelas pengajaran mereka, begitu juga dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang menyediakan silibus kursus untuk individu dan pasangan yang akan berkahwin.

Dari segi pengamalan dalam bidang kaunseling, dapatan kajian boleh dijadikan panduan kepada para kaunselor khususnya kaunselor perkahwinan dan kekeluargaan bagi menambah pemahaman kepada aspek yang dikaji. Tumpuan penerokaan boleh dibuat kepada aspek-aspek kefungsian keluarga asal, dan sikap individu terhadap peranan gender kerana aspek-aspek ini didapati berkait dengan hasil hubungan perkahwinan individu. Bagi individu yang belum berkahwin, kaunselor juga boleh membantu mereka khususnya dalam mempersiapkan diri untuk memasuki alam perkahwinan dengan menyelesaikan sebarang isu dalam keluarga asal yang membelenggu diri.

Berdasarkan dapatan ini, kaunselor atau ahli terapi juga tidak boleh mengabaikan tentang aspek pengalaman dalam keluarga asal yang dilalui oleh klien kerana jelas menunjukkan bahawa pengalaman dalam keluarga asal khususnya pengalaman sukar atau negatif memberi kesan kepada keupayaan individu untuk membentuk hubungan yang baik dengan orang lain. Kaunselor perlu memberi celik akal kepada klien agar tidak bersedih atau menyesali pengalaman sukar yang telah dilalui

dalam keluarga asal, sebaliknya membantu klien memahami pengalaman tersebut dan mengambil pengajaran daripadanya. Di samping itu, kaunselor perlu memberi celik akal kepada klien bahawa pengalaman ini boleh memberi kesan kepada dirinya dalam hal pembentukan pembezaan kendiri dan mempengaruhi hubungan individu dengan orang lain.

Pengalaman dalam keluarga asal penting untuk difahami kerana cara bagaimana klien mentafsirkan pengalaman lalu mereka boleh mempengaruhi kualiti hubungan pada masa hadapan (Framo, 1992; Holman, 2001). Meskipun pengalaman yang dilalui oleh individu dalam keluarganya pada masa lepas adalah sesuatu yang mustahil untuk diubah, namun pengalaman tersebut perlu diproses untuk dijadikan iktibar dalam kehidupan masa hadapan. Kaunselor boleh memberikan intervensi dengan mengajar klien memahami bagaimana pengalaman ini mempengaruhi kehidupan sehari-hari mereka. Kaedah atau intervensi ini dapat membantu individu dan pasangan bebas daripada konflik yang dibawa sepanjang kehidupan mereka dan membentuk perubahan dalam interaksi antara ahli keluarga dan pasangan (Nichols, 2003).

Tambahan itu, penggunaan terapi, teori atau teknik yang bersifat penerokaan dan pembinaan semula cerita turut boleh diketengahkan. Terapi naratif misalnya yang menekankan aspek penceritaan semula sesuatu yang menjadi masalah dengan melihat masalah tersebut dari sudut yang baru, boleh membantu kaunselor meneroka pengalaman lepas klien dalam keluarga asal. Di samping itu, kaunselor membantu klien memahami cerita tersebut dan mengajar klien untuk membina semula cerita dalam pengalaman keluarga asal daripada perspektif yang baru untuk memberi kefahaman baru kepada klien tentang pengalaman yang dilalui. Pengaplikasian terapi naratif juga boleh menjadi salah satu bidang kajian yang menarik untuk diteroka.

## **5.7 Cadangan kajian**

Berdasarkan dapatan kajian, kajian ini boleh menjadi pemangkin kepada beberapa kajian baru untuk dijalankan pada masa hadapan bagi tujuan pengukuhan institusi perkahwinan dan kekeluargaan di Malaysia dan dalam usaha untuk memperbanyakkan lagi literatur dalam bidang pengkhususan kaunseling keluarga dan perkahwinan. Faktor kefungsian keluarga asal, pembezaan kendiri dan sikap terhadap peranan gender perlu diberi perhatian sebagai salah satu cara untuk membantu meningkatkan kualiti perkahwinan individu. Kesemua faktor-faktor ini memerlukan kajian lanjut oleh pengkaji dalam bidang kaunseling agar ia dapat difahami dengan lebih baik dalam usaha meningkatkan kualiti perkahwinan di Malaysia.

Kedua, memandangkan Malaysia masih lagi kekurangan kepakaran dalam bidang kaunseling keluarga dan perkahwinan (Chiam, 2003), maka lebih banyak kajian berasaskan pengujian konsep-konsep teori dalam bidang ini perlu dijalankan. Kebanyakan teori yang dijadikan panduan dalam bidang kaunseling adalah berasal dari negara barat. Justeru, perlunya perhatian diberi dalam pengaplikasian teori-teori ini khususnya untuk memastikan keboleh aplikasiannya dalam konteks masyarakat Malaysia seterusnya memperkembangkan ilmu kaunseling keluarga dan perkahwinan di Malaysia. Di samping itu, ia juga membolehkan para pengkaji dan ahli akademik meluaskan pengetahuan mereka khususnya dalam keilmuan kaunseling keluarga dan perkahwinan.

Ketiga, selain penggunaan penyelidikan jenis kuantitatif, para pengkaji akan datang juga boleh menjalankan penyelidikan jenis kualitatif khususnya untuk memahami aspek kefungsian keluarga asal. Kajian jenis etnografi misalnya, boleh dijalankan untuk memahami pola kefungsian sesebuah keluarga dengan mengkhususkan

kepada keluarga yang berjaya atau berisiko. Kajian ini akan menjadi lebih menarik berdasarkan pemerhatian yang dibuat ke atas corak komunikasi keluarga tersebut. Seterusnya ia dapat memberi penjelasan yang lebih mendalam tentang bagaimana kefungsian keluarga asal mempengaruhi kehidupan seseorang. Penggunaan genogram keluarga juga boleh meluaskan lagi dapatan kajian. Namun begitu, pengkaji yang berhasrat untuk menjalankan kajian sebegini perlu lebih berhati-hati dan memikirkan isu-isu yang mungkin boleh timbul semasa kajian dijalankan.

Seterusnya, kajian ini juga boleh diteruskan dengan mendapatkan persepsi daripada pasangan yang berkahwin tentang aspek yang dikaji dalam kajian ini. Data yang diperoleh boleh dianalisis secara *dyad* misalnya menggunakan kerangka analisis *Actor-Partner Interdependence Modeling* (APIM; Kenny, Kashy, & Cook, 2006). Kaedah ini membolehkan persepsi daripada kedua-dua individu atau pasangan diperoleh. Namun, pengkaji-pengkaji masih perlu mempertimbangkan beberapa faktor penting sekiranya ingin menjalankan kajian pada peringkat pasangan. Antara pertimbangan yang perlu dititikberatkan ialah kos kewangan, masa dan tenaga, kesan *hawthorne* yang wujud semasa pengumpulan data, dan akses kepada responden berpasangan.

Selain itu, kajian ini juga mendapati nilai padanan atau fit yang memuaskan dalam model pengukuran. Kajian akan datang dicadangkan agar turut memberi tumpuan kepada ciri-ciri psikometrik alat ujian yang digunakan khususnya dalam aspek kesahan dan kebolehpercayaan. Analisis secara terperinci boleh dibuat ke atas item-item dalam alat ujian yang digunakan dalam kajian ini di samping membuat pengesahan alat ujian berdasarkan beberapa jenis ujian kesahan yang lain seperti kesahan prediktif, kesahan kriteria dan lain-lain.

Akhir sekali, memandangkan terdapat banyak faktor atau pemboleh ubah yang boleh dikaitkan dengan kualiti perkahwinan atau hasil hubungan perkahwinan, maka

kajian dalam bidang ini perlu diperluaskan lagi dengan mengkaji pemboleh ubah-pemboleh ubah yang lain untuk melihat kesannya terhadap kualiti perkahwinan individu di Malaysia. Antara pemboleh ubah yang boleh dikaji dengan lebih lanjut adalah pemboleh ubah spiritual, kerjaya, kemahiran mengatasi individu terhadap masalah, dan tahap sosio ekonomi keluarga.

## **5.8 Penutup**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat mencapai objektif yang ditetapkan pada awal kajian. Kajian ini dijalankan dengan tiga objektif utama iaitu menilai padanan model *a priori* dengan data yang diperoleh dalam kajian ini. Seterusnya, kajian ini mengkaji kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan di antara kefungsian keluarga asal, sikap terhadap peranan gender dan pembezaan kendiri dengan kualiti perkahwinan. Selain itu, kajian ini turut menguji sama ada faktor latar belakang akademik, tempoh perkahwinan dan umur memainkan peranan sebagai moderator dalam model kajian atau sebaliknya.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman individu dalam keluarga asal amat penting dalam memberi kesan kepada kualiti perkahwinan individu. Bahkan, ia turut juga memberi kesan kepada pembezaan kendiri seseorang. Meskipun pengalaman dalam keluarga asal tidak dapat diubah, namun kesedaran terhadap perkaitan di antara aspek ini amat penting. Hal ini kerana pengalaman dan identiti yang dibina berdasarkan pengalaman tersebut akan mempengaruhi cara seseorang bertingkah laku dengan orang lain.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa aspek sikap terhadap peranan gender adalah relevan dan perlu dikaji pada masa sekarang dan masa hadapan. Buktinya, masalah keganasan rumah tangga dilaporkan semakin meningkat dan ia didapati berpunca daripada konflik dan salah faham dalam hubungan suami isteri.

Dengan arus kemodenan pada hari ini, terdapat masyarakat yang masih dominan kepada sikap tradisional dalam rumah tangga, di mana berdasarkan tinjauan kajian lepas sikap ini dikaitkan dengan penurunan dalam kualiti perkahwinan. Keadaan ini memberi tekanan kepada sesetengah golongan wanita khususnya yang berkerjaya. Hal ini turut disokong oleh dapatan kajian ini di mana sikap yang sederhana memberi kesan kepada kualiti perkahwinan yang sederhana. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengamalkan sikap tradisional dan sederhana (di antara tradisional dan moden). Dapatan ini menuntut kajian lebih lanjut dijalankan ke atas aspek-aspek ini bagi melihat bagaimana sikap tradisional boleh membawa kepada kualiti perkahwinan khususnya dalam budaya masyarakat Malaysia.

Tidak dinafikan juga, sikap tradisional ini boleh menjadi faktor yang positif dalam hubungan perkahwinan bagi sesetengah golongan khususnya mereka yang telah lama berkahwin. Hal ini juga berkait rapat dengan persepsi terhadap peranan gender, aspek keagamaan dan adat budaya individu yang memerlukan kajian lebih lanjut dijalankan. Justeru, berdasarkan dapatan kajian ini, pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat yang menyediakan pelbagai program kekeluargaan boleh memasukkan elemen-elemen kajian ini sebagai pengisian dalam program yang dianjurkan. Dengan itu, usaha ke arah pemantapan keluarga dan perkahwinan di Malaysia dapat diperkasakan lagi.

Selain itu, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia juga boleh mempertimbangkan aspek-aspek kajian ini untuk diterapkan ke dalam silibus kursus pra perkahwinan yang diwajibkan ke atas individu yang ingin berkahwin. Dengan kesedaran yang diberi ke atas kepentingan pengalaman keluarga asal dalam mempengaruhi identiti individu dan kesedaran tentang jenis sikap terhadap peranan gender yang berkait rapat dengan kualiti perkahwinan, dapat menambah pengetahuan di peringkat yang paling asas sebelum pembentukan keluarga berlaku dan sebagai

peringkat paling asas dalam pembentukan intervensi kepada individu, pasangan maupun keluarga. Gandingan kesemua faktor-faktor ini membolehkan matlamat ke arah keluarga yang sejahtera akan lebih dapat dicapai.

### **5.9 Kesimpulan**

Bab ini telah merumuskan perjalanan kajian bermula dari awal sehingga berakhirnya kajian ini. Bab ini juga merupakan bab terakhir dalam penulisan tesis ini yang telah membincangkan dapatan kajian secara menyeluruh. Perbincangan ini turut menyentuh tentang implikasi kajian dalam dua aspek iaitu implikasi terhadap aspek teori dan implikasi terhadap aspek praktikal. Cadangan kajian lanjutan turut dimuatkan dalam bab ini. Seterusnya, satu kesimpulan besar dibuat untuk merumuskan keseluruhan kajian.

## RUJUKAN

- Aida, S. A., Aili, H. H., Manveen, K. S., Salwina, W. I. W., Subash, K. P., Ng, C. G., Muhsin, A. Z. M. (2014). Prevalence of psychiatric disorders among juvenile offenders in Malaysian prisons and association with socio-demographic and personal factors. *Journal of Prisoner Health* 10(2),132 - 143 (SCOPUS-Cited Publication).
- Allendorf, K. & Ghimire, D. (2012). Determinants of Marital Quality in an Arranged Marriage Society. *Population Studies Center Research Report* 12-758, May 2012.
- Amato, P. R. (1996). Explaining the intergenerational transmission of divorce. *Journal of Marriage and the Family*, 58, 628-640.
- Amato, P. R., & Keith, B. (1991). Parental divorce and the well-being of children: A meta-analysis. *Psychological Bulletin*, 110, 26-46.
- Amato, P. R., Johnson, D. R., Booth, A., & Rogers, S. J. (2003). Continuity and change in marital quality between 1980 and 2000. *Journal of Marriage and the Family*, 65, 1-22.
- Anderson, J. R., Johnson, M. D., Liu, W., Zheng, F., Hardy, N., & Lindstrom, R. A. (2014). Young adult romantic relationships in Mainland China: Perceptions of family of origin functioning are directly and indirectly associated with relationship success. *Journal of Social and Personal Relationships*, 31, 7, 871-887.
- Anjli Panalal K. Doshi (2005). Family Functioning And Child Well-Being Amongst Urban Malay Single Mother Families Influence Of Risk And Protective Factors (Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Archer, J. (1989). The relationship between gender-role measures: A review. *British Journal of Social Psychology*, 28, 171-184.
- Atkinson, M. P., Greenstein, T. N., & Lang, M. M. (2005). For Women, Breadwinning Can Be Dangerous: Gendered Resource Theory and Wife Abuse. *Journal of Marriage and Family*, 67(5), 1137-1148.

- Avis, J. M. (1996). Deconstructing gender in family therapy. Dalam F. P. Piercy, D. H. Sprenkle & J. W. A. (Eds.). *Family therapy sourcebook* (2nd ed.). New York: Guilford Press.
- Babbie, E. (1990). *Survey research methods* (2nd ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51(6), 1173-1182.
- Beere, C. A., King, D. W., Beere, D. B., & King, L. A. (1984). The Sex-Role Egalitarianism Scale: A measure of attitudes toward equality between the sexes. *Sex Roles*, 10, 563-576.
- Belsky, J., & Isabella, R. (1985). Marital and parent-child relationships in family of origin and marital change following the birth of a baby: A retrospective analysis. *Child Development*, 56, 342-349.
- Bentler, P. M. (1990). Comparative fit indexes in structural models. *Psychological Bulletin*, 107 (2), 238-246.
- Bentler, P.M. (2005). EQS 6 structural equations program manual. Encino, CA: Multivariate Software ([www.mvsoft.com](http://www.mvsoft.com)).
- Bentler, P. M. & Bonett, D.G. (1980). Significance tests and goodness of fit in the analysis of covariance structures. *Psychological Bulletin*, 88, 588-606.
- Berman, O. S. (2005). Why Do Married Mothers Choose to Do All House Tasks? Re-Examining Feminist Agenda and Its Implications for Therapy. *Journal of Feminist Family Therapy*, 16(3), 51-70.
- Billingham, P., & King, L. A. (1991). Sex-role egalitarianism and heterosexual violence. Kertas kerja yang dibentangkan di Annual Meeting of The Midwestern Psychological Association, Chicago.
- Boden, J. S., Fisher, J. L., & Niehuis, S. (2010). Predicting marital adjustment from young adults' initial levels and changes in emotional intimacy over time: A 25-year longitudinal study. *J Adult Dev*, 17, 121-134.
- Bohlander, R. W. (1999). Differentiation of self, need fulfillment, and psychological well-being in married men. *Psychological Reports*, 84(3), 1274-1280.

Bollen, K.A. (1989b). A new incremental fit index for general structural equation models. *Sociological Methods and Research*, 17, 303–316.

Bouchard, G. (2005). Transition to motherhood and relationship quality: Does divorce or separation history matter? *Journal of Divorce & Remarriage*, 44 (1/2), 107-117.

Bowen, M. (1965). Family psychotherapy with schizophrenia in the hospital and in private practice. Dalam Bosszormenyi-Nagy & J. T. Framo (Eds.), *Intensive family therapy*. Hagerstown, MD: Harper & Row.

Bowen, M. (1966). The use of family theory in clinical practice. *Comprehensive Psychiatry*, 7, 345-374.

Bowen, M. (1976). Theory in the practiceof psychotherapy. Dalam P. J. Guerin (Ed.), *Family therapy: Theory and practice*. New York: Gardner Press.

Bowen, M. (1978). *Family therapy in clinical practice*. Northvale, NJ: Jason Aronson.

Bowlby, J. (1979). The making and breaking of affectional bonds. New York: Brunner-Routledge.

Bradbury, T. N., Fincham, F. D., & Beach, S. R. H. (2000). research in the nature and determinants of marital satisfaction: A decade in review. *Journal of marriage and the family*, 62, 964-980.

Bray, J.H., Harvey, D.M., & Williamson, D.S. (1987) Intergenerational family relationships: An evaluation of theory and measurement. *Psychotherapy: Theory, Research, and Practice*, 24, 516-528.

Brislin, R. W. (1970). Back-translation for crosscultural research. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 1(3), 185-216.

Browne, M. W., & Cudeck, R. (1993). Alternative ways of assessing model fit. In: K. A. Bollen & J. S. Long (Eds.), Testing structural equation models (pp. 136-162). Beverly Hills, CA: Sage.

Busby, D. M., Christensen, C., Crane, D. R., & Larson, J. H. (1995). A revision of the dyadic adjustment scale for use with distressed and non distressed couples: Construct hierarchy and multidimensional scales. *Journal of Marital and Family Therapy*, 21(3), 289-308.

- Busby, D. M., Holman, T. B., & Taniguchi, N. (2001). RELATE: Relationship evaluation of the individual, family, cultural, and couple contexts. *Family Relations*, 50, 308-316.
- Burke, J. (2001). Toward a New Classification of Nonexperimental Quantitative Research. *Educational Researcher*, 30 (2), 3–13
- Byrne, B. M. (2010). *Structural Equation Modeling with AMOS: Basic concepts, applications, and programming* (2nd. ed.). United States of America: Taylor and Francis Group.
- Cammarata, U. (1986). Scala dell-uguaglianza sociale dei sessi; Primi risultati di una ricerca sul campo per l'adattamento italiano. Dissertation involving Italian translation and use of SRES, University of Padova.
- Carter, B., & McGoldrick, M. (1999). Overview: The expanded family life cycle: Individual, family, and social perspectives. Dalam B. Carter & M. McGoldrick (Eds.), *The expanded family life cycles: Individual, family, and social perspectives* (3rd. ed ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Carter, E. A., & McGoldrick M. (1988). *The Changing family life cycle: A framework for family therapy*. University of Michigan, Gardner Press.
- Chi, P. Tsang, S. K. M., Chan, K. S., Xiang, X., Yip, P. S. F., Cheung, Y. T., & Zhang, X. (2011). Marital satisfaction of Chinese under stress: Moderating effects of personal control and social support. *Asian Journal of Social Psychology*, 14, 15-25.
- Chiam, H.K. (2003). Combating Social Ills with School-based Family Counselling [Abstract from Oxford Symposium In School-Based Family Counseling 2003]. Dilayari pada 26 April, 2004, daripada [http://www.soe.usfca.edu/institutes/ccfd/oxford03/oxford\\_03abstr\\_keng.html](http://www.soe.usfca.edu/institutes/ccfd/oxford03/oxford_03abstr_keng.html)
- Chung, H., & Gale, J. (2006). Comparing self-differentiation and psychological well-being between Korean and European American students. *Contemporary Family Therapy*, 28, 367-381.
- Chung, H., & Gale, J. (2009). Family Functioning and Self-Differentiation: A Cross-Cultural Examination. *Contemporary Family Therapy*, 31, 19–33.

- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research methods in education* (5th ed.). New York: Routledge Falmer.
- Coltrane, S. (2000). Research on Household Labor: Modeling and Measuring the Social Embeddedness of Routine Family Work. *Journal of Marriage and the Family*, 62, 1208–1233.
- Conger, R. D., Cui, M., Bryant, C. M., & Elder, G. (2000). Competence in early adult romantic relationships: A developmental perspective on family influences. *Journal of Personality and Social Psychology*, 79, 224-237.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Merril.
- Crawford, D. W., Houts, R. M., Huston, T. L., & George, L. J. (2002). Compatibility, Leisure, and Satisfaction in Marital Relationships. *Journal of Marriage and Family*, 64, 2, 433-449.
- Crossmann, R. K., Stith, S. M., & Bender, M. M. (1990). Sex role egalitarianism and marital violence. *Sex Roles*, 22, 293-304.
- Cummings, E. M., & Davies, P. T. (1995). The impact of parents on their children: An emotional security perspective. *Annals of Child Development* 10, 167-208.
- Da, W. W. (2003). Gender relations in recent Chinese migration to Australia. *Asia and Pacific Migration Journal of Abnormal Psychology*, 12, 361-385.
- Darwin, C. (1871/2003). *El origen del hombre*. Mexico: Editores Mexicanos Unidos.
- Dasgupta, S., & Basu, J. (2011) Marital quality and gender role stereotype. *Psychological Studies*, 56 (4), 360-367
- David, J. R. (1979). The theology of Murray Bowen or the marital triangle. *Journal of Psychology and Theology*, 7, 259-262.
- David, K. M., & Murphy, B. C. (2004). Interparental Conflict and Late Adolescents; Sensitization to Conflict: The Moderating Effects of Emotional Functioning and Gender. *Journal of Youth and Adolescence*, 33(3), 187-200.
- Davila, J., Stroud, C. B., Starr, L. R., Ramsay Miller, M., Yoneda, A., & Hershenberg, R. (2009). Romantic and sexual activities, parent-adolescent stress, and

depressive symptoms among early adolescent girls. *Journal of Adolescence*, 32, 909-924. doi: 10.1016/j.adolescence.2008.10.004

De Jong, P. & Berg, I. K. (2002). *Interviewing for solutions*. Pacific Grove, CA: Brooks/ Cole.

Dillon, F. R., Pantin, H., Robbins, M. S., & Szapocznik, J. (2008). Exploring the role of parental monitoring of peers on the relationship between family functioning and delinquency in the lives of African American and Hispanic adolescents. *Crime & Delinquency*, 54(1), 65-94.

Drake, J. R. (2011). *Differentiation of Self Inventory- Short Form: Creation and initial evidence of construct validity*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). University of Missouri, Kansas City.

Ehrensaft, M. K., Knous-Westfall, H. M., & Cohen, P. (2011). Direct and Indirect Transmission of Relationship Functioning Across Generations. *Journal of Family Psychology*, 25(6), 942-952.

Eisenberg, N., & Fabes, R. A. (1992). Emotion, regulation, and the development of social competence. Dalam M. S. Clark (Ed.), *Emotion and social behavior* (pp. 119-150). Thousand Oaks: CA: Sage.

Falcke, D., Wagner, A., & Pereira Mosmann, C. (2008). The relationship between family of origin and marital adjustment for couples in Brazil. *Journal of Family Psychotherapy*, 19, 170-186.

Faulkner, R. A., Davey, M, Davey, A. (2005). Gender-Related Predictors of Change in Marital Satisfaction and Marital Conflict. *American Journal of Family Therapy*. 33, (1), 61-83.

Ferdinand, L. G. (2005). The influence of Differentiation of Self and Family of Origin on Individual and Relationship Functioning in Young Adults. *Dissertation Abstracts International: Section B: The Sciences and Engineering*, 66, 1715.

Field, A. (2009). *Discovering statistics using SPSS (3<sup>rd</sup>.ed.)*. London: Sage Publication.

Fincham, F.D., Stanley, S. M., & Beach, S. R. (2007). Transformative process in marriage: An analysis of emerging trends. *Journal of Marriage and Family*, 69, 275-292.

Fincham, F. D., & Bradbury, T. N. (1987). The assessment of marital quality: A reevaluation. *Journal of Marriage and the Family*, 49, 797-809.

Fine, M. A., Ganong, L. H., & Coleman, M. (1997). The relation between role constructions and adjustment among stepfathers. *Journal of Family Issues*, 18, 503-525.

Fournier, G. (2010). Locus of Control. *Psych Central*.

Dilayari daripada

<http://psychcentral.com/encyclopedia/2009/locus-of-control/>

Framo, J. L. (1981). The integration of marital therapy with sessions with family of origin. . In A. S. G. D. P. Kniskern (Ed.), *Handbook of family therapy* (pp. 133–158). New York: Brunner/Mazel.

Framo, J. L. (1992). *Family-of-origin therapy: An intergenerational approach*. New York: Brunner/Mazel.

Franz, C. E., McClelland, D. C., & Weinberger, J. (1991). Childhood antecedents of conventional social accomplishment in mid-life adults: A 36-year prospective study. *Journal of Personality and Social Psychology*, 60, 586-595.

Friedman, E. H. (1985). *Generation to generation: Family process in church and synagogue*. New York: Guilford.

Friedman, E. H. (1991). Bowen theory and therapy. Dalam A. S. Gurman & D. P. Kniskern (Eds.), *Handbook of family therapy* (Vol. II). New York: Brunner/Mazel.

Ganiban, J. M., Ulbricht, J. A., Lichtenstein, P., Hansson, K., Spotts, E. L., Reiss, D., & Neiderhiser, J. M. (2009). Understanding the Role of Personality in Explaining Associations Between Marital Quality and Parenting. *Journal of Family Psychology*, 23(5), 646-660.

Gavazzi, S. M., & Sabatelli, R. M. (1987). Assessing levels of individuation through multigenerational interconnectedness. Paper presented at the National Council of Family Relations 49th Annual Conference, Atlanta, GA.

Gerson, R. (1995). The family life cycle: Phases, stages and crises. Dalam R. H. Mikesell, D.-D. Lusterman & S. H. McDaniel (Eds.), *Integrating family therapy: Handbook of family psychology and systems theory* (Eds ed.). Washington DC: American Psychological Association.

- Glenn, N. D., & Kramer, K.B. (1987). The marriages and divorces of the children of divorce. *Journal of Marriage & the Family* (49), 811–825.
- Gilligan, C. (1982). *In a different voice: Psychological theory and women's development*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Goldenberg, H. & Goldenberg, I. (2008). *Family Therapy: An Overview: An Overview*. United States: Cengage Learning.
- Gorall, D. M. (2002). *FACES IV and the circumplex model of marital and family systems*. Doctor of Philosophy, University of Minnesota.
- Gottman, J. M. (1994). *What predicts divorce? The relationship between marital processes and marital outcomes*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Gottman, J. M., & Notarius, C. I. (2002). Marital research in the 20th century and a research agenda for the 21<sup>st</sup> century. *Family Process Journal*, 41, 159-179.
- Gottman, J. M. (1999). *Couple's handbook: Marriage Survival Kit Couple's Workshop*. Seattle, WA: Gottman Institute.
- Gottman, J. M., & Levenson, R. W. (1992). Marital process predictive of later dissolution : Behaviour, physiology and health. *Journal of Personality and Social Psychology*, 63, 221-233.
- Greenberg, L. S. & Johnson, S. M. (1988). *Emotionally focused therapy for couples*. New York: Guilford Press.
- Guerin, P.J., Fogarty, T.F., Fay, L.F., & Kautto, J.G. (1996). *Working with relationship triangles: The one-two-three of psychotherapy*. New York: Guilford Press.
- Haber, R. (1990). From handicap to Handy Capsule: Training Systemic Therapist in Use of Self. *Family Process*, 29: 375-384.
- Haber, J. E. (1993). A construct validity study of a differentiation of self scale. *Scholarly Inquiry for Nursing Practice*, 7, 165-178.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. (1998). *Multivariate data analysis* (5th ed.). NJ: Prentice Hall, Inc.

- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2006). *Multivariate data analysis*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J. & Anderson, R.E. (2010). Multivariate data analysis, a global perspective (7th.ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Hakvoort, E. M., Bos, H. M. W., Balen, F. V., & Hermanns, J. M. A. (2010). Family Relationships and the Psychosocial Adjustment of School-Aged Children in Intact Families. *The Journal of Genetic Psychology*, 17(2), 182-201.
- Halford, W. K., & Moore, E. N. (2002). Relationship education and the prevention of couple relationship problems. Dalam A. S. Gurman & N. Jacobson (Eds.), *Clinical handbook of couple therapy*. New York: Guilford Press.
- Halford, W. K., Sanders, M. R., & Behrens, B. (2001). Can skills training prevent relationship problems in at-risk couples? Four-year effects of a behavioral relationship education program. *Journal of Family Psychology*, 15(750-768).
- Hanzal, A. & Segrin, C. (2008). Conflict patterns and family of origin conflict in newly initiated remarriages. *Journal of Divorce and Remarriage*, 49 ½, 41-55.
- Hasrina Mustafa, Marshina Juliza Mohd Hasim, Norizah Aripin, & Hamidah Abd Hamid (2013). Couple Types, Ethnicity and Marital Satisfaction in Malaysia. *Applied Research Quality Life* 8: 299-317.
- Hengstebeck, N. D., Helms, H. M., & Rodriguez, Y. (2015). Spouses' Gender Role Attitudes, Wives' Employment Status, and Mexican-Origin Husbands' Marital Satisfaction. *Journal of Family Issues*, 36, 1, 112-132.
- Hill, R. (1949). *Families under stress*. New York: Harper.
- Hollist, C. S., & Miller, R. B. (2005). Perceptions of attachment style and marital quality in midlife marriage. *Family Relation*, 54, 46-57.
- Holman, T. B. (2001). *Premarital prediction of marital quality or breakup: Research, theory, and practice*. New York: Kluwer Academic/Plenum.
- Holman, T. B., & Birch, P. J. I. T. B. (2001). Family-of-origin structures and processes and adult children's marital quality. In H. A. (Eds.) (Ed.), *Premarital prediction*

*of marital quality or break up: Research, theory, and practice.* New York: Plenum Press.

Holman, T. B., & Busby, D. M. (2011). Family-of-Origin, Differentiation of Self and Partner, and Adult Romantic Relationship Quality. *Journal of Couple & Relationship Therapy: Innovations in Clinical and Educational Interventions*, 10 (1), 3-19.

Holman, T. B., Busby, D. M., Doxey, C., Klein, D. M., & Loyer-Carlson, V. (1997). *RELationship Evaluation (RELATE)*. Marriage Study Consortium.

Holmes-Smith, P., Coote, L., & Cunningham, E. (2005). *Structural Equation Modeling: from the fundamentals to advanced topics*. School Research, Evaluation and Measurement Services, Melbourne.

Honeck, S. M. (1981). *An exploratory study of the Beere-King Sex-Role Egalitarianism Scale, the MacDonald Sex Role Survey, and Spence and Helmreich's Attitudes Toward Women Scale* (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan).Central Michigan University, Pleasant.

Hu, L. T., & Bentler, P. M. (1999). Cutoff criteria for fit indices in covariance structure analysis: Conventional criteria versus new alternatives. *Structural Equation Modeling*, 6, 1-55.

Huston, T. L., & Burgess, R. L. (1979). Social exchange in developing relationship: AN overview. Dalam Burgess, R. L., & Huston, T. L. (Eds.). *Social exchange in developing relationships* (pp.3-28). San Diego, CA: Academic Press.

Jackson, D. D. & Weakland, J. H. (1961). Conjoint family therapy: Some consideration on theory, technique, and results. *Psychiatry*. 24, 30-45.

Jansen, I., Van den Troost A., Molenberghs, G., Vermulst, A. A., & Gerris, J. R. M. (2006). Modeling partially incomplete marital satisfaction data. *Sociological Methods & Research*, 35, 113–136.

Johnson, P., & Buboltz, W. C. (2000). Differentiation of self and psychological reactance. *Contemporary Family Therapy*, 22, 91-102

Jodry, J., & Armstrong, K. (2010). The personal is political: Using feminist theory as a model of career and employment counseling, Dilayari daripada [http://counselingoutfitters.com/vistas/vistas10/Article\\_06.pdf](http://counselingoutfitters.com/vistas/vistas10/Article_06.pdf).

- Johnson, M. D., Nguyen, L., Anderson, J. R., Liu, W., & Vennum, A. (2015). Pathways to romantic relationship success among Chinese young adult couples: Contributions of family dysfunction, mental health problems, and negative couple interaction. *Journal of Social and Personal Relationships*, 32, 1, 5-23.
- Johnson, B., & Christensen, L. (2008). *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Method Approaches* (3rd ed.). United States: Sage Publication.
- Johnson, D. R., Amoloza, T. O., & Booth, A. (1992). Stability and developmental change in marital quality: A three-wave panel analysis. *Journal of Marriage and the Family*, 54, 582-594.
- Jöreskog, K. G., & Sörbom, D. (1984). Lisrel VI. Analysis of linear structural relationships by maximum likelihood, instrumental variables, and least squares methods. Mooresville, Indiana: Scientific Software.
- Jose, O., & Alfons, V. (2007). Do demographics affect marital satisfaction? *Journal of Sex and Marital Therapy*, 33, 73-85.
- Katz L, & Low S. (2004). Marital violence, co-parenting, and family-level processes in relation to children's adjustment. *Journal of Family Psychology*;18, 372–382.
- Kelly, E. L., & Conley, J. J. (1987). Personality and compatibility: A prospective analysis of marital stability and marital satisfaction. *Journal of Personality and Social Psychology*, 52, 27-40.
- Kenny, D. A., Kashy, D. A., & Cook, W. L. (2006). *Dyadic data analysis*. New York: Guilford Press.
- Kerr, M. E. (1981). Family systems theory and therapy. Dalam A. S. Gurman & D. P. Kniskern (Eds.), *Handbook of family therapy*. New York: Brunner/Mazel.
- Kerr, M. E. (1984). Theoretical base for differentiation of self in one's family of origin. *Clinical Supervisor*, 2, 3–36.
- Kerr, M. E. (1988). Chronic anxiety and defining a self. *The Atlantic Monthly*, 262, 35-37, 40-44, 46-58.
- Kerr, M. E., & Bowen, M. (1988). *Family evaluation*. New York: W. W. Norton.

- Ketner, C. S., Smith, K. E., & Parnell, M. K. (1997). Relationship between teacher theoretical orientation to reading and endorsement of developmentally appropriate practice. *Journal of Educational Research*, 90, 212-230.
- Kline, R. B. (2005). Principles and practice of structural equation modeling (2nd Ed.). New York: Guilford Press.
- Kilpatrick, A. C. (1980). The Bowen family intervention theory: An analysis for social worker. *Family Therapy*, 7, 167-178.
- Kim, U. (1997). Asian collectivism: A indigenous perspective. Dalam H.R.S., Koa and D. Sinha (Eds) *Asian Perspective on Psychology*. New Delhi: Sage, 147-163.
- King, L. A., & King, D. W. (1993). *Manual for the Sex-Role Egalitarianism Scale: An instrument to measure attitudes toward gender-role equality*. London, Ontario: Research Psychologists Press/Sigma Assessment Systems.
- King, L. A., Beere, D. B., King, D. W., & Beere, C. A. (1984). [Validity data on the Sex Role Egalitarian Scale]. Data mentah yang tidak diterbitkan. Central Michigan University.
- Kinnunen, U., & Feldt, T. (2004). Economic stress and marital adjustment. *European Journal of Social Psychology*, 34, 519–532.
- Knudson-Martin, C. (1994). The female voice: Applications to Bowen's family systems theory. *Journal of Marital and Family Therapy*, 20, 35-46.
- Kouneski, E. (2001). Circumplex model and FACES: Review of literature. Dilayari daripada [www.faces.IV.com](http://www.faces.IV.com).
- Kulik, L., & Havusha Morgenstern, H. (2011). Does cohabitation matter? Differences in initial marital adjustment among women who cohabited and those who did not. *Families in Society*, 92, 120-127.
- Kufskie, K. L. (2009). Family functioning and parental divorce as predictors of attachment styles and sexual attitudes in college students. *PhD Dissertation*, University of Missouri, Saint Louis.
- Lai, C., S. (2008) *Relationships between Parents' Marital Quality, Family Environment And Students' Behaviour Of Selected Secondary Schools In Selangor And Kuala Lumpur, Malaysia*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.

- Lans, O., Mosek, A., & Yagil, Y. (2014). Romantic Jealousy From the Perspectives of Bowen's Concept of Differentiation and Gender Differences. *The Family Journal*, 22, 3, 321-331.
- Larson, J.H. & Holman, T.B. (1994). Premarital predictors of marital quality and stability. *Family Relations*, 43, 228-237.
- Leedy, P. D. & Ormrod, J. E. (2005). *Practical Research: Planning and Design* (8th ed). New Jersey: Pearson Education.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2010). *Dasar Keluarga Negara*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Lewis, R. A., & Spanier, G. B. (1979). Theorizing about the quality and stability of marriage. Dalam W. R. Burr, R. Hill, F. I. Nye, & I. L. Reiss (Eds.), *Contemporary theories about the family, Vol. 1* (pp268-294). New York: The Free Press.
- Levinger, G. (1976). A social psychological perspective on marital dissolution. *Journal of Social Issues*, 32, 21-47.
- Levinger, M, Ronen T. (2010). The link among self-esteem, differentiation, and spousal intimacy in deaf and hearing adults. *Journal of Social Work in Disability and Rehabilitation* 9 (1):27-52.
- Li, T., & Fung, H. H. (2011). The dynamic goal theory of marital satisfaction. *Review of General Psychology*, 15(3), 246-254.
- Locke, H. J. (1968). *Predicting adjustment in marriage: A comparison of divorced and happily married groups*. New York: Greenwood.
- Locke, H. J., & Wallace, K. M. (1959). Short marital adjustment and prediction tests: Their reliability and validity. *Marriage and Family Living*, 21, 251-255.
- Locke, H. J. & Thomas, M. M (1971). *The family: From traditional to companionship*. New York: Prentice-Hall.
- Mardia, K. V. (1970). Measures of multivariate skewness and kurtosis with applications.

- Mardia, K. V. (1974). Applications of some measures of multivariate skewness and kurtosis in testing normality and robustness studies. *Sankhy~a, Ser B*, 36, 2, 115-128.
- Marks, S. (1986) *Three corners: Exploring marriage and the self*. Lexington, MA:Lexington Books.
- Marks, S. R. (1989). Toward a Systems Theory of Marital Quality. *Journal of Marriage and Family*, 51(1), 15-26.
- Marsh, H.W. & Hocevar, D. (1985). Application of confirmatory factor analysis to the study of self-concept: First- and higher-order factor models and their invariance across groups. *Psychological Bulletin*, 97, 562-582.
- Martin, B. (1990). The transmission of relationships difficulties from one generation to the next. *Journal of Youth Adolescence*, 19, 181-199.
- Martinson, V. K., Holman, T. B., Larson, J. H., & Jackson, J. B. (2010). The Relationship Between Coming to Terms With Family-of-Origin Difficulties and Adult Relationship Satisfaction. *The American Journal of Family Therapy*, 38, 207-217.
- Masaki Yuki, (2003). Intergroup Comparison Versus Intragroup Relationships: A Cross-Cultural Examination of Social Identity Theory in North American and East Asian Cultural Contexts. *Social Psychology Quarterly*, Vol. 66, No.2, 166-183.
- McCullough, R. B. (2005). The relationship among ethnic identity, differentiation of self, and marital and partner satisfaction in Latino Americans. *Dissertations*, Columbia University.
- McGoldrick, M., Gerson, R., & Shellenberger, S. (1999). *Genograms: Assessment and intervention*. New York: W. W. Norton.
- McGoldrick, M., Carter, B. (2003). “*The Family Life Cycle*,” in Walsh F., Normal Family Processes. Guilford.

- McGovern, J. M., & Meyers, S. A. (2002). Relationships between sex-role attitudes, division of household tasks, and marital adjustment. *Contemporary Family Therapy*, 24(4), December, 2002.
- McLanahan S, & Bumpass L. (1988). Intergenerational Consequences of Family Disruption. *American Journal of Sociology*: 94:130–52.
- Messina, M. C. (2008). *The relationship between religiosity and the family dynamics of the circumplex model of marital and family systems*. Doctor of Psychology, California School of Professional Psychology, Alliant International University.
- Miller, R. B., Anderson, S., & Keala, D. K. (2004). Is Bowen theory valid? A review of basic research. *Journal of Marital and Family Therapy*, 30 , 453-466.
- Mirecki, R.M., Chou, J. L., Elliot, M., & Schneider, C. M. (2013). What Factors Influence Marital Satisfaction? Differences Between First and Second Marriages. *Journal of Divorce and Remarriage*, 54, 1, 78-93.
- Minuchin, S. (1974). *Families and family therapy*. Cambridge, MA. Harvard University Press.
- Mukopadhyay, C. P. (1982). *What Is An Egalitarian Family: Reflexions From Los Angeles Hospitals*. Kerta kerja yang dibentangkan di The In Proceedings of the Annual Meeting of The National Women's Studies Association, , Arcata, CA.
- Nichols, W. C. (2003). Family-of-origin treatment. Dalam T. L. Sexton, Weeks, G. R., & Robbins, M. S. (Ed.), *Handbook of family therapy*. New York: Brunner.
- Nichols, M. (2010). *Family Therapy: Concepts and Methods* (10th ed.). Boston: Pearson Education.
- Noralina Omar (2001). *Kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko di luar bandar (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan)*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Noralina Omar (2008). Impak sosioekonomi ke atas dinamik perkahwinan dan kualiti keibubapaan wanita Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 19, 126-142.
- O'Connor, T. G., & Insabella, G. M. (1999). Marital satisfaction, relationships, roles. *Monographs of the Society for Research in Child Development*, 64, 50-78.

- Olson, D. H. (2002). *PREPARE/ENRICH counselors manual*. Minneapolis, MN: Life Innovations, Inc.
- Olson, D. H., & DeFrain, J. (2000). *Marriage and the family: Diversity and strengths*. Mountain View: Mayfield.
- Olson, D. H. & Gorall, D. M. (2003). *Circumplex model of marital and family system*. Normal Family Processes New York: Guilford.
- Olson, D. H. (2011). FACES IV and the circumplex model: Validation study. *Journal of marital and family therapy*, 37.
- Olson, D. H., & Gorall, D. M. (2003). *Circumplex Model Of Marital And Family Systems: Normal family processes* (3rd ed). New York: Guilford.
- Olson, D. H., Sprenkle, C. S., & Sprenkle, D. H. (1989). *Circumplex Model: Systemic assessment and treatment of families*. New York: Haworth Press.
- Olson, D. H., Sprenkle, D. H., & Russell, C. (1979). Circumplex Model Of Marital And Family Systems: Cohesion and adaptability dimensions, family types, and clinical applications. *Family process*, 18, 3-28.
- Ora Peleg (2008). The relation between differentiation of self and marital satisfaction: What can be learned from married people over the course of life? *The American Journal of Family Therapy*, 36, 388-401.
- Orbuch, T. L., & Custer, L, (1995). The social context of married women's work and its impact on black husbands and white husbands. *Journal of Marriage and the Family*, 57: 333-345.
- Ozechowski, T. J. (1998). *Assessing insider and outsider views of the circumplex model constructs: A strustural equation modeling approach*. Doctor of Philosophy, Purdue University.
- Pallant, J. (2013). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using IBM Spss (5<sup>th</sup>.ed)*. England; Open Univeristy Press.
- Pence, E., & Paymar, M. (1993). *Education groups for men who batter: The Duluth model*. New York: Springer.

Putrajaya, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Putrajaya, Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat.

Raba'aton Adawiah Mohd Yusof (2011). *The Application of Bowen's Family System Theory (BFST) to the Malay population in Malaysia*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diterbitkan). Centre for Learning Innovation Faculty of Education Queensland, University of Technology.

Raley, R. K. & Bumpass, L. (2003). The topography of the divorce plateau: Levels and trends in union stability in the United States after 1980. *Demographic Research*, 8, 245-260.

Rika Fatimah (2008). Perkahwinan dan kekeluargaan dalam perspektif kualiti (*Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan*). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Rosenberg, M, (1979). *Conceiving the Self*. USA: Basic Books.

Rosenfeld, L. B., & Jarrad, M. W. (1985). The effects of perceived sexism in female and male college professors on students' descriptions of classroom climate. *Communication Education*, 34, 205-213.

Rosenfeld, L. B., & Jarrad, M. W. (1986). Student coping mechanisms in sexist and nonsexist professors' classes. *Communication Education*, 35, 157-162.

Rumaya Juhari, Irese Tsen, Siti Nor Yaacon (2007). Pengaruh personaliti ke atas kualiti perkahwinan responden Cina di Sandakan, Sabah. *Borneo Research Journal*, 1, Disember 2007.

Saedah A. Ghani, Zainah Ahmad Zamani, Roseliza Murni Ab. Rahman, Arifin Hj. Zainal & Wan Shahrazad Wan Sulaiman (2008). Family Functioning And Its Relation With Self-Esteem Among Drug Addicts. *Jurnal Antidadah Malaysia Jld.3 & 4*.

Scharf, M., & Mayseless, O. (2001). The capacity for romantic intimacy: exploring the contribution of best friend and marital and parental relationships. *Journal of Adolescence*, 24, 379-399.

Schwartz, R. C. (1995). *Internal family systems therapy*. New York: Guilford Press.

- Schermerhorn, A. C., D'Onofrio, B. M., Ganiban, J. M., Lichtenstein, P., Turkheimer, E., Spotts, E. L., . . . Neiderhiser, J. M. (2011). A Genetically Informed Study of Associations Between Family Functioning and Child Psychosocial Adjustment. *Developmental Psychology, 47*(3), 707–725.
- Schubert, E. E., Protinsky, H. O., & Viers, D. (2002). Levels of differentiation and marital egalitarianism in men who batter. *Journal of Feminist Family Therapy, 14*, 1-19.
- Shapiro, D. L., & Levendosky, A. A. (1999). Adolescent survivors of childhood sexual abuse: The mediating role of attachment style and coping in psychological and interpersonal functioning. *Child Abuse & Neglect, 23*, 1175-1191.
- Sharabany, R. (1974). Intimate friendship among kibbutz and city children and its measurement. PhD Dissertation, Ithaca, NY: Cornell University. Also in Ann Arbor, MI: University Microfilm International, No. 74-17, 682.
- Sinha D., & Sinha, M. (1997). Orientations to psychology: Asian and Western. In S.R. Kao and Sinha (Eds) *Asian Perspectives on Psychology*. Princeton University Press.
- Skowron, E. A., & Friedlander, M. L. (1998). The Differentiation of self inventory: development and initial validation. *Journal of Counseling Psychology, 45*(3), 235-246.
- Skowron , E. A. (2000). The role of differentiation of self in marital adjustment. *Journal of Counseling Psychology, 47*, 229-237.
- Skowron , E. A., & Schmitt, T. A. (2003). Assessing interpersonal fusion: Reliability and validity of a new DSI Fusion with Others subscale. *Journal of Marital and Family Therapy, 29*, 209-222.
- Skowron, E. A. (2004). Differentiation of self, adjustment, problem solving, and ethnic belonging among persons of color. *Journal of Counseling and Development, 82*, 319-328.
- Stith, M. (1990). Patriarchal ideology and wife beating: A test of feminist hypothesis. *Violence and Victims, 5*(4), 257-273.
- Spanier, G. B. (1976). Measuring Dyadic Adjustment: New Scales for Assessing the Quality of Marriage and Similar Dyads. *Journal of Marriage and Family, 38*(1), 15-28.

- Sprey, J. (1979). Conflict theory and the study of marriage and the family. In W. R. Burr, R. Hill, F. I. Nye & I. L. Reiss (Eds.), *Contemporary Theories about the Family* (Vol. 2). New York: Free Press.
- Stanley, S. M. (2001). Making a case for premarital education. *Family Relations*, 50, 272-280.
- Stanley, S. M., Blumberg, S. L., & Markman, H. J. (1999). Helping couples fight for their marriages: The PREP Approach. Berger, Rony (Ed); Hannah, Mo Therese (Ed), *Preventive approaches in couples therapy*. (pp.279-303). Philadelphia, PA, US: Brunner/Mazel, xxi.
- Stanik, C.E., & Bryant, C.M. (2012). Marital quality of newlywed African American couples: Implications of egalitarian gender role dynamics. *Sex Roles*, 66, 256-267.
- Steinberg, S. J., Davila, J., & Fincham, F. (2006). Adolescent Marital Expectations and Romantics Experiences: Associations With perceptions About Parental Conflict and Adolescent Attachment Security. *Journal of Youth and Adolescence*, 35(3), 333-348.
- Stevens, D., Kiger, G., & Riley, P.J. (2001). Working hard and hardly working: Domestic labor and marital satisfaction among dual-earner couples. *Journal of Marriage and Family*, 63(2), 514-527.
- Stith, S. M. (1990). Police response to domestic violence: The influence of individual and familial factors. *Violence and victims*, 5, 37-49.
- Sweet, J.A., Bumpass, L. L., & R.A. Call, V. R. A. (1988). The Design and Content of the National Survey of Families and Households. NSFH Working Paper No. 1, National Survey of Families and Households, University of Wisconsin-Madison.
- Sylvest, B. J. (2003). *Relationships of family cohesion, family flexibility, family type, and duration of caregiving as perceived by the family caregiver of elderly stroke patients*. Doctor of Nursing Science, Louisiana State University Health Sciences Center New Orleans, Louisiana.
- Tabachnik, B. G., & Fidell, L. S. (2014). *Using multivariate statistics*. New York: Harper & Row.

Takashi Oshio, Kayo Nozaki, and Miki Kobayashi, "Division of household labor and marital satisfaction in China, Japan, and Korea". *Journal of Family and Economic Issues*, 34(2), 2013, pp.211-223.

Tanaka, J.S. & Huba, G.J. (1985). A fit index for covariance structure models under arbitrary GLS estimation. *British Journal of Mathematical and Statistical Psychology*, 38, 197–201.

Thibaut, J. W., & Kelly, H. H. (1959). *The social psychology of groups*. New York; Willey.

Timm, T. M., & Keiley, M. K. (2011). The Effects of Differentiation of Self, Adult Attachment, and Sexual Communication on Sexual and Marital Satisfaction: A Path Analysis. *Journal of Sex & Marital Therapy*, 37(3), 206-223.

Titelman, P. (1998). *Clinical Applications of Bowen Family Systems Theory*. Binghamton, New York: The Haworth Press.

Topham, G. L., Larson, J. H., & Holman, T. B. (2005). Family-of-origin predictors of hostile conflict in early marriage. *Contemporary Family Therapy*, 27(1).

Tuason, M. T., & Friedlander, M. L. (2000). Do parents' differentiation levels predict those of their adult children? and other tests of Bowen theory in Philippine sample. *Journal of Counseling Psychology*, 47, 27-35.

Twenge, J. M. & Campbell, W. K. (2003). Parenthood and marital satisfaction: A meta analysis review. *Journal of Marriage and the Family*, 65, 574-583.

Umana-Taylor, A. J., & Alfaro, E. A. (2006). *Divorce and relationship dissolution among Latino populations in the U. S.* In M. A. Fine & J. Harvey (Eds.). *Handbook of divorce and relationship dissolution* (pp. 515-530). Mahwah, NJ: Erlbaum.

Umberson, D., Williams, K., Powers, D. A., Chen, M. D. , & Campbell, A. M. (2005). As good as it gets? A life course perspective in marital quality. *Social Forces*, 84, 493-511.

Utusan Online (4 Mac, 2011). Rekod JAKIM: Setiap 15 minit satu pasangan bercerai. Dalam negeri. Dilayari dari <http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0304&sec>

- VanLaningham, J., Johnson, D. R., Amato, P. (2001). marital happiness, marital duration, and the U-shaped curve: Evidence from a five-wave panel study. *Social Forces*, 79, 1313-1341.
- Walker, Lenore E. (1979) *The Battered Woman*. New York: Harper and Row.
- Wallerstein, J. S., Lewis, J., & Blakeslee, S. (2000). *The unexpected legacy of divorce: A 25 year landmark study*. New York: Hyperion.
- Wallerstein, J. S., Lewis, J.M. (2004). The Unexpected Legacy of Divorce-Report of a 25 Year Study. *Psychoanalytic Psychology*, 21(3), 353-370.
- Walsh, F. (2003). *Normal family processes: Growing diversity and complexity*. united States: The Guilford Press.
- Wamboldt, F. S., & Reiss, D. (1989). Defining a family heritage and a new relationship identity: Two central tasks in the making of a marriage. *Family Process*, 28, 317-335.
- Weston, C. A., & Macklin, E. D. (1990). The relationship between former-spousal contact and remarital satisfaction in stepfather families. *Journal of Divorce & Remarriage*, 14 (2), 25-47.
- West, S. G., Finch, J. F., & Curran, P. J. (1995). Structural equation models with nonnormal variables: Problems and remedies. Dalam R. H. Hoyle (Ed.), *Structural equation modeling: Concepts, issues, and applications* (pp. 56-75). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Wheaton, B., Muthen, B., Alwin, D., F., and Summers, G. (1977). Assessing Reliability and Stability in Panel Models. *Sociological Methodology*, 8 (1), 84-136.
- White, M. & Epston, D. (1990). *Narrative Means to Therapeutics Ends*. Now York: WW. Norton & Company.
- Whitaker, C. A. (1976a). The hindrance of theory in clinical work. in P. J. Guerin, J. (Ed.). *Family therapy: Theory and practice*. New York: Gardner Press.
- Whitton, S. W., Rhoades, G. K., Stanley, S. M., & Markman, H. J. (2008). Effects of parental divorce on marital commitment and confidence. *Journal of Family Psychology*, 22 (5), 789-793.

- Whitton, S. W., Waldinger, R. J., Schulz, M. S., Allen, J. P., Crowell, J. A., & Hauser, S. T. (2008). Prospective associations from family-of-origin interactions to adult marital interactions and relationship adjustment. *Journal of Family Psychology*, 22, 274-286. doi: 10.1037/0893-3200.22.2.274
- Winek, J. L. (2010). *Systematic family therapy: From theory to practice*. Los Angeles, CA: Sage Publications.
- Wunderer, E., & Schneewind, K. A. (2008). The relationship between marital standards, dyadic coping and marital satisfaction. *European Journal of Social Psychology*, 38, 462-476.
- Yahav, R. (2002). External and Internal Symptoms in Children and Characteristics of the Family System: A comparison of the Linear and Circumplex Models. *The American Journal of Family Therapy*, 30, 39-56.
- Yllo, K. & Straus, M. (1990) *Patriarchy and violence against wives: The impact of Structural and Normative Factors*. In M. Straus & R. Gelles (eds.) *Physical Violence in American Families*. Transaction Publishers: New Brunswick, N.J.
- Yllo, K. (1993). Through a feminist lens: Gender, power, and violence. Dalam Current controversies on family violence, edited by R. J. Gelles and D. R. Loseke. Newbury Park, CA: Sage.
- Yoon, J. E., & Lawrence, E. (2013). Psychological victimization as a risk factor for the developmental course of marriage. *Journal of Family Psychology*, 27 (1), 53-64.
- Yung, Y. F., & Bentler, P. M. (1996). Bootstrapping techniques in analysis of mean and covariance structures. Dalam G. A. Marcoulides & R. E. Schumacker (Eds.), *Advanced structural equation modeling: Issues and techniques* (pp.195-226). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yussoff, Siti Hajar Mohamed Yusoff (2013). Kefungsian Keluarga, Pengherotan Kognitif Dan Resilien Dalam Kalangan Klien. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27.
- Zhu, W. (1997). Making bootstrap statistical inferences: A tutorial. *Res Q. Exec Sport*, 68, 44-55.

## Lampiran A

Contoh borang persetujuan termaklum



Sukacita dimaklumkan bahawa anda dijemput untuk turut serta dalam satu kajian yang bertajuk "Kualiti hubungan perkahwinan dan faktor-faktor yang mempengaruhinya". Kajian ini bertujuan untuk memahami beberapa aspek dalam kehidupan anda termasuklah dalam keluarga asal anda dan juga setelah anda berumah tangga. Kajian ini dijalankan sebagai sebahagian daripada usaha penyelidik untuk membantu pihak-pihak berkenaan memantapkan lagi institusi perkahwinan dan kekeluargaan di negara ini.

Untuk tujuan kajian di atas, anda dibekalkan dengan satu siri borang inventori yang mengandungi lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, dan E. Bahagian A memerlukan anda untuk mengisi maklumat latar belakang diri anda. Bahagian B pula dengan meneliti aspek-aspek berkaitan dalam keluarga asal anda sebelum anda berkahwin. Bahagian C adalah soalan-soalan berkaitan pendapat anda terhadap peranan lelaki dan wanita dalam kehidupan berumahtangga. Bahagian D mengukur tentang tahap pembezaan diri anda. Bahagian E mengandungi soalan-soalan yang berkaitan hubungan perkahwinan anda dengan pasangan. Kesemua bahagian perlu diisi dengan lengkap.

Anda diberi masa 40 hingga 60 minit untuk menjawab semua soalan. Kejujuran anda dalam memberi jawapan adalah sangat dihargai. Sila pastikan juga anda menjawab inventori ini sehingga siap pada satu-satu masa sahaja. Bagi menjamin aspek kerahsiaan, maklumat diri anda serta segala jawapan yang anda berikan adalah sulit. Memulangkan soal selidik yang telah diisi menandakan anda membenarkan maklumat yang diberikan digunakan untuk kajian ini. Penglibatan anda dalam kajian ini juga bermakna anda telah memberi sumbangan ke arah perkembangan negara.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau kemosyikilan berkenaan dengan kajian ini, anda boleh menghubungi saya di talian 012-7656681 atau di alamat email fae\_gurlz@yahoo.com.

Segala kerjasama dan penglibatan anda dalam kajian ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(NORFAEZAH BINTI MD KHALID)

## Lampiran B

### Borang kaji selidik

#### Bahagian A: Latarbelakang Diri

Sila tanda (✓) pada ruang yang berkenaan.

Umur: \_\_\_\_\_

Jantina:

Lelaki

Perempuan

Bangsa:

Melayu

Cina

India

Lain-lain

Sila nyatakan:

Lokasi tempat tinggal:

Bandar

Luar bandar

Tempoh usia perkahwinan:

0-3 tahun

3-5 tahun

5-10 tahun

10-20 tahun

20 tahun ke atas

Status pekerjaan:

Bekerja

Tidak bekerja

Pendapatan seisi keluarga:

Bilangan anak:

Tahap pendidikan tertinggi:

Tidak bersekolah

PMR atau setaraf

SPM atau setaraf

Diploma atau setaraf

Ijazah Sarjana Muda

Sarjana/ PhD

### **Bahagian B: Kefungsian Keluarga Asal.**

Bahagian ini memerlukan anda untuk menilai beberapa perkara dalam **KELUARGA ASAL ANDA (anda, ibu bapa dan adik beradik) TANPA MELIBATKAN PASANGAN ANDA**. Sila lengkapkan borang ini secara bebas, tidak berunding atau berbincang jawapan sehingga anda telah melengkapannya. Bulatkan nombor yang sepadan dalam ruang yang disediakan dalam kertas jawapan.

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Sangat Setuju</b>	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Tidak Pasti</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat Setuju</b>
1	Setiap ahli keluarga mengambil berat tentang kehidupan ahli keluarga yang lain.	1	2	3	4	5
2	Keluarga saya mencuba cara yang baru dalam menangani sesuatu masalah.	1	2	3	4	5
3	Lebih mudah bagi kami untuk berurusan dengan orang yang bukan ahli keluarga berbanding berurusan dengan ahli keluarga.	1	2	3	4	5
4	Kami menghabiskan terlalu banyak masa bersama.	1	2	3	4	5
5	Pelanggaran peraturan keluarga akan memberi akibat yang buruk.	1	2	3	4	5
6	Keluarga kami tidak pernah terurus.	1	2	3	4	5
7	Ahli keluarga merasai hubungan yang sangat rapat antara satu sama lain.	1	2	3	4	5
8	Ibu dan bapa berkongsi dalam memimpin keluarga saya.	1	2	3	4	5
9	Ahli keluarga kelihatan cuba mengelak di antara satu sama lain apabila berada di rumah.	1	2	3	4	5
10	Ahli keluarga merasa tertekan untuk menghabiskan lebih masa bersama-sama.	1	2	3	4	5
11	Terdapat akibat yang jelas apabila ahli keluarga melakukan sesuatu yang salah.	1	2	3	4	5
12	Sukar untuk mengetahui siapakah pemimpin dalam keluarga saya.	1	2	3	4	5
13	Ahli keluarga menyokong antara satu sama lain ketika waktu susah.	1	2	3	4	5
14	Perlaksanaan disiplin dijalankan secara adil dalam keluarga saya.	1	2	3	4	5
15	Ahli keluarga tidak begitu mengenali kawan-kawan ahli keluarga yang lain.	1	2	3	4	5
16	Ahli keluarga sangat bergantung diantara satu sama lain.	1	2	3	4	5
17	Keluarga saya mempunyai peraturan dalam hampir semua perkara.	1	2	3	4	5
18	Banyak perkara yang tidak dapat diselesaikan dalam keluarga kami.	1	2	3	4	5
19	Ahli keluarga merujuk kepada ahli keluarga yang lain dalam membuat keputusan yang penting.	1	2	3	4	5
20	Keluarga saya dapat menyesuaikan diri apabila diperlukan.	1	2	3	4	5
21	Ahli keluarga bersendirian apabila terdapat masalah yang perlu diselesaikan.	1	2	3	4	5

22	Ahli keluarga tidak begitu memerlukan kawan di luar hubungan keluarga.	1	2	3	4	5
23	Keluarga saya merupakan keluarga yang terurus.	1	2	3	4	5
24	Dalam keluarga kami, adalah tidak jelas tentang siapa yang bertanggungjawab untuk banyak perkara (kerja-kerja rutin, aktiviti-aktiviti).	1	2	3	4	5
25	Ahli keluarga suka untuk menghabiskan sebahagian masa lapang mereka bersama-sama.	1	2	3	4	5
26	Kami saling bertukar-tukar dalam menunaikan tanggungjawab di rumah.	1	2	3	4	5
27	Keluarga kami jarang melakukan perkara-perkara bersama.	1	2	3	4	5
28	Kami rasa sangat rapat antara satu sama lain.	1	2	3	4	5
29	Keluarga kami menjadi kecewa apabila berlaku perubahan di dalam perancangan dan rutin harian kami.	1	2	3	4	5
30	Tiada kepimpinan dalam keluarga kami.	1	2	3	4	5
31	Walaupun ahli keluarga mempunyai minat yang tersendiri mereka masih melibatkan diri dalam aktiviti kekeluargaan.	1	2	3	4	5
32	Terdapat peraturan dan peranan yang jelas dalam keluarga kami.	1	2	3	4	5
33	Ahli keluarga jarang bergantung antara satu sama lain.	1	2	3	4	5
34	Kami marah apabila ada ahli keluarga melakukan sesuatu perkara di luar lingkungan keluarga.	1	2	3	4	5
35	Adalah penting untuk mematuhi peraturan keluarga.	1	2	3	4	5
36	Keluarga kami mengalami kesukaran untuk mengawasi siapa yang perlu melakukan pelbagai tugas di rumah.	1	2	3	4	5
37	Terdapat keseimbangan yang baik dari segi jurang dan keintiman dalam keluarga.	1	2	3	4	5
38	Kami akan bertolak ansur apabila berlaku sesuatu masalah.	1	2	3	4	5
39	Ahli keluarga hidup berdikari dan tidak bergantung antara satu sama lain.	1	2	3	4	5
40	Ahli keluarga berasa bersalah apabila mereka perlu menghabiskan masa jauh dari keluarga.	1	2	3	4	5
41	Sukar untuk mengubah sesuatu keputusan yang telah dibuat.	1	2	3	4	5
42	Keluarga kami adalah keluarga yang sibuk dan tidak teratur.	1	2	3	4	5

### **Bahagian C: Sikap terhadap peranan lelaki dan wanita**

Di bawah ini adalah pernyataan-pernyataan mengenai lelaki dan wanita. Baca setiap pernyataan dan nyatakan sejauhmana anda setuju atau tidak setuju dengannya. Kami tidak berminat pada pandangan masyarakat sebaliknya bermintat dalam pandangan peribadi anda. Bagi setiap pernyataan, bulatkan jawapan yang memerihalkan pandangan anda. Jangan tinggalkan mana-mana pernyataan tanpa berjawab. Pastikan anda membulatkan hanya satu sahaja dari lima pilihan-pilihan tersebut bagi setiap pernyataan.

Bil.	Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
1	Kursus-kursus ekonomi rumahtangga seharusnya dapat diterima baik untuk pelajar lelaki seperti mana pelajar perempuan.	1	2	3	4	5
2	Wanita mempunyai kebolehan yang sama sebagaimana lelaki dalam membuat keputusan utama dalam perniagaan.	1	2	3	4	5
3	Kaunselor-kaunselor sekolah menengah harus menggalakkan wanita-wanita berkelayakan untuk memasuki bidang teknikal seperti kejuruteraan.	1	2	3	4	5
4	Mencuci pinggan mangkuk seharusnya menjadi tanggungjawab bersama antara para suami dan isteri.	1	2	3	4	5
5	Seseorang suami seharusnya memberikan tugas menjaga anak kecil kepada isterinya.	1	2	3	4	5
6	Urusan rumahtangga akan berjalan lebih lancar lagi sekiranya si bapa menetapkan peraturan-peraturan ke atas anak-anak berbanding ibu.	1	2	3	4	5
7	Merancang majlis hari jadi anak seharusnya menjadi tanggungjawab ibu dan bukannya bapa.	1	2	3	4	5
8	Apabila anak terbangun pada waktu malam, ibulah seharusnya melayani keperluan anak itu.	1	2	3	4	5
9	Lelaki dan perempuan harus diberi peluang yang sama rata dalam latihan profesional.	1	2	3	4	5
10	Adalah lebih teruk lagi jika wanita menjadi mabuk berbanding dengan lelaki.	1	2	3	4	5
11	Dalam merancang untuk mengadakan sesuatu majlis, wanita lebih arif lagi untuk menentukan siapa tetamu yang perlu dijemput.	1	2	3	4	5
12	Kemasukan wanita ke dalam pekerjaan yang tradisinya dipegang lelaki seharusnya tidak digalakkan.	1	2	3	4	5
13	Latihan kerja yang memerlukan pembentangan yang tinggi harus diberikan kebanyakannya kepada orang lelaki.	1	2	3	4	5
14	Suami seharusnya menjadi ketua keluarga.	1	2	3	4	5
15	Adalah salah bagi lelaki menceburkan diri dalam kerjaya yang tradisinya dipegang oleh wanita.	1	2	3	4	5
16	Membuat keputusan-keputusan utama berkaitan dengan kerjaya seharusnya diberikan kepada suami.	1	2	3	4	5
17	Wanita harus berhati-hati supaya tidak kelihatan lebih cerdik lagi dari teman lelakinya semasa mereka keluar bersama.	1	2	3	4	5
18	Berkemungkinan besar wanita akan bercerita atau bergosip mengenai orang-orang yang mereka kenali berbanding lelaki.	1	2	3	4	5
19	Suami seharusnya tidak masuk campur dalam hal urusan rumah tangga.	1	2	3	4	5
20	Adalah lebih sesuai lagi bagi seorang ibu daripada bapa untuk menukar lampin bayi mereka.	1	2	3	4	5
21	Apabila pasangan lelaki-perempuan keluar bersama, adalah paling baik sekali jika kehidupan sosial mereka diasaskan pada teman-teman si lelaki itu.	1	2	3	4	5
22	Wanita adalah sama berkebolehan seperti lelaki dalam	1	2	3	4	5

	menguruskan sesuatu perniagaan.					
23	Apabila pasangan suami isteri dijemput ke suatu majlis, si isteri dan bukan suami yang seharusnya menerima atau menolak jemputan itu.	1	2	3	4	5
24	Lelaki dan perempuan seharusnya diberi layanan sama rata apabila memohon pinjaman pelajaran.	1	2	3	4	5
25	Peluang yang sama rata bagi semua pekerjaan tanpa mengira jantina adalah satu idea unggul yang kita semua harus sokong.	1	2	3	4	5

#### **Bahagian D: Pembezaan kendiri**

Berikut adalah pernyataan-pernyataan tentang fikiran dan perasaan mengenai diri anda sendiri dan mengenai hubungan anda dengan orang lain. Sila baca setiap pernyataan dengan teliti dan pilih berapa benarnya pernyataan itu menggambarkan diri anda pada Skala 1 (tidak benar sama sekali) hingga Skala 6 (amat benar).

Sekiranya anda rasakan sesuatu pernyataan itu tidak sesuai dengan diri anda (seperti anda belum berkahwin lagi, tidak mempunyai komitmen dalam hubungan atau kematian salah seorang atau kedua ibu bapa), sila berikan jawapan kepada pernyataan tersebut mengikut yang paling tepat sekali dengan pemikiran dan perasaan anda seandainya anda berada dalam keadaan sedemikian. Pastikan setiap pernyataan dijawab dengan seberapa jujur dan tepat yang boleh.

Bil.	Pernyataan	Tidak benar sama sekali tentang saya			Amat benar tentang saya		
		1	2	3	4	5	6
1	Saya cenderung untuk bertengang walaupun dalam keadaan tertekan.	1	2	3	4	5	6
2	Biasanya saya memerlukan sokongan yang banyak daripada orang lain apabila memulakan kerja atau tugas yang berat.	1	2	3	4	5	6
3	Walau apapun yang berlaku dalam kehidupan saya, saya tahu saya tidak akan lupa diri.	1	2	3	4	5	6
4	Saya akan menjauhkan diri apabila orang lain mula menjadi terlalu rapat dengan saya.	1	2	3	4	5	6
5	Apabila suami, isteri atau pasangan mengkritik saya, saya menjadi risau berhari-hari.	1	2	3	4	5	6
6	Adakah perasaan menguasi diri saya dan saya sukar untuk berfikir dengan jelas.	1	2	3	4	5	6
7	Saya sering berasa tidak selesa apabila orang lain terlalu rapat dengan saya.	1	2	3	4	5	6
8	Saya merasakan adanya keperluan untuk diterima oleh semua orang dalam hidup saya.	1	2	3	4	5	6
9	Kadangkala saya merasakan emosi turun naik seperti sebuah 'roller coaster'.	1	2	3	4	5	6
10	Tiada gunanya menjadi risau terhadap perkara-perkara yang saya tidak boleh ubah.	1	2	3	4	5	6
11	Saya terlalu sensitif terhadap kritikan.	1	2	3	4	5	6
12	Saya menerima diri saya seadanya.	1	2	3	4	5	6
13	Saya selalu bersetuju dengan orang lain semata-mata untuk memuaskan hati mereka.	1	2	3	4	5	6
14	Sekiranya saya telah bertengkar dengan pasangan, saya cenderung untuk memikirkannya sepanjang hari.	1	2	3	4	5	6
15	Apabila salah satu hubungan saya dengan orang lain menjadi mendalam, saya rasa terdorong untuk melarikan diri dari situasi	1	2	3	4	5	6

	tersebut.			
16	Jika seseorang berasa susah hati kerana saya, tidak mudah bagi saya untuk melupakannya.	1 2 3	4 5 6	
17	Saya sering berasa tidak pasti apabila orang lain tidak membantu saya dalam membuat sesuatu keputusan.	1 2 3	4 5 6	
18	Saya sangat sensitif apabila saya disakiti oleh orang lain.	1 2 3	4 5 6	
19	Rasa penghormatan diri saya bergantung berat pada bagaimana pendapat orang lain terhadap diri saya.	1 2 3	4 5 6	
20	Saya cenderung untuk berasa agak stabil dalam keadaan tertekan.	1 2 3	4 5 6	

### **Bahagian E: Hubungan perkahwinan**

Sebahagian besar manusia tidak mempunyai persetujuan dalam hubungan mereka dengan orang lain. Sila tandakan di bawah ini sejauh mana anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan pasangan anda bagi setiap pernyataan.

Bil.	Pernyataan	Selalu tidak setuju	Hampir selalu tidak setuju	Selalu tidak setuju	Sekali sekala setuju	Hampir selalu setuju	Selalu setuju
1	Hal-hal keagamaan	0	1	2	3	4	5
2	Menunjukkan rasa kasih sayang dengan terbuka	0	1	2	3	4	5
3	Membuat keputusan utama	0	1	2	3	4	5
4	Hubungan seks	0	1	2	3	4	5
5	Tata kebiasaan (tingkah laku yang betul atau sesuai)	0	1	2	3	4	5
6	Keputusan berkaitan kerjaya	0	1	2	3	4	5

Bil.	Pernyataan	Setiap masa	Hampir setiap masa	Lebih kerap dari tiada	Kadang kala	Jarang	Tidak pernah
7	Berapa kerapkah anda berbincang atau telah menimbangkan untuk bercerai, berpisah atau menamatkan hubungan dengan pasangan anda?	0	1	2	3	4	5
8	Berapa kerapkah anda dan pasangan anda bertengkar?	0	1	2	3	4	5
9	Pernahkah anda rasa menyesal berkahwin (atau tinggal bersama)?	0	1	2	3	4	5
10	Seberapa kerapkah anda dan pasangan anda menaikkan perasaan marah terhadap satu sama lain?	0	1	2	3	4	5

Bil.	Pernyataan	Tidak pernah	Jarang sekali	Kadangkala	Hampir setiap hari	Setiap hari
11	Adakah anda dan pasangan anda melibatkan diri dalam kegemaran-kegemaran atau aktiviti luar bersama?	0	1	2	3	4

Berapa kerapkah yang anda boleh katakan perkara-perkara berikut berlaku di antara anda dan pasangan anda?

Bil.	Pernyataan	Tidak pernah	Kurang dari sekali dalam sebulan	Sekali atau dua kali sebulan	Satu atau dua kali seminggu	Sekali sehari	Lebih kerap
12	Mempunyai pertukaran pendapat yang memberangsangkan	0	1	2	3	4	5
13	Bekerja bersama dalam sesebuah projek	0	1	2	3	4	5
14	Berbincang mengenai sesuatu dengan tenang	0	1	2	3	4	5

**~Tamat~**  
**Terima kasih atas kerjasama yang diberikan ~**

**Lampiran C**  
Surat kebenaran menjalankan kajian

 **JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH  
(MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT)**  
Tingkat 28 & 29, Menara TH Perdana  
Jalan Sultan Ismail  
50250 KUALA LUMPUR 

Tel. : 03-26988080  
Faks : 03-26988562

JKMWP.100-21(01 )

13 Mei 2013

Puan Norfaezah binti Md Khalid  
Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur

Puan,

**PERMOHONAN MENJALANKAN KAJI SELIDIK BAGI TUJUAN  
PENYELIDIKAN PEMBELAJARAN PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH DI  
KEMAS WILAYAH**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Wilayah Persekutuan tiada halangan bagi meluluskan permohonan puan untuk mendapatkan sampel kajian bagi tujuan melengkapkan penyelidikan pembelajaran di peringkat Doktor Falsafah dalam jurusan Pendidikan dan Kaunseling.


3. Sehubungan itu, sebarang pertanyaan bagi penyelidikan tersebut puan boleh berhubung terus dengan Puan Sarimah bt Ahmad di talian 03-26988080 atau Puan Asmah bt Mohd Yusof di talian 03-26988080.

Kerjasama puan adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
'Komuniti Berdaya Desa Berjaya'**

Saya yang menurut perintah,

  
**( SARIMAH BT. AHMAD )**  
b.p. Pengarah  
Jabatan Kemajuan Masyarakat  
Wilayah Persekutuan



JABATAN KE MAJUAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH  
(MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT)

Pejabat KEMAS Negeri Selangor,  
Lot 03-42, Tingkat 3, Kompleks PKNS,  
Persiaran Tasik, 40505 Shah Alam,  
Negeri Selangor

Tel.: 03-5519 3044  
03-5519 3145  
03-5519 3175  
Fax: 03-5519 9533/03-5519 6427

Surat Tuhan:  
Sil (56). Dlm. KEMAS  
Sel. 30/07 (A) jild 2  
Surat Kami:  
25 April 2013  
Tarikh:

Norfaezah Binti Md Khalid  
Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling,  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur

Puan/Cik,

**PERMOHONAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN DI CAWANGAN-CAWANGAN  
KEMAS DAERAH DI BAWAH JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Selangor tiada halangan bagi meluluskan permohonan puan/cik untuk mendapatkan sampel Kajian mengenai pemantapan institusi kekeluargaan dan perkahwinan di Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, sebarang pertanyaan bagi penyelidikan tersebut puan/cik bolehlah berhubung terus dengan Tuan Haji Anuar Bin Mat Zain di talian 03-65913044 atau Che Khuzaimah di talian 03-89251959.

Kerjasama puan/cik berihulung perkara di atas amallah diharapkan dan didakului dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Komuniti Berdaya, Desa Perjaya"**

Saya yang menurut pengetahuan,

(TUAH HJ ANUAR BIN MAT ZAIN)


bp Pengaroh  
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)  
Negeri Selangor

sk-Cik Khuzaimah  
Pegawai KEMAS Hulu Langat

"KEMAS SELANGOR MENCipta KEJAYAAN"

## Lampiran D

Contoh skoring alat ujian FACES IV (Melalui Perisian Excel)



The screenshot shows a Microsoft Excel spreadsheet titled "faces iv scoring". The table has 35 rows and 23 columns. The columns are labeled as follows:

- Row 1: CC, CD, CE, CF, CG, CH, CI, CJ, CK, CL, CM, CN, CO, CP, CQ, CR, CS, CT, CL
- Row 2: Rigid Raw Score, Chaotic Raw Score, Balance d Cohesio n % Score, Balanced Cohesion Level, B. Balance d Flexibility, Balanced Flexibility Level, C. Disengag ed % Score, Disengaged Level, D. Enmeshed % Score, Enmeshed Level, E. Rigid % Scor e, Rigid Level, F. Chaotic % Score, Chaotic Level, Cohesion Ratio, Flexibility Ratio, Total Ratio, Cohesion Dimension Score, Cohesion Dimension Plot Level
- Rows 3-35: Data entries corresponding to the headers, including scores from 8 to 84 and levels like Very Connected, Very Flexible, etc.

The data includes various scores and levels across different dimensions, such as Cohesion, Flexibility, and Total Ratio. The last two columns show Cohesion Dimension Score and Cohesion Dimension Plot Level.

## **Lampiran E**

### **Output analisis**

#### **Output bagi model penuh pengukuran**

##### **Notes for Model (Default model)**

###### **Computation of degrees of freedom (Default model)**

Number of distinct sample moments:	105
Number of distinct parameters to be estimated:	34
Degrees of freedom (105 - 34):	71

###### **Result (Default model)**

Minimum was achieved  
Chi-square = 458.056  
Degrees of freedom = 71  
Probability level = .000

### Assessment of normality

Variable	min	max	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
SubPembezaan1	12.000	36.000	-.372	-3.324	.425	1.897
SubPembezaan2	4.000	18.000	.185	1.651	.534	2.382
SubPembezaan3	7.000	30.000	.597	5.328	1.276	5.693
SubPembezaan4	6.000	30.000	-.141	-1.254	.452	2.017
SubSikap1	6.000	25.000	-.196	-1.753	-1.111	-4.957
SubSikap2	5.000	25.000	-.747	-6.664	-.595	-2.656
SubSikap3	6.000	23.000	-.547	-4.881	-.277	-1.237
SubSikap4	8.000	25.000	-.714	-6.371	-.611	-2.725
SubSikap5	7.000	25.000	-.239	-2.134	-.898	-4.008
Ratiofleksibiliti	.500	2.920	.008	.070	.200	.891
Ratiokohesi	.350	3.230	-.257	-2.290	.269	1.198
SubKualiti3	1.000	19.000	.304	2.710	-.638	-2.849
SubKualiti2	8.000	20.000	-.878	-7.841	.698	3.115
SubKualiti1	11.000	30.000	-.965	-8.612	.173	.773
Multivariate					18.685	9.650

Observations farthest from the centroid (Mahalanobis distance)

Observation number	Mahalanobis d-squared	p1	p2
426	40.705	.000	.090
108	40.470	.000	.005
358	38.496	.000	.001
109	37.827	.001	.000
311	37.805	.001	.000
343	37.525	.001	.000
388	37.525	.001	.000
219	32.851	.003	.000
258	32.851	.003	.000
149	32.727	.003	.000
165	32.198	.004	.000
312	31.559	.005	.000
246	31.136	.005	.000
285	31.136	.005	.000
374	30.782	.006	.000
413	30.782	.006	.000
151	30.326	.007	.000
38	30.199	.007	.000
90	30.199	.007	.000
315	28.217	.013	.000
218	28.149	.014	.000
257	28.149	.014	.000
313	27.972	.014	.000
244	27.955	.014	.000

Observation number	Mahalanobis d-squared	p1	p2
283	27.955	.014	.000
29	27.954	.014	.000
81	27.954	.014	.000
254	27.106	.019	.000
110	26.767	.021	.000
297	26.023	.026	.000
43	25.978	.026	.000
95	25.978	.026	.000
316	25.951	.026	.000
371	25.877	.027	.000
410	25.877	.027	.000
106	25.811	.027	.000
14	24.994	.035	.000
364	24.735	.037	.000
107	24.196	.043	.000
449	24.172	.044	.000
111	24.120	.044	.000
134	23.840	.048	.000
104	23.788	.049	.000
372	23.786	.049	.000
411	23.786	.049	.000
382	23.635	.051	.000
329	23.512	.052	.000
416	23.118	.058	.000
296	22.911	.062	.000
233	22.803	.064	.000
272	22.803	.064	.000
211	22.749	.064	.000
250	22.749	.064	.000
215	22.644	.066	.000
47	22.146	.076	.001
99	22.146	.076	.001
314	21.973	.079	.001
138	21.725	.084	.004
354	21.557	.088	.006
396	21.557	.088	.004
39	21.320	.094	.009
91	21.320	.094	.006
373	21.276	.095	.005
412	21.276	.095	.003
214	21.053	.100	.008
253	21.053	.100	.005
362	20.859	.105	.010
403	20.859	.105	.007
240	20.836	.106	.005
279	20.836	.106	.004

Observation number	Mahalanobis d-squared	p1	p2
1	20.820	.106	.003
51	20.820	.106	.002
13	20.564	.113	.005
65	20.564	.113	.004
161	20.240	.123	.016
162	20.041	.129	.031
22	20.040	.129	.024
74	20.040	.129	.017
425	20.033	.129	.013
220	19.787	.137	.034
259	19.787	.137	.025
459	19.664	.141	.035
431	19.548	.145	.046
118	19.426	.149	.062
48	19.426	.149	.048
100	19.426	.149	.037
221	19.228	.156	.072
260	19.228	.156	.057
137	19.008	.165	.115
368	18.937	.167	.123
239	18.793	.173	.172
278	18.793	.173	.144
417	18.751	.175	.140
463	18.604	.181	.197
212	18.596	.181	.171
59	18.522	.184	.186
421	18.395	.189	.241
340	18.325	.192	.258
385	18.325	.192	.223
349	18.248	.196	.245

## **Output bagi model struktural**

### **Notes for Model (Default model)**

Computation of degrees of freedom (Default model)  
Number of distinct sample moments: 105  
Number of distinct parameters to be estimated: 34  
Degrees of freedom (105 - 34): 71

### **Result (Default model)**

Minimum was achieved  
Chi-square = 458.056  
Degrees of freedom = 71  
Probability level = .000

**Assessment of normality (Group number 1)**

Variable	min	max	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
SubPembezaan1	12.000	36.000	-.372	-3.324	.425	1.897
SubPembezaan2	4.000	18.000	.185	1.651	.534	2.382
SubPembezaan3	7.000	30.000	.597	5.328	1.276	5.693
SubPembezaan4	6.000	30.000	-.141	-1.254	.452	2.017
SubSikap1	6.000	25.000	-.196	-1.753	-1.111	-4.957
SubSikap2	5.000	25.000	-.747	-6.664	-.595	-2.656
SubSikap3	6.000	23.000	-.547	-4.881	-.277	-1.237
SubSikap4	8.000	25.000	-.714	-6.371	-.611	-2.725
SubSikap5	7.000	25.000	-.239	-2.134	-.898	-4.008
Ratiofleksibiliti	.500	2.920	.008	.070	.200	.891
Ratiokohesi	.350	3.230	-.257	-2.290	.269	1.198
SubKualiti3	1.000	19.000	.304	2.710	-.638	-2.849
SubKualiti2	8.000	20.000	-.878	-7.841	.698	3.115
SubKualiti1	11.000	30.000	-.965	-8.612	.173	.773
Multivariate					18.685	9.650

**Observations farthest from the centroid (Mahalanobis distance) (Group number 1)**

Observation number	Mahalanobis d-squared	p1	p2
426	40.705	.000	.090
108	40.470	.000	.005
358	38.496	.000	.001
109	37.827	.001	.000
311	37.805	.001	.000
343	37.525	.001	.000
388	37.525	.001	.000
219	32.851	.003	.000
258	32.851	.003	.000
149	32.727	.003	.000
165	32.198	.004	.000
312	31.559	.005	.000
246	31.136	.005	.000
285	31.136	.005	.000
374	30.782	.006	.000
413	30.782	.006	.000
151	30.326	.007	.000
38	30.199	.007	.000
90	30.199	.007	.000
315	28.217	.013	.000
218	28.149	.014	.000
257	28.149	.014	.000
313	27.972	.014	.000

Observation number	Mahalanobis d-squared	p1	p2
244	27.955	.014	.000
283	27.955	.014	.000
29	27.954	.014	.000
81	27.954	.014	.000
254	27.106	.019	.000
110	26.767	.021	.000
297	26.023	.026	.000
43	25.978	.026	.000
95	25.978	.026	.000
316	25.951	.026	.000
371	25.877	.027	.000
410	25.877	.027	.000
106	25.811	.027	.000
14	24.994	.035	.000
364	24.735	.037	.000
107	24.196	.043	.000
449	24.172	.044	.000
111	24.120	.044	.000
134	23.840	.048	.000
104	23.788	.049	.000
372	23.786	.049	.000
411	23.786	.049	.000
382	23.635	.051	.000
329	23.512	.052	.000
416	23.118	.058	.000
296	22.911	.062	.000
233	22.803	.064	.000
272	22.803	.064	.000
211	22.749	.064	.000
250	22.749	.064	.000
215	22.644	.066	.000
47	22.146	.076	.001
99	22.146	.076	.001
314	21.973	.079	.001
138	21.725	.084	.004
354	21.557	.088	.006
396	21.557	.088	.004
39	21.320	.094	.009
91	21.320	.094	.006
373	21.276	.095	.005
412	21.276	.095	.003
214	21.053	.100	.008
253	21.053	.100	.005
362	20.859	.105	.010
403	20.859	.105	.007
240	20.836	.106	.005

Observation number	Mahalanobis d-squared	p1	p2
279	20.836	.106	.004
1	20.820	.106	.003
51	20.820	.106	.002
13	20.564	.113	.005
65	20.564	.113	.004
161	20.240	.123	.016
162	20.041	.129	.031
22	20.040	.129	.024
74	20.040	.129	.017
425	20.033	.129	.013
220	19.787	.137	.034
259	19.787	.137	.025
459	19.664	.141	.035
431	19.548	.145	.046
118	19.426	.149	.062
48	19.426	.149	.048
100	19.426	.149	.037
221	19.228	.156	.072
260	19.228	.156	.057
137	19.008	.165	.115
368	18.937	.167	.123
239	18.793	.173	.172
278	18.793	.173	.144
417	18.751	.175	.140
463	18.604	.181	.197
212	18.596	.181	.171
59	18.522	.184	.186
421	18.395	.189	.241
340	18.325	.192	.258
385	18.325	.192	.223
349	18.248	.196	.245

**Standardized Total Effects (Group number 1 - Default model)**

**Standardized Total Effects - Lower Bounds (PC) (Group number 1 - Default model)**

	Peranan gender	Kefungsian Keluarga Asal	Pembezaan Ken diri	Kualiti Perkahwinan
Pembezaan Kendiri	-.221	.279	.000	.000
Kualiti Perkahwinan	.092	.459	-.171	.000
SubPembezaan1	-.050	.025	.070	.000
SubPembezaan2	-.127	.147	.480	.000
SubPembezaan3	-.189	.252	.798	.000
SubPembezaan4	-.163	.195	.652	.000

	Peranan gender	Kefungsian Keluarga Asal	Pembezaan Ken diri	Kualiti Perkahwinan
SubSikap1	.725	.000	.000	.000
SubSikap2	.965	.000	.000	.000
SubSikap3	.579	.000	.000	.000
SubSikap4	.925	.000	.000	.000
SubSikap5	.703	.000	.000	.000
Ratiofleksibiliti	.000	.757	.000	.000
Ratiokohesi	.000	.827	.000	.000
SubKualiti3	.048	.235	-.091	.472
SubKualiti2	.063	.293	-.118	.607
SubKualiti1	.081	.393	-.150	.815

**Standardized Total Effects - Upper Bounds (PC) (Group number 1 - Default model)**

	Peranan gender	Kefungsian Keluarga Asal	Pembezaan Ken diri	Kualiti Perkahwinan
Pembezaan Kendiri	.022	.562	.000	.000
Kualiti Perkahwinan	.275	.671	.054	.000
SubPembezaan1	.003	.166	.313	.000
SubPembezaan2	.013	.353	.672	.000
SubPembezaan3	.019	.464	.955	.000
SubPembezaan4	.016	.409	.795	.000
SubSikap1	.819	.000	.000	.000
SubSikap2				


Kualiti_Perkahwinan	.004	.004	.313	...
SubPembezaan1	.093	.005	.006	...
SubPembezaan2	.089	.004	.004	...
SubPembezaan3	.089	.004	.004	...
SubPembezaan4	.089	.004	.004	...
SubSikap1	.004	...	...	...
SubSikap2	.004	...	...	...
SubSikap3	.004	...	...	...
SubSikap4	.004	...	...	...
SubSikap5	.004	...	...	...
Ratiofleksibiliti	...	.004	...	...
Ratiokohesi	...	.004	...	...
SubKualiti3	.004	.004	.313	.004
SubKualiti2	.004	.004	.313	.004
SubKualiti1	.004	.004	.313	.004

**Standardized Direct Effects (Group number 1 - Default model)**

**Standardized Direct Effects - Lower Bounds (PC) (Group number 1 - Default model)**

	Peranan gender	Kefungsian Keluarga Asal	Pembezaan Kendiri	Kualiti Perkahwinan
PembezaanKendiri	-.221	.279	.000	.000
KualitiPerkahwinan	.083	.475	-.171	.000
SubPembezaan1	.000	.000	.070	.000
SubPembezaan2	.000	.000	.480	.000
SubPembezaan3	.000	.000	.798	.000
SubPembezaan4	.000	.000	.652	.000
SubSikap1	.725	.000	.000	.000
SubSikap2	.965	.000	.000	.000
SubSikap3	.579	.000	.000	.000
SubSikap4	.925	.000	.000	.000
SubSikap5	.703	.000	.000	.000
Ratiofleksibiliti	.000	.757	.000	.000
Ratiokohesi	.000	.827	.000	.000
SubKualiti3	.000	.000	.000	.472
SubKualiti2	.000	.000	.000	.607
SubKualiti1	.000	.000	.000	.815

**Standardized Direct Effects - Upper Bounds (PC) (Group number 1 - Default model)**

	Peranan gender	Kefungsian Keluarga Asal	Pembezaan Kendiri	Kualiti Perkahwinan
PembezaanKendiri	.022	.562	.000	.000
KualitiPerkahwinan	.271	.705	.054	.000
SubPembezaan1	.000	.000	.313	.000
SubPembezaan2	.000	.000	.672	.000
SubPembezaan3	.000	.000	.955	.000
SubPembezaan4	.000	.000	.795	.000
SubSikap1	.819	.000	.000	.000
SubSikap2	.986	.000	.000	.000
SubSikap3	.703	.000	.000	.000
SubSikap4	.956	.000	.000	.000
SubSikap5	.779	.000	.000	.000
Ratiofleksibiliti	.000	.856	.000	.000

	Peranan gender	Kefungsian Keluarga Asal	Pembezaan Kendiri	Kualiti Perkahwinan
Ratiokohesi	.000	.921	.000	.000
SubKualiti3	.000	.000	.000	.588
SubKualiti2	.000	.000	.000	.751
SubKualiti1	.000	.000	.000	.932

**Standardized Direct Effects - Two Tailed Significance (PC) (Group number 1 -**

**Default model)**

	Peranan gender	KefungsianKeluarga Asal	PembezaanKen diri	KualitiPerkahwi nan
PembezaanKendiri	.089	.004	...	...
Kualiti Perkahwinan	.004	.004	.313	...
SubPembezaan1	...	...	.006	...
SubPembezaan2	...	...	.004	...
SubPembezaan3	...	...	.004	...
SubPembezaan4	...	...	.004	...
SubSikap1	.004	...	...	...
SubSikap2	.004	...	...	...
SubSikap3	.004	...	...	...
SubSikap4	.004	...	...	...
SubSikap5	.004	...	...	...
Ratiofleksibiliti	...	.004	...	...
Ratiokohesi	...	.004	...	...
SubKualiti3	...	...	...	.004
SubKualiti2	...	...	...	.004
SubKualiti1	...	...	...	.004

**Standardized Indirect Effects (Group number 1 - Default model)**

**Standardized Indirect Effects - Lower Bounds (PC) (Group number 1 - Default model)**

	Peranan gender	Kefungsian Keluarga Asal	Pembezaan Kendiri	Kualiti Perkahwinan
PembezaanKendiri	.000	.000	.000	.000
KualitiPerkahwinan	-.008	-.084	.000	.000
SubPembezaan1	-.050	.025	.000	.000
SubPembezaan2	-.127	.147	.000	.000
SubPembezaan3	-.189	.252	.000	.000
SubPembezaan4	-.163	.195	.000	.000
SubSikap1	.000	.000	.000	.000
SubSikap2	.000	.000	.000	.000
SubSikap3	.000	.000	.000	.000
SubSikap4	.000	.000	.000	.000
SubSikap5	.000	.000	.000	.000
Ratiofleksibiliti	.000	.000	.000	.000
Ratiokohesi	.000	.000	.000	.000
SubKualiti3	.048	.235	-.091	.000
SubKualiti2	.063	.293	-.118	.000
SubKualiti1	.081	.393	-.150	.000

**Standardized Indirect Effects - Upper Bounds (PC) (Group number 1 - Default model)**

	Peranan gender	Kefungsian Keluarga Asal	Pembezaan Kendiri	Kualiti Perkahwinan
PembezaanKendiri	.000	.000	.000	.000
KualitiPerkahwinan	.025	.020	.000	.000
SubPembezaan1	.003	.166	.000	.000
SubPembezaan2	.013	.353	.000	.000
SubPembezaan3	.019	.464	.000	.000
SubPembezaan4	.016	.409	.000	.000
SubSikap1	.000	.000	.000	.000
SubSikap2	.000	.000	.000	.000
SubSikap3	.000	.000	.000	.000
SubSikap4	.000	.000	.000	.000
SubSikap5	.000	.000	.000	.000
Ratiofleksibiliti	.000	.000	.000	.000

	Peranan gender	Kefungsian Keluarga Asal	Pembezaan Kendiri	Kualiti Perkahwinan
Ratiokohesi	.000	.000	.000	.000
SubKualiti3	.152	.377	.030	.000
SubKualiti2	.191	.481	.038	.000
SubKualiti1	.246	.584	.046	.000

**Standardized Indirect Effects - Two Tailed Significance (PC) (Group number 1 -**

**Default model)**

	Peranan gender	Kefungsian Keluarga Asal	Pembezaan Kendiri	Kualiti Perkahwinan
PembezaanKendiri	...	...	...	...
KualitiPerkahwinan	.401	.313	...	...
SubPembezaan1	.093	.005	...	...
SubPembezaan2	.089	.004	...	...
SubPembezaan3	.089	.004	...	...
SubPembezaan4	.089	.004	...	...
SubSikap1	...	...	...	...
SubSikap2	...	...	...	...
SubSikap3	...	...	...	...
SubSikap4	...	...	...	...
SubSikap5	...	...	...	...
Ratiofleksibiliti	...	...	...	...
Ratiokohesi	...	...	...	...
SubKualiti3	.004	.004	.313	...
SubKualiti2	.004	.004	.313	...
SubKualiti1	.004	.004	.313	...